# SUHAKAM PUBLIC INQUIRY OF
# PASTOR JOSHUA HILMY
# RUTH SITEPU

**DATE : 10.09.2020**
**TIME : 10:12AM**

## NOTES OF INQUIRY

**Coram**

| | | |
|---|---|---|
| Chairman<br>Panel Member 1<br>Panel Member 2 | Dato' Seri Hishamuddin Yunus<br>Dr Madeline Berma<br>Jerald Joseph | **CHM**<br>**PM1**<br>**PM2** |
| PDRM Observer | SAC Ahmad Dzaffir Bin Mohd Youssof<br>ASP Muhammad Sabri bin Mohd Raziff | **ADY**<br>**MSR** |
| Family Observer | Philip Koh<br>Cyrus Tui Foo Woei | **PK**<br>**TFW** |
| Bar Council Observer | Andrew Khoo | **AK** |
| SUHAKAM Panel | Simon a/l Karunagaram<br>Muhammad Faiz Bin Abd Rahman<br>Puveethra Raja Segaran<br>Aida Suraya Haron | **SK**<br>**MFR**<br>**PRS**<br>**ASH** |
| Indonesian Embassy | Tuan Junjungan Sigalingging<br>Tuan Henry Dian Dwiharto | **SJ**<br>**HDD** |

**Witness**

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Peter Pormannan a/l Annamalai | **PETER** |
| 2 | | **GRACE** |

| | | |
|---|---|---|
| | Grace Thangamalar a/p Peter Pormannan | |
| 3 | Josiahnandan Emmanuel a/l Peter | **JOSIAH** |
| 4 | Ramanathan a/l Manickavasagan | **RAMA** |
| 5 | Selvakumar Peace John Harris | **SELVA** |
| 6 | [redacted] | |
| 7 | | |
| 8 | Goh Lay Hua | **GOH** |
| 9 | Juraima Joy Luade | **JURAIMA** |
| 10 | Susandi Bin Basari | **SUSANDI** |
| 11 | ASP Shafiee Bin Marsidi | **SHAFIEE** |
| 12 | Insp Nurul Huda Bin Bustami | **NURUL** |
| 13 | ASP Hairol Azhar | **HAIROL** |

**START**

**CHM** Good morning, welcome very one to the continue of our public inquiry. En Simon you today?

**SK** Yes. Hello, good morning Dato' Seri, fellow members. Today we have with witness No.13 ASP Hairol Azhar from PDRM.

**CHM** Sebentar ya, I forgot. For SAC Dzaffir, we need your help again.

**ADY** Yes.

**CHM** We intend to get in touch with DSP Omar remember? IPD PJ is it?

**SK** DSP Omar, Ketua Bahagian Pengurusan Daerah PJ.

**CHM** DSP Omar, whose name was mention by one of the witnesses ok. By ASP –

**SK** Shafiee.

**CHM** Shafiee. Yes he has apparently has retired.

**ADY** Yes he's retired Yang Arif.

**CHM** So we will be very great full if you can, PDRM could assist us with his contact numbers so we can contact him to need the –

**ADY** Ok we try to allocate DSP Omar and we pass it to SUHAKAM. We will.

**CHM** Thank you En Dzaffir, thank you.

**ADY** Thank you Yang Arif.

**[10:15AM]**

**CHM** Before that En Dzaffir, any development on kind to trace yang ini, dua-dua orang itu? Fazlina Binti Amran and Iqbal Mirza, any? –

**ADY** Ya untuk apa makluman Yang Arif, this two names we have already instructed the IO, Inspector Zul who the current IO for this case to do a check as well as look up with the relevant agencies to locate who are this two particular person because the details that he given to us only by names, so maybe it will take a little bit long, longer time as usual but we have directed them to take the necessary action. Thank you Yang Arif.

**CHM** Thank you.

**PRS** A very good morning to honourable panel members, selamat pagi Tuan. Saya Puveethra pegawai dari SUHAKAM.

**HAIROL** Baik.

**PRS** Saya akan bertanya soalan berkaitan dengan siasatan kehilangan dua individu iaitu Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu. Sebelum memulakan sesi pada hari ini, saya mahu Tuan untuk berdiri dan membaca ikrar dengan mengangkat tangan kanan.

**HAIROL** Terima kasih. Bahawasanya saya ASP Hairol Azhar Bin Abdul Aziz dengan sesungguhnya dan suci hati mengaku dan berikrar bahawa segala keterangan yang akan saya berikan dalam siasatan terbuka ini adalah benar, tiadalah apa-apa yang tidak benar melainkan benar belaka, terima kasih.

**CHM** ASP?

**HAIROL** Hairol Azhar Bin Abdul Aziz.

**CHM** Hairol Azhar ya?

**HAIROL** H-A-I-R-O-L, Hairol.

**CHM** Semasa memberi keterangan kalau En Hairol En Azhar berasa lebih selesa nak buang mask bolehlah, terpulanglah ya. Nak pakai pun boleh. Jadi kalau nak buang nanti kalau apa-apa jadi kita tak ambil bertanggungjawab ya.

**HAIROL** Saya rasa saya pakai sebab ada ini sikit, flu sikit.

**CHM** Ok.

**PRS** Terima kasih Tuan, sila menjawab menghadap barisan panel.

**CHM** Witness number?

**HAIROL** 13.

**CHM** Witness No.13 ok.

**PRS** Boleh Tuan beritahu kepada panel nama penuh dan nombor kad pengenalan?

**HAIROL** Nama saya Hairol Azhar Bin Abdul Aziz, kad pengenalan [redacted]

**PRS** Nombor anggota?

**HAIROL** Nombor anggota G14760.

**PRS** Berapakah umur Tuan ketika ini?

**HAIROL** Umur saya sekarang 44 tahun, lebih kuranglah, tahun depan 45.

**PRS** Boleh Tuan nyatakan tarikh mula berkhidmat di dalam PDRM?

**HAIROL** Saya berkhidmat dalam PDRM pada 01.11.1998.

**PRS** Sila nyatakan jawatan dan tempat bertugas terkini.

**HAIROL** Jawatan saya terkini adalah Inspektor Ketenteraman Awam di Ibu Pejabat Polis Daerah Kemaman, Terengganu.

**PRS** Sudah berapa lama Tuan bertugas di tempat terkini ya? Nyatakan jangka masa.

**HAIROL** Lebih kurang satu tahun lebih.

**PRS** Maksudnya dari 2019?

**HAIROL** Dari hujung 2018 sehingga sekarang.

**PRS** Bulan?

**HAIROL** Pada bulan November 2018 sehingga sekarang.

**PRS** Boleh Tuan maklumkan jawatan dan tempat bertugas sebelum ini?

**HAIROL** Jawatan saya sebelum bertukar ialah Ketua Polis Balai Sungai Way, Petaling Jaya.

**PRS** Jangka masa?

**HAIROL** Jangka masa saya ditukarkan pada tak silap saya pertengahan bulan Januari 2018 sehingga saya bertukar pada awal bulan November 2018. Lebih kurang 10 bulan.

**PRS** Baik Tuan, boleh Tuan terangkan peranan dan skop tugas Tuan sebagai Ketua Balai Polis Sungai Way?

**HAIROL** Ok antara Ketua Polis Kuala Sungai Way ini ok, menjaga tanggungjawab di dalam kawasannya antara apa kata, memantau laporan-laporan polis yang dibuat. Selain daripada itu mengklasifikasikan apa ini, laporan polis dan juga lain-lain tugasan berkaitan dengan ketenteraman awam. Ok terima kasih.

**PRS** Baik Tuan, adakah Tuan tahu mengenai kes kehilangan yang melibatkan Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu?

**HAIROL** Setahu saya memang tidak tahu. Memang saya tidak tahu.

**CHM** Ok sebentar, sebentar.

**HAIROL** Memang tidak.

**CHM** Tuan berada di sana 11 bulan kan?

**HAIROL** Betul. Saya di sana pada Januari.

**CHM** Ya.

**HAIROL** 2018.

**CHM** Tapi tak tahu pasal kes ini?

**HAIROL** Saya memang tidak tahu pasal kes ini. Ya.

**CHM** Tak pernah dikemukakan IP yang –

**HAIROL** Tidak sehinggalah –

**CHM** Sarjan ke?

**HAIROL** Tidak, tidak.

**CHM** Dipanggil ke IPD PJ untuk mesyuarat ke?

**HAIROL** Setakat itu saya memang tidak ada dalam pengetahuan saya.

**PRS** Ok panel members please refer to Exhibit 1 and also Exhibit 8 together.

**CHM** There is no screen yang dekat sini?

**PM2** No the screen is in front now.

**CHM** Much better. Ok lebih canggih, ok baik. Thank you, alright,.

**PRS** The Exhibit 1 is dated on 06.03.2017 by Peter Pormanan A/L Anamalai. We refer to Exhibit 8 now. Ok this was dates on 28.02.2018 by Ram Ram Elisabeth.

**HAIROL** Laporan polis bernombor 2209 pada 2018?

**PRS** Ya betul.

**HAIROL** Ok. Memandangkan saya sebagai penyambung siasatan, saya boleh camlah ini laporan yang dibuat pada awalnya untuk pengetahuan. Itu pengecaman.

**PRS** Mengecam ya Tuan. So Tuan kenal orang membuat, pengadu tersebut?

**HAIROL** Tak kenal.

**PRS** Adakah Tuan berada pada ketika ataupun mendapat tahu tentang pengaduan ini?

**HAIROL** Saya tidak tahu. Itu daripada awal tadi saya memang tidak tahu kejadian ini sehinggalah saya sambung siasatan.

**PRS** Maksudnya adalah Tuan merupakan Pegawai Penyiasat untuk kes ini?

**HAIROL** Sebenarnya penyambung Pegawai Penyiasat, sambung.

**PRS** Ok.

**HAIROL** Bukan orang yang pertamalah.

**PRS** Penyambung daripada siapa ya Tuan?

**HAIROL** Daripada Sarjan Sibee untuk makluman.

**PRS** Tuan bila, siapa yang memberi arahan kepada Tuan untuk menyiasat kes ini?

**HAIROL** Ok seingat saya pada 05.10.2018 saya dipanggil oleh Ketua Bahagian Jenayah Siasatan Daerah Petaling Jaya.

**CHM** Bila itu?

**HAIROL** Pada 05.10.2018.

**CHM** 5hb Oktober ya?

**HAIROL** Ya.

**CHM** Dah nak dekat nak bertukar ya?

**HAIROL** Dekat nak bertukar dah.

**CHM** Ok.

**HAIROL** Lebih kurang dalam 18 hari itu.

**CHM** Ok lepas itu dipanggil?

**HAIROL** Jadi saya dipanggil dan beri arahan untuk sambung siasatan dengan arahan-arahan terkini, saya sempat lebih kurang antara 5hb Oktober sehingga 22hb Oktober untuk menjalankan siasatan.

**CHM** Dipanggil oleh?

**HAIROL** Oleh Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah.

**CHM** Siapa dia itu boleh –

**HAIROL** Saya tak ingat nama. Siapa, DSP apa saya tak ingat Tuan.

**CHM** Omar?

**HAIROL** Bukan, saya tak ingat Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah DSP apa saya tak ingat Tuan, nama saya tak ingat nama.

**PRS** Baik Tuan, pada ketika itu adakah Tuan pernah merujuk kepada Pegawai Penyiasat sebelum ini pada ketika 18 hari sebelum Tuan bertukar?

**HAIROL** Saya setelah mendapat arahan tersebut, saya menjalankan siasatan saya saja. Jadi tidak ingat rujuk atau DI atau tidak, saya tidak ingat.

**PRS** Ok apakah tindakan utama Tuan apabila dapat kes ini?

**HAIROL** Arahan yang diberikan pada saya dengan tindakan saya untuk mengesan alamat terkini OH, orang hilang dan juga alamat terkini, alamat semasa, kedudukan di mana rumah apa ini OH, di mana sedalam masa tempoh 5hb Oktober hingga 22hb Oktober beberapa tindakan sayalah mengesan melalui pendaftaran negara, Jabatan Pendaftaran Negara dengan beberapa syarikat telco, telekomunikasi dan juga ke tempat kejadianlah bersama dengan mengambil saksi-saksi yang berkaitan iaitu berkaitan rumah OH lah, itu setakat itu saja saya ingat saya punya tindakan dalam masa tempoh tersebut.

**PRS** Baik Tuan. Apakah alamat terkini tersebut?

**HAIROL** Alamat terkini saya tak ingatlah.

**CHM** Sebentar, sebentar, alamat terkini siapa?

**PRS** Alamat terkini yang Tuan dapat tahu daripada siasatan Tuan yang Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu.

**CHM** Ok, that one,.

**HAIROL** Alamat terkini saya bila tengok balik siasatan itu, alamat yang dikata hilang di, seingat saya di No.61 Jalan SS1/ tak ingat berapa, Kampung Tunku. Masih di situlah jadi alamat lain tidak adalah. Kalau ada pun di apa ini alamat di Pulau Pinang. Saya tak ingat, saya memang ada pergi ke Pulau Pinang. Itu yang saya tahulah, saya tak ingat nama apa di Bagan, saya tak ingat alamat sebenar lah. Tapi di alamat apa ini, di Kampung Tunku itu adalah untuk saya menjalankan siasatan.

**PRS** Dear panel members please refer to Exhibit 18. Tuan sila rujuk kepada alamat tersebut. Adakah ini alamat –

**HAIROL** Sorry Dato' saya kelabu sikit mata.

**PRS** Ada satu copy.

**HAIROL** Mata saya kelabu sikit.

**PRS** Tuan, adakah alamat tersebut yang Tuan menyatakan tadi?

**HAIROL** Di alamat di Pulau Pinang saya rasa yalah alamat inilah yang saya pergi mencari, alamat inilah. Betul Dato'.

**CHM** Bila membuat siasatan

**HAIROL** Ya.

**CHM** En Hairil, Hairol akan buat catatan dalam ID kan?

**HAIROL** That's what –

**CHM** Investigation Diary dan akan dimasukkan dalam IP.

**HAIROL** Ya. Betul.

**CHM** Sebagai seorang Pegawai Penyiasat.

**HAIROL** Betul.

**CHM** Maintain satu ID kan?

**HAIROL** Betul Cuma saya tak –

**CHM** Hal ini akan masukkan dalam IP.

**HAIROL** Betul Dato'.

**CHM** Jadi ada buat ID lah?

**HAIROL** Saya memang ada buat saya cuma tak ingat alamat ini. Cuma nama alamat di Bagan Pulau Pinang itu saya ingat cuma alamat tempat saya tak ingat nak bagi tahu.

**CHM** Bila dapat surat daripada kami, pihak SUHAKAM untuk datang memberi keterangan?

**HAIROL** Pada berapa harilah, saya tak ingat tarikh. Saya dapat melalui emel.

**CHM** Emel ya?

**HAIROL** Emel.

**CHM** Sepatutnya tanggungjawab En Hairol kan bila dapat surat notis daripada kami untuk memberi keterangan untuk pergi balik ke Sungai Way dapatkan ID dan tengok bahagian fotokopi ke, ID bahagian yang En Hairol terlibat itu kan.

**HAIROL** Betul, betul.

**CHM** Tahu yang akan ditanya hari ini kan?

**HAIROL** Betul Dato'.

**CHM** Jadi –

**HAIROL** Cuma saya tak berapa ingat, hafal itu hafal tapi saya tak berapa ingat Dato'. Jadi bila tengok ini saya yakin ini alamatnya.

**CHM** Tak sebab tak berapa ingat itulah kena pergi tengok ID kan?

**HAIROL** Betul.

**CHM** Buat fotokopi ID untuk memberi keterangan. Jadi bila beri keterangan hari ini boleh rujuk kepada ID itu kan?

**[10:30AM]**

**HAIROL** Betul Dato' tapi saya bila tengok ini baru saya camlah ini alamatlah setakat ini, setakat inilah.

**CHM** Ok.

**PRS** Adakah Tuan pernah pergi ke alamat tersebut?

**HAIROL** Saya pernah pergi di Pulau Pinang. Saya pernah pergi untuk mendapatkan rakaman percakapan.

**PRS** Siapa yang Tuan merakam percakapan daripada?

**HAIROL** Saya pergi sana dapat merakan percakapan jiran dia sahaja.

**PRS** Nama jiran?

**HAIROL** Nama jiran saya tak kenal, En Selvam ke apa saya tak ingat.

**CHM** Itulah, kalau bawa ID boleh rujuk kepada ID kan?

**HAIROL** Betul Tuan.

**CHM** Tak ingat dah?

**HAIROL** Tak ingat. Saya mungkin bawa nota kecil saja untuk saya ingatlah. Tai saya tak, itulah Dato'.

**CHM** Ok ya.

**HAIROL** Saya buat.

**PRS** So apakah hasil daripada rakaman percakapan itu?

**CHM** Sekarang sebagai Pegawai Polis, bawa poket diari tak?

**HAIROL** Untuk siasatan Dato', saya lebih kepada ID siasatan saja. Poket diari waktu sebab saya dah sambung siasatan pun dalam keadaan suntuk, jadi saya buat apa yang, dengan segeralah apa yang diarahkan itu saja.

**CHM** Tapi menjadi tugaskan catat, tindakan kena catit dalam poket diari kan, itulah dalam punya –

**HAIROL** Ya, sudah memadai dalam ID siasatan.

**CHM** Bukan arahan, IGP arahan kena catit dalam poket diari kan? IGP standing instruction kena bawa poket diari, catit dalam poket diari?

**HAIROL** Poket diari tiada cuma dia diari sewaktu kita keluar daripada membuat apa ini siasatan, kita ada buat catitan di dalam buku POL, polis yang disediakanlah, saya tak ingat POL berapa, memang kita akan buat catitan dan lebih bagus bukan apa ini atas arahan siasatan itu, ID siasatan itu penting.

**CHM** Penting.

**HAIROL** Jadi saya di dalam itu semua ada.

**CHM** Begitu juga poket diari kan?

**HAIROL** Pegang, poket diari?

**CHM** Tak ada?

**HAIROL** Saya tak bawa poket, kita tak pakai poket diari daripada itu anggotalah, minta maaf.

**CHM** Anggota sahaja? I see.

**HAIROL** Poket diari, betullah.

**CHM** En Dzaffir can you enlighten me, it's only for the down? Not for Inspector upwards to carry a pocket diary?

**ADY** Ok untuk makluman Yang Arif as well the panel members, for investigation wise, if the up most important for the investigation officer to update his investigation diary, apa yang Yang Arif timbulkan tadi berkenaan dengan pocket book itu, poket siasatan itu apa, poket diari itu. Poket diari ini is a different from ID siasatan because pocket book maintain by anggota is to catit dia punya pergerakan as well as dia punya arahan-arahan yang diterima daripada dia punya superior. So it will written down in his pocket diary.

**CHM** But is it any confine to the lower rank or?

**ADY** Lower ranks.

**CHM** Then in Inspector upwards they don't carry a pocket diary?

**ADY** So for officers above, for officers we are given apa official diary which is categorise under POL4. So that one is on our movement, where did we go, what date, where and then any instruction that is specifically you receiver from our superiors. But for IO, it is mandatory to maintain their investigation dairy. So investigation diary is more pertinent in cases of trial, to refresh memory as well as to jot down what do you see, what did you do at the crime scene or anything related to the investigation. It is in our push in the siasatan.

**CHM** But with due respect of work, am I quite to say that a police officer are coming to an option inquiry lah, they would be more prepared.

**ADY** Yes should be.

**CHM** With the documentary evidence kan?

**ADY** Yes should be. But this is also back to see that where did he receive the notice of inquiry. I believe should be apa, maybe the very last short notice probably he doesn't have the time to have a look at the, his investigation diary at all, I believe so.

**CHM** But he could, if he wanted to.

**ADY** Yes.

**CHM** To check.

**ADY** He can.

**CHM** He can always request us for another date kan?

**ADY** He can.

**CHM** Yes.

**ADY** Because depends on when did he receive dia punya information notice to appear lah Yang Arif. Because to take into effect that he is from Terengganu, Kemaman, Terengganu.

**CHM** Yes.

**ADY** So the IP is with the IO in PJ, so if he is given one or two day's notice I think is also unreasonable for him to have a look at the IP.

**CHM** Yes but he can always ask first –

**ADY** He can request for next date.

**CHM** Ask us for another date kan?

**ADY** He can.

**CHM** Yes.

**ADY** It's up to –

**CHM** Because...

**ADY** Yang Arif to determine.

**CHM** Because I'm rather upset and disappointed lah because the previous ASP what is it, Shafie is it also came without ID and all. Inspektor apa from Negeri Sembilan siapa itu?

**ADY** Nurul.

**CHM** Nurul looks more prepared kan. Maybe. Tak apalah.

**ADY** Ok thank you Yang Arif.

**CHM** Thank you, thank you.

**HAIROL** Terima kasih Yang Arif.

**CHM** Alright.

**PRS** Ok balik kepada soalan berkaitan siasatan di Pulau Pinang.

**HAIROL** Ya.

**PRS** Tuan, apakah hasil daripada rakaman percakapan daripada jiran?

**HAIROL** Hasil rakaman daripada jiran, satu lelaki India itu, saya ingat satu lelaki Indialah sebaris dengan itu mengatakan dia tak berapa kenal dengan apa nama Joshua Hilmy yang kita sedang cari. Setakat itu yang saya tahu dan dia pun seorang yang ada tak silap saya dia penyakit kroniklah. Jadi dia tak ambil tahu ya, jadi setakat saya ambil dia kata saya tak tahu siapa di belah sana and then maklumat kita untuk mendapat itu tidak adalah.

**CHM** Dia ini jiran next door?

**HAIROL** Ya jiran, yalah dia satu garis Yang Arif.

**CHM** Rumah jenis apa itu?

**HAIROL** Rumah jenis pangsa tak silap saya. Apartmen ke pangsa.

**PRS** Flat?

**HAIROL** Flat gitu lah. Di Bagan itu.

**CHM** Alamat itu di tingkat berapa?

**HAIROL** Seingat sayalah kalau tengok balik sebaris, tingkat 4 lah sebaris dengan apa, alamat Hilmy Bin Halim ini, alamat ini.

**CHM** Jadi jiran ini pun di tingkat yang samalah?

**HAIROL** Tingkat yang sama, saya ambil pun tingkat yang sama, tidak lain daripada itu.

**CHM** Ya.

**HAIROL** Terima kasih.

**PRS** Tuan, sekali lagi nama orang yang Tuan mengambil rakaman percakapan itu siapa ya Tuan?

**HAIROL** Saya tak dapat nak ingat sebab nak sebut pun susah. Saya tak berapa nak ingat tapi saya ingat satu lelaki India, berkeluargalah.

**PRS** Siapa lagi yang Tuan berjumpa pada ketika itu?

**HAIROL** Setakat itu dan daripada alamat ini, saya ambil jiran di sebelah kanan, sebelah kiri, sebelah kiri tak ada orang. Sebelah kanan saja sempat panggil dan orang itu keluar. Yang lain kebanyakan orang pergi kerja tak silap pada masa itu.

**PRS** Ok.

**HAIROL** Saya rasa begitu sebab memang bila tanya pun masing-masing kata tak kenal, tak kenal, tak kenal. Sebut saja nama Joshua Hilmy tak ada orang kenal. Itu pada –

**PRS** Kira-kira pukul berapa Tuan pergi ke sana?

**HAIROL** Saya ingat pada saya pergi ke siasatan ke Pulau Pinang pada 10hb Oktober itu dapat maklumat, 11hb Oktober, inilah alamat tersebut ini pada 11hb Oktober saya ke sana. Saya tak ingat jam berapa sebab asalnya mencari rumah yang ditinggalkan itulah. Jadi bila telah dapat rumah yang ditinggal itu barulah kita follow balik ke alamat B6 ini, 48 ini adakah Joshua Hilmy masih buat, tinggal di sana. Itu saja.

**PRS** Daripada siasatan Tuan, adakah rumah yang beralamat ini rumah sendiri Joshua Hilmy ataupun rumah sewaan ke?

**HAIROL** Rumah sewaan tak silap saya.

**PRS** Berkaitan dengan siasatan Joshua Hilmy, di manakah tempat lain yang Tuan telah membuat siasatan di Penang?

**HAIROL** Tiada.

**PRS** Tiada.

**HAIROL** Tiada.

**PRS** Hanya ke rumah ini sahaja?

**HAIROL** Hanya itu rumah sahaja.

**PRS** Masa itu dalam rumah tersebut, adakah Tuan dapat masuk ke dalam atau adakah sesiapa dalam rumah itu?

**HAIROL** Tiada, tiada orang.

**PRS** Tiada orang ya.

**HAIROL** Tiada orang.

**PRS** Keadaan rumah tersebut?

**HAIROL** Berkuncilah.

**PRS** Berkunci.

**HAIROL** Berkunci, memang tak ada orang daripada alamat orang India yang saya ambil tadi sehingga sebelah ke kiri tak silap saya memang tak ada orang. Saya dapat satu saja, satu floor untuk mendapatkan saksi, kenal atau tidak Joshua itu saja, lain tak ada.

**PRS** Rumah itu di hadapan ada beranda ke atau rumah –

**HAIROL** Dia rumah pangsa, rumah flat itulah. Memang ada ruanglah jadi ruang itu kosonglah jadi bangunan sebelah sini, bangunan sebelah sini.

**PRS** Tak ada kasut?

**HAIROL** Tak ada, tak ada, memang tak ada.

**PRS** Memang nampak macam tak ada oranglah?

**HAIROL** Memang tak ada orang.

**PRS** Dear panel members we are referring to Exhibit 38. Baik Tuan.

**HAIROL** Ya.

**PRS** Adakah, ini merupakan satu bil air. Adakah alamat tersebut yang Tuan telah pergi untuk membuat siasatan?

**HAIROL** Ok. alamat tersebut benar, No.61 Jalan SS1/22, Kampung Tunku yang saya pergi buat siasatan, benar.

**PRS** Yang ke rumah Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu?

**HAIROL** Ya.

**PRS** Betul tapi ada nama lain, adakah Tuan mempunyai apa-apa knowledge tentang perkara itu? Ada naka Selvakumar Peace John Harris?

**HAIROL** Ok. Saya lanjutkan siasatan untuk mengetahui alamat, katanya alamat yang terakhir di Kampung Tunku jadi saya mengesan owner rumah melalui ini pun rakan siasatan saya juga yang dapatkan. Jadi saya membuat siasatan berkaitan dengan alamat tersebut. Saya dapat mengesan En Selvakumar ini di alamat yang terkini dia berada di Pulau Pinang pada waktu itu. Jadi setelah pada 10hb Oktober itu dapat owner rumah untuk mengetahui jejak apa, Joshua Hilmy, saya 11hb Oktober ke Pulau Pinang mendapatkan rakaman percakapan En Selvakumar. Jadi rentetan yang tadi, satu hari yang sama daripada rumah Selvakumar pergi ke alamat di Bagan, satu hari saya buat di sana untuk maklumat Yang Arif.

**PRS** Maksudnya Tuan masa di Pulau Pinang, Tuan telah berjumpa dengan Selvakumar?

**HAIROL** Ya benar.

**PRS** Yang orang yang Tuan berjumpa yang berdekatan dengan rumah Joshua Hilmy yang tadi saya tunjuk tadi Exhibit 18, adakah orang tersebut dengan Selvakumar yang Tuan sebutkan sebentar tadi sama?

**HAIROL** Tidak, berbeza.

**PRS** Berbeza.

**HAIROL** Berbeza.

**PRS** So apakah hasil rakaman percakapan, Tuan membuat rakaman percakapan dengan Selvakumar ke?

**HAIROL** Ya.

**PRS** Apakah hasil daripada rakaman percakapan?

**HAIROL** Hasil rakaman percakapan dengan En Selvakumar, dia berkata mengenali Joshua Hilmy lah and then saya tak ingat dia jumpa di mana, dia kata berkawan rapatlah sehinggakan dia dapat inilah memberi, membuat sewa apa, bagi free of charge lah rumah kepada Joshua Hilmy untuk duduki dan saya bertanya, adakah dalam masa keadaan tersebut mengetahui kedudukan Joshua Hilmy terkini, dia kata dia tak tahu. Jadi saya, siasatan saya, kita terbengkalailah, apa orang kata, tak dapatlah nak tahu kedudukan Joshua Hilmy daripada En Selvakumar sendiri sebab saya tak ingat dia kata berapa lama Joshua Hilmy tak berhubung dengan dia. Itu saja saya tak ingat tapi rakaman percakapan itu ada bahawa kedudukan Joshua Hilmy saya tak dapat daripada En Selvakumar. Itu, setakat ini.

**PRS** Adakah Tuan telah bertanya dengan Selvakumar ataupun inform dengan Selvakumar tentang kehilangan Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu?

**HAIROL** Saya bertanya juga, kehilangan itu saya tak tanya, saya bertanya ada tak dia mengetahui kedudukan Joshua Hilmy selama dia berkawan sehingga kini, itu saya tanya dia.

**PRS** Jawapannya?

**HAIROL** Jawapan dia sehingga tarikh yang saya berjumpa dengan En Selvakumar memang dia tak ketahuilah kedudukan Joshua Hilmy. Jadi saya tak dapat orang kata kedudukan sebenar lah.

**PRS** Ok.

**HAIROL** Joshua Hilmy.

**[10:45AM]**

**PRS** Siapa lagi yang jumpa, Tuan dapat berjumpa ataupun menemu bual dengan sesiapa berkaitan dengan kes kehilangan di Penang selain daripada jiran bersamaan dengan rumah Joshua Hilmy dan Selvakumar?

**HAIROL** Tidak ada yang lain, hanya dua itu.

**PRS** Hanya dua tersebut.

**HAIROL** Ya.

**PRS** Baik Tuan, tadi Tuan sebut Tuan telah mempunai seorang rakan siasatan untuk mendapatkan alamat tersebut. Siapakah rakan tersebut Tuan?

**HAIROL** Pegawai Siasatan Jenayah, dia membantu saya mendapatkan apa ini bil air, bil api dia membantu itu sajalah.

**PRS** Nama?

**HAIROL** Nama, tak silap saya ASP Kwek itu sajalah.

**CHM** ASP?

**HAIROL** Kwek. Chinese K –

**PRS** Boleh spell?

**HAIROL** K-W-E-K, Kwek.

**CHM** K-W-E-K.

**HAIROL** Yang diarahkan oleh KBS ini untuk membantu saya menyiasat kes ini, itulah.

**PRS** Jadi adakah Tuan dan ASP –

**CHM** Sebentar, daripada IPD PJ?

**HAIROL** Ya daripada IPD PJ, Bahagian Siasatan Jenayah.

**CHM** I see.

**HAIROL** Dia membantu saya mendapatkan inilah, lain tidak ada. Terima kasih.

**PRS** Adakah ASP Kwek dengan Tuan membuat siasatan untuk kes kehilangan ini secara keseluruhan atau hanya untuk mendapatkan –

**HAIROL** Dia hanya membantu sahaja.

**PRS** Membantu sehingga Tuan bertukar?

**HAIROL** Sehingga yang saya dapat En Selvakumar ini sahaja, owner rumah, itu saja.

**PRS** Ok. Baik Tuan, balik kepada di rumah di Kampung Tunku sekarang, siasatan di kampung, di rumah Joshua Hilmy di Kampung Tunku, adakah Tuan telah merakan percakapan sesiapa pada ketika itu?

**HAIROL** Ada.

**PRS** Ok.

**HAIROL** Saya merakam percakapan jiran di alamat No.61 inilah yang di katakan diduduki oleh Joshua Hilmy. Saya rakam jiran kalau memang ke rumah sebelah kananlah, jiran pertama dan jiran kedua.

**CHM** Jiran rumah kampung Tungku?

**HAIROL** Kampung Tunku, ada dua orang. Satu perempuan Melayu, satu lelaki Melayu. Jiran pertama dan jiran kedua.

**PRS** Apakah hasil daripada siasatan, rakaman tersebut?

**HAIROL** Rakaman percakapan tersebut saya bertanya jiran, dia sendiri pun tidak mengenalilah apa jiran dia sebelah Cuma saya tanya –

**CHM** Cerita pasal jiran ini satu per satu-satulah.

**HAIROL** Satu persatu.

**CHM** Itu sajalah ya kan?

**HAIROL** Saya ambil jiran yang perempuan dahulu, Jiran yang rumahnya terdekatlah. Saya bertanya ada tak berkenaan dengan sapa nama Joshua Hilmy, dia kata dia pun tak tahu nak dan saya tanya inilah orang kata ada nampak da kan daripada tarikh-tarikh sekian, dia kata sehingga yang dia duduk di situ dia pun tak nampaklah orangnya. Dia tak nampak orangnya jadi nama pun, saya tunjuk muka pun dia memang tidak kenal. Jadi itu jiran yang pertama. Jiran yang kedua sebelah rumah jiran pertama tadi, satu anak kepada owner rumahlah, anak. Jadi dia pun saya tunjuk gambar dan memberitahu nama dia pun kata tidak kenal juga pasal dia bersekolah di luar. Waktu itu ibu bapa dia tidak adalah. Tak silap saya ibu bapa dia tidak ada di rumah, itulah. Jadi rakaman percakapan untuk mengenali jiran nama Joshua ini memang tidak ada. Tidak dapat langsung lah lead untuk itu. Terima kasih Yang Arif.

**PRS** Adakah Tuan berjumpa dua jiran ini sahaja ataupun sekitar tempat lain?

**HAIROL** Setakat yang pada itu saya sempat dua itu sajalah sebab sebelum ini saya dah pergi tetapi ramai orang keluar kerja. Jadi itu kesempatan yang saya ada pada hari tersebut, saya dapat dua orang.

**PRS** Ok. Tuan saya nak dapatkan tarikh untuk siasat, lawatan pertama.

**HAIROL** Lawatan pertama pada, saya tak ingat. Awal saya dapat arahan, pada 5hb Oktober itu, awal saya pergi sendirilah, hanya buat pemantauan sendiri sahaja pada waktu itu.

**PRS** Awal maksudnya itu ada tarikh?

**HAIROL** Dalam antara 8hb atau setelah saya dapat alamat kedudukan apa ini, Selvakumar.

**PRS** Bila Tuan dapat alamat tersebut?

**HAIROL** Saya tak ingat. Yang ini 10hb Oktober maklumat Selvakumar itu 10hb Oktober. Jadi bila dah dapat daripada Selvakumar, saya kena minta izin dialah sebab dia owner rumah. Jadi saya dapat kebenaran daripada dia untuk ke rumah alamat tersebut untuk buat siasatan tetapi hanya dapat untuk masuk di kawasan rumah sahaja. Dalam rumah tak boleh tidak dibenarkan untuk makluman.

**PRS** Tuan, maksudnya Tuan telah berjumpa bersemuka dengan –

**HAIROL** Selva.

**PRS** En Selvakumar dan baru mendapat –

**HAIROL** Kebenaran.

**PRS** Kebenaran.

**HAIROL** Ya.

**PRS** So maksudnya selepas 11.10.2018?

**HAIROL** Ya.

**PRS** Ok. Yang itu lawatan pertama?

**HAIROL** Lawatan pertama sebelum dapat itu saya di luar saja.

**PRS** Sebelum itu?

**HAIROL** Saya buat, selepas dapat saja arahan itu, saya buat sendirilah, siasatan sendiri.

**PRS** Ok.

**HAIROL** Sebelum dapat owner sebenar untuk masuk rumah barulah kita masuk kawasan rumah itu. Dapat kebenaran owner.

**CHM** Maksud kawasan rumah kawasan ini?

**HAIROL** Kawasan saja, bukan dalam rumah, kawasan saja.

**CHM** Mengapa tak masuk?

**HAIROL** Tidak dibenarkan.

**CHM** Siapa yang tak benarkan?

**HAIROL** Selvakumar. En Selvakumar.

**CHM** Sebelum itu saya ada satu confirmation.

**HAIROL** Ya, ya.

**PRS** Maksudnya Tuan bermaksud pada sebelum 11.10.2018, Tuan telah pergi ke rumah Joshua Hilmy di Kampung Tunku.

**HAIROL** Alamat tersebut.

**PRS** Dan telah membuat siasatan di luar –

**HAIROL** Di luar sahaja.

**PRS** Kawasan rumah tersebut.

**HAIROL** Saya buat pemantauan di luar sahaja.

**PRS** Pemantauan saja.

**HAIROL** Takut ada orang balik ke, apa ke saya beranggapan begitulah siasatan saya, itu saja.

**PRS** Apa hasil daripada siasatan tersebut?

**HAIROL** Tiada apalah.

**PRS** Tiada?

**HAIROL** Tiada pergerakan, tiada apalah.

**PRS** Ok.

**HAIROL** Pada waktu itu.

**PRS** Yang kedua, lawatan ke siasatan –

**CHM** Sebentar, sebentar. Mengapa Tuan tak masuk ke dalam rumah walau pun tuan rumah kata tak boleh tetapi mungkin Tuan berasa perlu masuk kan walau pun tuan rumah kata tak boleh. Ini siasatan polis kan?

**HAIROL** Betul siasatan polis.

**CHM** Tuan rumah tak boleh halang.

**HAIROL** Jadi –

**CHM** Kalau tak bagi pun kita boleh pergi Mahkamah, dapat waran.

**HAIROL** Yang Arif, walau bagaimana pun kita pertama mesti kena carilah owner rumah untuk dapat kebenaran sebab ini orang hilang, tiada kes jenayah yang, tiada kes orang kata yang berunsur pada jenayahlah pada saya. Siasatan orang hilang jadi saya membuat pemantauanlah. Jika ada pergerakan jadi saya tahulah apa di kawasan rumah tersebut. Itu pemantauan saya yang pertamalah. Apabila mencari owner baru saya meneruskan dan meminta izin untuk masuk kalau tidak nanti tohmahan kepada sayalah untuk makluman Yang Arif.

**CHM** Saya tahu, saya tahu, saya tahu ya saya tahu yang dia tak bagi izin kan. Tapi perlu tak masuk?

**HAIROL** Tidak perlu.

**CHM** Tak perlu?

**HAIROL** Tak perlu.

**CHM** Tak perlu?

**HAIROL** Pada waktu saya itulah.

**CHM** Jadi bila tak dapat izin itu En Hairol –

**HAIROL** Barulah –

**CHM** Tinggalkan begitu sajalah? Rasa tak perlu ya?

**HAIROL** Tidak saya, pada waktu itu jadi setelah dapat owner rumah baru saya masuk. Selepas dapat mengesan owner rumah dan memberitahu tujuan baru saya dapatlah kebenaran daripada Selvakumar untuk masuk kawasan rumah.

**CHM** Yalah masuk kawan tapi perlu juga, tak perlu ke masuk dalam rumah itu cari apa, bukti-bukti, clue bagaimana orang ini boleh hilang. Tak perlukah masuk, cara nak masuk itu soalan-soalan lainlah. Tak perlu ke? Pada fikiran pendapat En Hairol mana membuat siasatan itu?

**HAIROL** Saya.

**CHM** Tak perlu ke nak mendapatkan kita, clue ya, clue.

**HAIROL** Saya, yalah, itulah pertama saya membuat siasatan. Bila dapat kertas siasatan saya pergi ke alamat tersebut untuk melihat keadaan di sekeliling kawasan sahaja. Jadi itulah aya punya tindakan saya yang pertama. Itu sahaja sehinggalah saya dapat owner rumah barulah saya perluaskan siasatan saya untuk mengetahui ada ke tidak Joshua Hilmy berada di alamat tersebut, itu saja.

**CHM** Tapi dah sampai ke rumah kan, dah sampai ke rumah dan dah berhubung pun dengan tuan rumah kan, dah masuk pun dalam kawasan rumah kan, cuma nak masuk rumah saja kan?

**HAIROL** Belum.

**CHM** Tapi tuan rumah tak bagi permisi kan?

**HAIROL** Ya tuan rumah tak bagi dia cuma, cuma dia kata boleh masuk kawasan rumah itu saja, dalam rumah tak boleh masuk sebab rumah berkunci.

**CHM** Itu masalahnya.

**HAIROL** Dia tak bagi.

**CHM** Tuan rumah tak bagi masuk kan, jadi tak terlintas ke di fikiran En Hairol sebagai seorang penyiasat, tak kan setakat dia kiranya kawasan rumah saja, perlu juga masuk tengok kan, dapatkan clue. Tak terfikir ke?

**HAIROL** Untuk makluman Yang Arif saya memang tak dibenarkan masuk tetapi –

**CHM** Memang tak dibenarkan masuk, itu soal lainlah ya.

**HAIROL** Tetapi saya mendapat kebenaran mengambil gambar dalam rumah dengan menyelak langsir dan buka tingkat, itu saja daripada owner rumah untuk mendapat tahu apa yang ada dalam rumah. Dapat kebenaran itu.

**CHM** Pada pendapat-pendapat En Hairol sebagai seorang penyiasat, itu memadai, kita Pegawai Polis kan, kita ini orang kehilangan, kes serius kan? Kes serius ya.

**HAIROL** Untuk jangka masa yang singkat saya siasat ini Yang Arif, memadai setakat inilah saya punya tindakan.

**CHM** Baik, memadai?

**HAIROL** Ya setelah –

**CHM** Tak perlu masuk?

**HAIROL** Tidak ada keperluan pada waktu itu kepada saya. Sebab owner rumah pun ada sebab saya sendiri ajak owner rumah, owner rumah tak nak datang, dia cuma beri kebenaran sahaja untuk makluman Yang Arif. Owner.

**CHM** Owner rumah bermaksud Selvaraja?

**HAIROL** Jadi saya cakap mari bersama dengan saya kita nak masuk tengok rumah. Dia kata 'you pergi sendirilah tapi you nak ambil gambar you selak tingkap rumah dengan langsir itu sudah cukup'.

**CHM** Tuan rumah tinggal di mana, di?

**HAIROL** Di Pulau Pinang, Selvakumar, owner rumah.

**CHM** Yalah kalau owner rumah nak datang memang jauh kan?

**HAIROL** Jauh.

**CHM** Nak datang.

**HAIROL** Tapi kita bagi masa dekat dia cuma dia tak benarkan saya buat apa yang dibenarkan oleh owner rumahlah yang setakat yang dalam pengetahuan saya.

**CHM** Mengapa En Hairol tak tegas kata saya nak tengok juga dalam rumah dan minta dua turun buka pintu. Dari Pulau Pinang, mengapa tak tegas?

**HAIROL** Sebab siasatan saya itu untuk ketegasan –

**CHM** Ini orang hilang kan?

**HAIROL** Orang hilang.

**CHM** Kita tak tengok. Mungkin ada mayat dalam rumah itu mana kita tahu.

**HAIROL** Saya tak pastilah itu Yang Arif, saya tidak pasti.

**CHM** Tak terlintas ke?

**HAIROL** Tak, dalam keadaan itu saya tidak terlintas lagilah. Tidak terlintas lagi.

**CHM** Ok carry on.

**PM1** Ya. Terima kasih Tuan. Saya ingin bertanya tentang peranan Tuan mengendali kes orang hilang ya. Adakah ini kali pertama atau sebelum ini Tuan ada pernah mengendalikan kes-kes orang hilang, OH?

**HAIROL** Ini kali pertama.

**PM1** Ok, kali pertama ya?

**HAIROL** Kali pertama.

**PM1** Ok No.2 soalan saya, tadi Tuan ada menggunakan istilah pemantauan. Bila kita sebut pemantauan itu apakah Tuan maksudkan dengan pemantauan?

**HAIROL** Maksud saya pemantauan ini saya berada di satu kawasan yang dikatakan alamat tersebut.

**PM1** Ok.

**HAIROL** Saya nak melihat pergerakan, ada tak orang keluar masuk daripada rumah tersebut. Itulah tindakan saya.

**PM1** Ok maknanya –

**HAIROL** Itu maksud sayalah untuk saya pemantauan saya saja.

**PM1** Pemantauan maknanya adalah untuk satu jangka masa?

**HAIROL** Jangka masa untuk –

**PM1** Bukan maknanya pergi ke situ tadi dah lah tak boleh masuk tadi kan. Lepas itu tengok dekat tingkap. Itu bukan pemantauan ataupun itu pemantauan?

**HAIROL** Bukan, bukan. Saya berada di luar nak tengok sebab berkunci.

**PM1** Ok.

**HAIROL** Pintu pagar kunci jadi saya perlu membuat pemantauan ada orang masuk, kalau ada kita bolehlah.

**PM1** Rumah dia berpagar?

**HAIROL** Berpagar.

**PM1** Berpagar.

**HAIROL** Berpagar di jalan besar.

**PM1** Ok.

**HAIROL** Jalan besar, rumah dia berpagar.

**PM1** So jadi Tuan masuk ke kawasan. Kawasan itu maksudnya ada –

**HAIROL** Saya di luar rumah saja.

**PM1** Ok tak, rumah dia kan ada pagar kan?

**HAIROL** Ada pagar.

**PM1** So di luar pagar ke atau di luar rumah? Sebab rumah itu kan dia dah ada berpagar.

**HAIROL** Saya di luar.

**PM1** Luar pagar?

**HAIROL** Luar pagar.

**PM1** Ok.

**HAIROL** Di jalan besar.

**PM1** So memantau dari situ?

**HAIROL** Memantau dari situ.

**PM1** Bila yang boleh menyelak tingkap itu? Bila Tuan diberi –

**HAIROL** Apabila mendapat kebenaran.

**PM1** Ok.

**HAIROL** Jadi dapat kesan owner rumah, barulah kita dapat masuk ke kawasan perumahan, rumah tersebut.

**[11:00AM]**

**PM1** Ok Tuan sempat ambil foto dari tingkap dia?

**HAIROL** Sempat.

**PM1** Apa yang, boleh Tuan gambarkan apa yang Tuan nampak daripada tingkap itu?

**HAIROL** Nampak dalam rumah itu barangan dalam rumah itu agak lama dah, macam tak berpenghunilah. Lama tak berpenghuni and then almari pun banyak sudah kena makan anai-anai tak silap saya. Daripada anai-anai dan baju agak berseleraklah baju di luar itu. Itu yang saya nampak, memang tak digunalah maksudnya. Maksudnya sudah lama ditinggalkan. Itu maksudnya. Tidak ada kesan apa-apalah, nak dikesan orang di situ.

**PM1** Tidak ada rasa mungkin ada rasa macam Yang Arif katakan tadi, mayat ke tak tahu ya?

**HAIROL** Tidak ada.

**PM1** Kot-kot di bawah timbunan baju itu.

**HAIROL** Tidak ada.

**PM1** Tidak ada.

**HAIROL** Tidak.

**PM1** Jadi setakat itu sajalah?

**HAIROL** Setakat itu saja.

**PM1** Sempat ambil foto?

**HAIROL** Ambil foto saja.

**PM1** So ada dalam ID lah?

**HAIROL** Ada.

**PM1** Ok.

**HAIROL** Itu saja.

**PM2** Selamat pagi ASP Hairol.

**HAIROL** Selamat pagi Yang Arif.

**PM2** Yang permintaan kepada Selvakumar adalah permintaan untuk membuka rumah atau permintaan untuk masuk ke kawasan saja? Apakah permintaan khusus ASP kepada Selva?

**HAIROL** Permintaan khusus saya bersama-sama dengan En Selvakumar untuk masuk kawasan rumah dan dalam rumah.

**PM2** Dan rumah?

**HAIROL** Dan dalam rumah.

**PM2** Ok.

**HAIROL** Tetapi di benarkan di kawasan rumah dan sebagaimana saya katakan tadi. Dia suruh buka tingkap, selak itu ambil gambar, jangan masuk rumah.

**PM2** Kawasan rumah ada kunci, kena unlock ke, boleh jalan sendiri masuk?

**HAIROL** Pagar rumah dia suruh saya pecah lock tersebut masuk.

**PM2** Dia bagi kebenaran.

**HAIROL** Dan ganti lock barulah, itu saja.

**PM2** Ok. Tapi disebabkan dia tak bagi kamu kunci nak masuk rumah sebab dia di Penang atau memang dia tidak mahu kamu masuk ke dalam rumah?

**HAIROL** Dia tidak mahu saya masuk.

**PM2** Kamu tak rasa itu janggal ke? Kalau itu, sebab Joshua tadi kamu sendiri yang beritahu panel yang bila interview Selva dia cakap Joshua Hilmy kawan rapat dia.

**HAIROL** Dia kata kawan rapat dia.

**PM2** So kalau rapat saya hilang, tak kan saya tak nak tolong dia. Kalau polis nak cari dia, nak tolong dia, tak kan dia kata 'sorry ya jangan masuk sebab', macam mana?

**HAIROL** Yang Arif tapi itulah yang dia katakan kepada saya.

**PM2** So waktu itu kamu tak rasa untuk catit something is wrong dengan Selvakumar ini. Kawan rapat tapi tak nak bagi saya masuk untuk cari kawan dia sendiri?

**HAIROL** Sebab dia kata, saya tak ingat apa dia kata. Dia kata dah lama tak dapat berhubunglah. Itu saja, tak dapat, dah lama berhubung dengan Joshua Hilmy yang setahu sayalah. Dia tak dapat berhubung lama dengan Joshua Hilmy dan saya kata saya nak masuk dalam rumahlah nak tengok apa keadaan. Dia kata 'boleh masuk kawasan rumah, you pecah lock'. Saya ulang balik saya boleh pecak lock masuk 'dan you

boleh tangkap gambar selak apa ini langsir dan tingkap untuk ambil gambar. You tak boleh masuk rumah'. Itu saja.

**PM2** Adakah, sekali lagi saya nak tanya, adakah sebab permintaan itu dia kena buat perjalanan dari Pulau Pinang ke KL?

**HAIROL** Tidak pasti.

**PM2** So dia tidak boleh bagi kamu kunci sebab itu yang paling senang pecah lock. Area yang boleh pecah lock itu di luarlah?

**HAIROL** Di luar saja, di pagar saja.

**PM2** Yang kalau rumah itu kalau kamu pecah lock boleh masuk ke tak boleh atau itu kunci yang bukannya pecah lock punya style?

**HAIROL** Saya tak ingat tapi apabila dia kata tak benarkan itu saya biarkan sajalah. Itu saja.

**PM2** Dia memang kata perkataan tak benarkan? 'Saya tak benarkan kamu masuk ke rumah'.

**HAIROL** Dia beritahu 'you boleh kawasan rumah saja'. Tak benarkan itu saya tak ingat tapi di kawasan rumah you boleh berada di kawasan rumah and then 'you boleh tangkap gambar dalam rumah'. So tak boleh masuk rumah. Maksud dah begitulah. Bila dah buka tingkap, buka langsir, makna kita tak boleh masuk rumahlah. Memang saya faham maksud dia memang tak benarkan.

**PM2** Ini kamu faham maksud dia tapi bukan dia sendiri cakap kamu tidak dibenarkan masuk. Saya nak penjelasan, tolong ingat kembali. Adakah En Selvakumar cakap 'saya tidak membenarkan kamu masuk ke dalam rumah'? Ada beza tahu sebab kalau dia di sana tak ada kunci nak buka dia cakap 'apa yang kamu boleh buat, buat lah'.

**HAIROL** Tapi dia, untuk maklumat Yang Arif, pada sayalah jika owner rumah ini benarkan kita masuk rumah, tentu dia hulur dah kunci pada kita. Ini

saya ajak sekali dengan dia mari kita masuk sama-sama saya nak buat pemeriksaan. Dia kata dia tak dapat hadir macam itulah. And then you boleh masuk kawasan rumah, you pecah lock seingat sayalah and then you boleh tangkap gambar, you selak cermin tingkap dan langsir, you boleh tangkap gambar dalam rumah. Tangkap gambar saja you tak boleh masuk rumah, itu saja saya tahu, saya dapat tahu. Saya tak ingat benda nak catit ke apa itu saya lupa. Tapi dia bercakap begitulah.

**PM2** Ok. Adakah En ASP Hairol tanya dengan En Selva adakah orang lain yang pegang kunci rumah? Pernahkah waktu kamu interview dia di Penang itu, ada kamu tanya rumah ini rumah kosong ke, ada orang duduk ada orang lain yang kasi kunci?

**HAIROL** Tak pasti, saya tak pasti.

**PM2** Tak ingat, kamu tak ingatlah?

**HAIROL** Tak ingat.

**PM2** Tak ingat kamu tanya soalan itu kepada En Selva?

**HAIROL** Tak ingat.

**PM2** Sebab dia duduk dekat Penang, rumah ini mesti ada rumah tak tahu sewa ke sebab dia bukan duduk dekat sini.

**HAIROL** Cuma yang saya dapat tahu dia hanya sewakan pada Encik, itu siapa, pada Joshua Hilmy saya.

**PM2** So soalan itu –

**HAIROL** Satu saja.

**PM2** Soalan itu kamu tanya dengan En Selva?

**HAIROL** Ya Selva.

**PM2** Kamu menyewa rumah ini kepada siapa?

**HAIROL** Tapi dia kata bukan sewa, dia bagi duduk saja.

**PM2** Ok tak apa ya, so dia bagi duduk kepada Joshua lah?

**HAIROL** Kepada Joshua Hilmy itu saja.

**PM2** Adakah soalan tambahan kamu tanya dengan En Selva adakah orang lain duduk bersama?

**HAIROL** Tidak ada.

**PM2** Kamu cuma tanya pasal –

**HAIROL** Pasal Joshua Hilmy saja.

**CHM** Saya rasa En Hairol tak jawablah soalan Commissioner Jerald.

**HAIROL** Maksud Yang Arif?

**CHM** Bila Selva Raja kata dia tak bagi masuk kan, ini kes orang hilang kan ya, kita tak tahu orang itu di mana. Mungkin orang itu masih berada dalam rumah itu kan? Mati ke kan kita tak tahu. Jadi bila dia tak bagi masuk itu kan ataupun dia tak beri kerjasama macam mana boleh masuk rumah itu, soalan Commissioner Jerald , jadi adakah En Hairol merasa janggal atau apa tak sepatutnya dia buat saya macam ini. Saya pegawai polis nak masuk tengok, tak rasa janggal ke? Sebagai seorang pegawai penyiasat.

**HAIROL** Dalam –

**CHM** Itu soalan dia.

**HAIROL** Ya.

**CHM** Ya rasa janggal ataupun saya rasa tak janggal?

**HAIROL** Pada sayalah, bila kes orang hilang ini berbagai-bagai. Tapi apabila –

**CHM** Ok mula dulu dengan jawapan saya, janggal ke tak janggal?

**HAIROL** Apa janggal –

**CHM** Kalau tak janggal jelaskan, kalau janggal jelaskan. Janggal ke tak janggal?

**HAIROL** Tak janggal pada saya.

**CHM** Tak janggal ya?

**HAIROL** Tak janggal pada sayalah.

**CHM** Ok.

**HAIROL** Tak janggal kerana dia membenarkan juga saya masuk dalam rumah dan membenarkan masuk kawasan rumah memecah pagar, lock dia and then masuk kawasan rumah dan minta izin untuk tangkap gambar, saya nak masuk dalam rumah. Jadi dia hanya benarkan di luar dan dia kata, apabila dia kata 'ok you boleh selak apa ini langsir dan tingkap, you boleh ambil gambar' jadi di situ pun dah ada satu pada saya aset untuk saya membuat siasatan awal di situ. Pada sayalah. Jadi saya anggap benda itu tak janggal kecuali saya, ya lah macam Yang Arif cakap tadi jika ada kejanggalan baru saya akan teruskan lagi, mungkin lebih agresif atau itulah.

**CHM** Jadi En Hairol rasa puas hatilah dapat ambil gam bar daripada tingkap saja, rasa puas hati?

**HAIROL** Setakat jangka masa yang suntuk saya ada, saya puas hati setakat itu siasatan saya.

**CHM** Tingkap itu macam mana, dia ada gril tak?

**HAIROL** Ada gril jadi kita –

**CHM** Gril itu berkunci atau boleh buka gril itu? Ini gril dulu.

**HAIROL** Saya tak pasti yang belah dalam, saya tidak pasti.

**CHM** Ya?

**HAIROL** Belah dalam gril saya tidak pasti.

**CHM** Gril biasa di luar kan? Mula-mula gril lepas itu baru tingkap cermin itu kan?

**HAIROL** Jadi cuma kami, saya dapat buka –

**CHM** Dia gril macam mana, yang bar?

**HAIROL** Saya tak ingat, saya tak ingat Yang Arif tapi memang kita boleh buka tingkap.

**CHM** Tingkap jenis apa itu? Jenis yang louvre itu ke yang pakai nako itu?

**HAIROL** Tingkap, nako, tingkap nako.

**CHM** Nako itu.

**HAIROL** Jadi kita boleh buka, nako lama itu.

**CHM** Ok.

**HAIROL** Boleh buka, kita boleh orang kata selak.

**CHM** Boleh dibuka?

**HAIROL** Boleh tapi sikitlah, sikit saja kan. Tak pecah, tak apalah, tak macam pencurilah. Pencuri itu. Jadi kita dapat tangkap gambar dalam. Memang barang dalam dah lama tak digunakan, itu saja.

**CHM** Tapi dari ambil gambar daripada berapa tingkap?

**HAIROL** Saya tak ingatlah Yang Arif.

**CHM** Kan ada ruang tamu, dapur, bilik kan?

**HAIROL** Ada, ada. Tapi saya tak ingat. Memang kita ada ambil dapur, bilik, ruang tamu.

**CHM** Ada?

**HAIROL** Ada, kita ada ambil. Saya tak ingat dah tapi memang ada ambil.

**CHM** Ok En Hairol kata ada buat pemantauan nak tengok siapa keluar masuk ke? Ada buat pemantauan ya?

**HAIROL** Itu yang pertama sahaja. Hari yang pertama. Hari –

**CHM** Ada buat pemantauan?

**HAIROL** Yang pada hari pertama saja. Selepas pada itu tidak sempatlah saya nak buat.

**CHM** Berapa lama buat pemantauan? Berapa lama tunggu, dalam keretalah?

**HAIROL** Saya tunggu dalam kereta.

**CHM** Berapa lama buat pemantauan itu? Satu jam, dua jam, setengah hari?

**HAIROL** Lebih kurang dalam hampir 40 minitlah saya tunggu.

**CHM** Sekejap saja kalau kamu buat pemantauan itu –

**HAIROL** Sekejap saya, saya tidak sebab saya, ya Yang Arif saya Ketua Polis Balai, saya tak dapat beri tumpuanlah lebih pada situ, banyak lagi

hendak kerja-kerja yang saya terpaksa orang kata laksanakan. Minta maaf Yang Arif saya, itu jawapan saya.

**CHM** Ok pemantauan selama 40?

**HAIROL** 45 minit untuk melihat, ya.

**CHM** Daripada jalanlah?

**HAIROL** Daripada tepi jalan.

**CHM** Di dalam kereta, motokar.

**HAIROL** Dalam kereta, saya diam, kita tengok saja. Tak ada pergerakan apa lebih setengah jam, 40 minit jadi saya terus balik pada siasatan rakan saya itu yang kita dah dapat alamat ini.

**CHM** Ini waktu bila ini? Sebelah pagi, tengah hari, petang, malam? Semasa buat pemantauan ini?

**HAIROL** Saya bila dapat IP itu saya terus, saya tak ingat. Keesokannya ataupun hari lepas itu saya pun tak ingat. Saya memang ada buat, saya buat dalam masa tengah hari tak silap saya.

**CHM** Tengah hari ya?

**HAIROL** Tengah hari, mungkin orang itu akan balik rumah, itu anggapan sayalah, tapi tidak ada pergerakan waktu itu.

**CHM** Ok baik ya.

**HAIROL** Ok terima kasih.

**CHM** Ya Puan.

**PM1** Ok Tuan, tadi disebut Tuan adalah penyambung –

**HAIROL** Siasatan.

**PM1** Penyambung siasatan ya. So menerima itu tugasan itu 5hb?

**HAIROL** Oktober.

**PM1** Oktober.

**HAIROL** Ya.

**PM1** Ok sebab saya tidak begitu arif tentang bab macam mana urusan itu.

**HAIROL** Ya.

**PM1** Bagaimana proses penyerahan, ok sebab sebelum itu Sarjan Sibee kan?

**HAIROL** Sibee.

**PM1** Sibee. So jadi macam mana dia ya? Maknanya ada dia kena brief Tuan ke atau macam mana? Just terima dokumen saja ke?

**HAIROL** Saya terima directly daripada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah.

**PM1** So you tak jumpalah Tuan?

**HAIROL** Tidak jumpa, Sarjan Sibee tak jumpa.

**PM1** Tidak jumpalah jadi tidak ada proses yang dia memaklumkan ini ada orang bernama Joshua Hilmy hilang?

**HAIROL** Tak adalah.

**PM1** Tak ada ya?

**HAIROL** Saya tak ingat waktu itu tak ada. Cuma saya berhadapan dengan KBSJD sahaja untuk meneruskan siasatan.

**PM1** KP apa tadi KP?

**HAIROL** Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah.

**PM1** So dia yang kata suruh cari alamat?

**HAIROL** Dia suruh cari alamat, tindakan –

**PM1** Itu standard operating procedure lah kan?

**HAIROL** Daripada –

**PM1** Cari alamat sebab katanya tadi pergi contact telco, contact –

**HAIROL** Ya, saya memenuhi apa ini arahan yang telah dibuat oleh Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah.

**PM1** Ok sebab saya nak tahu sebab kes Joshua Hilmy ini agak luas ya isu dia bagi sayalah sebagai rakyat jelata macam inilah. Pada ketika itu bila Tuan menerima arahan itu ada tak terfikir dalam benak pemikiran bahawa ini kes berat ini ataupun bagi Tuan ini hanyalah salah satu kes biasa saja?

**HAIROL** Bila saya terima siasatan itu saya ingat orang hilang biasalah.

**PM1** Biasa sajalah?

**HAIROL** Hilang biasalah saya tak ada fikir apa, saya ikut arahan. Jadi itu yang siasatan yang saya buat.

**PM1** I see. So tidak tahu yang status apa, Joshua Hilmy ini agak berlainan sikit?

**HAIROL** Memang saya tidak tahu.

**PM1** Masa itu tidak tahu ya?

**HAIROL** Masa itu tidak tahu.

**PM1** Tentang, saya kena tanyalah, tahu tak tentang kes kehilangan lain-lain selain daripada kes siapa nama Joshua Hilmy ini? Sebab ya katanya ini pertama kali?

**HAIROL** Joshua Hilmy, saya memang tak tahulah.

**PM1** Ok.

**HAIROL** Siapa-siapa semua, saya dah dapat siasatan ini itulah.

**PM1** Itu awak punya tugas?

**HAIROL** Tugas saya, itu saja yang saya tahu.

**PM1** Ok terima kasih Tuan.

**HAIROL** Sama, terima kasih.

**PM2** Sarjan Sibee bersara bila ya?

**HAIROL** Saya tak pasti Yang Arif, saya tak ingat.

**PM2** Tapi dia di Balai Polis yang sama kan?

**HAIROL** Dia di Balai Polis IPD Petaling Jaya. Saya di Balai Polis Sungai Way, itulah berbeza lah.

**PM2** Tapi waktu kamu diberi fail yang baru ini dia dah bersaralah?

**HAIROL** Tidak pasti.

**PM2** Tapi kamu tahu dia itu memang Pegawai Penyiasat, Sarjan Sibee?

**HAIROL** Setelah apa ini KBSJD beri dan saya tengok memang yalah ketahui dialah sebagai Pegawai Penyiasat pertama itu. Itu sahaja.

**PM2** Sarjan Sibee.

**HAIROL** Sarjan Sibee.

**CHM** Sarjan Sibee dengan En Hairol lah, Balai Polis yang sama ya, Sungai Way kan? Dia bukan?

**HAIROL** Tak, tidak. Sewaktu saya lapor diri, Sarjan Sibee dah tak ada di Balai Sungai Way.

**CHM** Tapi balai yang samalah?

**HAIROL** Tak, balai lain. Dia di Balai Polis IPD Petaling Jaya.

**CHM** Sungai Way?

**HAIROL** Saya Balai Polis Sungai Way.

**CHM** Sarjan Sibee?

**HAIROL** Sibee di Balai Polis Petaling Jaya. Balai Polis.

**CHM** I was thinking that he was the same –

**HAIROL** Yes, dia berbeza-beza.

**PM1** I thought they were together. No.

**CHM** So saya ingat dia, bukan dia Sungai Way ke Sarjan Sibee?

**HAIROL** Tidak, tidak.

**CHM** No? Maksud saya Sungai Way. Sarjan Sibee dia Sarjan di Sungai Way.

**HAIROL** Tidak, waktu saya lapor diri dia tidak ada. Hanya dua Sarjan saja di situ. Dia tidak ada.

**CHM** Tak ada dah –

**HAIROL** Dia dah bertukar ke Balai Polis Petaling Jaya.

**CHM** Dia dah tukar?

**HAIROL** Dah tukar dah.

**CHM** Dah bertukar.

**HAIROL** Dia bukan lagi di Balai Sungai Way, tidak ada.

**CHM** Dia dah bertukar?

**HAIROL** Dah bertukar.

**CHM** Tapi belum bersara lagilah?

**HAIROL** Waktu itu belum lah setahu saya.

**CHM** Dah bertukar.

**HAIROL** Bertukar ke IPD Petaling apa, Balai Polis Petaling Jaya. Saya tak tahu apa jawatan dia, tak ingatlah.

**CHM** Ok, ok, ok.

**[11:15AM]**

**PM2** Sorry nak tanya sikit.

**HAIROL** Ya.

**PM2** Encik, ASP kamu masuk bulan Januari ya?

**HAIROL** Hujung bulan Januari kalau tak silap saya. Pertengahan.

**PM2** So, Pegawai Penyiasat untuk kes ini di Balai Sungai Way, siapa yang Pegawai Penyiasat waktu kamu sebagai Ketua Balai Polis Sungai Way, siapa IO untuk kes ini?

**HAIROL** Hanya –

**PM1** Sebab Sarjan Sibee sentiasa di –

**HAIROL** Kes ini memang saya tak tahu asalnya.

**PM2** Tapi Sarjan Sibee awal dia di sana kan di Sungai Way kan?

**HAIROL** Awalnya di sana tetapi bila saya bertukar dia tidak ada di sana.

**PM2** Tapi investigation –

**HAIROL** Dia dah bertukar.

**PM2** Tapi kes dia masih, the file IO investigation paper masih lagi?

**HAIROL** Itu saya tak pasti, dia buat, tidak ada diberitahu apa-apa pada saya.

**PM2** Tapi Tuan adalah Ketua Balai Polis Sungai Way kan?

**HAIROL** Betul. Tapi untuk pergerakan IP itu saya tidak pasti di tangan dia atau dengan siapa. Sebab saya macam mana saya nak cakap? Saya dapat tahu 5hb Oktober itu yang diarahkan pada saya baru saya tahu untuk saya buat ke apa ini, sambung siasatan kes orang hilang, itu saja.

**PM2** Ok so bila di lantik sebagai Ketua Balai.

**HAIROL** Ya.

**PM2** Januari 2018.

**HAIROL** Ya.

**PM2** Adakah salah satu tugas kamu adalah untuk melihat semua fail-fail investigation paper yang di bawah Balai Polis Sungai Way, sebagai Ketua Polis kamu harus tahu siapa yang ditugaskan menyiasat, who is the IO untuk ini. Semasa dari bulan Januari sampai bulan Oktober, tak pernah kamu tahu yang pernah ada kes fail di sini di Sungai Way ini?

**HAIROL** Tidak pernah, saya tidak pernah tahu. Kes orang hilang biasa itu adalah sebab itu saya

**CHM** Saya keliru sekejap ya, nak dapatkan kepastian ya.

**HAIROL** Ok.

**CHM** Dalam 10 bulan itu.

**HAIROL** Ya.

**CHM** 10 bulan En Hairol di Balai Polis Sungai Way kan, Sungai Way.

**HAIROL** Ya.

**CHM** Siapa Pegawai Penyiasatan dalam kes ini? Siapa Pegawai Penyiasatan?

**HAIROL** Maksud Yang Arif?

**CHM** Adakah En Hairol diarahkan, En Hairol kamu sekarang ini is the IO on this case or ada orang lain tapi En Hairol terlibat kerana Ketua Balai? Saya nak tahu penjelasan.

**HAIROL** Saya –

**CHM** Adakah En Hairol ditugaskan untuk menjadi IO dalam kes ini ataupun orang lain sebenarnya IO tapi oleh kerana En Hairol adalah Ketua Balai, kan you are in charge, you are terlibat in that sense, saya nak tahu kepastian?

**HAIROL** Saya keliru dengan soalan Yang Arif. Tapi saya boleh jawab, saya tahu kes ini setelah diserahkan pada 5hb Oktober itu. Adi baru saya tahu apa cerita. Siasatan itu saya buat cerita orang hilanglah.

**CHM** Bermakna En Hairol –

**HAIROL** Makna sebelum itu saya memang tak tahu.

**CHM** En Hairol diarahkan untuk menjadi IO lah?

**HAIROL** Pada 5hb Oktober itu.

**CHM** Yalah untuk jadi IO?

**HAIROL** Jadi itu, jadi penyiasat sambung.

**CHM** IO. So you were the IO?

**HAIROL** Ya pada waktu itu.

**CHM** Ok lah.

**HAIROL** Jadi yang ke belakang itu saya tak tahu apalah waktu itu.

**CHM** Do you check who is the IO immediately before you, sebelum you siapa dia?

**HAIROL** Setelah –

**CHM** Immediately, sebelum ya siapa dia IO nya?

**HAIROL** Selepas kertas siasatan itu diberi, baru saya nampak, tahu itu Sarjan Sibee.

**CHM** IO?

**HAIROL** IO dia.

**CHM** Tapi dia dah tak ada lagi di –

**HAIROL** Dia tak ada di Sungai Way waktu itu.

**CHM** Dah ditukarkan ke IPD?

**HAIROL** Ke balai, IPD, Balai Polis Petaling Jaya.

**CHM** Ok saya clear now, I see, ok.

**HAIROL** Itulah Yang Arif.

**PRS** Dear panel members, I would like to refer to Exhibit 8 together with Exhibit 11. Ok based on this police report, this was made by Ram Ram Elisabeth on 28.02.2018 which is at Sungai Way ok. So I would like to refer to Exhibit 11 now. This was a picture by Ram Ram Elisabeth with Sarjan Sibee on the day that he went to complain regarding the disappearance of Luth Sitepu.

**CHM** Date? The date?

**PRS** Date was 28, the pictures date wasn't mention but based on Ram Ram Elisabeth previous statement went he was called as a witness, he stated that this pictures was taken as a proof that he made a complaint in Balai Polis Sungai Way.

**CHM** So what is your point here? Trying to –

**PRS** I would like –

**CHM** Showing these two exhibit together, your point here? What is your point?

**PRS** Sarjan Sibee was at Sungai Way Police Station but at the time of February 2018.

**CHM** I see.

**PRS** Yes. And which is Tuan was there, he started work, he started his carrier at, he started being a Ketua Balai Polis at Sungai Way on January 2018.

**CHM** Faham, faham ya?

**HAIROL** Ok I understand.

**CHM** Maksud peguam ya.

**HAIROL** Tapi waktu saya lapor diri di sana Sarjan Sibee memang dah di sana, di Balai Polis Petaling Jaya. Jadi sebab itu saya tak tahu perkara itu. Itu pun saya tak tahu dulu bilik mana. Ketika itu.

**PRS** Adakah Tuan cam –

**HAIROL** Saya tidak cam.

**PRS** Pegawai Polis dalam gambar tersebut?

**HAIROL** Saya cam dia sahaja.

**PRS** Siapa?

**HAIROL** Sarjan Sibee.

**PRS** Sarjan Sibee kenal?

**HAIROL** Kenal dia. Tapi itu pun setelah apa ini, saya yalah saya pergi ulang-alik, ulang-alik saya kenallah.

**PRS** Ulang-alik dari mana itu?

**HAIROL** Macam itu, daripada Balai Polis Sungai Way pergi meeting, ada terserempaklah, tahulah dia tapi dalam hal itu saya tidak tahulah. Dalam hal siasatan ini saya tidak tahu.

**PRS** Tapi tadi Tuan bercakap, tak Tuan tadi memberi jawapan bahawa Pegawai Penyiasat untuk kes sebelum ini, Pegawai Penyiasatan untuk kes ini adalah Sarjan Sibee, so adakah Tuan tidak terlintas dalam pemikiran Tuan untuk bertanya dengan Sarjan Sibee mengenai kes kehilangan ini?

**HAIROL** Tidak.

**PRS** Tidak?

**HAIROL** Saya tidak. Sebab saya lapor and then saya menjalankan tugas-tugas untuk di balai dan yang hal sebegini pun sehingga saya beritahu tadi 5hb Oktober baru saya tahu setelah diserahkan IP kepada saya, itu saja saya tahu. Lebih itu memang saya tak tahu.

**PRS** Tuan tidak tahu, ok tadi Tuan kata peranan dan skop tugas Tuan adalah salah satunya untuk mengklasifikasikan laporan polis dan juga untuk memerhatikan laporan polis yang didapati, dibuat di Balai Polis Sungai Way.

**HAIROL** Ya.

**PRS** Apabila dapat, sebab yang laporan polis ini bertarikh 28.02.2018.

**HAIROL** Ok.

**PRS** Bermakna Tuan telah bermula berkhidmat di Balai Polis Sungai Way, adakah Tuan telah mendapat untuk melihat laporan polis ini?

**HAIROL** Ok. Kebiasaanlah kalau satu-satu kes itu ada kaitan dengan kes yang dah dibuka, di siasat, dia akan terus saja ROR kepada melalui sistem kepada sangkut dengan kes tersebut. Jadi dalam keadaan itu saya anggap perkara biasalah. Contoh macam itulah. Jadi perkara ini apabila siasatan dah dibuka, ada apa-apa laporan polis yang bersangkut ini terus saja ke sana. Terus saja bersangkut dengan laporan yang pertama. Jadi saya memang, jadi kita dah benda itu dah di classified ROR ke arah, ke apa, di serah kepada siasatan yang pertama itu sajalah.

**CHM** Sebentar, sebentar.

**HAIROL** Saya –

**CHM** Setelah di classify ROI, apa maksud itu?

**HAIROL** ROR, macam mana saya kata? Refer order to, maksudnya kes bersangkut, macam mana Tuan? Refer to report dia, jadi dia bersangkut dengan kes yang dah dibuka. Itu yang saya, memang saya pun masih baru pada waktu itu dan banyak lagi perkara nak nak di belajar jadi saya memang, yang saya dapat tahu begitulah Yang Arif.

**PRS** Kalau macam itu Tuan, siapakah IO ataupun Pegawai Penyiasat untuk kes laporan polis ini?

**HAIROL** Setelah saya dapat yang apa, IP yang sebenarnya baru saya tahu Sarjan Sibee lah yang siasat. Itu yang saya dah tahu jadi sebab itu dalam keadaan itu saya pun bila terima IP, tindakan yang perlu saya ambil, saya ambillah. Itu.

**PRS** Apa yang ternyatakan dalam, dinyatakan dalam IP tersebut, apakah siasatan awalan yang dinyatakan dalam IP tersebut yang dilakukan oleh Sarjan Sibee?

**HAIROL** Saya kalau macam mana nak cakap? Saya tak ingatlah Yang Arif. Tuan Yang Arif. Saya cuma bila saya dapat saja IP tersebut, saya teruskan

dengan arahan-arahan itu untuk mengesan orang hilang ini secepat mungkin.

**CHM** Bila dapat IP itu En Hairol akan dapati sebelum ini Sarjan Sibee IO.

**HAIROL** Betul.

**CHM** Ada panggil Sarjan Sibee tak nak bincang untuk brief En Hairol?

**HAIROL** Saya tan ingat Yang Arif, saya tak ingat. Cuma saya dapat daripada KBSJD dia bagi tahu 'ok Hairol, engkau ambil tindakan ini, ini untuk mengesan OH'. Itu saja. Jadi saya tak ingat perbincangan dengan Sarjan Sibee itu saya tak ingat.

**CHM** Tak ingat?

**HAIROL** Tak ingat, saya tak ingat. Ada atau tidak saya tak ingat, saya tak pasti. Tapi untuk bila dapat IP untuk saya meneruskan siasatan itu saya ingat.

**CHM** Tapi pada kebiasaannya, bukan sepatutnya tindakan yang sepatutnya is discuss, mendapatkan briefing daripada Sarjan Sibee?

**HAIROL** Saya rasa tak perlu.

**CHM** Pasal bagi En Hairol, En Hairol orang baru dalam kes ini.

**HAIROL** Ya saya memang, saya first timer.

**CHM** Orang yang baru kan, nak tahu kan.

**HAIROL** Pertama kali buat itu.

**CHM** Jadi tak, ada bincang tak, panggil Sarjan Sibee untuk brief?

**HAIROL** Saya tak ingat Yang Arif, saya tak ingat. Saya dapat saja daripada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah itu, dia ada bagi tahu ok 'you

kena buat tindakan ini', saya terus laksanakan tugas, tindakan tersebut untuk secepat mungkin.

**CHM** Semasa En Hairol di tugas, arahkan untuk bertukar ke Balai Polis Sungai Way sebagai Ketua Balai ya?

**HAIROL** Ya saya.

**CHM** Ada berada Sarjan di situ?

**HAIROL** Dua saja.

**CHM** Siapa dia Sarjan?

**HAIROL** Sarjan Nur Lizan, saya tak ingat nama, satu lagi Sarjan Hamran. Dua orang saya ada Sarjan.

**CHM** Sarjan Nur Lizan?

**HAIROL** Nur Lizan dengan Sarjan Hamran.

**CHM** Amran.

**HAIROL** Hamran tak silap nama saya.

**CHM** Dua-dua pangkat Sarjan?

**HAIROL** Dua-dua pangkat Sarjan.

**CHM** Ada seorang Sarjan Mejar tak?

**HAIROL** Itu Timbalan Ketua Polis Balai.

**CHM** Ada?

**HAIROL** Ada.

**CHM** Sarjan Mejar, siapa nama?

**HAIROL** Sarjan Mohd Noor.

**CHM** Mohd Noor dan dua orang Sarjan?

**HAIROL** Dua orang Sarjan. Itu saja.

**CHM** Ok, ok. Sarjan Sibee memang tak ada ya?

**HAIROL** Memang tak ada waktu itu. Itulah, sekarang saya pun nak cakap macam mana lagi, tak ada orang.

**PM2** Terima kasih. Cuma nak adakah keterangan, Exhibit 8 is on the screen is it? Cuma tolong bagi penjelasan, nombor repot ini ditulis, boleh lihat nombor repot Balai Petaling Jaya, Daerah Petaling jaya, Kontinjen Selangor, Nombor repot Sungai Way/002209/18 ya. Kalau nombor repot sebegini maksud dia dibuat di Balai Polis Sungai Way?

**HAIROL** Tidak, dia buat di Daerah Balai Petaling Jaya, atas sekali.

**PM2** Yang balai itulah di atas?

**HAIROL** Balai Petaling Jaya, dia tak buat di Sungai Way.

**PM2** Ok so this is in Balai Petaling Jaya?

**HAIROL** Ya di atas itu. Balai Petaling Jaya. Cuma betullah, dia Balai Petaling Jaya.

**PM2** Ok. So ya I wanted to because the existing officers handed this exhibit to say that it was Balai Polis Sungai Way.

**PRS** Yes, that is why based on our understanding from Balai Polis Sungai Way.

**PM2** But according to how the police report is stated clearly, maybe as I see you can assist us on report, how the categorisation of report would this be correct to read that balai means Balai Petaling Jaya is where the report was done.

**ADY** Ok just to be sure Commissioner. Ok on this report that we can see the word balai there is means where the report was made. So daerah it will definitely will be reflecting the daerah which is relevant to the report been made and Sungai Way is another with regards to the report of the incident happen in which balai.

**PM2** Ok.

**ADY** Am I clear?

**PM2** So which means that you can affirm that this report was done in Balai Petaling Jaya lah ok.

**ADY** Yes.

**PM2** Ok.

**ADY** Based on the balai there.

**PM2** On, based on the report is very clearly said that ya?

**ADY** Yes.

**PM2** Yes, so the first line, so thank you assisting.

**ADY** Thank you.

**PM2** So maybe should be stand corrected then.

**PRS** Yes my apologise panel members and also apologise for witness regarding this matter. So we will correct it later on.

**[11:30AM]**

**CHM** What? You will correct what?

**PRS** We will correct in manner that this report was made in Petaling Jaya which will be referred to Sungai Way Police Station.

**ADY** I think the Balai Petaling Jaya means the Police Station Petaling Jaya, Balai Petaling Jaya. It's not IPD Petaling Jaya. So the report means made in Balai Petaling. It can be like for example because quite confusing because if the two terms there, two words there Petaling Jaya and Petaling Jaya, I just put the simple scenario for instead in Daerah Petaling Jaya we have also Kelana Jaya. So if Kelana Jaya the word Balai Kelana Jaya that mean the report is made in Balai Kelana Jaya. But it's referring to report number Sungai Way, Sungai Way report where the incident happen.

**HAIROL** Yes.

**ADY** As made as regard, we can make the report anywhere. Maybe in Seremban but it's related to which district punya report or incident. If for example Sungai Way is Sungai Way lah. So the report will be a Sungai Way report where else the pengadu might be in Seremban who make the report than balai yang di report will be Balai Seremban for instance. I hope I make it clear Yang Arif.

**CHM** Yes. Yes. So there is an IPD, there is a Balai in PJ.

**ADY** Yes.

**CHM** IPD pun ada balai?

**ADY** Balai under IPD.

**CHM** There are the same compound kan?

**ADY** Is the same compound.

**CHM** Yes, yes But I thought there used to be the practice, if they ask you where the incident took place, dia tengok is Sungai Way, they will say you go to Sungai Way and make your report there.

**ADY** No.

**CHM** No.

**ADY** For now it doesn't happen that way.

**CHM** Yes.

**ADY** Now you can make report anywhere.

**CHM** But it was practice once kan? Yes?

**ADY** Yes.

**CHM** Yes.

**ADY** It was long time ago.

**CHM** Yes, yes, yes.

**ADY** Because whatever it is if you make a report out station, you still need to, go back to the for example you still need to go back to Sungai Way because the investigating officer is there and the statement to be taken there.

**CHM** But then the report will be send to Sungai Way lah?

**ADY** Yes.

**CHM** And Sungai Way punya balai will take over lah?

**ADY** Yes.

**CHM** From then on?

**ADY** It will be the respected district punya what they call jurisdiction. So no matter dia buat apa report in Seremban or for example, they need to come back to Sungai Way because the investigation officer will be the PJ district punya IO. It won't be Seremban punya jurisdiction. The report can be made anywhere but the jurisdiction of the investigation will be in Sungai Way or in Petaling Jaya for that matter.

**CHM** Yes, yes.

**ADY** Yes.

**CHM** Ok thank you, thank you.

**ADY** Ok.

**CHM** Yes. What were you saying just now?

**PRS** I stand correct.

**CHM** Yes.

**PRS** Yes. Ok I would like to refer to Exhibit 1. Tuan, ini merupakan satu laporan polis yang dibuat oleh pengadu bernama Peter Pormannan A/L Annamalai. Adakah Tuan pernah berjumpa pengadu tersebut?

**HAIROL** Tidak pernah.

**PRS** Tak pernah ya.

**CHM** This is dated the 06.03.2017 ya kan?

**PRS** Ya.

**CHM** Yang tadi 2018 is it? Tadi yang tadi?

PRS 28.02.2018. This was made by the Peter Pormannan.

CHM This about a year earlier right?

PRS Yes.

CHM But it is in Klang ya?

PRS Yes it's in Klang.

CHM It is on the same subject matter kan?

PRS Yes.

CHM On the disappearance?

PRS Yes.

CHM Ok, ok.

PRS Tuan, ini juga merupakan kandungan dalam laporan polis ini juga merupakan berkaitan dengan kehilangan Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu yang berkaitan dengan Exhibit 8 tadi, laporan polis tersebut juga berkaitan tentang kehilangan Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu. Adakah Tuan telah membandingkan kedua-dua polis, laporan polis tersebut dan telah memulakan apa-apa siasatan?

HAIROL Tidak.

PRS Tidak. Tuan tidak, sebenarnya Tuan tidak berjumpa dengan pengadu Peter Pormannan?

HAIROL Tidak.

PRS Kenapa Tuan tidak berjumpa dengan –

**HAIROL** Ok, saya refer balik kepada saya dapat IP pada 5hb Oktober, saya mesti menyiapkan arahan yang diarah kepada saya untuk mengesan, untuk mencari di manakah kedudukan Joshua Hilmy, itu saja yang saya sempat buat.

**PM2** ASP, yang IP yang diserahkan itu IP yang mana satu sebab sekarang exhibit dia banyak. Can you show Exhibit 1 is that?

**PRS** Exhibit 1 is this.

**PM2** Yes which IP, did he confirm that IP yang diserahkan waktu 5hb Oktober itu.

**HAIROL** Ya.

**PM2** Yang itu berdasarkan repot mana. Report, can you show the –

**HAIROL** Saya rasa first report.

**PRS** First report yang –

**PM2** The one yang Exhibit 1 ke?

**PRS** Exhibit 06.03.2017.

**HAIROL** Bulan Mac?

**PRS** Yang itu Exhibit 1. Yang dibuat di Klang.

**HAIROL** Ok.

**PM2** No I just want that, let him, let ASP Hairol tell us IP itu berdasarkan repot mana yang dia telah diarahkan untuk menyambung penyiasatan. Yang mana satu itu?

**HAIROL** Yang dua, repot pertama saya tak ingat.

**PRS** Repot pertama –

**HAIROL** 2246 ke 47 ya?

**PRS** Yang Februari 2018?

**HAIROL** No, no, no.

**PM2** No, no, no. Exhibit 1.

**PRS** Exhibit 1 ok.

**HAIROL** First report.

**PRS** 06.03.2017.

**HAIROL** 06.03.2017?

**PM2** Is this the one?

**PRS** Ya Exhibit 1.

**HAIROL** Yes, repot yang pertama.

**PM2** Yang ini ya?

**HAIROL** I think exhibit inilah.

**PRS** Exhibit ini?

**HAIROL** Dua-dua.

**PM2** What does he look, sama dengan ini, ASP Hairol sama ini ya? Can you see the –

**PRS** Yang nombornya Sungai Way/002249/17.

**HAIROL** Ya.

**PRS** Betul ya.

**HAIROL** Repot pertama.

**PRS** Ya.

**HAIROL** Berdasarkan repot pertama 2017.

**CHM** Dua repot itu akan dimasukkan dalam satu IP ya yang berkaitan kan?

**HAIROL** Ya.

**PM2** Soalan tadi faham ke? Arahan yang diberikan oleh KBSD?

**HAIROL** KBSJD ok.

**PM2** Adalah untuk menyambung penyiasatan dan IP berdasarkan repot ini 20,002249/17?

**HAIROL** Ok.

**PM2** Adakah IP atau repot-repot lain juga dimasukkan bersama dalam satu fail atau cuma kamu fokus cuma repot ini saja?

**HAIROL** Ok. Apabila terima IP atas repot yang pertama saya memfokuskan arahan terkini untuk sambung siasatan. Jadi saya tak lengahkan ke situlah. Makna kata saya ambil terus tengok apa arahan terkini, untuk mengesah OH. Itu saya punya fokus saya.

**PM2** So cuma satu, kamu fokus satu saja?

**HAIROL** Fokus untuk repot.

**PM2** Laporan ini sajalah?

**HAIROL** Joshua Hilmy itu.

**PM2** Satu saja, bukan yang laporan ini sajalah?

**HAIROL** Laporan itu.

**PM2** Tak ada kaitan dengan laporan-laporan lain?

**HAIROL** Yang lain-lain tidak ada.

**PM2** Ok.

**HAIROL** Saya laporan itu.

**PM2** This one the one.

**HAIROL** That one.

**PM2** This IP the, he was given the file is on this, on the first Exhibit 1.

**CHM** 17?

**PM2** Ya 17.

**HAIROL** Ya

**CHM** 17. Ok this 17, this is by Pormannan kan?

**HAIROL** Peter Pormannan.

**CHM** Yang the other report itu by whom yang repot tadi?

**PRS** Ram Ram.

**CHM** Ram Ram.

**HAIROL** Ya.

**CHM** Ram Ram. Saya nak dapatkan kepastian.

**HAIROL** Ya.

**CHM** Oleh kerana ada dua repot ini ada kaitan, ada common benda yang sama kan, kehilangan orang yang sama. Dua-dua repot ini pada lazimnya akan dimasukkan dalam satu IP kan bukan tidak ada dua IP dia buka kan? Masih dalam satu IP ya?

**HAIROL** Lazimnya begitulah. Lazim. Jadi maksud Yang Arif?

**CHM** Jadi En Hairol ada lihat dua-dua laporan ini yang 2017 dan 2018, ada nampak IP dua-dua laporan ini?

**HAIROL** Saya tengok laporan yang pertama dan compare dengan arahan KBSJD saya meneruskan siasatan untuk fokus mencari Joshua Hilmy. Yang itu saya tak ingat.

**CHM** Yang selain daripada itu boleh ingat ya laporan itu yang 2017?

**HAIROL** Yang 2017 sebab dua first memang saya kena tengok baru saya tahu. Jadi arahan itu bersangkut dengan 2017 punya kes.

**CHM** Yang laporan yang kedua itu yang 2018 tadi?

**HAIROL** Itu saya kata daripada awal memang saya –

**CHM** Ada ingat tak, ada –

**HAIROL** Itu tak ingat, saya tak ingat.

**CHM** Tak ingat?

**HAIROL** Sebab saya fokusnya mencari Joshua Hilmy. Fokus saya waktu itu.

**CHM** Yalah itu –

**HAIROL** Dalam masa yang singkat itu saya cuba mencari Joshua Hilmy itu saja.

**CHM** Ok.

**HAIROL** Lain tidak ada.

**PRS** Tuan, untuk kepastian kami, berdasarkan yang laporan pertama tadi yang bertarikh 06.03.2017, tindakan yang Tuan, tindakan Tuan adalah berkaitan untuk mencari kehilangan orang yang hilang sahaja betul?

**HAIROL** Betul.

**PRS** Adakah Tuan telah berjumpa sesiapa saksi ya atau untuk merakamkan percakapan mereka?

**HAIROL** Ok. Saya ulang balik.

**PRS** Adakah Tuan berjumpa sesiapa yang berkaitan tentang kes ini berdasarkan laporan pertama tadi?

**HAIROL** Tidak ada.

**PRS** Tidak.

**PM2** Tapi Puan yang saya fahamkan ASP Hairol cakap berdasarkan laporan itulah dia membuat penyiasatan untuk pergi ke Pulau Pinang membuat penyiasatan dan soal siasat dengan Selva.

**HAIROL** Selva.

**PM2** So what you ask is selain daripada Selva adakah orang lain yang, mungkin, itu, is that your question? Mungkin boleh jelaskan?

**SK** Tuan, apabila sebab laporan yang pertama adalah laporan bersangkut dengan laporan kedua kan atau the other way? Yang laporan polis yang pertama pada Mac 2017.

**HAIROL** Ok.

**SK** Ya kalau Tuan itu adalah kes bersangkut itulah apa yang dibuat pada 2018 kan oleh Ram Ram bila dibuat pada 2018 kan?

**HAIROL** Ya betul.

**SK** Ok jadi Tuan mendapat fail –

**PM2** Adakah faham soalan itu?

**HAIROL** Saya tak faham ya.

**PM2** En Simon sorry.

**SK** Ok dia ada dua laporan polis, laporan pertama dan laporan kedua. Tuan dapat fail untuk menyiasat. Bila Tuan mendapat bermaksud dua-dua aduan laporan polis itu sudah ada dalam fail ke?

**HAIROL** Saya tak ingat, saya tak ingat. Cuma saya fokus pada laporan yang pertama dengan arahan yang terkini saya terima, itu saya fokuskan. Untuk yang kedua itu saya tak ingat.

**SK** Jadi soalan daripada rakan saya tadi untuk kepastian, memang kami tahu Tuan telah menjurus kepada arah pada masa tersebut.

**HAIROL** Ok.

**SK** Untuk kepastian, adakah Tuan memeriksa saksi, apakah tindakan yang telah diambil sebelum itu?

**HAIROL** Maksudnya?

**SK** Berdasarkan laporan pertama, apakah tindakan yang telah diambil oleh Pegawai Siasatan?

**HAIROL** Ok.

**SK** Ada tak Tuan memeriksa?

**HAIROL** Apabila saya terima IP tersebut, saya mengesan laporan apa ini, orang hilang berkaitan dengan Joshua Hilmy yang saya katakan tadi, itu saja.

**SK** Ok.

**HAIROL** Itu tindakan saya mencari.

**SK** Ok.

**HAIROL** Ok.

**SK** Dan adakah Tuan juga memeriksa siapakah saksi-saksi yang telah dirakamkan keterangan sebelum itu?

**HAIROL** Tidak.

**SK** Tidak?

**HAIROL** Tidak.

**SK** Itu saja.

**HAIROL** Saya mencari saya punya yang ke depan maksudnya saksi saya yang tadilah, awal yang saya maklum. Itu saja.

**SK** Ok.

**HAIROL** Saya tak cari, saya cari yang terkinilah saya punya.

**MFR** Assalamualaikum.

**HAIROL** Waalaikumsalam.

**MFR** Selamat pagi Tuan, panel member I would like to ask a few question regarding Mr Simon. So Tuan tadi maklumkan kepada panel bahawa Tuan dapat IP 05.10.2018 dalam konteks yang sama tuan berdasarkan arahan daripada KBSJD dan laporan polis tersebut Tuan telah menjalankan siasatan lanjutan. Ok Tuan saya punya soalan adalah, bila Tuan terima IP tersebut, adakah Tuan lihat isi kandungan tindakan yang telah diambil oleh Pegawai Penyiasat sebelum ini?

**HAIROL** Tak sempat.

**MFR** Tak sempatlah?

**HAIROL** Tak sempat.

**MFR** Tak sempat ke maksudnya ada tindakan atau tiada tindakan?

**HAIROL** Ada tindakan tapi saya, ada tindakan, kalau tidak ada saya tak pastilah tapi maksud saya ini macam mana ya? Tindakan oleh Sarjan Sibee itu saya tidak pasti.

**MFR** Tidak pasti?

**HAIROL** Saya tidak pasti.

**MFR** Jadi Tuan hanya berdasarkan arahan daripada KBSJD –

**HAIROL** Ya.

**MFR** Melakukan tindakan susulan berdasarkan apa?

**HAIROL** Ya. Berdasarkan arahan untuk mengesan Joshua Hilmy, itu.

**MFR** Jadi dengan arahan mengesan Joshua Hilmy, tindakan Tuan adalah?

**HAIROL** Ok tindakan saya dengan merujuk agensi-agensi lain seperti Jabatan Pendaftaran juga telco, Digi, Celcom, Maxis, dan juga saksi-saksi yang sebagaimana awal saya ada bagi tahu. Jadi setakat yang saya dapat

Digi mengatakan, memberitahu bahawa nombor telefon tersebut bukan nombor telefon Digi. Dia saja bagi jawapan. Macam Telco dengan Celcom tak, jawapan tidak diperolehi waktu itu. Jadi hanya –

**MFR** Baik Tuan. Nombor telefon, nombor telefon Tuan dapat daripada mana?

**[11:45AM]**

**HAIROL** Nombor telefon ini yang tertera dalam repot pertamalah.

**MFR** Exhibit 1 is that the numbers?

**HAIROL** Saya tak ingatlah Yang Arif. Saya tak ingat, banyak saya tak ingat. Tapi –

**MFR** So Tuan tak pastilah mana yang nombor telefon itu Tuan dapat daripada mana, dari mana?

**HAIROL** Saya tak ingat.

**MFR** Baik.

**HAIROL** Bukan tahu, tak ingat.

**MFR** So tadi Tuan kata ada merujuk dengan JPN.

**HAIROL** JPN.

**MFR** Ok. Berdasarkan apa Tuan nak rujuk dengan JPN?

**HAIROL** Alamat terkini.

**MFR** Alamat terkini daripada?

**HAIROL** Daripada Jabatan Pendaftaran Negara.

**MFR** Tak menjawab soalan itu Tuan.

**HAIROL** Maksudnya?

**MFR** Alamat yang Tuan dapat berkaitan dengan Joshua Hilmy itu Tuan dapat daripada mana untuk Tuan rujuk dengan JPN? Saya pasti tak ada alamat dalam laporan polis.

**HAIROL** Ok.

**MFR** So boleh saya katakan Tuan rujuk kepada IP yang asal tadi itu, maklumat-maklumat itu untuk Tuan dapatkan maklumat lanjutan?

**HAIROL** Saya tak ingatlah Tuan.

**MFR** Tak ingat?

**HAIROL** Tak ingat nombor telefon.

**MFR** Boleh saya katakan Tuan adalah merujuk kepada IP dan kemungkinan maklumat tersebut Tuan buat tindakan lanjutan? Tuan tak pasti juga?

**HAIROL** Tak pasti sebab saya dapat arahan saja saya terus buat dengan bantuan kawan-kawan. Itu sajalah, saya tak ingat, tak pasti.

**MFR** So jadinya makluman untuk saya apa yang cuba nak sampai dekat sini, maklumat yang Tuan buat untuk melakukan tindakan lanjutan itu kemungkinan daripada IP lah?

**HAIROL** Mungkin.

**MFR** Kalau tidak macam mana Tuan boleh mengadakan siasatan lanjutan.

**HAIROL** Mungkin.

**MFR** So finally Tuan, sekarang ini kita pasti Tuan ada terima IP tersebutlah. So berdasarkan period antara 5 sampai 10 itu Tuan ada merujuk dan melakukan tindakan lanjutan?

**HAIROL** Ya

**MFR** Ok. So maksud dekat sini ada –

**CHM** Sorry, sorry to interrupt you. I think it's a bit cold, is a best we take a toilet break.

**MFR** Ok.

**CHM** So we take a 10 minutes break and we resume after 10 minutes. Ok.

**END**

**TIME** : **11:48AM**

**DATE** : **10.09.2020**
**TIME** : **12:00PM**

**START**

**CHM** Teruskan ya.

**MFR** Ya. Boleh saya sambung? Baik. So tadi saya cakap tentang Hairol, kemungkinan Tuan merujuk kepada IP yang diberikan kepada Tuan pada 5 Oktober. So maksudnya memang ada tindakan yang dibuat oleh pegawai penyiasat yang sebelum ini?

**HAIROL** Ada.

**MFR** Ok.

**HAIROL** Baru teringat ada.

**MFR** Ok baik. Boleh Tuan terangkan serba sedikit?

**HAIROL** Saya... izinkan Yang Arif, saya rujuk nota kecil saya? Ok, yang saya dapat tengok di sini tindakan oleh pegawai penyiasat terdahulu iaitu merakam percakapan A1 iaitu.

**CHM** Siapa dia pegawai penyiasat terdahulu? Siapa dia?

**HAIROL** Terdahulu itu ialah Sarjan Sibee.

**CHM** Ok.

**HAIROL** Sarjan Sibee. Tindakan Sarjan Sibee, rakaman percakapan A1, bernama Peter Pormannan. Itu tindakan dialah, ambil rakaman percakapan yang pertama A1. Lepas itu percakapan –

**CHM** Sebentar, sebentar. Tarikh? Beritahu tarikh.

**HAIROL** Tarikh?

**CHM** Dan di mana direkodkan?

**HAIROL** Yang Arif, dalam saya punya nota kecil ini, saya memang tarikh tak ingat, cuma saya dapat nama Peter Pormannan, umur 54 tahun. Jadi diambil di mana, saya tak dapat nak pastikan. Saya tak ingat. Sebenarnya saya tak ingat. Minta maaf, Yang Arif, saya tak ingat samada di balai ataupun di mana, saya tak ingat.

**CHM** Tempat pun tak ingat, tarikh pun tak ingat.

**HAIROL** Tapi memang ada mengambil rakaman percakapan Pengadu A1. Memang ada dalam IP itu.

**CHM** Mana En Hairol dapat maklumat ini? Dari ingatan ataupun ada merujuk mana-mana?

**HAIROL** Saya merujuk pada... apa ini... laporan polis dibuat 2249, dalam IP. Cuma tarikh dan tempat saya tak ingat, Yang Arif.

**CHM** Ok.

**HAIROL** Tapi memang ada.

**MFR** Tuan, IP ini dirujuk bila?

**HAIROL** Saya rujuk 5hb Oktober. Apa saya dapat sahaja pada 5hb Oktober, saya teruskan.

**MFR** So makluman yang Tuan beri pada panel ini adalah berdasarkan 5hb Oktober?

**HAIROL** Ya 5hb Oktober.

**MFR** Baik. Teruskan, Tuan. Boleh teruskan.

HAIROL Seterusnya rakaman oleh Sarjan Sibee kepada A2 iaitu adik orang hilang nama Huzir bin Hanin, dia ada buat. Yang seterusnya rakaman –

CHM Sebentar, sebentar, sebentar. Perlahan, perlahan ya. Beri nama itu dengan jelas. Nama?

HAIROL Nama dia Huzir bin Hanin iaitu –

CHM Eja, eja.

HAIROL H-U-Z-I-R Huzir.

CHM Ya.

HAIROL Bin Hanin H-A-N-I-N. Hanin.

CHM Adik kepada?

HAIROL Adik kepada Joshua Hilmy.

CHM Ok.

HAIROL Adik kepada Joshua Hilmy. Yang seterusnya rakaman percakapan adik OH yang bernama Firdaus bin Hanin, A5. Ada mengambil rakaman percakapan. Yang seterusnya rakaman percakapan Elizabeth... Ram Ram Elisabeth, A3 dan A4 yang tinggal di Indonesia yang mencari kakaknya Ruth Sitepu, yang di dalam IP itulah, yang saya tengok, di mana mengatakan bahawa Disember 2016 tidak dapat menghubungi kedua-dua OH, orang hilang ini, melalui nombor telefon 0111-6355082.

CHM Sebentar, sebentar. Teruskan

HAIROL Ya. Setelah Sarjan Sibee mengambil tindakan rakam percakapan tersebut dan mendapat nombor telefon yang dinyatakan, jadi Sarjan Sibee ada buat permohonan semakan panggilan telefon tersebut kepada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia iaitu kepada Digi lah.

Yang saya dapat tahu dia dah mohon. Jadi saya meneruskan lagi. Jadi meneruskan lagi, jawapan saya tadi yang berkaitan telco tadi, sama juga menyatakan nombor telefon tersebut bukan di bawah telco Digi. Di situ pun dah jadi stuck kita untuk mencari.

**MFR** Tuan, just untuk pemahaman. Tadi Tuan ada senaraikan A1 sebagai Peter Pormannan.

**HAIROL** Ya.

**MFR** A2 sebagai?

**HAIROL** Adik OH.

**MFR** Nama Huzir bin Hanin.

**HAIROL** Huzir bin Hanin.

**MFR** Seterusnya A5.

**HAIROL** Seterusnya A5, Firdaus bin Hanin.

**MFR** Kenapa ada gap antara?

**HAIROL** A3 dan A4 ini adalah adik ipar orang hilang iaitu Ram Ram Elisabeth. Adik ipar kepada... adik ipar kepada OH inilah Joshua, Ram Ram Elisabeth.

**MFR** A3?

**HAIROL** Ya A3.

**MFR** A4?

**HAIROL** A4 adik... yang tinggal di apa... di Indonesia. Saya tak ingat nama dia. A3 dan A4 itu.

**MFR** So basically ada lima saksi yang telah dipanggil oleh Sarjan Sibee.

**HAIROL** Sarjan Sibee.

**MFR** Untuk memberi keterangan?

**HAIROL** Ya.

**MFR** Adakah Tuan pasti lima orang sahaja?

**HAIROL** Kalau setakat ini lima sahajalah.

**MFR** Lima sahaja. Selain itu, Sarjan Sibee juga telah mengambil tindakan dengan menghantar surat kepada SKMM?

**HAIROL** Ya.

**MFR** Betul?

**HAIROL** Betul.

**MFR** Jabatan Pendaftaran Negara?

**HAIROL** Pendaftaran Negara saya tak ingat. Tapi –

**MFR** Tuan tak ingat yang lain?

**HAIROL** Saya tak ingat. Saya ingat yang saya sahaja lah. Saya tak ingat.

**MFR** So setakat yang Tuan semak, ini adalah tindakan yang telah diambil oleh –

**HAIROL** Ya, setakat sini.

**MFR** Dan Tuan meneruskan siasatan dengan mendapatkan maklumat daripada JPN?

**HAIROL** JPN.

**MFR** Pada bila?

**HAIROL** Pada 8hb.

**MFR** Oktober?

**HAIROL** 8hb Oktober selepas... sebab kita... yalah 6, 7 itu cuti, Sabtu Ahad. Jadi kita ambil hari bekerjalah, Yang Arif.

**MFR** Baik. Tuan, pendekatan Tuan adalah menghubungi, menghantar surat?

**HAIROL** Ya, kita menghantar surat kepada pihak Digi untuk –

**MFR** Untuk JPN juga?

**HAIROL** Untuk JPN kita pun menghantar surat.

**MFR** Menghantar surat pada 8hb Oktober?

**HAIROL** Ya 8hb Oktober.

**MFR** Maklum balas diterima?

**HAIROL** Maklum balas? Tarikh saya tak ingat tapi alamat itu alamat yang terkini maksudnya alamat yang kita peroleh itu tak berubah. Maksudnya... mana saya nak letak alamat yang di Bagan... ada dua alamat itu. Dua alamat, saya tak ingat mana satu, samada di Bagan –

**MFR** Soalan saya, Tuan dapat maklumat tersebut dalam waktu 8 sampai 15?

**HAIROL** 8 sampai? Sekejap ya. Saya tak pasti, saya tak ingat tapi memang kita membuat permohonan, Yang Arif, untuk mengetahui OH ini di mana. Memang saya tak ingat.

**MFR** Baik, Tuan. Saya balik kepada... saya balik kepada soalan asal saya di mana Tuan menyemak IP tersebut dan daripada situ Tuan dapat maklumat sedikit untuk teruskan siasatan. So, daripada awal tadi kita menyebut sebagai Joshua Hilmy. Ok, so melalui siasatan Tuan, Tuan menyemak kepada JPN, adakah menggunakan nama Joshua Hilmy?

**HAIROL** Saya menyemak melalui kad pengenalan dia, nombor kad pengenalan.

**MFR** Nombor kad pengenalan.

**HAIROL** Ya nombor kad pengenalan.

**MFR** Yang terdapat dalam IP?

**HAIROL** Yang terdapat dalam IP lah.

**MFR** Baik, ok. So, untuk soalan seterusnya, selain daripada JPN, which is Tuan tak ingat maklum balas yang diterima bila?

**HAIROL** Tak ingat.

**MFR** Ok. Tapi Tuan dapat maklum balas daripada JPN mengenai maklumat nombor kad pengenalan tersebut?

**HAIROL** Ya.

**MFR** Dan penama tersebut adalah?

**HAIROL** Penama? Alamat atas penama Joshua Hilmy.

**MFR** Tuan pasti Joshua Hilmy?

**HAIROL** Tak ingat. Cuma alamat ini betul B6-4-15, Jalan Bagan 21, Taman Bagan, 13400 Butterworth, Pulau Pinang. Ini alamat betul.

**MFR** Tuan tak pasti atas penama siapa?

**HAIROL** Tak ingat. Saya tak ingat.

**MFR** Baik, 'saya tak pasti, tak ingat.' Ok selesai dengan JPN. So selepas tindakan tersebut, tindakan apa yang Tuan ambil?

**HAIROL** Permohonan dengan telekomunikasi tadi iaitu Digi dengan Celcom dan Maxis untuk mengesan nombor tersebut di bawah telco mana.

**MFR** Maklum balas yang diterima?

**HAIROL** Maklum balas yang diterima hanya Digi sahaja. Tidak ada dalam talian Digi.

**MFR** Secara bertulis atau?

**HAIROL** Cara bertulislah.

**MFR** Bertulis?

**HAIROL** Ya, memang dia hantar pada kita balik jawapan, 'tidak ada.'

**MFR** Baik. Ok selain daripada agensi JPN, adakah tindakan lain yang Tuan ambil seperti –

**HAIROL** Ada.

**MFR** JPJ, Imigresen?

**HAIROL** Ok saya ada ambil permohonan ke Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), yang mana maklumat terkini yang diperolehi tetap sama dan masih aktif. Yang daripada awal tadilah. Melalui –

**MFR** Boleh Tuan ingat penama siapa?

**HAIROL** Penama pun tak ingat juga samada Joshua kah, Hilmy kah, saya tak ingat. Tetapi alamat itu pun sama dengan yang kita perolehi.

**MFR** So, tindakan terakhir Tuan adalah untuk menyemak, buat semakan dengan agensi dengan mengadakan lawatan ke rumah alamat yang terdapat dalam IP. Betul?

**HAIROL** Betul.

**MFR** Itu sahaja?

**HAIROL** Lain lagi ada. Selain daripada itu KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) yang mestilah dia akan buat yang terkini, Yang Arif bukan? Jadi kita dapat maklumat yang terakhir pada tahun 1999 sahaja dengan caruman yang dibuat. Lepas daripada tarikh tersebut tiada maklumat lagi terkini. Tak dapat... mungkin alamat lain. So alamat digunakan pada tahun (12:13:06PM) caruman dibuat. Tidak ada juga lead yang terkini sebab dah tahun 1999. Selain itu, kita ada membuat permohonan kepada Jabatan Imigresen. Ok Jabatan Imigresen, kita ada buat melalui kad pengenalan OH lah, di mana dapat jawapan daripada Imigresen dalam jangka masa siasatan itu, Yang Arif. Tarikh kali terakhir keluar dari Malaysia ialah 19.07.2007. Jadi tiada rekod masuk kita terima yang... sebab itu saya siasat itulah... rekod masuk tidak ada. Cuma rekod keluar sahaja kita ada.

**CHM** Untuk?

**HAIROL** Untuk Joshua.

**CHM** Oh.

**HAIROL** Untuk penama Joshua.

**PM2** Pada bulan apa?

**HAIROL** Bulan tak ingat, tapi dalam jangka masa saya buat siasatan, bulan Ogos lah. Mei, saya terima, Ogos –

**CHM** Rekod masuk tak ada?

**HAIROL** Rekod masuk tidak ada.

**CHM** Tapi kalau orang itu masuk mengikut prosedur mesti ada rekod.

**HAIROL** Mesti ada rekod. Tapi yang ini kali terakhir keluar dari Malaysia pada 19.07.2007. Rekod masuk tidak ada... yang kita terimalah waktu itu.

**CHM** Ok.

**HAIROL** Then... itulah.

**MFR** Itu sahaja tindakan, Tuan?

**HAIROL** Ok, selain daripada itu –

**AK** Can we ask him to repeat this tarikh apa yang... tarikh apa yang Joshua Hilmy keluar? Tarikh apa yang last?

**HAIROL** Ok tarikh.

**AK** Boleh ulang?

**HAIROL** Baik, sekejap.

**AK** Sebab cepat sedikit.

**HAIROL** Baik, baik.

**AK** Apakah Jabatan Imigresen –

**HAIROL** Ok nombor pasport dia.

**AK** Ya.

**HAIROL** A16053305. A16053305 dan tarikh terakhir keluar dari Malaysia pada 19.

**AK** 19?

**HAIROL** Ya, Julai.

**AK** Julai.

**HAIROL** 19.07.2007.

**AK** Dia keluar?

**HAIROL** Ya dia keluar. Rekod terakhir keluar daripada Malaysia.

**AK** Keluar Malaysia?

**HAIROL** Ya. Tiada rekod masuk, Yang Arif. Itu diperolehi.

**[12:15PM]**

**CHM** Setiap orang yang masuk ke negara ini, yang pasti (12:15:27PM) warganegara Malaysia, memegang pasport Malaysia, kalau dia masuk, dia mesti ada rekod ya?

**HAIROL** Ya.

**CHM** Di Imigresen?

**HAIROL** Saya tidak pasti, Yang Arif, yang itu pihak Imigresen.

**CHM** Ya?

**HAIROL** Tapi sepatutnya adalah kot macam itu. Sepatutnya.

**CHM** Itu soalan yang sepatutnya En Hairol tanya pegawai Imigresen bukan? Itu sepatutnya soalan.

**HAIROL** Ok. Untuk makluman, Yang Arif, sepanjang tempoh dalam lebih kurang 18 hari, ini yang saya dapat buat tindakan awal sebelum saya bertukar.

**MFR** Baik Tuan Hairol.

**HAIROL** Ya.

**MFR** Tindakan telah diambil JPN... saya check balik, JPN, KWSP, Imigresen... JPJ ada tak?

**HAIROL** JPJ? Tidak ada. Seingat saya tidak ada.

**MFR** Untuk dalam tempoh yang singkat ini, banyak juga tindakan yang Tuan telah ambil tapi untuk kepastian, adakah melalui surat ataupun just verbally called?

**HAIROL** Melalui surat.

**MFR** Surat?

**HAIROL** Melalui surat, Yang Arif. Dan ada jangka masa, Yang Arif. Dalam dua minggu baru kita boleh dapat. Ada yang segera, segeralah.

**MFR** Lawatan pun Tuan buat. Jadi tindakan-tindakan ini memang tak terdapat dalam IP yang Tuan terima sebelum ini? Hanya rekod keterangan yang telah diambil oleh Sarjan Sibee.

**HAIROL** Seingat sayalah, rekod rakaman percakapan yang beritahu tadi dan yang Digi.

**MFR** Ok, Tuan boleh sahkan tindakan yang Tuan ambil tadi memang tindakan Tuan?

**HAIROL** Itu tindakan saya.

**MFR** JPJ, Imigresen?

**HAIROL** Imigresen.

**MFR** KWSP.

**HAIROL** JPN, KWSP, SPR. Itu tindakan saya.

**MFR** Sebab laporan ini telah dibuat pada Mac 2013 dan tindakan yang lebih progresif adalah pada Oktober 2018.

**HAIROL** Betul.

**MFR** Untuk jangka masa 15 hari Tuan telah mengambil tindakan inilah.

**HAIROL** Lebih kurang.

**MFR** So arahan ini –

**CHM** Sebentar, sebentar. Bermakna tindakan-tindakan yang Tuan ambil itu, bermakna tiada diambil sebelum itu oleh pegawai yang menyiasat?

**HAIROL** Itu tidak pasti, Yang Arif. Yang saya dapat tahu yang saya cakap tadilah. Yang selebihnya –

**CHM** Sebab kalau tindakan itu telah diambil, tak perlulah.

**HAIROL** Kalau seingat saya, dia ada ambil... jadi kita nak bahawa... saya perlu refresh balik benda itu. Sayalah, sebagai pegawai penyiasat kena *refreshkan* balik siasatan saya dan meneruskan dengan arahan yang telah diberikan; cari alamat rumah, di mana kedudukan; semua itu fokuslah pada saya untuk mencari OH ini, Yang Arif.

**CHM** Pergi ke? Penang?

**HAIROL** Pergi ke Penang, Yang Arif.

**CHM** Bermakna pegawai sebelum ini tak pernah pergi kat Penang?

**HAIROL** Tak pasti, Yang Arif. Saya tak pasti, Yang Arif. Saya yang pergi ke Penang.

**PM2** ASP Hairol, tadi En Faiz dah tanya dan sekarang kita dah jelas yang ASP Hairol telah merujuk kepada IP yang telah diserahkan. Itu betul, bukan? Bila fail itu diserahkan kepada... pada 5hb.

**HAIROL** Ya, bila saya baca balik nota saya, baru saya ingat balik.

**PM2** So maksudnya kamu memang merujuk kepada IP bukan?

**HAIROL** Ya, merujuklah, merujuk.

**PM2** Sebab banyak nota itu... bagus itu.

**HAIROL** Ya, saya merujuk.

**PM2** Maksudnya persoalan dari Dato' Seri tadi, dalam rujukan IP itu, tindakan-tindakan yang dijalankan oleh ASP Hairol dalam 15 hari ini, adakah tindakan itu telah dicuba oleh, dilakukan oleh IO sebelumnya. Maksud dia, surat ke telco contohnya, surat ke Imigresen contohnya, untuk mencari orang hilang, alamatnya, adakah... sebab you dah baca IP, kalau Sarjan Sibee tulis, 'saya dah pergi Penang,' dia akan tulis sana. Atau, 'saya dah pergi pecah lock rumah itu,' akan tulis sana. Mungkin dia tak berjayalah, mungkin ASP Hairol berjaya jumpa Selva tapi persoalannya adakah langkah-langkah yang diarahkan kepada ASP Hairol ini adalah juga arahan yang telah diberikan kepada Sarjan Sibee sebelum itu? Dalam IP itu, ada ditulis apa langkah?

**HAIROL** Tidak pasti, Yang Arif. Tidak pasti.

**PM2** Tidak pasti yang mana satu?

**HAIROL** Yang arahan-arahan kepada –

**PM2** Sebab kamu dah baca IP, bukan?

**HAIROL** Ya saya tapi... betul.

**PM2** Sewaktu baca IP, adakah tindakan-tindakan itu telah... bagus tadi kamu telah nyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh IO sebelumnya. Itu yang bagus. Maksudnya, tak pernah kamu jumpa yang... tadi, tadi, bila awal En Faiz tanya, ASP cakap mereka telah cuba untuk contact telco. Betul bukan?

**HAIROL** Ada satu Digi.

**PM2** Maksudnya, tindakan itu telah diambil?

**HAIROL** Diambil satu sahaja. Saya dapat kesan satu.

**PM2** First round satu dah buat, mungkin tak berjaya. Sekarang round kedua.

**HAIROL** Round kedua.

**PM2** So kita nak tahu round pertama –

**HAIROL** Tindakan seterusnya pada sayalah, Yang Arif.

**PM2** Ya, faham, faham. Tapi adakah round satu ada juga macam ke KWSP, ke Imigresen, adakah round pertama itu dilakukan? Dalam IP itu ada?

**HAIROL** Saya tak ingat, Yang Arif.

**PM2** Tak ingat?

**HAIROL** Tak ingat. Saya tak ingat. Tapi apa tindakan saya, memang saya ingatlah, untuk mengesan OH ini.

**CHM** Adakah En Hairol Google dalam internet, Google?

**HAIROL** Maksudnya?

**CHM** Untuk mendapatkan laporan-laporan media Malaysiakini kah, Free Malaysia Today dan lain-lain untuk mendapatkan apakah benda yang dibincangkan oleh orang awam mengenai kehilangan ini?

**HAIROL** Tidak, Yang Arif.

**CHM** Ya?

**HAIROL** Tidak.

**CHM** Tidak?

**HAIROL** Tidak.

**CHM** Mengapa tidak?

**HAIROL** Sebab apabila saya dapat IP ini, apabila melihat kes orang hilang, fokus saya untuk membuat siasatan waktu itu. Jadi saya tak sempat... orang kata untuk... dengan tugas saya sebagai KPB untuk apa orang kata mencari lebih lagi. Dengan arahan yang sedia ada pun agak, orang kata, jangka masa yang pendek itu, saya cuba penuhi untuk mengesan orang hilang. Itu niat saya, Yang Arif.

**PM1** Tuan, dalam mencari maklumat tadi kan banyak yang Tuan telah lakukan iaitu pergi ke... yang senarai yang disebutkan tadi. Ada dua soalan saya.

**HAIROL** Ya.

**PM1** Soalan yang pertama... mungkin sudah disebut. Untuk setiap itu, ditanya menggunakan nama Joshua Hilmy kah, menggunakan nama Hanin? Hilmy. Hilmy bin Hanin.

**PRS** Hilmy bin Hanin.

**PM1** Hilmy bin Hanin. Sebab banyak kan yang ditanya tadi kan? Sebab kalau menurut... apa nama... kalau merujuk pada Exhibit 1, Exhibit 1 tadi kan menggunakan nama orang yang hilang adalah Joshua Hilmy. Bukan? Jadi, jadi bila ditanya kepada all the maklumat itu, tak mengapalah...

tapi tak ingat... dalam semasa menulis... ok kalau Tuan rujuk dekat situ, jawapan daripada DG, dia merujuk kepada? Nombor telefon siapa?

**HAIROL** Nombor telefon 01.

**PM1** They just merujuk kepada nombor telefon?

**HAIROL** Ya nombor telefon sahaja.

**PM1** Tak ada nama orang itu?

**HAIROL** Tak ada nama orang itu.

**PM1** Ok. Satu tadi, JPN?

**HAIROL** JPN pun.

**PM1** Dia gunakan?

**HAIROL** Melalui nombor IC, kad pengenalan.

**PM1** Atas nama?

**HAIROL** Atas nama Hilmy.

**PM1** Hilmy.

**HAIROL** Bin Hanin.

**PM1** Hanin. So... now I am confused. Because kalau kita merujuk Exhibit 1, it is Joshua, bukan?

**HAIROL** Ya betul.

**PM1** So bagaimana Tuan tahu antara Joshua Hilmy dengan Hilmy bin Hanin ini orang yang sama?

**HAIROL** Ok. Kalau saya tengok balik siasatan daripada Sarjan Sibee, siasatan awal yang dijalankan oleh Sarjan Sibee ini mendapati orang hilang ini bernama sebenarnya Hilmy bin Hanin atau Joshua Hilmy.

**PM1** Atau ya?

**HAIROL** Atau. Merupakan yang disiasat di bawah Seksyen 41 Akta Hasutan bersabit Chembong Report. Saya baca baliklah apa yang saya tengok Sarjan Sibee buat. 1417/2014 itu sahajalah rujukan.

**PM1** Ok, satu lagi soalan.

**HAIROL** Ya.

**PM1** Soalan saya nombor dua. Selain daripada sumber-sumber ini, sebab Tuan dalam PDRM, saya difahamkan PDRM ini mempunyai sistem apa? Yang polis... yang you can... you can apa... dia ada did it... Inspektor itu sebut... apa nama sistem itu?

**HAIROL** Online.

**PM1** Yang online sistem itu. Ok, untuk mengetahui ada orang hilangkah, kes ke, ada tak Tuan melakukan... melakukan usaha untuk menggunakan sistem itu untuk mencari... siapa nama? Joshua Hilmy ini. Ada tak?

**HAIROL** Seingat saya, pegawai penyiasat yang pertama itu dah buat.

**PM1** Dia dah buat?

**HAIROL** Dia dah buat.

**PM1** Jadi Tuan tidak buat?

**HAIROL** Tidak perlulah. Saya tidak buat.

**PM1** Tidak perlu.

**HAIROL** Tidak perlulah. Kalau ada apa ini maklumat, baru kita ada buat penambahan.

**PM1** Ada dimasukkan dalam ID dia itu? Mungkin ada?

**HAIROL** Tak ada saya rasa.

**PM1** Tidak ada, bukan?

**HAIROL** Cuma –

**PM1** Jadi... tapi Tuan tahulah yang usaha telah dilakukan?

**HAIROL** Tahulah.

**PM1** Oleh Sarjan Sibee?

**HAIROL** Sebab dalam sistem kita kena bubuhlah.

**PM1** Tak, sebab saya nak bertanya soalan yang sambungan dia adalah tahu tak Tuan yang sebelum ini mungkin... ataupun apa-apa berkaitan dengan Joshua Hilmy ini?

**HAIROL** Saya memang tak tahu. Minta maaf, Yang Arif. Memang saya tak tahu.

**PM1** Sebab dalam sistem polis mungkin ada atau mungkin tak ada. Jadi Tuan tak tahu ya?

**HAIROL** Saya tidak tahu.

**PM1** Cuma menganggapkan bahawa penyiasatan sudah dilakukan; that's it. Sebab ada siasatan telah dilakukan terhadap Joshua Hilmy ini, bukan, sebelum itu, dalam sistem polis?

**HAIROL** Yang itu memang saya pun.

**PM1** Tak tahu juga?

**HAIROL** Tak tahu juga.

**PM1** Ok.

**HAIROL** Bila dapat ini, baru saya dapat baca tengok, baru saya.

**PM1** Maknanya masa itu Tuan hanyalah melakukan arahan yang diberikan?

**HAIROL** Ya.

**PM1** Cari.

**HAIROL** Mencari orang hilang. Mencari orang hilang.

**PM1** Ok.

**HAIROL** Itu yang saya fokuskan. Lain tidak.

**PM1** Apa priority Tuan dalam... semasa... sebab... tinggal 18 hari ke 20 hari, saya beranggapan, mungkin saya salah, bahawa ini bukan priority. Mencari Joshua Hilmy ini hanyalah sebagai the last... sebab nak pindah dah bukan, ada tak tugasan lain yang dirasakan lebih penting selain daripada mencari OH ini? Sehingga saya rasa macam Tuan telah melakukan walaupun dalam masa 18 hari, tapi macam seolah-olah bagi saya... macam tadilah Tuan... ada yang disebutkan hanya sekadar... bagi sayalah, Bahasa Melayunya melepas batuk di tangga. Setuju atau tidak, Tuan? Tidak? Bahawa Tuan hanya sekadar melakukan.

**HAIROL** Tidak setuju.

**PM1** Tidak setuju. Sebab apa?

**HAIROL** Sebab... saya arahan pegawai atasan... apabila saya terima satu-satu arahan, saya mesti lakukan kehendak yang diperlukan.

**PM1** Ok.

**HAIROL** Jadi apabila arahan diberi, saya buat dengan segera. Walaupun ada kerja lain tetapi dengan jangka masa yang tidak diketahui apa cerita sebenarnya untuk IP ini kembali kepada pegawai atasan, jadi saya kena lakukan.

**PM1** Ok.

**HAIROL** Mahu tidak mahu saya kena lakukan.

**PM1** Jadi sebelum Tuan berpindah ke tempat baru.

**HAIROL** Ya.

**PM1** Bertugas baru, apa yang Tuan lakukan berkaitan dengan kes ini? Macam mana selalunya? Kita akan serah fail ke atau macam mana? Ia macam mana? Apa prosesnya?

**HAIROL** Setelah proses yang saya nyatakan tadi, pada 22hb saya menyerahkan IP... pada 23hb Oktober, saya menyerahkan IP ini kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah untuk -

**PM1** 23?

**HAIROL** Ya 23hb... last.

**PM1** Serah kepada?

**HAIROL** Serah kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Petaling Jaya.

**PM1** Hold on... Ketua bahagian?

**HAIROL** Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Petaling Jaya.

**PM1** Do you have to brief the officer or just ambil fail serah?

**HAIROL** Saya brief apa yang tindakan saya telah ambil sebagaimana arahan; itu sahaja.

**CHM** Boleh ingat tak nama pegawai itu?

**HAIROL** Tak silap saya dia DSP Shamsuri (12:28:33PM).

**PM1** Shamsuri

**HAIROL** Ya Shamsuri.

**PM1** Ada tak dalam sistem kita?

**HAIROL** Saya tak ingat.

**PM1** Ini Puveethra? Sham -

**MFR** Shamsuri.

**PM1** Ada? First time dengar.

**CHM** JSJ IPD ya?

**PM2** KBSJD.

**CHM** J?

**PM2** KBSJD Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah.

**ADY** Yang Arif, allow me maybe to recall back dia punya KBSJD. At that present time... Tuan Hairol, pernah dengar nama Sazali Adam (12:29:10PM)?

**HAIROL** Sazali Adam? Tak ingatlah. Tak mengapa -

**ADY** Tak ingat juga?

**HAIROL** Tak ingat juga. Saya tak tahu.

**ADY** Tak ingat?

**MFR** Baik Tuan, saya sambung balik. Boleh?

**HAIROL** Boleh.

**MFR** Ok. Tuan, saya sebutkan tadi gap masa first laporan dibuat adalah pada Mac 2017 dan tindakan yang lebih progresif daripada pihak Tuan dilakukan pada November 2000?

**HAIROL** Oktober.

**MFR** Sorry Oktober.

**HAIROL** 2018.

**MFR** 2018. So Tuan telah semak IP yang lepas dan tindakan diambil adalah setakat keterangan dan maklumat berkaitan penama seorang Hilmy bin Hanin?

**[12:30PM]**

**HAIROL** Ya.

**MFR** Melalui PRS, betul?

**HAIROL** Maksud PRS?

**MFR** Melalui sistem polis.

**HAIROL** Tidak... melalui IP.

**MFR** Melalui IP?

**HAIROL** Ya.

**MFR** So, maklumat itu dapat itu tak tahu kat mana?

**HAIROL** Tak tahu... melalui IP... saya berdasarkan IP.

**MFR** Ok. So, just untuk confirmation, memang tindakan yang Tuan ambil kepada agensi-agensi tersebut memang daripada Tuan lah? Daripada November... sorry Oktober 2017.

**HAIROL** 2018.

**MFR** 2018 sorry. Baik, selepas itu Tuan menyerahkan balik laporan kepada KBSJD.

**HAIROL** IP kepada KBSJD.

**MFR** IP kepada KBSJD. Seterusnya, memang tiada pengetahuan?

**HAIROL** Tiada.

**MFR** Selaku OCS, Tuan, masa diantara period Januari 2018 sampai Oktober 2018, adakah Tuan pernah berhubung dengan OCS sebelum ini? Adakah Tuan kenal OCS Sungai Way sebelum ini?

**HAIROL** Saya kenal waktu penyerahan tugas sahaja.

**MFR** Itu sahaja?

**HAIROL** Itu sahaja.

**MFR** Selepas itu memang tak ada communication?

**HAIROL** Tak ada communication dahlah dengan dia. Ok itu sahaja.

**MFR** Tuan ingat siapa OCS sebelum ini?

**HAIROL** Tentu saya ingat saya tengok nama... Inspektor Shafiee. Inspektor Shafiee.

**MFR** Shafiee.

**HAIROL** Waktu itu dia Inspektor Shafiee.

**MFR** So komunikasi dengan beliau hanya pada tugas sahaja?

**HAIROL** Ya.

**MFR** Bukan kerana kes ini?

**HAIROL** Tidak.

**MFR** Tidak.

**HAIROL** Saya tak tahu.

**MFR** Dan dalam proses Tuan menjalankan siasatan antara 5 sampai 18, laporan-laporan, maklum balas ataupun status siasatan dimaklumkan kepada siapa?

**HAIROL** Kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah.

**MFR** So dia mengambil maklum tindakan Tuan?

**HAIROL** Ya, dia mengambil maklum tindakan saya.

**MFR** Dan tindakan Tuan pun telah diletakkan dalam IP?

**HAIROL** Ya, tindakan saya diletakkan dalam IP.

**MFR** So sekarang ini kalau IP Tuan memang update, memang ada nama Tuan ambil tindakan semualah?

**HAIROL** Ada.

**MFR** Bila, tarikh semua?

**HAIROL** Ada.

**MFR** Rakaman percakapan dengan Selvakumar semua ada?

**HAIROL** Ada.

**MFR** So berdasarkan arahan ataupun berdasarkan maklum balas tindakan yang Tuan telah ambil sepanjang Tuan pegang kes tersebut, apa feedback daripada KBSJD?

**HAIROL** Feedback? Sekiranya ada maklumat-maklumat yang belum diperolehi, dia akan beri arahan kepada saya. Contoh, contoh saya beri, kesan mana-mana lagi saksi jika ada. Contohnya itulah. Lain tak ada, arahan yang diberi dalam IP tersebut.

**CHM** Sebentar ya. Bila En Hairol diberi arahan oleh orang atasan untuk mengambil alih tugas siasatan ini, adakah En Hairol peka bahawa... peka bahawa kehilangan ini dah lama dah, lebih setahun?

**HAIROL** Apabila saya baca laporan itu, memang perasanlah, pasal repot pun 2017. Sebab itu tindakan saya apabila dapat sahaja, saya membuat tindakan yang dalam masa jangka masa itu untuk mengesan. Agak agresiflah pada saya. Mencari ruang dan peluang yang ada untuk mendapatkan maklumat terkini orang hilang tersebut.

**CHM** Lagi lama kehilangan itu, lagi serius kes ini menjadi, bukan?

**HAIROL** Tidak pasti, Yang Arif.

**CHM** Tak pasti.

**HAIROL** Tidak pasti. Saya tak... sebab.

**CHM** Tapi kes itu *diclassify* sebagai satu kes jenayah? Sebab –

**HAIROL** Tidak, Yang Arif.

**CHM** Ya?

**HAIROL** Orang hilang sahaja.

**CHM** Yang beri arahan itu JSJ?

**HAIROL** Ya, JSJ, tapi -

**CHM** Jabatan Siasatan Jenayah?

**HAIROL** Betul, Yang Arif. Tapi –

**CHM** So classify sebagai kes jenayahlah.

**HAIROL** Yang ini masih lagi diberi kepada saya KAP Orang Hilang. Jadi siasatan saya menjurus kepada orang hilang, Yang Arif Dato' Seri, terima kasih.

**MFR** Tuan, saya sambung. Tadi Tuan ada maklumkan Tuan kenal dengan OCS Sungai Way sebelum ini. Itu berdasarkan inkuiri SUHAKAM kita telah memanggil Inspektor ASP Shafiee. Ok dia telah memberi keterangan bahawa semua siasatan ini telah dilaporkan kepada Ketua Bahagian Pengurusan Daerah (KBPD). Ok boleh Tuan jelaskan kenapa di peringkat Tuan perlu dimaklumkan status siasatan kepada KBSJD?

**HAIROL** Kemungkinanlah pada waktu itu. Macam mana saya nak cakap sebab saya dapat daripada KBSJD. Jadi daripada KBPD saya tak tau apa tindakan mereka. Jadi apa yang saya dapat khas daripada KBSJD saya melaksanakan arahan tersebut. Itu sahaja.

**MFR** Perlu melaporkan kepada KBSJD?

**HAIROL** Ya. Apabila saya dapat BHOD (12:35:40PM) memang perlu melapor kepada dia.

**MFR** Baik, Tuan. Adakah Tuan ingat siapakah KBPD masa itu?

**HAIROL** No, tak ingat sebab saya... nama tadi pun tak ingat. Tak ingatlah.

**MFR** Tak ingat ya.

**HAIROL** Tak ingatlah, Tuan. Minta maaflah tak ingat.

**MFR** Untuk KBSJD Tuan rasa Tuan Shamsuri?

**HAIROL** Ya, saya rasa Tuan Shamsuri.

**MFR** Pangkatnya, Tuan?

**HAIROL** Pangkat? DSP.

**MFR** DSP.

**HAIROL** Deputy Superintendent of Police.

**MFR** Ok Tuan.

**CHM** En Faiz... semasa En Hairol dok siasat ini ataupun semasa 11 bulan itu, pernah dengar tak laporan kes kehilangan Pastor Raymond Koh dan En Amri? Pernah dengar tak yang media heboh-heboh?

**HAIROL** Yang Arif, saya memang tidak dengar langsung. Saya tidak tahu. Jadi apabila dapat kes Joshua Hilmy itu pun, saya pun memang tak tahu. Memang betul saya tak tahun.

**CHM** Tak terbaca dalam sosial media ke, laporan akhbar ke kehilangan Raymond Koh, En Amri?

**HAIROL** Memang... memang tiada dalam pengetahuan saya.

**CHM** Ya?

**HAIROL** Memang tiada dalam pengetahuan saya, Yang Arif. Minta maaf.

**CHM** Tak tahu?

**HAIROL** Memang saya tak tahu. Memang saya tak tahu.

**CHM** Ok.

**HAIROL** Saya tak tahu.

**PRS** Ok Tuan, untuk menyegarkan pemikiran Tuan dan juga minda Tuan, saya ingin merujuk kepada Exhibit 10 sekarang.

**HAIROL** Ok.

**PRS** We are referring to Exhibit 10. Ok gambar-gambar ini berkaitan tentang pemantauan. Kita akan berbalik kepada persoalan tentang lawatan di rumah. Ok ini merupakan gambar-gambar yang telah diberikan oleh witness yang sebelum ini. Jadi Tuan, di sini terdapat sembilan gambar. Tuan boleh merujuk kepada gambar-gambar mana untuk memberikan yang... sebentar tadi Tuan telah menyatakan Tuan telah mengambil gambar daripada bilik, telah –

**HAIROL** Saya betulkan. Saya tak ambil gambar. Jurufoto ambil gambar.

**PRS** Jurufoto ambil gambar.

**HAIROL** Ya.

**PRS** So maksudnya berapa orang telah pergi ke tempat tersebut, Tuan?

**HAIROL** Saya... lebih daripada dua orang.

**PRS** Lebih daripada dua orang?

**HAIROL** Ya.

**PRS** Tuan?

**HAIROL** Saya, jurufoto dengan anggota CPD (12:38:32PM) saya. Saya tak ingat lagi berapa orang yang ada. Memang dalam siasatan ini saya bawa lebih kurang dalam tiga, empat orang bersama dengan saya.

**PRS** Ok, maksudnya Tuan.

**HAIROL** Ya.

**PRS** Jurufoto.

**HAIROL** Jurufoto.

**PRS** Siapa -

**HAIROL** Anggota CPD saya, ada lagi.

**PRS** Nama mereka?

**HAIROL** Nama mereka? Saya tak ingat yang itu.

**PRS** Tak ingat.

**HAIROL** Tapi adalah dalam saya punya ini siasatan saya.

**PRS** Apakah peranan mereka dalam –

**HAIROL** Ok, peranan mereka. Jurufoto mengambil gambar dengan arahan saya.

**PRS** Ok. Yang anggota lain?

**HAIROL** Anggota lain, membantu saya untuk membuka pagar.

**PRS** Membuka pagar.

**HAIROL** Ya berpagar.

**PRS** Pagar tersebut berkunci?

**HAIROL** Berkunci pada waktu itu.

**PRS** Dan Tuan telah memecahkan?

**HAIROL** Kita potong dengan kebenaran owner rumah and then ganti lock baru.

**PRS** Ok. Tuan, berapa lama... tadi Tuan telah nyatakan yang Tuan telah membuat pemantauan di rumah tersebut, berapa lama Tuan telah berada dalam... di sekitar rumah tersebut?

**HAIROL** Oh ok. Untuk pemantauan itu, saya nak betulkan. Itu first saya tengok. Ini bukan pemantauan. Ini orang kata pergi membuat siasatan di rumah tersebut.

**PRS** Ok maksud, untuk pemahaman saya Tuan, kali pertama... Tuan telah nyatakan tadi Tuan telah pergi dua kali ke rumah tersebut. Satu kali sahaja sekarang? Ok.

**HAIROL** Yang kedua ini apabila mendapat kebenaran.

**PRS** Ok.

**HAIROL** Tapi dah dapat masuk kawasan rumah.

**PRS** Maksudnya, Tuan?

**HAIROL** Yang first tidak, yang first saya seorang.

**PRS** Oh first seorang.

**HAIROL** Seorang sahaja buat pemantauan.

**PRS** Tuan seorang sahaja telah pergi ke sana?

**HAIROL** Ya.

**PRS** Yang itu sebelum berjumpa dengan?

**HAIROL** Selvakumar.

**PRS** Selvakumar. Dan selepas berjumpa dengan Selvakumar dan mendapat kebenaran, Tuan telah membawa tiga orang dengan Tuan?

**HAIROL** Dengan saya ya. Untuk membuat siasatan di kawa rumah tersebut.

**PRS** Ok.

**HAIROL** Bukan pemantauan... siasatan.

**PRS** Baik, Tuan. Untuk pemantauan yang pertama kali, yang Tuan sahaja pergi, berapa lama Tuan telah membuat pemantauan di sana?

**HAIROL** Saya ulang balik, lebih kurang 45 minit sahaja. Dalam masa tengah hari lebih kurang. Takut ada orang balik ke, nak masuk rumah ke. Itu sahaja.

**PRS** Tapi pada ketika itu Tuan tidak berjumpa sesiapa, jiran?

**HAIROL** Tiada jumpa sesiapa, jiran. Saya hanya buat pemantauan saya sahaja.

**PRS** Tuan tadi kata 40 hingga 45 minit di kawasan tersebut.

**HAIROL** Ya.

**PRS** Apa yang Tuan buat? Tolong gambarkan.

**HAIROL** Ok. Saya buat pemerhatian tengok di luar sahaja kawasan rumah. Menunggu ada orang masuk rumah atau tidak. Itu sahaja. Kalau ada orang buka rumah, tentulah ada orang di rumah. Itu sahajalah. Tidak ada. Maksudnya tidak ada. Hanya –

**PRS** Maksudnya Tuan telah berada dalam kawasan rumah tersebut atau?

**HAIROL** Tidak ada dalam kawasan... di luar.

**PRS** Di luar kawasan?

**HAIROL** Ya. Dalam kereta saya berada.

**CHM** Counsel, be clear. Witness's saying there are two occasions. First occasion never enters at all even the kawasan; outside and see the pemantauan itu, bukan?

**HAIROL** Ya.

**CHM** The second occasion itu.

**HAIROL** Baru siasatan.

**CHM** Baru masuk dalam kawasan. So you have to be very clear, don't mix up these two.

**PRS** Just for confirmation again. Ok, so Tuan, untuk kali kedua, apabila Tuan telah memasuki dalam kawasan rumah tersebut dengan memecahkan lock di hadapan, di pagar rumah tersebut, berapa lama Tuan telah membuat siasatan di tempat tersebut?

**HAIROL** Agak lama. Saya tak ingat berapa lama sebab kita pecahkan pagar untuk masuk and then keliling rumah untuk mengesan ada apa-apa perkara untuk lihat (12:42:16PM) di sana untuk siasatan. And then, kita cuba mencari tingkap yang mudah dibuka satu per satu untuk mendapatkan gambaran dalam rumah. Saya tak ingat berapa masa, memang ada jangka masa. Lebih daripada 45 minit... lebih... satu jam lebih kurang. Tapi jangkaan tepat itu saya tak ingat. Ada dalam diari siasatan.

**PRS** Pada waktu pagi, siang, atau malam?

**HAIROL** Sianglah.

**PRS** Siang.

**HAIROL** Siang. Jangka masa siang.

**PRS** Siang.

**HAIROL** Ya, ia siang. Malam saya tidak ada.

**PRS** Ok. Tuan, ini merupakan gambar-gambar tersebut. Dan juga kami telah diberikan satu copy kepada Tuan. Ada Tuan? Ok, Tuan telah... tolong rujuk kepada gambar satu per satu. Dan tadi Tuan telah menjawab yang Tuan telah mengambil... jurugambar Tuan telah mengambil gambar. Dari mana, kawasan mana yang Tuan telah mengambil tersebut?

**PM2** These photos are not his photos, right?

**PRS** No. This is from Ram Ram Elisabeth.

**PM2** So what's the relevance of asking him this question?

**PRS** To see the –

**PM2** You want to establish what?

**PRS** The area of the place. Where he exactly took the pictures from.

**PM2** But is he going to tender the photos he took? Why are you looking at the angle of where the photos is taken? And what's the relevance of this part here? Just to confirm the house address he went in, he broke the lock. He did it, so do you have doubt that this is the house he went in? Or... unless he's going to tender the photos, are you all asking him to submit the photos that the police took? Is that tendered as... or it's coming under CB? If not, I don't see what's the relevance of doing this exercise.

**PRS** We can request for the pictures from –

**PM2** Yes, then maybe we just request, when the pictures come, you can ask these questions because if there's no pictures, he says this then the next time is another witness. So, so I'm not sure where is this going because we've done this a few rounds already. The panel has already checked about the lock, the inside, the outside. So maybe this… I don't know.

**PRS** So maybe we can just move forward to –

**CHM** We can skip this because this is not the photograph that he and his photographer had taken. These are not. This is somebody else taken here.

**PM2** Yes.

**CHM** So, it's not relevant to him here.

**PRS** But I would like to request for the pictures taken by Tuan to submit as an exhibit for our case.

**CHM** When?

**PRS** The pictures taken by Tuan Hairol together with the jurugambar. I would like to request for the pictures to be tendered as an exhibit in our public inquiry.

**[12:45PM]**

**CHM** Of course.

**PRS** I would like to request. Request for that.

**CHM** Yes, yes, yes. I think the IO will... I think Inspektor Zulfadhly when he give the evidence, I think will tender these photographs. He has the IP. Make sure Inspektor Zul with an IP. Not empty handed.

**PRS** Ok. I will let him know. Tuan, selain daripada gambar ini, ini tentang kaitan yang siasatan, adakah apa-apa taskforce telah ditubuhkan berkaitan dengan kes ini?

**HAIROL** Tiada.

**PRS** Tiada. Hanya Tuan seorang sahaja telah menjadi pegawai penyiasat dan menyiasat kes ini? Betul?

**HAIROL** Betul. Tetapi... ada tetapi, dapat juga pertolongan daripada jenayah. Itu sahaja. Pegawai jenayah tadi ASP Kwek.

**PRS** Oh ya.

**HAIROL** Ya, yang itu.

**PRS** Hanya seorang sahaja ke atau

**HAIROL** Ada lagi seorang, saya tak ingat nama. Dia berdua. Arahan daripada KBSJD tadilah membantu saya. Itu sahaja.

**PRS** Ok. Tapi tiada taskforce yang... special taskforce untuk menyiasat.

**HAIROL** Tiada.

**PRS** Kes-kes kehilangan.

**HAIROL** Tiada.

**PRS** Kalau secara am, secara am, untuk kes-kes yang kehilangan, adakah apa-apa taskforce yang akan disediakan?

**HAIROL** Tiada.

**PRS** Tiada. Ok. Baik, Tuan. Apakah tindakan terakhir yang dilakukan oleh Tuan berkenaan kes kehilangan ini?

**HAIROL** Ok, tindakan terakhir saya tadi, setelah semua tindakan yang diarahkan oleh KBSJD pada saya, melihat pada rekod jenayah, semakan melalui sistem pemeriksaan rekod jenayah, Yang Arif, yang menunjukkan pada tahun 2014 OH terbabit dengan Chembong Report 1416 (2014) dan ada rekod tangkap atas kesalahan Akta Hasutan Seksyen 4 dan kes di NFA Peguam Cara Negara 2 Dato' Tun Majid. Selepas daripada itu, segala tindakan saya buat, sebelum saya berpindah, saya menyerahkan IP ini kembali kepada, rujukkan kepada KBSJD pada 23hb, itu last tindakan saya. Lepas itu tidak ada. Terima kasih, Yang Arif.

**PRS** Tarikh sekali lagi, Tuan. Yang tarikh -

**HAIROL** 23hb Oktober. Menyerahkan IP tersebut kepada KBSJD untuk tindakan lanjut dia kerana saya akan berpindah, pertukaran ke IPD Kemaman, Terengganu. Terima kasih, Yang Arif.

**PRS** Ok.

**CHM** Pindah ke mana?

**HAIROL** IPD, Kemaman. Ibu Pejabat Polis Kemaman, Terengganu.

**CHM** IPD Kemaman?

**HAIROL** Ya, Yang Arif.

**CHM** Bahagian apa? Bahagian apa?

**HAIROL** Sebagai Inspektor Ketenteraman Awam.

**CHM** Oh I see.

**HAIROL** Ketua Bahagian Gerakan. Covid lah sekarang ini. Memang busy covid.

**PRS** One more question. Ok Tuan, adakah pegawai penyiasat yang terbaharu, sesiapa yang berkaitan tentang kes kehilangan Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu telah menghubungi Tuan untuk mendapatkan apa-apa pandangan daripada Tuan?

**HAIROL** Ada. Ada... Inspektor Zulfadhly. Dia sebagai Ketua Polis Balai yang baharu. Dan saya tak ingat perkara yang dibincangkan tetapi berkaitan ini adalah.

**PRS** Berkaitan ini.

**HAIROL** Ada.

**PRS** Sesiapa lain?

**HAIROL** Tiada.

**PRS** Tiada. Hanya Inspektor Zul?

**HAIROL** Ya, hanya Inspektor Zulfadhly sahaja.

**PRS** Adakah pernah jumpa Inspektor atau melalui telefon sahaja?

**HAIROL** Pertemuan pertama itu pertukaran... orang kata sebagai –

**PRS** Penyerahan.

**HAIROL** Antara saya dengan dia. And then... untuk bincang perkara itu belum lagilah, selepas daripada itulah. Selepas... mungkin... saya tak tahulah... kemungkinan KBSJD itu akan panggil dia untuk menyerahkan untuk siasatan seterusnya lah... kepada pegawai penyiasat baharu, Yang Arif Dato'. Itu sahaja.

**PRS** Tapi untuk berkenaan kes ini, Tuan telah berjumpa atau melalui telefon sahaja?

**HAIROL** Telefon.

**PRS** Telefon.

**HAIROL** Sebab saya dah jauh di Terengganu, saya pun tak ada apalah, saya kata pegawai penyiasat baharu itu sahaja.

**PRS** Berapa kali telah mendapat hubungan –

**HAIROL** Saya tak ingat.

**PRS** Tak ingat.

**HAIROL** Tak ingat.

**PRS** Adakah maklumat-maklumat lain yang Tuan boleh berikan kepada panel untuk membantu siasatan ini?

**HAIROL** Tidak ada.

**PRS** Tidak ada. Terima kasih.

**HAIROL** Sehingga sahaja punya siasatan pada 23hb Oktober. Terima kasih, Yang Arif.

**PK** Selamat petang, Tuan, honourable members of the panel. Nama saya Philip Koh. Saya peguam untuk keluarga Sitepu dari Indonesia. You kenal nama Sitepu?

**HAIROL** Tak kenal.

**PK** Tak pernah?

**HAIROL** Tak pernah dengar. Setelah dapat itu baru saya tahu Sitepu.

**PK** Ok, sekarang? Nama Sitepu nama apa? Sitepu?

**HAIROL** Sitepu?

**PK** Ya. Apa yang you kenal kalau saya kata nama Sitepu?

**HAIROL** Saya tengok balik pada ini, ada Ruth Sitepu.

**PK** Ruth Sitepu. Siapa Ruth Sitepu?

**HAIROL** Kalau mengikut dalam siasatan itu, isteri kepada Joshua.

**PK** Ok. Nationality Pn Ruth Sitepu ini, you kenal tak?

**HAIROL** Sebelum tak, selepas dapat ini, baru saya tahu daripada Indonesia.

**PK** Ok sekarang? Sekarang?

**HAIROL** Sekarang baru kenal daripada Indonesia.

**PK** Ok siapa nationality? Apa nationality Ruth Sitepu?

**HAIROL** Indonesian.

**PK** Orang Indonesia.

**HAIROL** Orang Indonesia.

**PK** Warganegara Indonesia.

**HAIROL** Ya, warganegara Indonesia.

**PK** Pada masa Tuan di dalam Sungai Wang pejabat.

**HAIROL** Sungai Way.

**PK** Dapat polis repot ini, adakah you lihat mengenai Pn Sitepu ialah orang warga Indonesia? Tak begitu.

**HAIROL** Saya ulang balik. Saya memang tidak tahu berkaitan dengan Ruth Sitepu.

**PK** Ok.

**HAIROL** Itu saya tidak tahu.

**PK** Sarjan Sibee tidak memberitahu?

**HAIROL** Tidak tahu. Sehinggalah saya dapat 5hb Oktober kertas siasatan, barulah saya tahu. Itu sahaja.

**PK** Kalau ada orang hilang di dalam kawasan Sungai Wang... Sungai Way... Sungai Way ya... kalau orang warganegara yang hilang, adakah istimewa sedikit?

**HAIROL** Kemungkinan ada.

**PK** Kemungkinan.

**HAIROL** Kemungkinan.

**PK** Kemungkinan istimewa sedikit ya?

**HAIROL** Tidak pastilah yang itu.

**PK** Tidak pasti.

**HAIROL** Tidak pastilah yang itu.

**PK** Ok. So Tuan, melihat progress –

**PM2** Mr Philip, you meant istimewa or luar biasa?

**PK** Luar biasa.

**PM2** Ok.

**PK** Not special, luar biasa. Adakah luar biasa sedikit? Thank you for the correction, Commissioner. Kalau ada warganegara yang... ada laporan mengenai kehilangan warganegara yang bukan warganegara Malaysia, adakah pejabat ada SOP?

**HAIROL** Pejabat untuk... apa ini, SOP untuk siasatan orang hilang ada. Ada.

**PK** Ok, apakah SOP kehilangan? SOP?

**HAIROL** Kita –

**PK** Beritahu... beritahu Commissioner apakah?

**HAIROL** Untuk menyiasat orang hilang merujuk kepada Perintah Tetap Ketua Polis Negara (12:53:27PM) iaitu tak silap saya, Tuan, D2-2-3. D223, bagi KAP Orang Hilang. Orang hilang. Ia ada salah satunya, kertas inkuiri orang hilang ini dibuka apabila ada orang hilang. Ia mesti... dan kategori orang hilang ini pula, sekiranya berumur 18 tahun ke atas, Ketua Polis Balai lah akan melihat perkara itu. Jadi 18 tahun ke bawah di Bahagian Jenayah. Jadi itu kategori yang ada.

**PK** Faham. Kalau tahun 18 yang lebih, mungkin tak berjenayah sebab kehilangan sahaja.

**HAIROL** Ya, kehilangan sahaja.

**PK** Tetapi yang bawah, kemungkinan selepas 48 jam, adakah itu SOP? 80 jam... 48 jam.

**HAIROL** Saya tak ingat. Saya tak ingat.

**PK** Ya? Tak ingat?

**HAIROL** Saya tak ingat sebab first time terlibat (12:54:32PM).

**PK** Sebab kalau saya datang ke pejabat nak melaporkan kehilangan, sebab anak saya missing atau bapa saya missing, apakah Tuan kata, 'En Koh, sila tunggu 48 jam.' Ada SOP ke? Ok tak mengapa, you tak tahu.

**HAIROL** Saya tak ingat.

**PK** Tak ingat. Tak ingat. Ok Tuan, tetapi ini kehilangan sudah lama. Ini laporan dibuat satu kali di dalam tahun 2017. Yang kedua oleh warganegara Indonesia juga Ram Ram. Right? Satu tahun lagi. Dan ini mengenai dewasa, bukan kanak-kanak.

**HAIROL** Bukan kanak-kanak.

**PK** Adakah kemungkinan kehilangan ini bukan kehilangan sahaja? Boleh *diclassify* di dalam Kanun Keseksaan keculikan, pembunuhan. Boleh tak?

**HAIROL** Tidak pasti.

**PK** Tidak pasti. Tetapi pada masa Oktober 2018, Ketua Siasatan Jenayah berhubung dengan Tuan untuk menyiasat lebih mendalami kes ini. Ya?

**HAIROL** Berapa hari bulan, Tuan?

**PK** Oktober 2018.

**HAIROL** Oktober 2018.

**PK** Ya?

**HAIROL** Tapi dia berhubung pun untuk kehilangan orang hilang sahaja.

**PK** Ok.

**HAIROL** Menyiasat orang hilang sahaja, tak ada di maklum.

**PK** Ok apakah... apakah instruction Ketua Penyiasat itu? Apakah dia kata dengan Tuan?

**HAIROL** Dia hanya memberi arahan kepada saya untuk mengesan.

**PK** Mengenai tulisan atau?

**HAIROL** Tulisan sahaja.

**PK** Apakah tulisan itu kata? Boleh ingat?

**HAIROL** Tulisan kata untuk mengesan melalui alamat terkini OH samada –

**PK** Beritahu Commissioner.

**HAIROL** Ok, samada yang awal tadi saya beritahu, Yang Arif, tindakan saya itu, mengesan melalui JPN, mengesan melalui telco, mengesan melalui Imigresen. Jadi itu arahan bertulis daripada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah untuk mengesan OH ini, Joshua Hilmy. Itu sahaja.

**PK** Ok. Apabila mendapat instruction ini.

**HAIROL** Ya.

**PK** Dalam pendapat Tuan, 'Oh ini kes lebih serius. Mengapa ada kes ini specially dari pejabat itu arahan ini?' Sebab kehilangan mungkin ada banyak kehilangan di dalam pejabat. Adakah dalam pendapat Tuan ini kes yang luar biasa? Sebab Ketua nak arah dan you berhenti kerja, pergi ke Penang.

**HAIROL** Saya tak berhenti kerja, Tuan.

**PK** Maaf, maaf. Berhenti kerja di dalam kawasan Sungai Way. You masih melanjutkan kerja alright.

**HAIROL** Ok.

**PK** Atas tugas yang lebih.

**HAIROL** Ok. Saya ulangi balik, Yang Arif, Dato' Seri. Apabila saya sebagai pegawai penyiasat pada waktu itu dan diberi arahan, jadi saya ambil peluang yang ada untuk mempercepatkan kehendak-kehendak pegawai atasan saya, saya perlu. Dan saya mendapat kebenaran untuk pergi menyiasat di Pulau Pinang. Jadi tidak timbullah mengapa saya... kerana arahan. Jadi saya ikut, itu sahaja.

**PK** You mengikut arahan?

**HAIROL** Ya, saya ikut arahan.

**PK** Seperti PDRM yang baik, arahan yang atas, mesti pergi. Ya?

**HAIROL** Ya.

**PK** Ok. Bila ke Penang, adakah menyiasat ahli-ahli keluarga Hanin ini? Hilmy Hanin ini? Adakah menyiasat?

**HAIROL** Ada. Saya pergi ke Penang pada 11hb Oktober.

**PK** Ulang lagi.

**HAIROL** 11hb Oktober.

**PK** Ok 11.

**HAIROL** Hari bulan Oktober.

**PK** Oktober, you pergi Penang.

**HAIROL** Penang.

**PK** Dan berjumpa?

**HAIROL** Dan terus berjumpa dengan En Selvakumar.

**PK** Itu Selvakumar. Selvakumar adalah –

**HAIROL** Selvakumar, itu owner rumah, tuan punya.

**PK** Itu tuan punya, tuan punya kampung.

**HAIROL** Lepas itu, saya pergi ke alamat yang dikatakan Joshua Hilmy ada iaitu alamat di B6-4-15 Jalan Bagan 21, Taman Bagan. Saya ke sana juga mencari Hilmy ini.

**PK** Ya?

**HAIROL** Tetapi yang tidak adalah.

**PK** Ya?

**HAIROL** Cuma dapat merakam percakapan jiran dia itu. Jiran dia, saya tengok balik.

**PK** Itu you sudah beritahu. Tak payah ulang.

**HAIROL** Jiran. Jiran dia.

**PK** Tak payah ulang.

**HAIROL** Ok. Itu sahaja.

**PK** Saya nak tahu kenapa tidak cuba berhubung dengan ahli keluarga Hilmy Hanin?

**HAIROL** Bukan tidak cuba.

**PK** Kalau ada orang hilang memang keluarga mesti dihubungi. Ya?

**HAIROL** Ya. Ada berhubung.

**PK** Ada?

**HAIROL** Sebenarnya, Yang Arif, saya ada berhubung.

**PK** Ok sila. Sila beritahu.

**HAIROL** Saya ada berhubung di mana.

**PK** Sila, sila beritahu, jelaskan.

**HAIROL** Saya berhubung. Saya ada berhubung, saya ingatlah. Pertama kali, saya berhubung dengan... apa ini.

**CHM** Sebentar, sebentar, sebentar ya.

**[01:00PM]**

**PK** You ada jumpa, adakah jumpa ahli keluarga Hanim? Hilmy Hanim?

**HAIROL** Tidak dapat berjumpa.

**PK** Mengapa?

**HAIROL** Kerana –

**PK** Jelaskan kepada Commissioner.

**HAIROL** Saya ada berhubung dengan –

**CHM** Hold on, hold on, hold on. I think this very important.

**PK** Yes.

**CHM** Ok, teruskan.

**HAIROL** Ok.

**CHM** Jumpa ahli keluarga, ya.

**HAIROL** Saya tidak pernah berjumpa ahli keluarga tersebut.

**CHM** Tak pernah?

**HAIROL** Saya, tidak. Sebab saya hanya dapat berhubung melalui telefon.

**PK** Ok.

**HAIROL** Ok. Seingat saya, untuk abang Joshua, abang Hilmy, abang Hilmy, nama saya, Allah, saya tak ingat.

**PK** Adakah Huzir atau Firdaus?

**HAIROL** Firdaus itu ini, adik dia.

**PK** Adik?

**HAIROL** Adik, ya.

**PK** Huzir?

**HAIROL** Huzir adik dia juga. Rakaman adik, Firdaus dengan Huzir, Firdaus pun, Huzir pun adik, Firdaus pun adik.

**PK** Tetapi you berhubung dengan abang?

**HAIROL** Ya, betul.

**PK** Nama abang tak, terlupa?

**HAIROL** Saya terlupa.

**PK** Ok.

**HAIROL** Harun (01:02:33PM) ke apa. Hampir.

**PK** Ok. Apakah yang hubungan itu mengenai?

**HAIROL** Ok, begini. Apabila saya apa itu, mendapat nombor telefon tersebut daripada Sarjan Sibee yang lepas, saya berhubung balik. Berhubung balik apa ini, abang kepada Hilmy. Pada waktu itu berkali-kali lah telefon. And then yang mengangkat tak silap saya anaknya. Anaknya dan saya kata, bagi tahu kepada ayah bahawa pakcik ini polis untuk berhubung mendapatkan rakaman percakapanlah atas sebab-sebab tertentu.

**PK** And dia ada?

**HAIROL** Ya, anak dia mengatakan untuk memberitahu ayah dialah melalui ibu dia tak silap saya. And then saya tunggu, tunggu dan tunggu, apabila telefon balik, tak ada feedback untuk merakam percakapan semasa saya berada di Penang lah.

**CHM** Dapat cakap dengan abang atau, atau, atau isterinya?

**HAIROL** Tak, tak dapat bercakap. Tak dapat cakap. Dapat cakap kepada anak dia. Anak lelaki dia tak silap saya waktu itu. Jadi ayah dia tak ada di rumah waktu itu. Cuma mak dia. Apabila saya suruh sampaikan kepada ayahnya, seingat saya untuk mendapat, saya kata untuk merakam percakapan, pakcik ini polis, lepas itu sampai sudah. Dia pun tidak feedback balik telefon saya. Saya tinggalkan nombor telefon. And then saya, saya call pun tak dapat, tak angkat. Ok, itu yang pertama.

**CHM** Dapat nombor ini daripada siapa? Nombor abang ini daripada siapa?

**HAIROL** Daripada siasatan Sarjan Sibee yang pertama tak silap saya. Itu saya follow di situlah. Jadi yang, yang pertama abang dia. Yang kedua –

**PM2** Nombor dia ada? Nombor telefon?

**HAIROL** Nombor dia, Allah, tak ada dekat sini. Dalam, daripada penyiasat yang –

**PM2** Ok.

**HAIROL** Ok, yang itu. Tuan lah, ok. Yang Arif, yang kedua, saya berhubung dengan apa ini, adik perempuan dia. Adik perempuan dia. Saya tak ingat nama juga. Adik perempuan dia.

**PK** Ya, tak apa.

**HAIROL** Pun sama juga. Beralih mengatakan bahawa dia sibuk dengan menguruskan keluarga dan tak masuk campur hal ini. Maksudnya tak ambil –

**PK** Tak masuk –

**HAIROL** Maksudnya tak ambil tahu hal abang.

**PK** Dia kata tak masuk campur hal ini?

**HAIROL** Ya.

**PK** Bagaimana apabila Tuan dengar phrase itu –

**HAIROL** Sebab saya nak mengambil statement.

**CHM** Tak, tak. Sebentar, sebentar. Ini peguam.

**PK** Ya, saya ada, you kata, adik kata, 'Saya tak nak masuk campur hal ini.'

**HAIROL** Ya.

**PK** Apabila Tuan mendengar kenyataan seperti itu, adakah satu hati, hal apa?

**HAIROL** Itu saya tanya dia, kenapa tak –

**PK** Ok.

HAIROL Saya tanya.

PK Sila.

HAIROL Kenapa tak nak bagi tahu? 'Kami dah tak berhubung dah.' Dia kata. Itu alasan dia. Dah tak berhubung lama. Jadi tak rapat dah. Itu sahaja alasan.

PK You, you ada lanjutkan soalan? Mengapa tak hubung ini, ini adik?

HAIROL Itu berhubung melalui telefon sahaja. Tiada rakaman.

PK You, you, you –

HAIROL Ya, call sahaja.

PK Tak minta, you tak minta adik mengapa tak hubung? Ini adik yang hilang. Adakah –

HAIROL Tidak ada.

PK You tak, tak ada. Luar biasa, itu adik tak concern –

HAIROL Entah.

PK Adik yang hilang.

CHM Abang.

PK Abang, abang yang hilang.

HAIROL Abang, abang. Abang yang hilang. Dia –

CHM He is the abanglah ya?

HAIROL Ya.

**PK** Abang.

**HAIROL** Ya, abang dia, abang dia.

**PK** Mengapa?

**HAIROL** Jadi dia kata –

**PK** Takut you tak, you tak menyoal lagi?

**HAIROL** Saya cakap macam itulah, kenapa itu? 'Kami dah lama tak berjumpa. Kami dah lama tak ambil tahu hal masing-masing.' Itu ialah alasan dia. Antara alasan dialah. Dia pun, dia pun sibuk dia kata.

**PK** So you ada teori? You ada teori? Polis ada teori mengapa, mengapa ini, ini satu yang luar biasa sedikit. Adik tak pernah dengar dari abang. Polis cakap abang hilang. Adik kata, 'Saya tak mahu campur hal ini.'

**HAIROL** Macam mana ya nak kata?

**PK** You tak ada, you tak ada syaki sedikit ini, ini person of interest, you know? Mengapa?

**HAIROL** Tidak adalah sebab dia –

**CHM** Ada berasa, ada berasa, dengar, dengar, dengar.

**HAIROL** Ya.

**CHM** Not ada berasa luar biasa, luar biasa tak? Ada syak? Ada merasalah luar biasa?

**PK** Ada merasa tak sedikit?

**CHM** Abang dia dah hilang then adik cakap begitu pula?

**HAIROL** Macam mana saya nak cakap, Tuan?

**CHM** Ya?

**HAIROL** Kejap, Yang Arif.

**CHM** You kata apa?

**PK** You tidak ada rasa apa-apa?

**CHM** Ini manusia sama manusia.

**PK** Ya.

**HAIROL** Saya, saya macam ini. Saya jadi hairan sahaja.

**PK** Ya.

**HAIROL** Kenapa adik-beradik tak ambil tahu. Itu sahaja. Saya jadi hairan.

**PM1** Hairanlah?

**HAIROL** Itu sahaja. Saya tak ada lain daripada itu. Adik-beradik tak ambil tahu. Tapi yalah, abang dia dah berkeluarga. Itu sahajalah.

**PK** Dalam kenyataan, adik itu kata tak mahu campur hal ini. Tidak menyinggung hati sedikit? Hal apa?

**HAIROL** Kemungkinan adik-beradik bergaduh, kita tak tahu.

**PK** Ok, ini, ini –

**HAIROL** Saya, itu kemungkinan. Jadi saya memang tak ada aspek apa-apa.

**PK** Bukan, bukan sekarang ya.

**HAIROL** Ya.

**PK** Bukan sekarang you, saya nak meminta teori. Tidak ada –

**HAIROL** Tidak ada.

**PK** Rasa sedikit?

**HAIROL** Waktu itu tidak ada. Fokus saya memang nak mencari orang hilang sahaja waktu itu dan mendapat –

**CHM** Dia orang ini mana? Dia orang ini, abang di mana? Adik di mana? Tadi cakap Tanjung Puteri. Dia orang di mana? Di Perak ke, di Kuala Lumpur ke?

**HAIROL** Ok, adik dia, adik dia mengatakan dia berada di Perak. Ya, di Perak. Jadi waktu itu –

**CHM** Perak di mana?

**HAIROL** Di kawasan Ipoh tak silap saya.

**CHM** Ya.

**HAIROL** Jadi apabila kalau dia kata ok, dia berada di sana, saya akan terus berjumpa dengan dia waktu saya di Penang. Hasrat saya begitu. Untuk mendapatkan rakaman percakapan, sambung rakaman percakapan ataupun dapatkan rakaman percakapan keluarga dia. Saya hubungi satu-satu.

**PK** Dan juga, dan juga abang, abang Hilmy, Hanim –

**HAIROL** Ya.

**PK** Dia jarang dia, dia nak bercakap dengan you. Tidak ada rasa apa-apa? Mengapa?

**HAIROL** Bukan jarang. Memang, memang tak, tak pernah bercakap.

**PK** Ya, dia tak mahu.

**HAIROL** Ya.

**PK** Kerana dia kata bapa saya –

**HAIROL** Saya tak pastilah yang itu. Saya tidak pasti yang itu.

**PK** Mengapa tak probe lagi? I mean, 'Saya polis. Saya ada tugas. Saya nak cakap dengan bapa.' Mengapa tak terus –

**HAIROL** Ok.

**PK** Melanjutkan investigation?

**HAIROL** Ok.

**PK** Adakah, kalau ada orang yang hilang, yang pertama SOP, keluarga mesti tahu. Keluarga mungkin ada involvement. I mean saya bukan accused ya.

**HAIROL** Ya.

**PK** I mean keluarga menghilangkan dia.

**HAIROL** Ok.

**PK** Mesti ada SOP. Mesti, kalau, kalau isteri hilang mungkin husband, anak hilang mungkin, mungkin bapa itu hentam tanah itu seperti mati dan, dan, dan tanam di dalam tanah. Itulah SOP isn't it? Mesti ada. Ini, ini bukan khayalan saya. Mengapa tak lebih probe? Saya, saya bukan menegur, menegur yang ketat. Saya nak tahu mengapa tak?

**HAIROL** Ok. Tuan.

**PK** Ya.

**HAIROL** Saya dapat jangka masa IP, 5hb Oktober sehingga saya dapat selesaikan segala arahan 22hb Oktober. 23, 23 saya serahkan kepada KWSDB.

**PK** Ya, saya tahu, Tuan.

**HAIROL** Jadi Tuan –

**PK** Inilah –

**HAIROL** Tuan pun tahu –

**PK** Ok, saya tahu.

**HAIROL** Saya sebagai ketua polis balai tak dapat orang kata, yalah, satu-satu masa yang saya dapat fokus, saya fokuskan. Jadi perkara ini berkait juga dengan tugasan saya harian yang lain.

**PK** Ok, seperti satu fail sahaja you nak menunaikan janji atau directive lah bagi ketua. You buat?

**HAIROL** Tidak.

**PK** Tidak?

**HAIROL** Itu arahan dah dibuat kepada saya, saya perlu sebagai penyiasat.

**PK** Ok. Saya berbalik ke, ke Penang ya.

**HAIROL** Ya.

**PK** You jumpa En Selvakumar.

**HAIROL** Ya.

**PK** Alright. En Selvakumar ialah tuan punya Kampung Tunku –

**HAIROL** Ya, punya rumah.

**PK** Rumah.

**HAIROL** Ok.

**PK** You, you sudah mengkaji dan tahu, alright. So apabila you jumpa dia, adakah you menyoal bagaimana you kenal orang Joshua Hilmy ini?

**HAIROL** Ada, saya ada menyoal.

**PK** Ok.

**HAIROL** Saya tengok sikit, Yang Arif.

**PK** Apakah IO, ok, sila, sila menjelaskan.

**HAIROL** Ok.

**PK** Sekarang you ada nota?

**HAIROL** Ya, ada nota sikit sahaja boleh rujuk.

**PK** Dulu you tidak ada ya.

**HAIROL** Ok.

**PK** Sila jelaskan.

**HAIROL** Ok, En Selvakumar menyatakan bahawa mengenali OH ini pada Oktober atau November 2014 setelah berjumpa di Gereja St. Mark di Perai, Pulau Pinang.

**PK** Ok.

**HAIROL** Dan berkawan baik sehingga membenarkan OH duduk di premisnya tanpa sebarang bayaran sewaanlah. Pada bulan Disember 2014 di mana kali terakhir beliau berhubung dengan OH pada bulan Disember dan pada Disember 2016, tarikh tidak ingat, dia telah pergi ke rumah alamat tersebutlah di Kampung Tunku, ada mengatakan telah pergi ke rumah tersebut, mendapati kereta dan OH tiada di rumah pada waktu itu.

**PK** Ok, Selvakumar kata bagi Tuan, dia sendiri pergi?

**HAIROL** Ya, dia sendiri pergi.

**PK** Pada, pada tarikh apa?

**HAIROL** Pada Disember 2016.

**PK** Disember 2016?

**HAIROL** Ya.

**PK** En Selvakumar sendiri pergi ke rumah –

**HAIROL** Dia sendiri.

**PK** Dia.

**HAIROL** Ya.

**PK** Dan dia dapat apa?

**HAIROL** Dapati tiada kereta dan OH pun tiada di rumah.

**PK** OH means? OH?

**PM1** Orang Hilang.

**HAIROL** Orang Hilang, Joshua.

**PK** Orang Hilang? Ok, ok.

**HAIROL** Hilmy ini tiada di rumah. OH, saya panggil OH.

**PK** Maaflah.

**HAIROL** Ok. Tiada di rumah.

**PK** Tidak ada di rumah?

**HAIROL** Tiada di rumah.

**PK** Ok. So you, you dapat dengar ini ya?

**HAIROL** Ya.

**PK** So apabila En Selvakumar kata dia berjumpa Hilmy Hanim di dalam gereja, adakah ini ada satu rasa dari orang, Tuan? Sebab ini orang Melayu. Orang Melayu memang beragama, apa. You, ya?

**HAIROL** Kebanyakan Islam lah.

**PK** Islam. So Hanim Hilmy ialah orang, orang Melayu ya?

**HAIROL** Ya, orang Melayu.

**PK** So adakah you hairan sedikit bagaimana dia jumpa di gereja?

**HAIROL** Tidak. Pada saya, saya tidak hairan itu.

**PK** Tidak? Ok.

**HAIROL** Sebab –

**PK** Sangat.

**HAIROL** Ya lah.

**PK** Malaysia, Malaysia.

**HAIROL** Malaysia, Malaysia bebas beragama.

**PK** Apa?

**HAIROL** Bebas beragama.

**PK** Bebas agama?

**HAIROL** Ya, jadi tak ada, tak ada isu.

**CHM** Tapi orang, orang Melayu, beragama Islam.

**HAIROL** Ya.

**CHM** Sekarang ini dengar dia beragama Kristian kan? Ya? Jadi tak, tak mahu ke tanya –

**PK** Ya.

**CHM** Ini kadang luar biasa kan? Memang, memang kebebasan beragama kita faham. Tapi orang, orang Melayu Islam beragam Kristian itu luar biasa, kan?

**HAIROL** Tak.

**CHM** Berborak, bersembang dengan Selvakumar, jumpa di gereja.

**HAIROL** Macam ada –

**CHM** Tak tentu, ini Melayu tapi jumpa di gereja.

**PK** Ya, orang Melayu ini. Ini orang, orang murtad ke ada?

**HAIROL** Tapi dia dah pilih.

**PK** Ya?

**HAIROL** Kita tak boleh kata apa.

**CHM** Tak, tak, tak.

**HAIROL** Saya, saya tak ada argue untuk, untuk itu, Yang Arif.

**CHM** Ini bukan soalan argue, tak argue.

**HAIROL** Ya.

**CHM** Tapi tak mahu nak, nak?

**HAIROL** Tiada. Saya sekarang ini macam mana saya nak cakap ya? Tiada kehairananlah pada saya waktu itu.

**CHM** Tak hairan ya?

**HAIROL** Ya, saya tiada hairan. Tiada kehairanan pada waktu itu sebab saya sebagai polis kita tahu inilah orang kata apa? Macam mana? Bila tengok IC itu kita tahu dah. Macam itulah. Pendaftaran pun macam itulah. Saya, saya tak boleh, tak boleh –

**CHM** IC dia tak Joshua? Tak ada kan?

**HAIROL** Tak ada saya rasa. Hilmy sahaja.

**CHM** Hilmy kan?

**HAIROL** Ya. Tak ada.

**CHM** IC tulis itu. Nama Islam kan? Mesti ada tulis itu kan? Tapi jumpa di gereja dan –

**HAIROL** Tiadalah pada siasatan saya.

**CHM** Ingin nak tanya lebih lanjut tak Selvaraja ini macam mana. Bagaimana boleh jumpa di gereja? Ada Hilmy beragama Kristian?

**HAIROL** Tidak, tidak. Saya tak tanya lebih pada itu.

**CHM** Walaupun kita seorang pegawai polis kan, patut pegawai polis lagi nak tahu. Ini dah hilang pula.

**HAIROL** Tidak ada.

**CHM** Tak ada?

**HAIROL** Tidak ada.

**CHM** Ok, ok. Ya.

**HAIROL** Saya, saya nak mencari orang hilang ini di manakah kedudukan dia. Jadi bab apa dia buat, apa dia buat, saya akan follow kemudian. Sebab yang penting mendapat cari subjek tersebut. Itu paling penting.

**[01:15PM]**

**PK** Actually Tuan, saya, saya pun –

**HAIROL** Ya.

**PK** Sangat welcome attitude, sikap Tuan.

**HAIROL** Thank you.

**PK** Tetapi question saya bukan untuk menegur attitude dan nilai.

**HAIROL** Thank you.

**PK** Nilai itu nilai baik.

**HAIROL** Thank you.

**PK** Malaysia, Malaysian lah kalau dia bebas dia nak jadi. Tetapi, seperti polis, kalau satu orang hilang, mungkin diculik, mungkin dia ada debt, ada banyak hutang, dia lari diri sebab ada loan shark nak membunuh dia. Ok. Mungkin dia main judi. Mungkin dia di dalam criminal activity, dia, dia nak run. Dan juga mungkin tindak, tindasan atau boleh ditindas oleh agama, alright. Tidak ada di dalam pendapat Tuan?

**HAIROL** Tidak ada.

**PK** Mengapa orang ini, ini, ini hilang?

**HAIROL** Tidak ada dan dalam siasatan saya pun tidak ada penggambaran tersebut.

**PK** Ok, ok, ok. Mengapa tidak ada pendapat Selvakumar bagi rumah yang besar sedikit di Kampung Tunku percuma? You tak meminta, mengapa percuma? Ada minta?

**HAIROL** Mungkin Selvakumar seorang yang pemurah. Saya tidak boleh pertikaikan keadaan itu. Jadi tiada, tiada syak wasangkalah pada saya.

**PK** You're going back. Ok.

**HAIROL** Ya, saya tiada syak wasangkalah.

**PK** So you, you, you hormat –

**HAIROL** Hormat atas persahabatan dia oranglah.

**PK** Ini orang ini saudara dia nak bagi?

**HAIROL** Memang saya tak ada, tak ada apalah yang nak, nak difikirkan lebih daripada itu.

**PK** You, you tak ada kata mungkin Selvakumar menghilangkan dia? Tak?

**HAIROL** Tidak ada. Tidak ada dalam siasatan.

**PK** Saya, saya, saya bukan kata dia hilang.

**HAIROL** Faham, faham, faham.

**PK** Sesiapa pun person of interest kalau ada orang hilang, alright, saya sudah buat alasan bahawa kalau orang hilang, mungkin husband, mungkin, itu, itulah siapa yang berhubung dengan orang itu mungkin orang of interest. Di PDRM, adakah phrase ini, person of interest ini? Adakah? Equivalent di dalam Bahasa Malaysia, person of interest?

**HAIROL** Person of interest.

**PK** Bukan disyaki membuat demikian tetapi mungkin ada interest. Tapi dia orang ada interest. Person of interest. Ada jumpa phrase ini?

**HAIROL** Tidak ada. Siasatan saya tidak adalah.

**PK** Tidak ada equivalent?

**HAIROL** Tidak ada.

**PK** Siapa yang syaki, mungkin ada kesalahan?

**HAIROL** Tidak ada.

**PK** Ok.

**HAIROL** Saya, ya. Saya siasat hanya untuk mencari di mana kedudukan Joshua Hilmy sahaja.

**PK** Saya tahu, saya tahu. Ok, saya tahu.

**HAIROL** Jadi saya tidak ada, tidak ada nak syaki siapa-siapa.

**PK** Ok, I don't want to belabour the point. Do you want to ask a question? I don't want to belabour the point.

**CHM** Isteri orang Indonesia, kan?

**HAIROL** Ya.

**CHM** Dari segi amalan polis, SOP, ada perbezaan tak bila orang hilang itu orang Malaysia dan orang hilang itu warganegara asing? Adakah kita ada lain SOP sebab dia warganegara asing kan? Dia punya negara nanti bising. Embassy dia akan tanya. Because I just nak tahu adakah perbezaan dari segi orang Malaysia hilang dan warganegara asing hilang? Ada perbezaan?

**HAIROL** Setakat yang saya tahu –

**CHM** Atau kita buat sama sahaja?

**HAIROL** Siasatan orang hilang ini sebagaimana orang –

**CHM** Sama sahaja?

**HAIROL** Sama dalam orang Malaysia kita hilang.

**CHM** Tak ada beza, beza? Adakah kita titik, lebih titik beratkan?

**HAIROL** Setakat ini tidak adalah. Saya, pada sayalah.

**CHM** Tak ada?

**HAIROL** Pada saya. Untuk, untuk siasatan ini tidak adalah.

**CHM** Ok.

**HAIROL** Ya, terima kasih.

**PK** Mungkin saya bukan kata ada attitude seperti itulah, mungkin ini orang Indo, bukan orang putih, you know, orang Amerika Syarikat. Dia, dia selebriti, dia orang kaya, mungkin. Adakah? Bukan Tuan sikap. Saya, saya bukan, tetapi mungkin pada hemat Tuan, ada banyak orang Indo seperti saya nak kata, SUHAKAM hearing earlier, IGP kali kata, banyak kehilangan orang. Apa ini special Raymond Koh? Alright. Ok, dengan itu saya nak menyoal satu soalan lagi ya. Tugas Tuan seperti Inspektor atau in-charge person, tidakkah tugas itu ada terms of reference untuk engage dengan komuniti? Komuniti. Sebab you know, kampung, you know dengan orang penduduk ke, mesti tahu bagaimana mereka adakah anxiety, ada hal dengan jenayah, mesti ada tugas ini? Tugas ketua balai polis di dalam kawasan mesti engage dengan komuniti. Ya?

**HAIROL** Ya.

**PK** Pasti? Kata ya? Ok.

**HAIROL** Ya, sebagai ketua polis balai.

**PK** Mesti ya?

**HAIROL** Ya.

**PK** Ketua polis di dalam kawasan?

**HAIROL** Ya.

**PK** Tetapi pada masa you buat kenyataan, you kata you tak baca media, you tak baca apa yang mungkin orang awam menakut bahawa Raymond Koh sudah dicabut lari dari jalan raya. Alright. You, you tak ingat ini?

**HAIROL** Tak ingat. Saya memang betul-betul saya tidak tahu ketika itu.

**PK** So di dalam pentadbiran, ini mustahak sebab satu term of reference ini ialah ada gap PDRM untuk ya.

**HAIROL** Ok.

**PK** Di dalam training atau refresher course atau apa kursus, adakah bagaimana PDRM mestilah ada fahaman mengenai media, social media, Twitter, Dato' Seri Najib pun ada Twitter. So Twitter account tengok ada sibuk-sibuk, apa-apa yang you know ciri, ada jiran apa-apa Twitter di dalam kawasan, mungkin ada chat group, mungkin you all nak masuk, you know? Tak? Tak ada?

**HAIROL** Tidak ada.

**PK** PDRM tak ada?

**HAIROL** Setakat yang saya bertugas pada lebih kurang 10 bulan itu –

**PK** Tidak ya?

**HAIROL** Tidak sehinggalah saya dapat IPD baru saya tahu.

**PK** Ok. Saya, saya, saya faham.

**HAIROL** Yang, yang selebihnya itu memang saya –

**PK** Saya faham.

**HAIROL** Memang saya tak.

**CHM** Semasa ditukarkan ke OCS Sungai Way –

**HAIROL** Ya.

**CHM** Waktu itu pangkat apa? ASP ke?

**HAIROL** Saya ASP.

**CHM** Waktu itu dah ASP ke? Tak, masa itu?

**HAIROL** Ya, sudah.

**CHM** ASP?

**HAIROL** Ya, sudah.

**CHM** I see.

**HAIROL** Saya sudah ASP dan yalah, daripada pegawai latihan, saya mengajar budak UKM SUKSIS dan saya dipindah ke OCS Sungai Way. Jadi first time saya menjadi ketua polis balai dan macam-macam kena belajar.

**CHM** Mengajar budak UKM?

**HAIROL** Ya, apa di bahagian latihan SUKSIS.

**CHM** Bila itu?

**HAIROL** Pada 2017.

**CHM** 2017?

**HAIROL** Ke bawahlah. Sebelum saya bertukar.

**CHM** Pegawai apa itu? Mengajar apa itu kepada penuntut UKM?

**HAIROL** Itu latihan budak-budak, ya, budak-budak universiti.

**CHM** Mengajar apa itu?

**HAIROL** Kadet, macam kadet polis.

**CHM** Kadet polis?

**HAIROL** Ya, dia kadet polis.

**CHM** Ok.

**HAIROL** Tapi dia panggil SUKSIS di sana. SUKSIS.

**CHM** Semasa ditugas, ditukarkan ke OCS Sungai Way, dah berapa lama dalam PDRM? Berapa lama dah?

**HAIROL** Saya pada waktu itu 1998, 1999 –

**CHM** 1998 ya?

**HAIROL** 1998.

**CHM** Join polis?

**HAIROL** 2017 saya berada di UKM Bangi. Sekarang saya 22 tahun dalam, 22, 22, 22.

**CHM** 1998?

**HAIROL** 1998.

**CHM** 1998. 2008, 10 tahun?

**HAIROL** 2008, ya 10 tahun.

**CHM** 2008.

**HAIROL** Saya sekarang 22 tahun, Yang Arif, berkhidmat.

**CHM** Ada 22 tahun ya?

**HAIROL** Ya, berkhidmat dah 22 tahun.

**CHM** Dalam 22 tahun ini, banyak mana dalam bahagian siasatan? Tak kisahlah bahagian drugs ke, bahagian jenayah ke?

**HAIROL** Tak banyak. Tak banyak. Saya lebih kepada pentadbiran.

**CHM** Pentadbiran ya?

**HAIROL** Ya. Jadi memang inilah, bahagian pentadbiran.

**PK** Ok lah.

**CHM** Ok.

**PK** Ok, soalan yang terakhir ya. Saya berbalik satu kali lagi ke Kampung Tunku. Apabila Tuan dengan anggota masuk dan memecahkan pagar.

**HAIROL** Ok.

**PK** Mengapa tidak ambil waran atau pembesi untuk masuk ke rumah? Mengapa? Sebab ini orang hilang memang di luar rumah, tidak ada apa-apa evidence. Bagaimanakah ada orang menghilang diri, ada beg ke ada, ada diari ke, ada bimbing telefon ke? Now kereta, ok, you tahu, Tuan tahu kereta pun telah di missing, right? Selvakumar kata kereta dia, dia pergi dan tidak jumpa kereta. Selvakumar beritahu Tuan, alright. So adakah mencari kereta di dalam penyiasatan? So satu, Soalan 1, mengapa satu kali lagi mengapa tak masuk rumah ambil waran ke atau pembesi yang tepat saya nak masuk. Beritahu Selvakumar. Mengapa?

**HAIROL** Untuk kes orang hilang, sekiranya kita, pada sayalah –

**PK** Ok.

**HAIROL** Pada waktu itu –

**PK** Saya.

**HAIROL** Jika ada keperluan –

**PK** Ya.

**HAIROL** Yang betul-betul saya mengesyaki ada orang kata lebih kepada keraguan, tindakan itu saya akan ambil.

**PK** Saya.

**HAIROL** Tetapi setakat ini tidak ada. Sewaktu jangka masa yang saya ambil itu, siasatan awal saya, saya tidak ada. Cuma nak mendapatkan maklumat sahaja.

**PK** Saya faham.

**HAIROL** Itu sahaja.

**PK** Tuan, saya faham.

**HAIROL** Tidak, tidak ada syaklah.

**PK** Tetapi –

**HAIROL** Yang Arif, kalau ada syak baru saya akan buat pecah rumah apa semua. Tapi setakat ini tidak ada.

**PK** Tetapi pejabat –

**HAIROL** Dan jangka masa panjang lagipun, kes ini 2017.

**CHM** Tapi kita sebagai seorang polis, sebenarnya benda macam ini kita cari lead kan?

**PK** Ya.

**CHM** Dalam Bahasa Melayu tak tahulah. Lead, kan? Lead somewhere.

**PK** Ya.

**HAIROL** Betul, Yang Arif. Itulah lead saya yang pertama. Saya, saya ikut sequence. Jika saya terlepas sesuatu, saya akan rugilah pada waktu itu. Jadi keperluan itu saya dah dapat daripada owner rumah.

**CHM** Lead yang sehabis baik sekali, saya bukan pegawai polis –

**HAIROL** Ya.

**CHM** Tapi sebagai orang biasa, lead yang sehabis baik sekali masuk, peguam bijaksana kata dapatkan waran, masuk rumah.

**PK** Ya.

**CHM** Cari dia punya, selongkar dia punya personal belonging. Mungkin akan dapat.

**HAIROL** Pada, pada masa itu saya mendapat tuan rumah.

**CHM** Ya?

**HAIROL** Jadi tuan rumah itu saya penting kepada kerjasama kepada saya. Asalnya memberi kerjasama nak hadir untuk masuk dalam rumah bersama. Jadi dalam jangka masa yang singkat itu saya perlu mendapatkan maklumat berkenaan rumah tersebut sebagaimana arahan KBSJD saya. Jadi untuk masuk rumah dah tak dapat kebenaran –

**CHM** Tak apa, tak apa.

**HAIROL** Jadi, jadi tindak –

**CHM** En Hairol. Ulangan, mengulang benda yang sama sahaja.

**HAIROL** Benda yang sama sahaja.

**CHM** Tapi saya nak tanya sini, dengar baik-baik.

**HAIROL** Ya.

**CHM** Kalau Encik sekarang ini dah dengar soalan-soalan daripada mana-mana pihak ya, daripada panel, daripada peguam. Kalau En Hairol renung balik, renung balik kepada hari itu, adakah En Hairol akan membuat, membuat tindakan yang berbeza atau adakah akan membuat yang sama sahaja? Ataupun akan membuat tindakan yang berbeza? Cuba renung baliklah akan membuat tindakan yang berbeza. Mungkin masuk rumah itu.

**HAIROL** Mungkin, mungkin, Yang Arif.

**CHM** Ya?

**HAIROL** Mungkin. Mungkin.

**CHM** Mungkin lah?

**HAIROL** Ya, mungkin.

**CHM** Ok, ok, sekarang ini cuba cerita, kalau diberi peluang sekali lagi kami berada di rumah itu, keadaan untuk menyiasat, apa yang En Hairol akan buat? Renung balik ke belakang ya. Mungkin berbeza.

**HAIROL** Tidak pastilah. Tidak pasti sebab apa, saya kalau dah mendapat apa, keterangan daripada yang saya perlukan, saya rasa tidak adalah lagi keraguan pada sayalah, pada sayalah. Sebab apa, jelas di situ, keterangan dan rakaman percakapan dah diberikan kepada saya. Jadi saya untuk membuat tindakan yang lebih pada saya tidak perlulah. Pada saya.

**CHM** Jadi kalau renung, renungkan balik, diberi peluang kan, tindakan En Hairol tidak akan tidak ke berbeza? Akan buat macam itu juga? Dia tak akan berbeza?

**HAIROL** Selagi rakaman –

**CHM** Itu, itu –

**HAIROL** Saya, begitu juga. Sebab saya berdasarkan rakaman percakapan saksi-saksi yang sedia ada. Itu juga saya punya ini.

**CHM** Ok.

**HAIROL** Saya tak dapat nak ubah.

**CHM** Ok.

**HAIROL** Ya.

**PK** Walaupun ada directive arahan daripada KSBD? Ini, ini bukan soalan yang sia-sia sahaja. KSBD kata sila cari.

**HAIROL** Ya, kalau itu pemantauan daripada dia, betul.

**PK** Ya.

**HAIROL** Ya, betul daripada pemantauan dia.

**PK** Ok. So last question.

**HAIROL** Ok.

**PK** So kereta yang hilang you tak ada menyiasat?

**HAIROL** Saya tak ingat. Saya tak ingat kereta yang hilang. Tapi saya mencari kedudukan Joshua sahaja.

**PK** Tapi Encik Selvakumar –

**HAIROL** Saya tak ingat.

**PK** En Selvakumar berkata dia pernah pergi, you, you, nota you baru baca.

**HAIROL** Ok.

**PK** Dia pernah pergi dan, dan tidak ada. So tak tahu kereta apa. You tak cari kereta itu? Kalau orang hilang, kereta mungkin boleh cari. Mungkin ada repot. Mungkin ada abandoned car. Mungkin kereta itu dibakar dan ada mayat di dalam situ?

**HAIROL** Ok.

**PK** Ok? So, so you kesal sedikit mengapa you tak melanjutkan?

**HAIROL** Ya. Dalam jangka masa yang pendek saya ulang balik –

**PK** Saya tahu, saya tahu. Ya.

**HAIROL** Ada juga perkara yang yalah, daripada sayalah.

**PK** Ok.

**HAIROL** Jadi saya buat apa yang diperlukan dahulu.

**PK** Saya tahu. Tuan, Tuan –

**HAIROL** Itu sahaja.

**PK** Terima kasih.

**HAIROL** Terima kasih.

**PK** Saya, saya nak minta maaf. Bukan saya nak tegur –

**HAIROL** Ok.

**PK** Tugas Tuan. Tetapi inilah tugas saya. Ada gap dalam PDRM. Saya akan beri submission mengenai ini. Terima kasih.

**HAIROL** Terima kasih.

**ADY** Yang Arif, izinkan saya untuk apa, mengaju, mengajukan beberapa soalan. Ok Tuan apa, Tuan Hairol ya.

**HAIROL** Ya, Tuan.

**ADY** Ok, sebelum kamu ditukarkan ke IPD PJ ataupun proses Balai Sungai Way ya, kamu ada katakan tadi kamu bertugas di apa, UKM ya?

**[01:30PM]**

**HAIROL** UKM.

**ADY** Berapa lama itu?

**HAIROL** Lebih kurang pada masa lebih kurang setahun macam itu, Tuan.

**ADY** Setahun?

**HAIROL** Ya.

**ADY** Sebelum itu Tuan bertugas di mana?

**HAIROL** Di Trafik Jalan Bandar.

**ADY** Berapa tahun?

**HAIROL** Tak sampai setahun.

**ADY** Tak sampai setahun?

**HAIROL** Ya, sebab saya sambung belajar, terus saya ditukarkan ke Trafik Jalan Bandar.

**ADY** Sambung belajar di mana itu?

**HAIROL** Di apa ini, PDRM UM.

**ADY** Berapa tahun?

**HAIROL** Setahun sahaja, Tuan.

**ADY** Setahun juga?

**HAIROL** Setahun juga?

**ADY** Makna setahun, setahun, setahun sahajalah?

**HAIROL** Setahun, setahun, setahun, ya.

**ADY** Ok, semasa kamu ambil alih penugasan di sebagai OCS di Sungai Way, so sebelum kamu terima arahan daripada KBSJD untuk ambil alih siasatan, berapakah kes ataupun berapakah, berapa banyakkah siasatan yang telah dijalankan oleh Tuan sebelum mengambil alih kertas siasatan yang melibatkan Joshua Hilmy ini?

**HAIROL** Ok, ini yang kali pertama, Tuan.

**ADY** Semasa berapa bulan? Lima bulan? No, 10 bulan ya?

**HAIROL** Ya, betul.

**ADY** Daripada Januari sampai Oktober.

**HAIROL** Ya.

**ADY** That's mean tidak ada repot orang hilang ke, fire report ke?

**HAIROL** Ada, ada repot. Tapi sarjan aktiviti.

**ADY** Ya? Apa dia?

**HAIROL** Sarjan aktiviti yang menggalas, menjalankan siasatan.

**ADY** Tapi Tuan pantau sendirilah?

**HAIROL** Saya pantau sendirilah.

**ADY** So agak-agak berapa banyak kes? Boleh ingat?

**HAIROL** Tak boleh ingatlah, Tuan. Saya pun –

**ADY** Lebih daripada 10? Kurang daripada 10?

**HAIROL** Dalam lebih, dalam 10 ada.

**ADY** Lebih ya?

**HAIROL** Lebih, lebih dalam 10 ada. Memang ada.

**ADY** Ok. Tadi kamu katakan kamu terima IP ini pada 5hb Oktober ya, betul ya?

**HAIROL** Ya, betul.

**ADY** So masa kamu terima IP orang hilang ini, apa pandangan kamu terhadap kertas siasatan ini?

**HAIROL** Saya apabila dapat kes orang hilang ini, saya anggap memang kejadian orang hilanglah. Orang yang hilang untuk dikesan semula, Tuan. Untuk dikesan di mana kedudukan dia. Itu fokus saya. Tidak ada –

**ADY** Adakah kamu ditaklimatkan oleh sesiapa berkenaan perkembangan kes ini?

**HAIROL** Hanya KBSJD untuk saya melaksanakan arahan dia. Itu sahaja.

**ADY** Itu arahan bertulis, kan?

**HAIROL** Ya.

**ADY** Maksud saya, lebih spesifik, adakah IO, IO asal ataupun mana-mana pegawai daripada CL jenayah ada mentaklimatkan –

**HAIROL** Tidak ada.

**ADY** Tuan berkenaan dengan kes ini?

**HAIROL** Tidak ada, Tuan.

**ADY** Ok. Pada tarikh Tuan ambil alih kertas siasatan ini, IO asal, Sarjan Sibee masih lagi bertugas di IPD PJ?

**HAIROL** Ya, setahu saya masih lagi.

**ADY** Ada tak Tuan mendapat maklum balas daripada dia berkenaan perkembangan kes ini ataupun hasil siasatan yang telah diambil?

**HAIROL** Hasil siasatan dalam kertas siasatan itu, Tuan.

**ADY** That's mean you ada bacalah? Tuan ada bacalah?

**HAIROL** Ada baca. Dah ada baca yang –

**ADY** Dah baca?

**HAIROL** Ya, baca tadi.

**ADY** So masa you kaji kertas siasatan ini masa you terima itu, you kaji, you tengok daripada muka pertama sampai muka terakhir, dalam, dalam you kaji itu, apa, apakah tindakan yang telah diambil oleh IO asal ataupun Sarjan Sibee?

**HAIROL** Sarjan Sibee yang sebagaimana saya maklum tadi, merakam percakapan adik beradik –

**ADY** Yang lima saksi itulah?

**HAIROL** Ya, saksi itu.

**ADY** Lain?

**HAIROL** Lima saksi lepas itu dengan mengesan melalui nombor telefon Digi. Itu sahaja. Yang saya pun buat kali kedua.

**ADY** Apa dia?

**HAIROL** Yang saya pun mengesan nombor Digi untuk kali kedua. Itu yang saya dapat.

**ADY** Ada tengok tak ID siasatan Sarjan Sibee?

**HAIROL** Seingat saya ada saya terbaca. Lepas itu saya dapat tahu bahawa dia mengesan melalui Digi. Itu sahajalah.

**ADY** Dan selain daripada mengesan daripada, daripada Digi, daripada rakaman percakapan, selain daripada itu, ada tak apa-apa yang di dalam, so apa particular dalam apa, ID siasatan yang tidak termasuk dalam apa, dalam kertas siasatan?

**HAIROL** Seingat saya tidak ada dah, Tuan. Tidak ada dah. Yang itu sahaja dapat. Ya, saya.

**ADY** Ok. Tadi berkenaan dengan soalan daripada Yang Arif pengerusi yang kamu berkenaan dengan soalan yang ditanya berkenaan semakin lama sepatutnya, semakin lama orang hilang ini hilang, semakin serius kes ini dan kamu nyatakan kamu tak pasti. Boleh Tuan tolong elaborate kenapa kamu tak pasti kalau kes orang hilang ini, makin lama dia hilang, makin lama dia tak ada, kamu tak setujulah ataupun kamu tak pastilah yang kenyataan makin lama hilang makin serius.

**HAIROL** Ok.

**ADY** Ya.

**HAIROL** Yang pertama, apabila yang siasatan saya buat itu untuk mencari orang hilang. Ok, betul, Tuan. Jadi kebanyakan kes-kes orang hilang ini kadang-kadang, yalah, orang dewasa. Orang dewasa ini dia, yalah, orang yang berdikari. Jadi untuk mengatakan keluar daripada kes orang hilang menjadi jenayah itu maksud Yang Arif itu saya tak dapat, tak dapat gambaran. Tak dapat gambaran untuk mengatakan kes ini kejadian jenayah. Jadi kes orang hilang ini khas, orang kata kes biasalah. Kes biasa. Banyak, mungkin macam Tuan cakap tadi, apa, berkaitan orang, Ah Long, bergaduh keluarga ke. Jadi pada saya itu normal lah. Itu normal. Kecuali kita dapat lead daripada awal itu lain ceritalah. Tapi dalam ini, tidak ada. Itu sahaja, Tuan. Terima kasih.

**ADY** So dalam siasatan memang tidak menjurus kepada –

**HAIROL** Tidak menjurus kepada jenayah.

**ADY** Ok, pada kamu, pada pandangan Tuan lah ya, berkenaan dengan waktu pemeriksaan di rumah, so pada pandangan Tuan, adakah relevan ataupun tidak bagi siasatan kes orang hilang yang mana Tuan kata tidak mempunyai, tidak menjurus kepada unsur-unsur jenayah, adakah relevan untuk Tuan untuk pecah masuk ke rumah tersebut untuk menjalankan siasatan?

**HAIROL** Tidak relevan.

**ADY** Boleh Tuan tolong jelaskan?

**HAIROL** Maksudnya saya tidak perlu memecah masuk rumah tersebut kerana saya dah ada saksi, En Selvakumar, tuan rumah yang telah berjumpa dengan apa ini, kawan baik dia, Hilmy dan mengata waktu dia pun dah pergi ke rumah. Waktu itu kereta tak ada dan dia orang pun tidak ada. Jadi andai kata sebaliknya, mungkin saya akan buat pecah rumah pasal kereta ada, apa ada, kemungkinan berada di dalam. Waktu itulah. Jadi tidak ada relevanlah saya untuk, untuk pecah rumah. Just owner rumah dah ada, mendapat kebenaran dan membuat siasatan. Dan saya rasa untuk cukup pada waktu itu, selesailah pada saya.

**ADY** Ok. Dalam tempoh yang singkat selama 18 hari yang Tuan pun jalankan siasatan atau mengambil alih siasatan, adakah Tuan ada terima apa-apa arahan daripada pegawai atasan Tuan untuk mengambil tindakan memecah masuk ke dalam rumah tersebut?

**HAIROL** Tidak ada. Tidak ada.

**ADY** Ok. Setuju ataupun tidak Tuan ya bahawa saya mengatakan bahawa satu taskforce berkenaan dengan siasatan khas bagi Joshua Hilmy ini ditubuhkan yang mana Tuan mungkin tidak tahu sebab disebabkan Tuan dalam tempoh yang singkat tersebut, mungkin Tuan tak berpeluang untuk mengetahui siasatan yang dijalankan sebelum ini. Setuju dengan saya tidak?

**HAIROL** Setuju.

**ADY** Setuju.

**HAIROL** Saya memang tak sempat dan memang tidak tahu.

**ADY** Ok.

**HAIROL** Terima kasih, Tuan.

**ADY** That's all. Thank you, Yang Arif.

**CHM** Thank you. En Andrew?

**AK** Thank you, Commissioners. Tuan ASP, nama saya Andrew Khoo.

**HAIROL** Ya.

**AK** Saya peguam bagi pihak Badan Peguam Malaysia.

**HAIROL** Ya, Tuan.

**AK** Yang menjadi pemerhati kepada siasatan awam ini. Saya ada beberapa soalan sebagai penjelasan. Saya mahu menumpu terhadap proses dan bukan semata-mata sahaja. Proses. Yang, yang pertamanya proses pengambilalihan tugas sebagai OCS. Adakah SOP, adakah ada ya, SOP tentang apa yang perlu dibuat oleh seseorang pegawai polis apabila mengambil alih tugas sebagai OCS?

**HAIROL** Ada.

**AK** Apakah SOP tersebut?

**HAIROL** Melaksanakan tugas-tugas ketua polis balai. Jadi SOP yang –

**AK** Ok, ok. Mungkin, mungkin saya –

**HAIROL** Maksud, maksud, maksud Tuan macam mana itu? SOP itu?

**AK** Ok.

**HAIROL** Saya, saya tahu apabila saya terima sebagai ketua polis balai, saya akan melaksanakan apa yang ditetapkan sebagai ketua balai lakukan. Contoh –

**AK** Ok.

**HAIROL** Macam itulah.

**AK** Mungkin soalan saya –

**HAIROL** Saya tak faham apa.

**AK** Saya halusi soalan saya. Apakah SOP seseorang yang mengambil alih jawatan sebagai OCS terhadap mana-mana penyiasatan yang masih terbuka yang dilaporkan kepada atau berkait kepada kawasan tersebut?

**HAIROL** Saya tak pasti, Tuan. Saya tak, tak faham lagi maksud Tuan yang sebenar.

**CHM** Or can I interject? Contohnya adakah pegawai yang kita nak ambil alih itu akan lead out, menyenaraikan, menyenaraikan kesemua penyiasatan yang masih, masih tergantung? Masih belum dapat diselesaikan or ada, ada, ada 100 kes siasatan dan *diclassifykan* ini pecah rumah, ini orang hilang. Ada tak dia handover itu –

**HAIROL** Ok.

**CHM** From what I understand.

**HAIROL** Untuk jenayah –

**CHM** Ya.

**HAIROL** Untuk jenayah, ketua bahagian siasatan jenayah lah yang mengambil alihnya. Jadi untuk orang hilang ini, apa ini, KPPD.

**CHM** Tak, ada diserah, diserahkan senarai?

**HAIROL** Tidak ada.

**CHM** Senarai?

**HAIROL** Untuk saya, untuk senarai saya tidak ada. Dia ada pada pegawai penyiasat. Tidak saya, tidak ada pada saya. Pegawai penyiasat sahaja, Yang Arif.

**AK** Jadi bila Tuan ASP mengambil alih tugas, kamu tidak tahu apakah, berapakah laporan polis yang masih, yang saya katakan terbuka? Belum lagi dilengkapkan penyiasatannya?

**HAIROL** Betul.

**AK** Betul?

**HAIROL** Betul.

**AK** Tidak ada SOP yang memberitahu kamu, kamu harus mendapat tahu tentang bilangan atau cara atau perkara kes-kes yang masih terbuka? Tiada SOP?

**HAIROL** Ok, kalau nak kata SOP, saya, gambaran SOP itu saya tak nampak. Tetapi tanggungjawab pegawai penyiasat yang ada, dia mesti mengetahui dia punya kertas siasatan di tangan dia.

**AK** Bukan, bukan.

**HAIROL** Jadi –

**AK** Bukan sebagai, bukan sebagai pegawai penyiasat. Kamu sebagai OCS, adakah kamu seharusnya mengambil tahu? Adakah mengikut SOP atau dengan, dengan sendirinya mengambil tahu tentang apa-apa kes, apa-apa laporan yang masih belum selesai?

**HAIROL** Arahan itu ada. Ada. Ada.

**AK** Jadi dalam, dalam kes ini, adakah Tuan ASP mematuhi arahan itu?

**HAIROL** Dalam kes ini, firstly saya nak cakap, memang saya tak, tidak ada. Tidak ada tahu perkara ini dan kertas siasatan itu tidak ada di dalam milikan saya. Maksudnya dalam milikan sarjan saya berdua itu. Sebab itu saya nak, itu yang saya nak jelaskan.

**AK** Tapi kes ini berkait dengan kawasan Sungai Way di bawah jagaan Tuan ASP.

**HAIROL** Betul.

**AK** Jadi saya masih mahu bertanya, adakah kamu mengambil tahu tentang kes? Bukan saya kata adakah kamu melihat kertas penyiasatan, IP

atau apa. Tapi adakah disenaraikan kepada kamu kes-kes yang masih terbuka?

**HAIROL** Macam ini, Yang Arif. Izinkan saya mengatakan bahawa apabila melibatkan kes ini, di mana IO yang pertama ditanggungjawab, dia akan bawa kes itu bersama dengan dia. Itu, itu yang berlaku sekaranglah. Jadi di pihak saya tidak adalah. IO yang bertanggungjawab itu dia akan ketahuilah perkara itu. Jadi dalam tangan dia dan dia masih berada di IPD Petaling Jaya. Walaupun kes itu berada di apa ini, Sungai Way, jadi tanggungjawab dia pada waktu itu, dia mesti bertanggungjawab memegang kertas siasatan tersebut. Jadi mungkin –

**CHM** Terus, terus dengan Sarjan Sibee lah ya?

**HAIROL** Ya. Jadi kita memang saya sendiri pun tidak tahu. Tidak dimaklumkan, tidak apa oleh Sarjan Sibee.

**AK** So maksudnya tidak ada keperluan OCS untuk mengambil tahu walaupun kes itu berkaitan dengan Sungai Way lah?

**HAIROL** Ok –

**AK** Sebab di bawah tanggungjawab IO lah? Maksud dia macam itu sahaja?

**HAIROL** Ya, dalam tanggungjawab IO. Jadi dibawa bersama. Makna kata kes itu IO asal itu masih memegang dan dia pun tidak maklum kepada saya pada waktu itu sebagai –

**PM2** Sememangnya dia tidak maklum.

**HAIROL** Ya.

**PM2** Tapi persoalan En Andrew, adakah tanggungjawab Tuan sebagai OCS ambil, harus ambil tahu apa-apa kes yang ada kaitannya dengan Sungai Way? Itu persoalan dia.

**[01:45PM]**

**HAIROL** Ok. Itu perlu.

**PM2** Perlulah?

**HAIROL** Sewaktu saya berada lapor diri, terus saya perlu tahulah. Tapi ada tapi dia, sebab saya akan melihat kepada sewaktu saya bertugas ini, apa kejadian-kejadian yang akan berlaku, yang telah berlaku dan mengambil tahulah. Untuk yang lepas itu, saya memang tak tahulah.

**CHM** Semasa En Hairol ditugaskan mengalih, ambil alih kes ini, transfer order tak keluar lagi, belum keluar lagi?

**HAIROL** 5hb Oktober itu –

**CHM** Perintah pertukaran dah keluar ke, dah keluar ke belum keluar?

**HAIROL** Saya tak pasti, Tuan. Tak ingat, Tuan.

**CHM** Tak pasti?

**HAIROL** Sebab itu, saya tak ingat, Tuan, transfer order itu bila keluar.

**CHM** Mungkin tak keluar lagi. Kalau, kalau keluar, pasal apa nak pass suruh, mungkin tak keluar lagi, kan? Kot?

**HAIROL** Saya, saya tak ingat, Tuan. Tetapi saya waktu itu mengambil tindakan yang telah diarahkan itu dan saya akan melapor diri kepada, pada awal bulan apa, awal bulan November. Jadi saya kena serahkan segala siasatan saya itu kepada KPSJD untuk dia –

**CHM** Itu dipanggil awal Oktober?

**HAIROL** Apa ini, awal November.

**CHM** Tak, dipanggil oleh superior?

**HAIROL** Oleh KPSJD 5hb Oktober.

**CHM** Bulan Oktober?

**HAIROL** Ya, 5hb Oktober dipanggil.

**PM2** Bukan, persoalan dia, waktu kamu diberikan fail pada 5hb Oktober, dah dalam pengetahuan Tuan yang kamu akan dipindahkan bulan November? Dah dapat –

**HAIROL** Tidak, tidak. Saya ada buat permohonan.

**PM2** Ok.

**HAIROL** Pada tak silap saya bulan Jun saya ada buat permohonan. Saya, yalah, untuk makluman sepatutnya saya tak boleh bagi tahu. Tapi saya kenapa, saya berjauhan dengan isteri and then saya mempunyai sakit slip disc. Jadi saya buat permohonan bertukarlah. Itu, itu saya –

**CHM** Minta mohon?

**HAIROL** Ya.

**CHM** Minta, minta pertukaran?

**HAIROL** Ya, saya minta pertukaran.

**CHM** Ok, ok. Ini, jadi En Hairol ditugaskan untuk mengambil alih kes ini daripada Sarjan Sibee?

**HAIROL** Ya, arahan daripada KPSJD macam itu. 5hb Oktober itu –

**CHM** Untuk mengambil alih?

**HAIROL** Ya, disambung siasatan.

**CHM** Mengapa ditukarkan daripada Sarjan Sibee kepada En Hairol? Adakah En Hairol bertanya mengapa?

**HAIROL** Ya, saya tak bertanya. Saya tak pasti.

**CHM** Ya.

**HAIROL** Jadi sebab untuk yalah, kebetulan saya jadi ketua polis balai dan diarahkan. Yang saya ingat itulah. Saya tidak, tidak tahu apa sebab.

**CHM** Ada dua kemungkinan. Mungkin pertama, orang atasan tak berpuas hati dengan prestasi Sarjan Sibee tentang kemajuan, kan? Ataupun sebab kedua, superior, orang atas berhadapan dan menaikkan taraf kes ini kepada kes yang serius. So memerlukan seorang pegawai berpangkat ASP mengambil alih. So ada dua kemungkinan, kan?

**HAIROL** Ya.

**CHM** Ya?

**HAIROL** Tapi tidak pastilah waktu itu.

**CHM** Tak pasti?

**HAIROL** Ya, saya tidak pasti.

**CHM** Tak tahu?

**HAIROL** Ya, tidak tahu.

**CHM** Tapi –

**HAIROL** Saya diarahkan, saya terus jalankan.

**CHM** Masa ambil alih itu, Sarjan Sibee masih dalam khidmat polis ya?

**HAIROL** Seingat saya masih. Masih.

**CHM** Ok, ya.

**AK** Lagi soalan tentang proses. Jadi dalam, dalam sistem proses PDRM, adakah ini menjadi perkara yang biasa bahawa IO yang ditugaskan kepada satu kes bukanlah anggota balai polis di tempat kejadian? Di tempat yang laporan dibuat? Macam Sarjan Sibee sekarang. Katakan dia masih menjadi IO tetapi dia tidak lagi bertugas di Balai Polis Sungai Way.

**HAIROL** Petaling.

**AK** Adakah ini perkara biasa?

**HAIROL** Maksud Tuan? Tak faham.

**AK** Mula-mula bila laporan dibuat pada bulan Mac 2017, Sarjan Sibee bertugas di Sungai Way.

**HAIROL** Ya, betul.

**AK** Ya?

**HAIROL** Dia bertugas.

**AK** Jadi dia menjadi IO.

**HAIROL** Saya belum lagi.

**AK** Inspektor Shafiee yang dulunya –

**HAIROL** Ketua polis balai.

**AK** OCS.

**HAIROL** OCS.

**AK** Dia katakan tugas IO telah diberikan kepada Sarjan Sibee. Sarjan Sibee menjadi activity sargeant di Balai Polis Sungai Way. Tapi setahu Tuan ASP, pada masa kamu mengambil alih tugas pada bulan Januari 2018, Sarjan Sibee bukan lagi di sana? Sudah dipindahkan kepada Balai Polis Petaling Jaya?

**HAIROL** Ya, dia dipindahkan ke sana.

**AK** Ok. Jadi soalan saya, adakah ini perkara biasa bahawa satu kes yang, yang pada mulanya di sesuatu balai polis ditugaskan kepada sesuatu pegawai penyiasat di balai polis itu kemudiannya boleh dipindah kepada satu balai polis lain dengan tidak ada pengetahuan atau pemantauan OCS yang di balai, di balai sana? Adakah ini satu proses PDRM yang biasa? Yang kerap, kerap berlaku?

**HAIROL** Begini, saya nak jelaskan. Apabila seseorang yang telah berpindah tetapi masih di dalam kawasan yang sama, dia dipertanggungjawabkan masih menjaga IP siasatan tersebut. Itu yang saya tahu. Jadi nak kata kebiasaan itu, yalah, saya first time juga apa ini, siasat kes orang hilang, saya tidak pasti yang Tuan cakap itu. Cuma saya faham apabila pegawai penyiasat dah berpindah tetapi masih di kawasan yang sama, dia bawa sekali dia punya IP itu untuk tanggungjawab dia. Itu.

**AK** Tapi bila Sarjan Sibee berpindah ke IPD, Balai Polis Petaling Jaya, adakah itu masih dikira sebagai kawasan sama?

**HAIROL** Ya, kawasan sama. Dalam kontinjen yang sama.

**AK** Kontinjen yang sama?

**HAIROL** Ya.

**AK** So, so jadi maksud jawapan Tuan ASP, itu ada berlakulah? Boleh –

**HAIROL** Boleh.

**AK** Boleh?

**HAIROL** Ada berlakulah. Dan bolehlah.

**AK** Ok. Jadi dari segi pemantauan, kita, kita lihat pada kes ini juga. Ini adalah satu kes yang berlaku di kawasan Sungai Way. Tapi sekarang ianya dikendalikan IO nya di Balai Polis Petaling Jaya. Ya? Sarjan Sibee, dia sudah pindah kan? Dia masih IO kan?

**HAIROL** Ok, dia masih.

**AK** Jadi dia sudah tukar balai.

**HAIROL** Ya.

**AK** Tapi yang, yang Tuan ASP kata itu, dia masih dalam kawasan yang sama.

**HAIROL** Ya, balai.

**AK** Betul?

**HAIROL** IPD yang sama.

**AK** Ok.

**HAIROL** Ibu pejabat daerah –

**AK** Tapi dari segi pemantauan, siapakah yang memantau kerja dan, dan penyiasatan IO?

**HAIROL** Di pihak KPPD.

**AK** Ok. Jadi sudah keluar daripada apa ini, tanggungjawab OCS –

**HAIROL** Ya.

**AK** Sungai Way?

**HAIROL** Ya.

**AK** Dan sepanjang pengetahuan Tuan ASP, bila Sarjan Sibee dipindahkan ke Balai Polis PJ, adakah dia masih pegawai penyiasat kes ini atau dia sudah serahkan kepada, kembalikan kepada –

**HAIROL** Dia masih pegawai penyiasat.

**AK** Dia masih?

**HAIROL** Dia masihlah.

**AK** Jadi bila, kalau kita alih kepada bulan Oktober 2018, bila kamu diarahkan untuk menyiasat kes ini, adakah kamu tahu bahawa kamu, kamu sekarang sudah mengambil alih tugas IO daripada Sarjan Sibee dan sekarang ini adalah apa ini, tanggungjawab Tuan ASP?

**HAIROL** Ya, betul.

**AK** Betul?

**HAIROL** Betul. Dah dapat arahan, saya bertanggungjawablah.

**AK** Ok.

**HAIROL** Yalah.

**AK** Dan bila Tuan ASP pindah kepada jawatan baru, Tuan ASP ada memberitahu siasatan ini bahawa kamu ada dipanggil oleh Inspektor Zul.

**HAIROL** Bukan dipanggil. Berhubung.

**PM2** Telefon?

**HAIROL** Ya, berhubung melalui telefon sahaja.

**AK** Dipanggil lah? Panggilan telefon?

**HAIROL** Berhubung. Kalau panggil, saya rasa dia panggil pergi ke Sungai Way lah untuk berjumpa.

**AK** Ok, ok.

**HAIROL** Kalau berhubung dalam telefonlah saya.

**PM1** Ok.

**AK** Ok. Dia telah berhubung dengan kamu.

**HAIROL** Ya.

**AK** Ya? Dan boleh kamu menjelaskan mungkin terpaksa mengulang, saya minta maaf. Kenapa Inspektor Zul berhubung dengan kamu tentang kes ini?

**HAIROL** Macam mana ya? Mungkin disebabkan pihak SUHAKAM memanggil dia. Jadi dia berhubung dengan saya nak tahu apa cerita kes itu. Sedangkan dia dah dapat, dia boleh baca dah apa yang di dalam itu. Saya macam mana saya dapat, saya dapat bacalah dan saya tahu saya menjalankan siasatan orang hilang. Itu sahajalah.

**AK** Minta maaf. Adakah kita sudah tetapkan bila Encik, Inspektor Zul berhubung dengan Tuan ASP atas kes ini?

**HAIROL** Saya tak ingat. Tidak ada tetap apa-apa. Cuma mungkin dia sahaja nak tahu, dia berhubung dengan saya. Itu sahaja.

**AK** Ok. Jadi dia, dia tidak berhubung dengan Tuan ASP kerana mengikut satu SOP untuk berhubung dengan bekas IO kes untuk mendapatkan background, penjelasan background taklimat tentang kes ini?

**HAIROL** Tidak pasti. Saya tidak pasti kenapa dia berhubung.

**AK** Ok.

**PM2** Bukan, bila orang berhubung itu, satu dia cakap, 'Hello, apa khabar?'

**HAIROL** Ya.

**PM2** Itu lepas itu mesti ada sebab.

**HAIROL** Ada sebab.

**PM2** Kamu dengan –

**HAIROL** Zul.

**PM2** IO Zul itu –

**PM1** Zul.

**PM2** Berkawan ke bukan?

**HAIROL** Bukan, bukan.

**PM2** Bukan, kan?

**HAIROL** Bukan.

**PM2** Itulah sebabnya persoalan itu. Bila ada telefon dari seorang IO pasal kes lama, mesti ada sebab.

**HAIROL** Ya.

**PM2** So apakah sebab apakah tujuan dia menelefon kamu? Takkanlah nak tanya apa khabar?

**HAIROL** Ya.

**PM2** Mesti ada sebabnya.

**HAIROL** Ya. Jadi –

**PM2** So apakah sebabnya yang dia –

**HAIROL** Mungkin, mungkin dia nak tahu apa tindakan saya yang telah saya ambil waktu itu.

**PM2** So –

**HAIROL** Itu sahaja.

**PM2** So adalah dia tanya –

**HAIROL** Ya, dia ada tanya.

**PM2** Tuan ASP apakah kamu telah lakukan?

**HAIROL** Ya.

**PM2** So adalah?

**HAIROL** Ada.

**PM2** So tolong jawab En Andrew apa yang kamu.

**AK** Jadi betul? Kamu bersetuju dengan saya dia memang berhubung dengan Tuan ASP untuk mendapat tahu latar belakang kes, kes ini?

**HAIROL** Ya, dia nak dapat tahulah serba sedikit apa tindakan saya. Itu sahaja.

**AK** Ok, terima kasih. Jadi adakah dia berbuat demikian kerana itu adalah arahan SOP untuk mendapat tahu tentang latar belakang untuk berhubung dengan IO yang sebelum ini untuk mendapat maklumat atau dia buatnya sendiri sahaja dengan, dengan, dengan kerana dia, dia, dia ingin nak, nak tahu sahaja?

**HAIROL** Saya, mungkin dia nak tahu sahaja.

**AK** Ok.

**HAIROL** Dia nak tahu sahaja.

**AK** Ok. Jadi ia bukan menjadi SOP?

**HAIROL** Saya tidak pasti. SOP itu saya tidak pasti.

**AK** Tapi saya, saya tahu, kalau, kalau Tuan ASP kata tak pasti, apa yang kamu tak pasti itu?

**HAIROL** Menjadi SOP itu saya tak pasti.

**AK** Tapi kamu tak, tak baca ada apa-apa SOP tentang hal ini, kan?

**HAIROL** Tidak yang itu.

**AK** Jadi sepanjang –

**HAIROL** Jadi pada saya biasa, apabila orang ambil alih, jadi dia berhubung dengan yang lama untuk tahu serba sedikit apa tindakan terakhir. Itu yang saya tahu.

**AK** Ok.

**HAIROL** Ya.

**AK** Jadi soalan saya sekarang, adakah kamu berhubung dengan Sarjan Sibee untuk mendapat tahu latar belakang kes ini kerana Sarjan Sibee adalah pegawai penyiasat kes ini sebelum Tuan ASP?

**HAIROL** Selepas dapat itu, barulah tahu. Barulah mendapat serba sedikit gambaran daripada Sarjan Sibee sebagaimana yang saya terangkan tadi.

**AK** Ok. Tapi kamu ada berhubung dengan dia? Ada bertelefon dia? Ada bercakap dengan dia?

**PM2** Sarjan Sibee?

**HAIROL** Sarjan Sibee ini saya tak ingat dia punya, berhubungnya tidak. Setelah dapat IP itu, dia berada di IPD tak ingat tapi saya dapat sahaja IP itu, saya terus buat ini. Saya tak ingat masa, jangka masa saya berhubung dengan dia, saya tak ingat. Saya terus mengambil tindakan yang sepatut saya lakukan dalam masa jangka yang, itulah orang kata, yang singkatlah pada saya untuk buat siasatan. Pada sayalah, atas dengan niat suci sayalah.

**PM2** Tapi soalan –

**HAIROL** Saya, ya.

**PM2** Soalan dia –

**HAIROL** Saya tak ingat.

**PM2** Soalan dia senang sahaja. Tadi Tuan cakap kebiasaan untuk menghubungi IO yang sebelum dia untuk mendapat tahu.

**HAIROL** Betul, Tuan. Ya.

**PM2** Soalan dia senang, bila dah dapat IP 5hb Oktober itu, baca, adakah kamu menghubungi? Tak kira dalam masa 13 hari itu, adakah kamu menghubungi IO sebelum itu, Sarjan Sibee untuk mendapat maklumat?

**HAIROL** Saya –

**PM2** Ada ke tidak?

**HAIROL** Saya tak ingat, Tuan.

**PM2** Bukan, ada ke tidak? Sebab soalannya mudah. Kalau kamu telefon, telefon ke kamu perlukan atau kamu langsung buat arahan kamu? Bagi saya ini bukan perkara yang susah. Kalau kamu perlukan pertolongan Sarjan Sibee, kamu telefonlah. Kalau tak perlu, tak payah call lah.

**HAIROL** Saya, saya rasa tidak kot. Saya tak ingat, Tuan. Sebab saya tak ingat. Sebab saya terus sahaja melaksanakan arahan yang diberi. Saya tak ingat.

**[02:00PM]**

**AK** Ok, soalan seterusnya Tuan ASP, bila kamu terima kertas IP, fail IP, sekarang kita tahu kamu telah melihat, kamu telah apa ini, ya lah membaca apa-apa keterangan yang ada dalam kertas-kertas IP tersebut.

**HAIROL** Ya.

**AK** Itu betul atau tidak?

**HAIROL** Betul.

**AK** Betul ya?

**HAIROL** Betul.

**AK** Saya nak tahu, dalam kertas IP itu, adakah ada salinan laporan polis berkaitan dengan kehilangan Ruth Sitepu dalam, dalam, dalam fail ini?

**HAIROL** Ok, kalau, kalau melihat exhibit yang telah diberikan kepada saya, memang adalah dalam laporan, apa, dalam IP tersebut. Ada.

**AK** Ada?

**HAIROL** Ada.

**AK** Jadi dalam membuat tugasan kamu untuk menyiasat kehilangan Joshua Hilmy, adakah kamu terfikir bahawa mungkin saya perlu juga siasat kehilangan Ruth Sitepu. Mungkin ada kaitan dengan kehilangan Joshua Hilmy dan mungkin boleh membangkitkan yang, yang, yang Tuan Pengerusi kata lead yang baru supaya dapat apa ini, menyiasat dengan lebih lanjut, lebih mendalam tentang kehilangan Joshua Hilmy?

**HAIROL** Ok, apabila kertas siasatan dah dapat, tumpuan itu masih terurus kepada Hilmy lah. Joshua Hilmy. Apabila pada saya, jika dapat Joshua Hilmy, dapatlah tahu cerita yang lain. Pada saya itulah. Jadi saya tidak terfikir tentang apa, Ruth Sitepu lagi pasal saya perlu mencari repot yang pertama itu, selesaikan dahulu untuk mendapatkan lead yang kedua. Jadi setakat yang mana ada, yang saya dapat buat apa-apa, itu sahaja. Jadi tak dapatlah lead yang seterusnya untuk makluman Yang Arif. Jadi saya tumpukan kepada Joshua Hilmy.

**AK** Ya, setuju kamu menumpu terhadap Joshua Hilmy tetapi bila kamu telah menulis kepada mana-mana pihak yang, dan masih menunggu maklum balas daripada mereka, tidakkah kamu berfikir, sewaktu saya menunggu itu, saya boleh buat siasatan parallel yang, kepada Ruth Sitepu itu untuk mungkin mendapat I mean, maklumat baru atau perkembangan terkini kes-kes tersebut?

**HAIROL** Ok, soalnya tadi saya sebagai ketua polis balai, masih banyak lagi tugas-tugas lain. Jadi untuk memberi bahagi-bahagikan atas kebijaksanaan saya.

**AK** Ya.

**HAIROL** Jadi satu-satu perkara saya perlu buat dengan teliti lah. Jikalau saya bercampur-aduk, saya tidak akan dapat satu gambaran yang jelas berkaitan siasatan. Jadi saya buat apa yang kemampuan saya pada waktu itu.

**AK** Ok.

**HAIROL** Maaf, Tuan.

**AK** Satu soalan proses lagi. Sebagai pegawai penyiasat dan sebagai OCS yang Tuan ASP kata banyak sibuk, banyak bekerja tugas lain, tanggungjawab lain, adakah kamu dibenarkan oleh pegawai atasan untuk mengambil, mendapatkan pertolongan untuk, daripada pegawai-pegawai lain, pegawai rendahan daripada ASP?

**HAIROL** Maksud Tuan?

**AK** Bolehkah kamu menugaskan, mungkin suatu pegawai lain untuk menolong kamu membuat penyiasatan? Atau hanya kamu sahaja sebagai IO, kamu hanya kamu sahaja seorang yang boleh membuat apa-apa siasatan?

**HAIROL** Dalam siasatan ini, saya telah mendapat awal-awal tadi dapat bantuan daripada pihak KPSJD. Saya ada dua, dua pegawai polis tadi. Satu ASP Kwek dan satu lagi saya tak ingat siapa untuk membantu saya. Jadi dalam jangka masa 18 hari, tindakan-tindakan yang telah dibuat itu, apa ini, mengambil masalah sebenarnya. Memakan masa. Jadi kalau nak kata saya ada ruang untuk beri ke lain, mungkin tidaklah. Ruang untuk membuat siasatan yang apa, bercampur aduklah. Saya tidak boleh. Jadi pendekatan saya, biar habiskan satu bab dahulu, satu laporan, baru kita tengok kaitan laporan yang kedua. Itu saya punya tindakan.

**AK** Tadi Tuan ASP ada kata kamu menumpu siasatan kamu kepada –

**HAIROL** Joshua.

**AK** Joshua Hilmy.

**HAIROL** Ya.

**AK** Dan bila saya bertanya tentang mungkin membuat siasatan parallel terhadap Ruth Sitepu, mungkin dapat lead yang baru, kamu kata tidak kerana kesuntukan masa.

**HAIROL** Ya.

**AK** Kamu hanya mahu fokus kepada –

**HAIROL** Joshua.

**AK** Joshua Hilmy.

**HAIROL** Betul.

**AK** Tapi saya mungkin mengulang soalan saya. Jadi kalau kita lihat daripada kesuntukan masa itu, mungkinkah, bolehkah kamu sebagai pegawai penyiasat meminta mungkin sarjan kamu untuk menolong membuat siasatan parallel itu. Jadi kamu memang fokus kepada Joshua Hilmy tapi kamu kata kepada sarjan balai itu, 'Kamu tolong siasat Ruth Sitepu.'

**HAIROL** Saya faham. Maksud Tuan itu, untuk siasat lain daripada yang asal. Ok. Sekiranya saya mempunyai masa yang mencukupi, walaubagaimanapun, perkaitan kes, apa ini, repot yang kedua adalah bersamaan dengan repot yang pertama. Jadi tumpuan saya masih di repot yang pertama. Untuk mencari perkaitannya repot yang kedua. Apa kaitan dia dengan repot yang kedua. Jadi kalau satu saya tak selesai, saya tak dapat cari yang kedua. Maksud saya, saya tumpuan kepada repot yang pertamalah. Jangka masa yang saya ada itu.

**PM2** ASP Hairol, siapa IO untuk repot kedua?

**HAIROL** IO, masih Sarjan Sibee.

**PM2** Sibee juga?

**HAIROL** Ya, berkaitan itu, Tuan. Dia punya laporan.

**PM2** Tapi fail yang diarahkan kepada ASP cuma satu?

**HAIROL** Satu sahaja.

**PM2** Tapi ada dua repot?

**HAIROL** Ada dua repot.

**PM2** So soalan Andrew itu, kalau ada dua repot kenapa kamu cuma fokus ke satu bahagian sahaja?

**HAIROL** Ok. Macam saya cakap tadi, saya ulang balik. Saya akan buat satu tindakan yang agak teraturlah. Yang teratur untuk mendapat tahu perkaitan dengan laporan yang kedua. Yang jangka masa yang saya agak, agak singkatlah pada saya. Walaupun 18 hari, dalam seminggu sahaja saya dapat menumpukan kepada arahan yang diberikan. Lain-lain, saya banyak kepada pengurusan dan pentadbiran dalam balai. Itu, Tuan. Dan lain-lain arahan ketua polis daerah.

**AK** Tapi kalau memang kesuntukan masa, 18 hari, kamu nak buat yang apa yang boleh, tidakkah boleh kamu mengatakan kepada sarjan balai, 'Drop everything else. Kamu terpaksa menolong saya kerana kita ini harus memberi maklum balas kepada KBSJ dalam masa 18 hari. Saya tak kisah kamu sibuk ke tak sibuk, kamu datang, kamu tolong saya.' Bolehkah kamu memberi arahan sebegitu dan kalau boleh, mengapa kamu tidak membuat arahan sebegitu?

**HAIROL** Ok. Dalam mencari orang hilang, ok, memandangkan IO yang pertama dah ada. Kita tak akan kiralah apa yang dia buat. Saya hanya menyambung siasatan untuk melengkapkan lagi siasatan apakah punca kehilangan. Bukan punca, apa, kenapa, di manakah subjek ini berada? Untuk mencari. Jadi kalau saya, katakan saya memberi arahan kepada Sarjan, kesemua itu akan mengikut kepada keadaan. Sebab apa, kalau dah satu, lebih kurang satu bulan ataupun apa ini, kehilangan 10 kes, bagaimana sarjan nak bantu saya lagi? Saya ini akan buat kerja sayalah sebagaimana yang diarahkan. Untuk makluman Tuan.

**AK** Ok.

**HAIROL** Jadi itu maksud sayalah.

**AK** Ok.

**HAIROL** Bukan tak boleh arah. Tapi kalau dah sarjan pun dah ada kes banyak, bagaimana saya pula? Saya akan buat dan mengikut saya punya inilah, siasatan yang diarah kepada sayalah. Itu sahaja, Tuan. Saya tak boleh nak kata yang lain. Ok.

**AK** Ok. Tuan ASP ada memberitahu siasatan awam ini bahawa kamu pergi memantau di luar rumah di Kampung Tunku itu dan kamu memantau sepanjang mungkin 40, 45 minit.

**HAIROL** Ya.

**AK** Kemudian kamu terpaksa pergi kerana ada tugasan lain.

**HAIROL** Ya, betul.

**AK** Ada tanggungjawab lain. Adakah kamu tidak terfikir untuk mengarahkan satu lagi anggota daripada balai kamu untuk duduk dalam kereta dekat luar memantau adakah orang masuk keluar mungkin untuk satu tempoh 24 jam dari pagi sampai petang? Kerana kamu telah mengakukan kamu ada di sana agak-agak tengah hari kan?

**HAIROL** Ya, tengah hari.

**AK** Jadi mungkin tengah hari tak ada orang. Tapi mungkin waktu petang itu mungkin ada orang yang masuk kerana sudah lewat, orang nak balik daripada kerja atau apa. Kenapakah kamu tidak membuat arahan lanjut untuk memantau rumah itu dengan, dengan lebih panjang masanya?

**HAIROL** Saya sebagai pegawai penyiasat, sekiranya perkara itu dalam tindakan saya perlu lakukan, baru saya beri arahan. Jika tidak, saya tidak akan beri arahan kepada anggota saya.

**AK** Tetapi adakah, bukankah ini termasuk dalam arahan kamu?

**HAIROL** Minta maaf, Tuan. Mungkin siasatan ini tak semua orang faham tentang siasatan. Jadi apa tindakan pegawai penyiasat, menjurus kepada mencari maklumat dan mencari subjek yang diarahkan. Jadi dalam hal ini, saya berpendapat tidak perlu. Jadi saya tidak perlu buat lah.

**AK** Ok. Jadi dalam pendapat kamu sebagai seorang ASP, pegawai yang agak senior, tidak perlu untuk membuat pemantauan yang berlanjutan dengan lebih daripada hanya 40 atau 45 minit melihat dari luar kepada apa-apa yang berlaku di luar rumah tersebut? Tidak perlu?

**HAIROL** Pada masa itu tidak perlu.

**AK** Ok. Ya, itu sahaja soalan-soalan saya.

**HAIROL** Terima kasih.

**AK** Terima kasih, Tuan ASP.

**CHM** Terima kasih, En Andrew. SUHAKAM?

**SK** No further question.

**CHM** No further question? Ok, alright. Dr, do you have any question?

**PM1** No.

**CHM** No question. Ok. Kita sambung to the?

**SK** We will resume on next Thursday, 17th September at 10:00AM.

**CHM** 17th September?

**SK** Yes.

**CHM** Who will we be calling?

**SK** Inspektor Zulfadhly.

**CHM** Inspektor Zul ya?

**SK** Ya.

**CHM** ASP Hairol.

**HAIROL** Saya, Yang Arif Dato' Seri.

**CHM** Terima kasih. Terima kasih kerana membantu kami.

**HAIROL** Terima kasih.

**CHM** Terima kasih.

**HAIROL** Dato' Seri.

**CHM** Boleh beredar sekarang ya.

**HAIROL** Ok, terima kasih Dato' Seri.

**CHM** That's the end for the day, I believe.

**PM2** Yes.

**CHM** Yes. Thank you everyone. Till we meet again. Yes, thank you.

**END**

**TIME** : **02:14PM**

**SUHAKAM PUBLIC INQUIRY OF**
**PASTOR JOSHUA HILMY**
**RUTH SITEPU**

**DATE : 17.09.2020**
**TIME : 10:01AM**

**NOTES OF INQUIRY**

**Coram**

| | | |
|---|---|---|
| Chairman<br>Panel Member 1<br>Panel Member 2 | Dato' Seri Hishamuddin Yunus<br>Dr Madeline Berma<br>Jerald Joseph | **CHM**<br>**PM1**<br>**PM2** |
| PDRM Observer | SAC Ahmad Dzaffir Bin Mohd Youssof<br>ASP Muhammad Sabri bin Mohd Raziff | **ADY**<br>**MSR** |
| Family Observer | Philip Koh<br>Cyrus Tui Foo Woei | **PK**<br>**TFW** |
| Bar Council Observer | Andrew Khoo | **AK** |
| SUHAKAM Panel | Simon a/l Karunagaram<br>Muhammad Faiz Bin Abd Rahman<br>Puveethra Raja Segaran<br>Aida Suraya Haron | **SK**<br>**MFR**<br>**PRS**<br>**ASH** |
| Indonesian Embassy | Tuan Junjungan Sigalingging<br>Tuan Henry Dian Dwiharto | **SJ**<br>**HDD** |

**Witness**

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Peter Pormannan a/l Annamalai | **PETER** |

| | | |
|---|---|---|
| 2 | Grace Thangamalar a/p Peter Pormannan | **GRACE** |
| 3 | Josiahnandan Emmanuel a/l Peter | **JOSIAH** |
| 4 | Ramanathan a/l Manickavasagan | **RAMA** |
| 5 | Selvakumar Peace John Harris | **SELVA** |
| 6 | Ram Ram Elisabeth | **RAM** |
| 7 | Iman Setiawan Sitepu | **IMAN** |
| 8 | [redacted] | [redacted] |
| 9 | [redacted] | [redacted] |
| 10 | Susandi Bin Basari | **SUSANDI** |
| 11 | ASP Shafiee Bin Marsidi | **SHAFIEE** |
| 12 | Insp Nurul Huda Bin Bustami | **NURUL** |
| 13 | ASP Hairol Azhar | **HAIROL** |
| 14 | Insp Zulfadhly Bin Yacob | **ZUL** |

**START**

**CHM** Salam sejahtera dan selamat pagi. Hari ini kita teruskan dengan inkuiri kita, inkuiri awam kita dengan memanggil saksi yang berikutnya. Silakan.

**MFR** Ok, Assalamualaikum, selamat pagi. Saya teruskan sesi dengan hari ini kita akan memanggil saksi yang ke14 iaitu Inspektor Zulfadhly.

**CHM** Witness number?

**MFR** 14. Assalamualaikum, selamat pagi, Tuan.

**ZUL** Waalaikumsalam Warahmatullah.

**MFR** Nama saya Faiz daripada SUHAKAM. Saya nak minta Tuan berdiri dan bacakan ikrar dengan mengangkat tangan kanan.

**ZUL** Bahawasanya saya, Inspektor Zulfadhly Bin Yacob dengan sesungguhnya dan suci hati mengaku dan berikrar bahawa segala keterangan yang akan saya berikan dalam, yang akan saya berikan dalam siasatan terbuka ini adalah benar, tiadalah apa-apa yang tidak benar melainkan benar belaka.

**MFR** Terima kasih, Tuan. Boleh duduk.

**ZUL** Terima kasih.

**CHM** Inspektor Zulfadhly.

**ZUL** Saya, Dato'.

**CHM** Pihak SUHAKAM memanggil Tuan ke, ke perbicaraan ini ataupun ke inkuiri ini ialah dengan tujuan untuk mendapat bantuan daripada Tuan sebagai pegawai yang menyiasat kan? Menyiasat kes ini. Kes ini melibatkan kehilangan dua orang, kan?

ZUL Ya.

CHM Dan nama-namanya saya, saya percayai Tuan sedia maklum, ya? Nama-nama mereka, kan?

ZUL Ya betul, Tuan.

CHM Hilmy dan Ruth. Sebagai seorang pegawai penyiasat, Tuan memainkan peranan yang sangat penting, sangat penting ya di dalam kes ini dan merupakan sebagai seorang saksi yang boleh banyak membantu inkuiri ini untuk mengetahui apa sebenarnya telah berlaku, kan. Dan apa-apa bukti, lead, keterangan yang boleh membantu panel ini untuk mengetahui apa yang sebenarnya berlaku. So dengan, dengan itu, saya dipersilakan dan En Faiz, pegawai SUHAKAM akan bertanya kepada En Zul beberapa soalan ya.

ZUL Baik, terima kasih, Dato' Seri.

MFR Terima kasih, Dato' Seri. Ok Tuan Zul ya, saya akan bertanya beberapa soalan dan diminta Tuan Zul menghadap ke panel bila menjawab soalan sayalah.

ZUL Ok.

MFR Soalan pertama saya, Tuan, boleh Tuan terang, berikan nama penuh dan nombor kad pengenalan Tuan?

ZUL Nama penuh saya, Zulfadhly Bin Yacob. Saya punya kad pengenalan, [redacted]

MFR Boleh Tuan eja nama? Ejaan nama.

ZUL Z-U-L-F-A-D-H-L-Y B-I-N Y-A-C-O-B.

MFR Boleh Tuan bacakan nombor anggota Tuan?

ZUL G18390.

**MFR** Ketika ini berapakah umur Tuan?

**ZUL** 37 tahun.

**MFR** Boleh Tuan nyatakan alamat tempat tinggal Tuan?

**ZUL** Saya tinggal di [redacted]

**MFR** Bila Tuan mula berkhidmat dalam PDRM?

**ZUL** Saya mula berkhidmat dengan PDRM pada Julai 2007 sehingga sekarang.

**MFR** Boleh Tuan nyatakan tempat dan jawatan bertugas, jawatan dan tempat bertugas terkini?

**ZUL** Saya sebagai inspektor di, saya sebagai Ketua Polis Balai Sungai Way, IPD Petaling Jaya dan saya berpangkat inspektor.

**MFR** So Tuan sekarang ini berpangkat inspektor dan sebagai Ketua Balai Polis Sungai Way, Petaling Jaya?

**ZUL** Benar.

**MFR** Bila Tuan mula bertugas di Balai Polis Sungai Way?

**ZUL** Saya mula bertugas, mula lapor diri pada 12.11.2018.

**MFR** Sehingga kini?

**ZUL** Sehingga kini.

**MFR** Boleh Tuan ulang balik?

**ZUL** Saya mula lapor diri pada 12.11.2018 sehingga kini.

**MFR** Sebelum Tuan berkhidmat sebagai Ketua Balai Polis Sungai Way dan, sebelum ini Tuan bertugas di mana?

**ZUL** Sebelum bertugas di, sebagai Ketua Polis Balai Sungai Way, saya di IPK Selangor di cawangan D7 sebagai inspektor gangsterism.

**MFR** Selama berapa tahun?

**ZUL** Selama setahun lebih.

**MFR** Baik Tuan, sebagai seorang, sebagai Ketua Balai Polis Sungai Way, boleh Tuan jelaskan secara ringkas apakah peranan Tuan?

**ZUL** Untuk makluman Dato' Seri dan panel, sebagai ketua polis balai, saya terikat dengan tugas-tugas seperti hadir ke mesyuarat, menyelia settle di kawasan Balai Polis Sungai Way, menyelia anggota dan saya juga terikat dengan tugas-tugas seperti menjaga keamanan, seperti menyampaikan sepina, menjaga harta benda awam dan saya juga terlibat dengan, maksud saya, saya berjumpa selalu dengan masyarakat. Itu antara tugas-tugas ketua polis balai.

**MFR** Ok Tuan, kita akan straight kepada berkaitan dengan siasatan awam inilah. Adakah Tuan tahu mengenai kes kehilangan Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu?

**ZUL** Ya, saya tahu, Dato' Seri dan panel.

**MFR** Panel members, would like to refer to Exhibit 1 and 8 which is the police report. The first police report and the second police report in relation to the missing of Joshua Hilmy and Ruth Sitepu. Boleh buka Exhibit 1? Baik, Tuan tahu mengenai repot ini?

**ZUL** Ya, tahu.

**MFR** Ok. Laporan seterusnya, adakah Tuan cam laporan ini?

**ZUL** Ya, cam.

**MFR** So adakah Tuan merupakan pegawai penyiasat bagi kedua-dua laporan ini?

**ZUL** Saya, Dato' Seri.

**MFR** Adakah Tuan tahu siapa pegawai penyiasat sebelum ini?

**ZUL** Saya tahu, Dato' Seri.

**MFR** Boleh Tuan nyatakan siapa?

**ZUL** Pegawai penyiasat sebelum saya adalah ASP Hairol.

**MFR** Baik. So pegawai penyiasat sebelum ini adalah ASP Hairol?

**ZUL** Betul.

**MFR** Tuan menerima serahan siasatan ini pada bila?

**ZUL** Saya terima kertas siasatan pada 30.11.2018.

**MFR** Daripada siapa?

**ZUL** Daripada saya punya anggota admin.

**CHM** Daripada?

**ZUL** Anggota admin saya, Dato' Seri.

**CHM** Anggota?

**ZUL** Admin.

**PM1** Admin. Admin.

**ZUL** Anggota.

**MFR** Boleh Tuan jelaskan siapa anggota ini?

**ZUL** Lans Koperal Masniza (10:11:53AM).

**MFR** Ok. Mungkin Tuan kena terangkan serba sedikit bagaimana siasatan kes ini diserahkan kepada Tuan. Tuan memang diserahkan oleh Lans Koperal tapi adakah arahan itu daripada Lans Koperal?

**ZUL** Tidak, Dato' Seri. Sebenarnya dia serahkan sebab dia selaku anggota admin, apabila ada minit yang diterima daripada pegawai yang minit IP itu untuk serahkan siasatan kepada saya memandangkan ASP Hairol telah bertukar, jadi sesiapa anggota admin dia cuma serahkan sahaja. Tetapi arahan bukan daripada Lans Koperal Masniza.

**MFR** Ok, boleh Tuan jelaskan tak minit itu siapa yang memberi kertas siasatan kepada pihak Tuan?

**ZUL** Ok. Saya semak kertas siasatan pada 30hb November. Minit telah ditulis oleh DSP Zamzuri (10:12:46AM).

**MFR** Baik. DSP Zamzuri?

**ZUL** DSP Zamzuri.

**MFR** Boleh Tuan jelaskan DSP Zamzuri? Siapa DSP Zamzuri?

**ZUL** DSP Zamzuri adalah Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Petaling Jaya pada ketika itu.

**MFR** Nama penuh dia?

**ZUL** Yang saya tak ingat bin apa tapi yang saya tahu nama dia DSP Zamzuri.

MFR Baik. So DSP Zamzuri dari Ketua Bahagian Siasatan Jenayah IPD Petaling Jaya.

CHM Bertarikh? Bertarikh bila arahan dia ini?

ZUL 30, arahan daripada minit itu 21.11.2018 dan saya terima pada 30.11.2018.

MFR So DSP Zamzuri adalah KBSJ di IPD Petaling Jaya pada ketika itulah?

ZUL Benar.

MFR Tuan menerima minit arahan kertas siasatan pada 30.11.2018?

ZUL Benar.

MFR So selepas menerima kertas siasatan tersebut, so apa yang Tuan dapati berkaitan dengan kertas siasatan tersebut?

ZUL Ok, jadi minit daripada DSP Zamzuri sendiri, dia minta saya tengok pada Minit 10 kertas siasatan berkaitan dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh ASP Hairol dan saya juga diminta untuk mengkaji apa lagi tindakan-tindakan yang perlu diambil selepas mengambil alih kertas siasatan tersebut.

MFR Ok, berdasarkan kertas siasatan tersebut, apakah maklumat yang Tuan dapati?

ZUL Setelah saya buat semakan, Dato' Seri dan panel, saya dapati terdapat sembilan rakaman percakapan di dalam kertas siasatan itu.

MFR Kalau boleh Tuan jelaskan sembilan rakaman tersebut.

ZUL Ok, yang pertama rakaman percakapan Pengadu untuk kes ini iaitu En Peter Pormannan.

MFR Tarikh dia apa, ingat? Untuk Saksi Pertama ya?

**ZUL** Saksi Pertama tarikh diambil pada 10.04.2017.

**[10:15AM]**

**MFR** Oleh siapa?

**ZUL** Oleh Sarjan Ahmad Sibee.

**MFR** Ok. So sebelum kita go to the next saksi, Tuan tahu apakah peranan Sarjan Ahmad Sibee sebenarnya?

**ZUL** Sarjan Ahmad Sibee dia merupakan pegawai penyiasat yang pertama untuk kes ini.

**MFR** So Tuan mengambil maklum ada, setakat ini sebelum Tuan ambil kertas siasatan, ada dua pegawai penyiasat sebelum?

**ZUL** Ya.

**MFR** Baik. Ok, kita teruskan dengan saksi yang kedua.

**ZUL** Ok, saksi yang kedua adalah penama Huzir Bin Hanim.

**PM1** Huzir?

**ZUL** Huzir.

**PM1** H-U?

**ZUL** H-U-Z-I-R Bin Hanim.

**MFR** Keterangan diambil pada bila?

**ZUL** Tarikh yang diambil itu pada tahun 2017 juga.

**MFR** Tarikh tak pasti?

**ZUL** Tarikh saya tak pasti. Kalau saya tengok nota saya boleh?

**MFR** Boleh, boleh.

**CHM** Boleh, boleh. Ya.

**ZUL** Terima kasih, Dato' Seri.

**CHM** Ada bawa ID tak?

**ZUL** ID saya tak bawa, Dato' Seri. Saya bawa catitan saya sahaja.

**MFR** Ok, untuk saksi yang kedua, boleh, adakah catitan ataupun maklumat?

**ZUL** Ada. Saksi yang kedua –

**CHM** Bila diambil ya? Pada?

**ZUL** Pada tahun 2017, pada bulan Disember. 18.12.2017.

**CHM** 18 Disember ya? Ok.

**MFR** Diambil oleh siapa?

**ZUL** Oleh Sarjan Ahmad Sibee.

**MFR** Seterusnya, Tuan?

**ZUL** Saksi yang ketiga adalah penama Ram Ram Elisabeth. Dia merupakan adik kepada Ruth Sitepu.

**MFR** Diambil pada?

**ZUL** Diambil pada 28.02.2018.

**MFR** Oleh siapa?

**ZUL** Oleh Sarjan Ahmad Sibee juga.

**MFR** Seterusnya?

**ZUL** Ok, saya yang keempat adalah penama Firdaus Bin Hanim. Statement telah diambil oleh Inspektor Nor Haidy pada 19.12.2017.

**MFR** 2017?

**ZUL** Saya.

**MFR** Oleh Inspektor?

**ZUL** Nor Haidy.

**PM1** Nor?

**ZUL** Haidy, H-A-I-D-Y.

**MFR** Tuan pasti 2017?

**ZUL** Saya pasti.

**CHM** Siapa Inspektor Nor Haidy ini? Kali pertama kami dengar nama dia. Siapa dia?

**ZUL** Dia, dia masa itu dia di Petaling Jaya. Saya pun tak tahu apa dia punya ini.

**CHM** Ya?

**ZUL** Saya, saya, saya masa saya sampai di Petaling Jaya dan saya lapor sebagai ketua polis balai, saya tengok dia dah tak ada dah. Tetapi dalam IP memang ada, ada nama dia.

**PM1** Nor Haidy?

**ZUL** Nor Haidy.

**CHM** Dalam, dalam IP ada sertakan jawatan dan di mana? Di mana mengikut, mengikut IP? Masa itu –

**ZUL** Dalam statement bernama Firdaus ini, Inspektor Nor Haidy telah merakam percakapan penama Firdaus iaitu adik kepada Hilmy.

**CHM** Tak, saya nak tahu pasal Inspektor Nor Haidy ini.

**ZUL** Ok, saya akan dapatkan, Dato' Seri.

**CHM** Sekarang tak ada maklumat? Dia di OCS?

**ZUL** Sekarang ini, sekarang ini –

**CHM** Dia sahaja? Ataupun di –

**ZUL** Sekarang ini tak ada penama Nor Haidy.

**CHM** Ya?

**ZUL** Masa, sebab semasa saya lapor ke Balai Polis Sungai Way selaku ketua polis balai, saya terima sahaja kertas siasatan ini, terus kita buat semakan apa tindakan-tindakan yang telah diambil. Jadi saya catitkan, ok, siapa yang rekod statement penama ini, siapa yang rekod statement penama ini.

**CHM** Tapi sekarang ini masa untuk sekarang ini tak, tak ada makluman siapa –

**ZUL** Tak ada.

**CHM** Nor Haidy ya?

**ZUL** Tak ada, Dato' Seri.

**CHM** Ok. Tapi akan check kepada pejabat?

**ZUL** Boleh.

**CHM** Boleh?

**ZUL** Boleh, Dato' Seri.

**MFR** Tuan, untuk pengesahan semula –

**ZUL** Ya.

**MFR** Saksi Firdaus Bin Hanim telah di rekod keterangan pada 19?

**ZUL** 19hb Disember.

**MFR** Disember 2017?

**ZUL** Tahun 2017.

**MFR** Oleh Inspektor Nor Hayati?

**ZUL** Inspektor Nor Haidy, H-A-I-D-Y.

**MFR** Untuk seterusnya, Tuan. Saksi seterusnya?

**ZUL** Saksi yang kelima penama Naeim Bin Hanim.

**CHM** Sekali lagi. Sekali lagi nama.

**ZUL** Saksi bernama Naeim Bin Hanim.

**CHM** Tolong eja nama.

**ZUL** N-A-E-I-M.

**CHM** N-A-E?

**ZUL** Yes.

**CHM** Naeim?

**ZUL** Naeim.

**CHM** Ya, Naeim Bin?

**ZUL** Hanim.

**CHM** Ya.

**ZUL** Telah di rekod keterangan oleh Inspektor Somad.

**MFR** Somad?

**ZUL** Betul, Inspektor Somad.

**MFR** Boleh ejakan nama, Tuan?

**ZUL** S-O-M-A-D.

**MFR** Pada bila?

**ZUL** Yang ini saya tak catitkan tarikh.

**MFR** Tak ada tarikh?

**ZUL** Ya, tak ada tarikh.

**MFR** Baik, maklumat lain tak ada?

**CHM** Tak ada tarikh ya?

**ZUL** Saya tak catitkan dalam saya punya –

**CHM** Boleh, boleh check ke?

**ZUL** Boleh. Boleh check kalau saya boleh dapat buka saya punya kertas siasatan, saya boleh semak.

**CHM** Ya. Pasal apa tak bawa kertas siasatan? Kan ke senang.

**ZUL** Saya memang tak bawa, Dato' Seri. Saya bawa catitan saya, Dato' Seri.

**CHM** Pasal apa tak bawa IP? Senang.

**ZUL** IP ini dia, sebab kes masih dalam siasatan, Dato' Seri. Dan dikategorikan sulit, Dato' Seri.

**CHM** Kita bukan nak tengok IP.

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Tapi akan sentiasa –

**ZUL** Saya faham, Dato' Seri.

**CHM** Kalau ada IP senang bukan? Ok, nanti dapatkan tarikh.

**ZUL** Boleh, Dato' Seri.

**CHM** Dan siapa ini Inspektor Somad ini?

**ZUL** Inspektor Somad dia pun pegawai jenayah di Petaling Jaya.

**CHM** Jenayah ya? So J, J, JS, JSJ lah kot?

**ZUL** JSJ, Dato' Seri. Betul, Dato' Seri.

**CHM** IPD PJ ya?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**MFR** Saksi seterusnya, Tuan?

**ZUL** Saksi seterusnya penama Selvakumar. Telah di rekod rakaman percakapannya oleh ASP Hairol bertarikh 11.10.2018.

**MFR** Ok, seterusnya, Tuan?

**ZUL** Seterusnya penama En Supprumaniam.

**CHM** Sekali lagi?

**ZUL** En Supprumaniam.

**CHM** Sup?

**ZUL** Supprumaniam.

**CHM** Eja? S-U-P?

**ZUL** S-U, S-U-P-P-R-U-M-A-N-I-A-M.

**CHM** Ya.

**ZUL** Supprumaniam A/L Manikam.

**CHM** Dirakam pada?

**ZUL** Dirakam pada 11.10.2018.

**CHM** Oleh?

**ZUL** Oleh ASP Hairol.

**MFR** Seterusnya, Tuan?

**ZUL** Ok, saksi seterusnya penama Rozaima. Dirakam pada 20 –

**CHM** Rozaima?

**ZUL** Rozaima.

**CHM** Binti? Ada nama penuh tak?

**ZUL** Minta maaf, Dato' Seri. Rozaina. Rozaina Binti Md Ribi. R-O-Z-I-A-N-A Binti M-D R-I-B-I.

**CHM** Binti?

**ZUL** Md Ribi.

**CHM** Mat ke? M-A-T ke?

**ZUL** Md.

**CHM** Ya? Md? Mohamad ya?

**ZUL** Md Ribi, R-I-B-I.

**CHM** R-I –

**PM1** Ribi.

**CHM** Md Ridi ya?

**PM1** Ribi.

**ZUL** Ribi.

**PM1** R-I-B-I.

**CHM** Bi? Bi?

**ZUL** B-I. R-I-B-I.

**CHM** Ok.

**MFR** Direkodkan pada?

**ZUL** Direkodkan oleh ASP Hairol juga pada 21.10.2018.

**MFR** Seterusnya, Tuan?

**ZUL** Dan saksi yang kesembilan adalah penama Syed Mohd Farhad.

**PM1** Syed?

**ZUL** Syed Mohd Farhad.

**PM1** Mohd?

**MFR** Farhad ke Fahad?

**ZUL** Farhad, F-A-R-H-A-D.

**MFR** Telah diambil pada?

**ZUL** Pada 22.10.2018 oleh ASP Hairol.

**MFR** Baik, Tuan. So terdapat sembilan saksi berdasarkan IP yang Tuan terima pertama kalinya lah?

**ZUL** Betul.

**MFR** Dan tindakan ini telah diambil beberapa anggota daripada IPD PJ.

**ZUL** Betul.

**MFR** Dan pegawai penyiasat sendiri. Baik. Kalau Tuan boleh, saya go through balik nama-nama ini, boleh, ada tak keterangan apa, siapa dia ini? Siapa saksi ini? Peter Pormannan kita tahu, Tuan, Tuan tahu sebagai?

**ZUL** Sekali lagi?

**MFR** Peter Pormannan adalah?

**ZUL** Pengadu untuk kes ini.

**MFR** Pengadu? Ok.

**ZUL** Ya.

**MFR** Huzir Bin Hanim?

**ZUL** Huzir Bin Hanim ini dia adalah adik kepada Hilmy.

**MFR** Ok.

**CHM** Perlahan-lahan ya. Huzir adik ya?

**ZUL** Ya, adik kepada Hilmy.

**MFR** Ram Ram Elisabeth?

**ZUL** Ram Ram Elisabeth ini adalah adik kepada Ruth Sitepu.

**CHM** Sebentar, sebentar. Macam Huzir ini kan –

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Dirakamkan.

**ZUL** Ya.

**CHM** Ada maklumat tak?

**ZUL** Maklumat apa?

**CHM** Dirakamkan pada 18 Disember oleh Sarjan Sibee.

**ZUL** Betul.

**CHM** Ada maklumat di mana dirakamkan?

**ZUL** Dia dirakamkan di rumah di kalau Huzir ini di Taiping Dato' Seri. Di rumah penama Huzir sendiri.

**CHM** Penama ya? Di Taiping ya?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Ya.

**MFR** Ada maklumat lain ke Tuan? Berdasarkan keterangan apa maklumat yang diterima oleh pegawai penyiasat?

**ZUL** Nombor telefon ada dicatitkan di situ.

**MFR** Selain itu? Berkenaan dengan siasatan?

**CHM** Ada nombor telefon dekat situ?

**ZUL** Saya tak catitkan dalam ini.

**CHM** Tak catit ya?

**ZUL** Tak catit, Dato' Seri.

**CHM** Nombor rumah punya handphone, rumah punya fon ataupun handphone?

**ZUL** Handphone number, Dato' Seri.

**CHM** Handphone ya?

**ZUL** Ya.

**CHM** Ya.

**MFR** So berdasarkan rekod keterangan diambil bersama Huzir, apa maklumat diterima oleh pegawai penyiasat?

**ZUL** Ok. Kalau dipanggil secara ringkasan, Dato' Seri.

**CHM** Ya.

**ZUL** Yang dicatitkan oleh Sarjan Ahmad Sibee, jadi penama Huzir ini maklum kata kali terakhir dia jumpa Hilmy ini dekat pejabat tanah dan galian di Larut, Perak pada bulan Mac 2016.

**CHM** 2016?

**ZUL** Benar. Betul, Dato' Seri.

**MFR** Selain itu, Tuan?

**ZUL** Selain itu, Huzir juga bagi tahu dia tak tahu di mana –

**CHM** Tak, tak. Bagaimana mereka berjumpa di PTG, pejabat –

**ZUL** Tanah dan galian.

**CHM** Tanah dan galian dekat Larut ini, bagaimana mereka berjumpa? Terserempak ke ataupun mereka memang nak berjumpa ke?

**ZUL** Kalau ikut dalam rakaman percakapan –

**CHM** Ada urusan ke adik-beradik?

**ZUL** Ada, ada urusan berkaitan tanah.

**CHM** I see. Tanah keluarga?

**ZUL** Ya.

**CHM** Ada urusan, ada urusan keluarga?

**ZUL** Ada urusan berkaitan tanah keluarga di sana.

**CHM** Tanah? Ok.

**MFR** Ram Ram Elisabeth?

**ZUL** Ram Ram Elisabeth ini adalah adik kepada Ruth Sitepu.

**CHM** Tak, tak. I think lepas itu are they very important kan the last? Saksi ada beritahu.

**MFR** Huzir.

**CHM** Kali akhir berjumpa, berjumpa dengan Huzir bila? Huzir berjumpa dengan Hilmy kali terakhir di dalam statement lah?

**ZUL** Minta maaf. Saya semak satu nota lagi. Kalau Dato' Seri izinkan?

**CHM** Ya, ya.

**ZUL** Terima kasih, Dato' Seri. Ok Dato' Seri, yang penama Huzir Bin Hanim ini dia mention kali terakhir dia bertemu dengan Hilmy ini pada, minta maaf, pada 03.05.2016 semasa menghadiri perbicaraan tanah pusaka di Pejabat Tanah dan Galian, Larut Matang, Selama, Taiping, Perak. Dan dia juga bagi tahu dia tak ada, dia tidak mengetahui alamat terkini abang dia dan dia mengetahui abang dia telah berkahwin dengan seorang wanita warga Indonesia dan dia tidak pasti sama ada abang

dia ini penama Hilmy mempunyai musuh, masalah kesihatan atau masalah hutang. Itu untuk yang penama Huzir, Dato' Seri.

**[10:30AM]**

**MFR** Nombor telefon ada, Tuan?

**ZUL** Dalam nota saya, saya tak catit nombor telefon.

**MFR** So maklumat dia agak ringkaslah?

**ZUL** Ya.

**CHM** Sebagai seorang ahli keluarga, dia ini, Huzir ini apa? Abang? Adik?

**ZUL** Sekejap, Dato' Seri. Ok, Huzir ini dalam keluarga dia No.5, Dato' Seri. Sebab Hilmy ini dia ada enam orang adik-beradik.

**CHM** Dan Hilmy nombor?

**ZUL** Nombor yang –

**CHM** Ya?

**ZUL** No.2. No.2 dalam keluarga.

**CHM** Jadi Hilmy ini abang?

**ZUL** Abang kepada penama Huzir.

**CHM** Apakah perasaan mereka tentang kehilangan abang?

**ZUL** Perasaan mereka?

**CHM** Adakah dia luahkan perasaan dia?

**ZUL** Yang penama Hilmy ini saya tak pasti sebab yang rekod dia adalah Sarjan Ahmad Sibee.

**CHM** Ya? Adakah mereka tanya tak? Cuba mencari abang yang hilang?

**ZUL** Dalam soalan yang saya baca –

**CHM** Ya.

**ZUL** Yang, yang penama Huzir ini, adik kepada Hilmy ini –

**CHM** Ya, ya.

**ZUL** Ada tanya di mana? Tahu tak kedudukan Hilmy? Ada tak abang ada contact? Jadi dia sebut memang tak ada. Dan dia pun tahu yang alamat dia, dia tak tahu dekat mana alamat terkini.

**CHM** Ada tanya adakah dia cuba cari abang dia?

**ZUL** Kita tanya juga. Sarjan Sibee ada tanya juga kepada dia. Ok, jika tahu alamat terkini, minta maklum kepada pihak polislah sebab ada pengadu datang buat laporan mengatakan abang dia ini tak balik ke rumah.

**CHM** Ok, tak apa.

**MFR** Rekod keterangan bersama Huzir ini diambil di mana, Tuan?

**ZUL** Di, kalau tengok catitan Sarjan Ahmad Sibee, di rumah. Rumah dia. Alamat dia dekat Taiping.

**MFR** Untuk saksi yang ketiga, Ram Ram Elisabeth, maklumat apa yang dapat? Yang dinyatakan dalam IP lah.

**ZUL** Ok, untuk yang penama Ram Ram Elisabeth ini, saksi telah mengatakan dapat maklumat daripada abang –

**CHM** Tak, bagi tahu dulu direkodkan di mana? Direkodkan di Sungai Way ke di mana?

**ZUL** Kalau ikut catitan Sarjan Ahmad Sibee, dia just tulis pejabat sahaja, Dato' Seri.

**CHM** Pejabat?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Kemungkinan di Sungai Way ataupun di PJ?

**ZUL** Saya tak pasti, Dato' Seri.

**CHM** Tak pasti ya?

**ZUL** Ya.

**CHM** Tapi di pejabatlah?

**ZUL** Tapi di pejabat.

**CHM** Ok. Pejabat Sarjan Sibee lah?

**ZUL** Betul, Dato' Seri.

**CHM** Ya. Ok, alright. Ya.

**MFR** Hasil keterangan Sarjan Ahmad Sibee bersama Ram Ram?

**ZUL** Penama Ram Ram beritahu dia dimaklumkan oleh abang sepupu dia, penama Guna Sitepu (10:32:57AM) bahawa kakaknya tidak dapat dihubungi sejak bulan Disember 2016.

**CHM** Sebentar, sebentar ya.

**ZUL** Ya.

**CHM** Ram Ram bagi tahu kepada Sarjan Sibee –

**ZUL** Ya, kepada Sarjan Sibee.

**CHM** Dalam statement dia –

**ZUL** Betul, Dato' Seri.

**CHM** Ada, ada sebut nama tadi ya? Apa? Sepupu? Ada sebut nama tadi?

**ZUL** Ya, dia maklum kata abang sepupu dia bernama –

**CHM** Abang sepupu?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Bernama?

**ZUL** Guna Sitepu.

**CHM** Guna?

**ZUL** Guna Sitepu.

**CHM** Ya, ya. Ya.

**ZUL** Ok, dia maklum kepada Ram Ram Elisabeth –

**CHM** Ya, ya, ya.

**ZUL** Bahawa Guna ini cuba telefon Ruth Sitepu tapi tak dapat dihubungi.

**MFR** Itu sahaja maklumat?

**ZUL** Ya.

**MFR** Firdaus Bin Hanim, saksi seterusnya telah diambil oleh Inspektor Nor Haidy dan kita tak pastilah anggota ini di mana sekarang.

**ZUL** Ya.

**MFR** Apakah hasil rekod keterangan bersama dengan Firdaus Bin Hanim?

**ZUL** Ok, jadi Firdaus menyatakan telah bertemu dengan penama Hilmy –

**CHM** Firdaus ini dengan Hilmy juga adik juga ya?

**ZUL** Ya, Firdaus ini No.3 dalam keluarga.

**CHM** Ya.

**ZUL** Adik kepada Hilmy.

**CHM** Ya.

**ZUL** Ok, dia menyatakan telah bertemu dengan Hilmy di Taman Teluk Molek, Butterworth, Penang pada tahun 2012.

**MFR** 2012, Tuan?

**ZUL** Saya, 2012.

**MFR** Untuk tujuan apa?

**ZUL** Dia tak nak nyatakan tujuan apa dia berjumpa dengan abang dia. Dan bila kita tanyakan soalan juga, tahu ke berkaitan dengan kehilangan abang dia? Dia cakap dia tahu dan dia tidak mengesyaki sesiapa di atas kehilangan abang dia.

**CHM** Tidak mengesyaki?

**ZUL** Benar, Dato' Seri.

**MFR** Adakah IO tanya kenapa kali terakhir berjumpa 2012?

**ZUL** Tak ada. Tak ada, Dato' Seri.

**MFR** Keterangan diambil di mana, Tuan?

**ZUL** Keterangan kalau mengikut daripada Inspektor Nor Haidy ini, keterangan Firdaus diambil di rumah dia juga.

**CHM** Di mana?

**ZUL** Di Taiping.

**MFR** Ada alamat?

**ZUL** Tak ada alamat.

**CHM** Di rumah Firdaus ya?

**ZUL** Ya.

**CHM** Taiping?

**ZUL** Di Taiping, Dato' Seri.

**CHM** Sama alamat dengan tadi ke? Huzir itu?

**ZUL** Lain.

**CHM** Lain rumah?

**ZUL** Lain, lain-lain, Dato' Seri.

**CHM** Lain ya.

**MFR** Saksi seterusnya, Tuan. Naeim Bin Hanim.

**ZUL** Ok, saksi seterusnya Naeim Bin Hanim merupakan adik kepada Hilmy juga. No.4 dalam keluarga. Keterangan direkodkan oleh Inspektor Somad pada 06.10.2018.

**CHM** Di mana?

**ZUL** Ok, di Pulau Pinang. Yang ini di Bagan. Di Butterworth, Pulau Pinang. Ok, saksi ini mengatakan, Dato' Seri –

**CHM** Tak, sebelum itu di apa itu, di mana? Di rumah Naeim ke?

**ZUL** Di rumah, rumah Naeim, Dato' Seri.

**CHM** Rumah Naeim ya?

**MFR** Ada maklumat lain berkaitan dengan Naeim itu?

**ZUL** Naeim, tak ada.

**MFR** Tak ada. So kali terakhir dia berjumpa dengan Hilmy?

**ZUL** Dia pun bagi tahu kali terakhir dia berjumpa pada 2012 dan dia menyatakan abang dia ada mengguna kenderaan jenis Kancil tetapi dia tidak tahu nombor pendaftaran kenderaan tersebut.

**MFR** Ada maklumat lain, Tuan yang boleh –

**ZUL** Tak ada.

**CHM** Dalam keadaan apa berjumpa itu?

**ZUL** Inspektor Somad pergi ke –

**CHM** Tak, tak, tak. Dia jumpa abang dia dalam keadaan apa ini?

**ZUL** Dia tak nyatakan, Dato' Seri.

**CHM** Ya? Tak dinyatakan?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**MFR** Ok, Selvakumar?

**ZUL** Ok, penama Selvakumar ini statement rakaman percakapan dia telah diambil oleh ASP Hairol pada 11.10.2018 menyatakan dia adalah pemilik rumah yang didiami oleh Hilmy di Kampung Tunku beralamat di No.21, Jalan SS1/22, Kampung Tunku, Sungai Way, Petaling Jaya.

**MFR** Keterangan yang diambil?

**ZUL** Dia mengatakan telah membenarkan Hilmy tinggal di rumah di alamat tersebut tanpa apa-apa bayaran. Dia juga mengatakan kali terakhir berhubung dengan Hilmy pada bulan November 2016 melalui Facebook. Dia juga mengatakan pada bulan Disember 2016, dia pergi ke rumah tersebut dan mendapati Hilmy dan Ruth Sitepu tak ada di sana.

**CHM** Sebentar, sebentar ya. Kali terakhir menghubungi melalui Facebook itu bila, Tuan?

**ZUL** Tahun, November 2016, Dato' Seri.

**CHM** Tarikh tepat ada? Tarikh tepat?

**ZUL** Dia tak nyatakan, Dato' Seri.

**CHM** November?

**ZUL** 2016.

**CHM** Ok.

**MFR** Itu sahaja maklumat, Tuan?

**ZUL** Ya.

**MFR** Seterusnya kita ada saksi Supprumaniam. Boleh Tuan jelaskan apa yang keterangan siapa dia ini?

**ZUL** Ok, Supprumaniam ini rakaman percakapan telah di rekod oleh ASP Hairol pada bulan Oktober, 11.10.2018. Supprumaniam ini dia merupakan jiran kepada Hilmy di Butterworth, Pulau Pinang.

**MFR** Hasil rekod keterangan?

**ZUL** Ok, Supprumaniam mengatakan dia tidak pernah mengenali Hilmy sepanjang dia tinggal di sana.

**MFR** Itu sahaja, Tuan?

**ZUL** Itu sahaja untuk yang ini. Untuk Supprumaniam.

**MFR** Rozaina Binti Md Ribi yang diambil oleh ASP Hairol?

**ZUL** Ok, penama Rozaina ini Dato' Seri, dia merupakan jiran di sebelah rumah yang Hilmy tinggal. Ok, yang mana rumah Hilmy No.61, dan di sebelah, rumah 63.

**CHM** Jiran di Kampung Tunku?

**ZUL** Jiran di Kampung Tunku, Dato' Seri.

**CHM** Nombor rumah?

**ZUL** Nombor rumah 65. 63.

**CHM** 65. Ya?

**ZUL** 63, Dato' Seri. 63.

**CHM** 63. Rumah Hilmy?

**ZUL** Rumah Hilmy, 61, Dato' Seri.

**CHM** Ya?

**ZUL** 61.

**CHM** Immediate jiran ke? Immediate sebelah? Memang bersebelahan?

**ZUL** Memang sebelah, Dato' Seri.

**MFR** Baik, so hasil keterangan tadi, Tuan? Pn Rozaina.

**ZUL** Pn Rozaima –

**MFR** Rozaima?

**ZUL** Rozaina.

**MFR** Rozaina.

**ZUL** Rozaina Binti Md Ribi dia bagi tahu dia tidak pernah berjumpa ataupun mengenali penama Hilmy.

**MFR** Itu sahaja?

**ZUL** Itu sahaja, Dato' Seri.

**MFR** Saksi yang terakhir, Syed Mohd Farhad.

**ZUL** Ok, Syed Mohd Farhad pun merupakan jiran kepada Hilmy, Dato' Seri. Dan beliau mengatakan pun tidak –

**CHM** Nombor rumah? Nombor rumah?

**ZUL** Nombor rumah 65, Dato' Seri.

CHM Ini, ini apa? Kiri kananlah ya? Kiri Kanan?

ZUL Bukan, Dato' Seri. Dia –

CHM 65?

ZUL 61 di tengah.

CHM Yalah.

PM1 63.

ZUL Ok, daripada rumah, ini jalan besar.

CHM Ya.

ZUL 61, 63 dan 65. Dia hujung sekali rumah dia.

CHM Ya, ya. Ya, that one No.61 ya?

ZUL Ya.

CHM Ok.

MFR So dia pun tidak mengenali Hilmy?

ZUL Betul, Dato' Seri.

MFR Tuan, berdasarkan IP yang Tuan terima dan Tuan semak, ini maklumat yang Tuan terimalah?

ZUL Ya.

MFR Yang ada. So kalau Tuan kata tadi merekod keterangan saksi-saksi ini memang ada keterangan dialah?

ZUL Ya.

**MFR** Untuk anggota polis datang ke rumah saksi tadi yang rumah 63, 65 ini, dia akan bawa kertas, sehelai kertas lepas itu ambil keterangan masa itu juga?

**ZUL** Ya, boleh juga. Keterangan bertulis.

**MFR** Ok. Baik, faham. Ok Tuan, so terdapat sembilan saksi yang telah diambil oleh beberapa anggota pada sekian-sekian tarikhlah.

**ZUL** Betul.

**MFR** Sebelum Tuan ambil IP tersebut.

**ZUL** Ya.

**MFR** So jadinya untuk siasatan Tuan pula selepas menerima IP ini, apa tindakan awal yang Tuan buat?

**ZUL** Ok, selepas saya terima –

**MFR** Minta maaf, Tuan. Minta maaf. Tadi kita cerita pasal rekod keterangan. Selain rekod keterangan, apa tindakan lain yang telah diambil oleh anggota penyiasat, pegawai penyiasat sebelum Tuan?

**ZUL** Sekejap, Dato' Seri. Saya go through one –

**CHM** Ya.

**ZUL** Satu-satu pegawai penyiasat ke ataupun macam mana?

**CHM** Take, take your time whatever is the best lah ya.

**ZUL** Ok. Ini –

**CHM** Yang terbaik, ya.

**ZUL** Ini semakan saya. Saya pergi first kepada Sarjan Ahmad Sibee.

**CHM** Ya, ya.

**ZUL** Ok, jadi Sarjan Ahmad Sibee ini ada catitan, catatan yang diturunkan, ok. Seperti pada bulan April 2017, dia dah mula buka kertas siasatan dan pada hari yang sama juga, dia ada buat semakan family tree.

**CHM** Ok. Buka IP ya?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Buka IP bila?

**ZUL** Pada 07.04.2017.

**CHM** 2017?

**ZUL** Benar, Dato' Seri.

**CHM** Ok. First report bila? First report?

**ZUL** 06.03.2017.

**CHM** 6hb Mac ya?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Sebulan kemudian baru buka IP? Ini –

**ZUL** Ya, ada catatan yang Sarjan Ahmad Sibee tuliskan di sini.

**CHM** Ya.

**ZUL** Ok, kerana pada 06.03.2017, laporan oleh En Peter Pormannan dibuat di Balai Polis Klang Selatan. Ok.

**CHM** Ok.

**ZUL** Ok, jadi catatan dia yang pertama dia bagi tahu dia ada menghubungi En Peter Pormannan tapi tidak dapat. Telefon ringing tapi tak dijawab. Ok, jadi –

**CHM** Pasal itu lewat sikit?

**ZUL** Dia, dia tunggu, benar, Dato' Seri.

**CHM** Ok, alright.

**ZUL** Jadi ada catitan juga pada 14hb Mac, ASP Shafiee pula cuba berhubung dengan penama Peter Pormannan, dia dapat berhubung dan dia minta En Peter Pormannan datang untuk di rekod keterangan dan pada 10hb baru dia hadir untuk diadakan rakaman percakapan.

**[10:45AM]**

**MFR** 10hb berapa, Tuan?

**ZUL** 10.04.2017.

**MFR** So rekod keterangan pertama Peter Pormannan adalah pada 10.04.2017?

**ZUL** Betul, Dato' Seri.

**MFR** Teruskan, Tuan.

**ZUL** Ok, selepas itu Dato' Seri, ada juga Sarjan Sibee dalam catatan dia, dia ada buat semakan rekod keluar masuk kepada Jabatan Imigresen dan dia juga, Sarjan Sibee juga dalam catatan dia, dia ada buat semakan surat, hantar surat kepada SKMM, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia –

**CHM** Tak, tak. Satu-persatu ya.

**ZUL** Ya.

**CHM** Kita selesai dengan –

**ZUL** Ya, ya, Dato' Seri.

**CHM** Penyiasatan di imigresen dulu ya.

**ZUL** Ok. Sure, Dato' Seri.

**CHM** Apa dapatan Sarjan Sibee dari?

**ZUL** Ok.

**CHM** Dengan imigresenlah?

**ZUL** Yang dengan Jabatan Imigresen Malaysia –

**CHM** Ya.

**ZUL** Saya semak Sarjan Sibee tersalah hantar surat. Tersalah key in nombor, nombor IC ke nombor pasport dalam semakan saya. Saya tak pasti yang mana. Dan benda itu disambung oleh ASP Hairol. ASP Hairol masukkan nombor IC yang betul baru dapat rekod dia.

**CHM** Tapi ASP –

**ZUL** ASP Hairol, ya.

**CHM** Hairol kemudian.

**ZUL** Ya, kemudian.

**CHM** Baru, baru.

**ZUL** Maksud dia, Sarjan Ahmad Sibee ada hantar ke Jabatan Imigresen Malaysia.

**CHM** Ada?

**ZUL** Ada hantar surat kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk semakan rekod pasport penama Hilmy.

**CHM** Ya.

**ZUL** Ok.

**CHM** Baik.

**ZUL** Tapi jawapan tidak diperolehi dan dia dimaklumkan kata dia tersalah key in –

**CHM** Sekejap. Bila hantar surat itu ke imigresen?

**ZUL** 08.04.2017.

**CHM** Imigresen ya? 8hb April?

**ZUL** Betul, Dato' Seri.

**CHM** Ada respons? Ada, ada, ada jawapan?

**ZUL** Ada jawapan, Dato' Seri.

**CHM** Daripada, ada jawapan?

**ZUL** Ada jawapan. Dia kena buat semula.

**CHM** Daripada imigresen?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

CHM Bila imigresen jawab?

ZUL Yang itu saya tak catitkan di sini, Dato' Seri. Tapi memang ada jawapanlah sebab dia tersalah key in nombor IC.

CHM Mengikut imigresen?

ZUL Ya, Dato' Seri.

CHM Lepas itu bila imigresen bagi tahu Sarjan Sibee ada kesilapan, ada tindakan susulan diambil oleh Sarjan Sibee memperbetulkan kesilapan itu?

ZUL Yang saya tengok, yang saya semak tak ada, Dato' Seri. Sebab dia sambung selepas hantar surat imigresen, dia sambung pula ke SKMM. Lepas itu dia hubungi pengadu. Lepas itu dia rekod statement penama Ram Ram Elisabeth.

CHM Bermakna tak, tak ada follow up lah daripada Sarjan Sibee dengan imigresen? Tak ada follow up ya?

ZUL Yang setakat itu saya tengok memang tak ada follow up tapi disambung pula oleh ASP Hairol.

CHM Itu kemudian kan?

ZUL Ya, Dato' Seri.

CHM Ok, kita selesaikan imigresen ya? Ok, bila disambung, apakah tindakan susulan diambil oleh ASP Hairol? Ok.

ZUL Ok, bila ASP Hairol –

CHM Dengan imigresen.

ZUL Ya, ya.

**CHM** Ok.

**ZUL** Bila ASP Hairol semak balik tak ada surat yang dihantar itu ada kesilapan daripada dia punya nombor IC, jadi ASP Hairol buat surat yang baru dan terima jawapan daripada imigresen.

**CHM** Bila itu surat ASP Hairol –

**ZUL** Dia pada tahun 2018, Dato' Seri. Bulan Oktober.

**CHM** 2018 ya? Tarikh tepat? Tarikh tepat?

**ZUL** Saya tak catit, Dato' Seri.

**CHM** Pasal apa kena tulis surat? Bukankah, bukankah ini sebahagian daripada siasatan, kan?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Kena pergi ke pejabat imigresen. Kena pergi kan? Take a statement kan kepada pegawai yang berkenaan di imigresen?

**ZUL** Tak, tak semestinya, Dato' Seri. Jadi kalau bila agensi Kerajaan seperti PDRM itu, kita nak tahu pasal sesuatu status penyiasatan, status apa-apa yang kita hantar untuk semakan, sama ada surat ataupun emel, kita kena hantar kepada agensi berkenaan. Tengok kepada agensi tersebut.

**CHM** Tak pergi in person?

**ZUL** Kalau ada laporan yang dikeluarkan, kita akan dapat statement untuk pengesahan. Jadi bila ada kita kena naik ke Mahkamah ke, jadi benda itu kita dah, dah ada dah. Bukan sekadar jawapan bersurat, tetapi dengan statement itu sekali.

**CHM** Ok. Ya?

**MFR** Ok, untuk imigresen, apa dapatan dia, Tuan yang disambung oleh ASP Hairol ya?

**ZUL** Ada satu surat jawapan daripada imigresen menyatakan rekod keluar penama Hilmy pada 2007. Pada 19..07.2007.

**MFR** Rekod pergerakan keluar?

**ZUL** Ya.

**MFR** Pada 19.07.2017, 2007?

**ZUL** Saya, Dato' Seri.

**MFR** Terdapat pergerakan keluar penama Hilmy?

**ZUL** Ya.

**MFR** Pergerakan masuk?

**ZUL** Pergerakan masuk dia juga put dash (-) dekat situ.

**MFR** Dalam kertas keterangan apa ini, siasatan ASP Hairol, ada *diverified* ke dengan imigresen?

**ZUL** Dalam ASP Hairol dia tak verify.

**MFR** Hanya terima sebegitu sahajalah?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**MFR** Baik.

**CHM** Sekarang ini Inspektor kena verify, kan?

**ZUL** Saya dah verify, Dato' Seri.

**CHM** Kalau ke luar negara mesti masuk balik kan?

**ZUL** Betul.

**CHM** Kecuali masuk secara haram.

**ZUL** Betul. Saya dah, selepas Hairol buat itu, saya pula sambung.

**CHM** Ya.

**ZUL** Saya pun dah verify.

**CHM** Ada verify tak?

**ZUL** Yes, saya dah rekod statement Timbalan Penolong Pengarah Imigresen Shah Alam.

**CHM** Ya.

**ZUL** Ok, jadi saya tanya juga dalam saya punya statement, statement yang saya rekod statement dia bertulislah.

**CHM** Ya.

**ZUL** Saya tanya, ok, kenapa ada rekod masuk ke dalam negara tetapi, sorry. Ada rekod tarikh keluar.

**CHM** Keluar. Rekod keluar.

**MFR** Rekod keluar.

**CHM** Tapi tak ada rekod masuk.

**ZUL** Tapi tak ada rekod masuk. Ya. Jadi mengikut timbalan pengarah imigresen itu mengatakan kemungkinan dia masuk ke Malaysia ini mengikut jalan yang tidak diwartakan.

**CHM** Ok.

**ZUL** Ok, Dato'. Terima kasih, Dato' Seri.

**MFR** So Tuan menyambung siasatan berkenaan dengan –

**PM2** Excuse me. Inspektor Zulfadhly.

**ZUL** Ya.

**PM2** Bila jawapan itu diberi –

**ZUL** Saya. Ya.

**PM2** Dia ini warganegara Malaysia, kan?

**ZUL** Benar.

**PM2** Kalau saya fahamkan mungkin nak gunakan jalan tikus masuk biasanya bukan warganegara. Beliau boleh masuk sahaja, kan?

**ZUL** Ya.

**PM2** So apakah, kamu tidak tanya apakah biasa ke orang Malaysia masuk ke Malaysia menggunakan jalan tikus?

**ZUL** Dia cakap ada banyak kemungkinan, ahli, Tuan Jerald. Ada kemungkinan. Kemungkinan dia sama ada dia masuk ke dalam Malaysia melalui jalan yang tidak diwartakan. Jadi saya tanya apa itu jalan yang tidak diwartakan? Maksud dia jalan yang tidak diwartakan ini adalah jalan yang tidak melalui pemeriksaan pihak imigresen. Dan bila saya tanya adakah kamu yang catit key in dia punya rekod keluar masuk? Dia cakap dia tidak sebab masa itu sistem yang dia orang boleh akses berdasarkan di dalam sistem. Tetapi yang key in rekod itu bukan dia. Ya, Dato' Seri.

**MFR** Panel members, I would like to refer to Exhibit 6, 59. This is the collected item that we received from Josiah which shows passport of Joshua Hilmy.

**CHM** Tarikh keluar yang di rekod itu bila? Kalau boleh, tarikh keluar yang di rekod itu ke luar negara? Bila itu?

**ZUL** Tarikh keluar penama Hilmy pada 19.07.2007.

**CHM** Keluar ya?

**ZUL** Ya.

**CHM** Lepas itu tak ada, tak ada rekod masuk balik negara?

**ZUL** Ok, itu yang untuk ASP Hairol punya siasatan.

**CHM** Yang ini?

**ZUL** Ok, yang saya punya siasatan pula, bila saya rekod statement timbalan pengarah itu, saya minta dia semak kembali, ok, pada 28hb Disember, ok, Hilmy ada keluar daripada Malaysia tetapi tidak dinyatakan ke mana destinasi dia.

**CHM** Berapa hari bulan? Tahun?

**ZUL** 28.12.2011. Dan ada rekod masuk pada 07.01.2012.

**CHM** 2000?

**ZUL** 2012.

**CHM** 2012. Masuk?

**ZUL** Masuk 07.01.2012.

**MFR** Tuan, lepas –

**PM1** Negara? Dia pergi ke mana ini, Tuan?

**ZUL** Tak ada –

**PM1** Tak ada catitan?

**ZUL** Memang dia tak nyatakan.

**PM1** Just semua kata dia keluar?

**ZUL** Ada rekod keluar. Tarikh sekian-sekian. Tarikh yang saya nyatakan tadi. Dan rekod masuk, tarikh yang saya nyatakan tadi.

**PM1** Yang itu yang lazim, is it? Is it, is it common among immigration?

**ZUL** Mungkin. Sebab dia pun dah nyatakan dalam ini. Dia dah sebut. Dia mention kata bukan dia yang key in tapi dia boleh nampak rekod ini.

**PM1** Because saya bayangkan kalau kita, kalau saya keluar sempadan, kan –

**ZUL** Ya, Dr.

**PM1** Dia akan tahu di mana saya, saya pergi, kan? Selalunya.

**ZUL** No. Saya –

**PM1** No? They won't?

**ZUL** Saya tak pasti sebab dia sistem imigresen.

**PM2** He's crossed the border. No, no, there's no form to say –

**PM1** No, I mean even if, I mean I go to Indonesia, they will not know?

**PM2** Not know.

**PM1** I thought we got very canggih sistem bergambar. Tapi tak apalah, itu imigresen punya.

**ZUL** Ya.

**PM1** Ok.

**CHM** Ok, balik yang pertama itu, ke luar negara 19.07.2007 itu, kan?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Sistem imigresen ada sebut tak dia punya exit point itu di mana? Johor Bahru ke di mana?

**ZUL** Dia tak nyatakan, Dato' Seri.

**CHM** Dalam dia orang punya sistem, ada, ada, ada tracking tak sistem dia orang?

**ZUL** Saya tak pasti, Dato' Seri.

**CHM** Ok, yang kedua itu –

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Kali kedua dia keluar, 28.12.2012 –

**ZUL** 2011, Dato' Seri.

**CHM** 2011, alright. Dia keluar sekali lagi. Sistem kita, connection kita ada sebut tak post yang mana? Which, which immigration?

**ZUL** Tak pasti, Dato' Seri. Saya cuma dapat semakan tarikh dia keluar dan tarikh –

**CHM** Ada tanya tak which point dia keluar?

**ZUL** Sebab dia pun, dia sistem yang basic untuk mereka, Dato' Seri. Itu yang saya tanya.

**CHM** Dan masuk 7th January, ya?

**ZUL** Betul, Dato' Seri. 2012.

**CHM** Di mana dia masuk pun tak tahu juga?

**ZUL** Dia tanya nyatakan di sini, Dato' Seri.

**CHM** Ada cuba tanya tak di mana keluar? Which, which immigration point dia keluar? Which immigration?

**ZUL** Tak ada, Dato' Seri.

**CHM** Tak tanya?

**ZUL** Saya ada tanya tapi dia pun tak tahu, Dato' Seri. Sebab dia sekarang ini dia adalah timbalan pengarah.

**CHM** Tak, semua dalam sistem, kan?

**ZUL** Saya tak tahu, Dato' Seri. Sistem imigresen dengan PDRM memang tak sama.

**CHM** Ok.

**ZUL** Ok, Dato' Seri.

**MFR** Ok Tuan, berdasar –

**CHM** Sekejap, sekejap.

**PM1** Ok, sekejap ya.

**ZUL** Ya, Dr.

**PM1** Tuan ya.

**ZUL** Ya, Dr.

**PM1** I mean pengalaman saya ke luar, taklah banyak sangat tapi setiap kali saya keluar itu, memang saya melihat proses itu agak, agak ketat, ya?

**ZUL** Ya, Dato', Dr.

**PM1** Satu kita kena, kan kita kena scan kita punya apa, pasport. Berapa kali saya tersadai dekat itu, sebab tak boleh scan.

**ZUL** Ya, ya.

**PM1** So kalau tak boleh scan dekat situ, saya akan bawa ke pegawai, kan? Kalau kita nak menggunakan mesin automatik, kita pergi. Jadi bagi saya, memang catitan itu akan ada point dia.

**ZUL** Ya.

**PM1** Di mana kita keluar, ok. Dan yang kedua, kita akan produce tiket kita kan? Kan?

**ZUL** Ya, ya.

**PM1** Macam contoh saya nak pergi ke mana kan –

**ZUL** Ya, betul.

**PM1** Dia perlu dua benda itu. Jadi saya rasa benda ini perlu mungkin Tuan perlu tanya juga lah benda-benda begini sebab –

**ZUL** Ya, saya dah tanya.

**PM1** Dah, dah ditanya? Dia sahaja yang tak tahu?

**ZUL** Yang masa, ya. Yang untuk secara detail saya tak tanya, Dr sebab –

**PM1** Ok.

**ZUL** Sebab dia melangkaui saya, sebab dia PDRM, setiap jabatan dalam Kerajaan ini, dia punya sistem berbeza, Dato' Seri dan Dr ya.

**PM1** Ya.

**ZUL** Untuk makluman ya.

**PM1** Ya.

**ZUL** Jadi –

**PM1** Tapi sebab dia berbeda –

**ZUL** Ya.

**PM1** Bukankah itu tujuan untuk lebih mengetahui? Sebab agak impossible macam Tuan Jerald katakan tadi –

**ZUL** Ya, ya.

**PM1** Jarang orang Malaysia menggunakan jalan tikus. So bagi saya juga jarang yang, saya, saya, bukan masalah Tuan.

**ZUL** Ya, ya.

**PM1** Itu, itu, I'm thinking about immigration.

**ZUL** Ya, saya faham.

**PM1** So this something yang mungkin Tuan boleh membantu nanti ialah we need to go to detail because kita akan produce dua perkara. Satu kita punya apa nama, tiket.

**ZUL** Ya.

**PM1** Kalau kita naik kapal terbang. Even kalau kita naik ekspres dari Melaka itu, pun kita ada tiket yang board itu. Itu mungkin less detail lah. Tapi kalau kita tengok naik kapal terbang, memang saya rasa tiket ke mana hala tuju satu, kita tahu. Kedua, point imigresen kita tahu. Dan yang ketiga ialah, dari segi dia punya pasportlah kan?

**ZUL** Ya, Dr.

**PM1** Mungkin ketelitian lebih diperlukan di situlah. Bertanya. Tapi dia, dia pun jawab tak tahu juga?

**ZUL** Ya, Dr.

**PM1** Ok, tak apa.

**ZUL** Terima kasih, Dato' Seri.

**PM1** Berat.

**MFR** Tuan, untuk pengesahan semula lah ya, tarikh pertama maklumat berkaitan keluar Joshua, penama Hilmy adalah pada 19.07.2007.

**[11:00AM]**

**ZUL** Ya.

**MFR** Tarikh masuk tidak ada.

**ZUL** Benar.

**MFR** Seterusnya pada 07.01.2012, Hilmy, penama Hilmy masuk semula ke Malaysia.

**ZUL** Benar.

**CHM** Tak, dia keluar dulu.

**ZUL** Dia keluar dulu pada Disember.

**CHM** 28 Disember. Dia keluar dulu.

**MFR** 28 Disember?

**CHM** Keluar second time ya? 2011, dia keluar second time. This time ada masuk balik, ya.

**MFR** Ok Tuan, berdasarkan dokumen yang Tuan ada di hadapan Tuan sekarang ini, dokumen perjalanan, adakah Tuan tahu apa maklumat –

**CHM** Sekarang ini kita nak –

**MFR** Refer this.

**CHM** Rujuk kepada exhibit ke?

**MFR** Betul.

**CHM** Exhibit berapa sekarang?

**MFR** Exhibit 59, Dato' Seri.

**CHM** Pasport kan? Pasport?

**MFR** Saya tak pasti dokumen ini. Saya nak dapatkan, kalau Tuan ada maklumat berkaitan dengan dokumen perjalanan terhad? Adakah Tuan tahu mengenai dokumen ini?

**CHM** It's not, it's not a passport?

**MFR** Saya tak pasti, Dato' Seri.

**CHM** Ok. Ini, ini terbalik kan. What's, what's that? What is that?

**PM1** It is passport.

**CHM** It is –

**PM1** It's not international passport. It's blue.

**CHM** Terbalik ya. Boleh, boleh?

**PM1** Sebab dia biru.

**CHM** Sekejap ya. Ok.

**PM1** Perjalanan terhad. It's not international passport.

**MFR** Ok. It's referred as dokumen perjalanan terhad.

**CHM** Restricted passport. We used to have. Masih ada lagi ke? Dulu kalau nak pergi Singapore –

**MFR** Singapore.

**CHM** We have. Is it still, is this, is it still a practice?

**MFR** Tak ada, Dato' Seri.

**CHM** No more dah?

**PM2** No, it's, it's written there. You can read. Open the page –

**PM1** Besarkan sikit.

**PM2** The page before this.

**CHM** Ya.

**PM2** Before, the page before this. On the left.

**MFR** Adakah maklumat ini terdapat semasa keterangan bersama dengan pihak imigresen, Tuan?

**ZUL** Tak dapat, Dato' Seri.

**CHM** Ok, next question, we know that we may get some details but that's –

**PM2** No, no. At least there are written there. Please can you go back on the left?

**PM1** Empat buah negara.

**PM2** It is only for travel to Sabah and Sarawak.

**CHM** Thank you.

**PM2** No.2.

**PM1** Atas.

**CHM** Turun, turun sikit.

**PM1** Belah kanan itu.

**CHM** Turun sikit.

**MFR** Atas, atas, atas.

**CHM** Tak, tak, tak, tak.

**PM1** Atas, atas. No.2 itu.

**CHM** Ok.

**PM1** Bagi kebanyakan hal.

**CHM** Wait, tidak sah ya?

**PM2** It said not for luar but to –

**CHM** Apa, apa itu? Apa maksud dia ini?

**PM2** Bahagian lain. To travel within Malaysia. To Sabah and Sarawak.

**PM1** So you can't use this permit to go to Sabah Sarawak, is it?

**CHM** Tak, tak. There, tidak sah.

**PM2** Untuk memasuki. To go in.

**PM1** Ok.

**CHM** Untuk ke tempat-tempat di luar Malaysia.

**PM2** Ya.

**CHM** Atau, atau dalam tempat luar Malaysia. Cannot go outside Malaysia.

**PM2** Ya, ya.

**CHM** It is for –

**ZUL** Ini pasport untuk dalam ini, Dato' Seri, minta maaf, ini untuk kegunaan rakyat Malaysia untuk pergi ke Sabah atau Sarawak. Pasport Malaysia dia panggil, Dato' Seri.

**MFR** Pasport Malaysia?

**ZUL** Ya. Sebab dia, ya.

**CHM** I see. Alright.

**ZUL** Sebab wife saya ingat ada benda ini dulu sebab saya pernah berkhidmat di Sabah.

**PM1** Yang warna biru itu?

**CHM** Masih diamalkan ya?

**ZUL** Masih, Dato' Seri.

**CHM** I see, I see. Tapi sekarang ini kita tunjuk IC cukup dah kan?

**ZUL** Betul.

**PM1** Boleh, boleh.

**CHM** Ok.

**MFR** Just for record for the inquiry Dato' Seri, kita tengok tarikh dikeluarkan pada, tarikh dikeluarkan pada 06.05.2008.

**CHM** Pusing lagi.

**MFR** Ok.

**CHM** Ok.

**PM1** Tapi dia pernah keluar masuk 2007. Yang ini keluar 2008.

**MFR** Ini tarikh, tarikh dikeluarkan dokumen ini pada 06.05.2008.

**PM1** Alright.

**MFR** Tapi berdasarkan keterangan tadi kepada Tuan Hairol tadi, ada terdapat rekod keluar Joshua Hilmy pada 19.07.2007.

**CHM** But it won't be catit here because this is no good for, kan, it's no good for going outside Malaysia. Setakat nak pergi Sabah Sawarak bolehlah kan?

**PM2** So Mr Faiz, you are submitting that this is to show that he was present at Jabatan Imigresen Kuching on 06.05.2008, is it?

**MFR** Betul. Betul.

**CHM** I see. To obtain this one? Whereas he left here on 19.07.2007?

**MFR** Betul.

**CHM** He left. Then bila masuk tak tahu?

**MFR** Tak tahu tapi berdasarkan –

**CHM** He was in Malaysia? In Kuching?

**MFR** Dia masih lagi di, di Kuching pada 06.05.2008.

**CHM** Ok, alright. Ok. Alright.

**MFR** Tuan, berdasarkan keterangan bersama pihak imigresen, adakah maklumat berkaitan nombor pasport penama Hilmy?

**ZUL** Pasport yang ini ke?

**MFR** Bukan, berdasarkan keterangan dengan timbalan operasi.

**CHM** The Kuching punya immigration department should have detain him you know, minta 6th May ini, macam mana kamu, kamu masuk? Kamu keluar 19.07.2007 and now you are, there's no record of you coming in. Now you are here before us on the 8th May to ask for this particular passport kan? Ini the immigration punya department should have –

**PM2** Could be two different immigration system.

**CHM** Yes.

**PM2** They separate Sarawak and federal to –

**PM1** This is more for pass entry.

**CHM** Not, not integrated? Not integration?

**PM1** Not yet.

**CHM** Tak ada ya? Yours is yours. Mine is mine?

**PM2** Yes.

**CHM** Ok. No asking terms?

**PM2** Not yet.

**CHM** Ok. Alright.

**PM2** Especially after MA63.

**CHM** Ok.

**MFR** So Tuan, berbalik kepada soalan saya tadi, adakah maklumat pasport berkaitan penama Hilmy?

**ZUL** Ok, ada, Dato' Seri.

**MFR** Boleh bacakan?

**ZUL** Ok A160, A for alpha, 16053305. A16053305.

**CHM** Yang ini international passport?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Dikeluarkan di mana itu?

**ZUL** Dia tak nyatakan, Dato' Seri, dikeluarkan di mana.

**CHM** Bila dikeluarkan? Dia issue?

**ZUL** Pun dia tak nyatakan. Di sini ada terdapat tiga nombor pasport.

**CHM** Tiga?

**ZUL** Ok, itu, itu yang pertama. Yang kedua punya nombor, A18868445. Saya, saya, ok A18868445. Itu nombor pasport yang kedua. Dan yang ketiga, A36522166.

**CHM** 365?

**ZUL** A36522166. Ini rekod yang saya dapat daripada pegawai imigresen, Dato' Seri.

**CHM** Minta nombor sahaja? Tak minta butir-butir –

**ZUL** Memang –

**CHM** Di mana place of issue? When issued? Bila valid?

**ZUL** Yang ini saya punya pengalaman –

**CHM** Bila expiry? Ya?

**ZUL** Dato' Seri, sepanjang, saya pun pernah buat tugas sebagai pegawai penyiasat, saya pernah juga hantar selain daripada pasport Hilmy, pasport-pasport bernama Hilmy pun saya pernah hantar buat semakan. Memang dia punya jawapan memang macam itu yang kami terima daripada imigresen. Just nak nyatakan nama penuh penama, IC number and nombor pasport. Lepas itu butiran dia keluar, tarikh keluar

bila, tarikh masuk bila. Itu sahaja. Tak dinyatakan ke mana dia pergi. Memang tak ada. Memang tiada, Dato' Seri.

**CHM** Tak, tak. Maksud saya tadi macam di mana, di mana, which pejabat place of issue?

**ZUL** Dia tak nyatakan, Dato' Seri.

**CHM** Expiry, kan?

**ZUL** Pun dia tak nyatakan dalam ini.

**CHM** Ada cuba nak minta butir-butir daripada pejabat imigresen nak tahu lebih lanjut tentang pasport-pasport ini?

**ZUL** Mungkin saya akan berbincang dengan perundangan Bukit Aman untuk rekod lebih lanjut dia punya –

**CHM** Ok.

**ZUL** Statement.

**CHM** Ok. Untuk mendapatkan butir lebih lanjut?

**ZUL** Boleh, Dato' Seri.

**MFR** So untuk berkaitan rekod pergerakan ini, siasatan di pihak Tuan masih berjalanlah?

**ZUL** Benar, Dato' Seri.

**MFR** So tindakan terakhir adalah dengan merekod keterangan timbalan?

**ZUL** Sekejap. Sekejap, Dato' Seri. Saya semak. Tuan, ini Tuan perlu lagi ke? Yang –

**MFR** Tak apa, letak situ.

**ZUL** Timbalan Penolong Pengarah Imigresen Shah Alam.

**MFR** Boleh Tuan berikan nama?

**ZUL** Pn Junainh Binti Dalugamin @ Dulgamin.

**MFR** Boleh Tuan eja?

**ZUL** J-U-N-A-I-N-H, Junainh Binti Dalugamin, D-A-L-U-G-A-M-I-N.

**PM1** G-A?

**CHM** Sekali lagi ya. Bin, Bin?

**ZUL** Binti Dalugamin.

**CHM** Yang Junainh?

**ZUL** Junainh, memang H.

**CHM** Ya?

**ZUL** N-H. J, saya repeat ya, Dato' Seri. J-U-N-A-I-N-H.

**CHM** Ya. I see.

**ZUL** Junianh Binti, B-I-N-T-I Dalugamin, D-A-L-U-G-A-M-I-N @ Dulgamin, D-U-L-G-A-M-I-N.

**CHM** Sabah Sarawak ini.

**PM1** Sabah. Mungkin Sabah.

**ZUL** Orang Klang.

**PM1** Orang Klang?

**ZUL** Ya.

**MFR** Ok.

**PM1** Salah.

**CHM** Ok, alright.

**MFR** Bila diambil keterangan ini, Tuan?

**ZUL** Ok, penama Junainh, timbalan penolong pengarah ini saya rekod pada bulan September tahun ini.

**MFR** Bulan September, bertarikh?

**ZUL** 08.09.2020, Dato' Seri.

**MFR** Baiklah. Sekarang ini kita dah dapat gambaran sikit berkaitan dengan jabatan imigresen dan tindakan yang telah diambil oleh pihak Tuan dan IO sebelum ini. So berdasarkan IP yang lepas juga, apa tindakan yang lain yang telah diambil oleh Sarjan Ahmad Sibee dan ASP Hairol?

**ZUL** Hairol? Ok Dato' Seri, selain daripada yang jabatan imigresen, Sarjan Ahmad Sibee juga terus kepada tindakan Sarjan Ahmad Sibee, dia ada menghubungi En Peter Pormannan pada 19, 20 dan 22.04.2017 dan dia ada bertanyakan kepada Pengadu untuk berkaitan dengan perkembangan ada tak apa-apa maklumat yang terbaru mengenai Hilmy dan isteri dia. Itu tindakan Ahmad Sibee. Dan 28hb Februari saya dah nyatakan tadi dia ada rekod statement Ruth Sitepu dan dia ada minitkan juga –

**MFR** 18?

**ZUL** IP ini untuk pergerakan kertas siasatan –

**MFR** 18.

**ZUL** Kepada ASP Shafiee pada –

**CHM** Tak, saya nak tanya. Ada ambil, ambil rekod siapa?

**ZUL** Ruth, adik kepada Ruth Sitepu.

**CHM** Adik? Adik, adik. Ya. Adik, ya.

**PM1** Bukan Ruth, Ram Ram.

**ZUL** Ram Ram Elisabeth.

**CHM** Ram, Ram.

**PM1** Ram Ram, dia bukan Ruth.

**CHM** Ram Sitepu.

**ZUL** Adik kepada Ruth.

**PM1** Yes.

**CHM** Ya.

**MFR** Tuan pasti Ram Ram adalah adik kepada Ruth?

**ZUL** Kalau mengikut dalam statement, sekejap ya. Itu saya punya inilah. Saya pasti.

**MFR** Memang dinyatakan adik kepada Ruth?

**ZUL** Ya, ya. Benar, benar, Tuan.

**MFR** Ok. Teruskan Tuan berkaitan dengan tindakan Sarjan Ahmad Sibee tadi.

**ZUL** Ok, selepas itu untuk maklumat Dato' Seri dan panel juga, Sarjan Ahmad Sibee ada buat pergerakan kertas siasatan ini. Dia ada minta arahan daripada ASP Shafiee. Dia dah nyatakan semua tindakan yang saya nyatakan tadi. Lepas itu pada tarikh 17hb Ogos, ASP Shafiee ada bawa perkara ini, nyatakan semua tindakan yang dibuat oleh Sarjan Ahmad Sibee kepada ketua bahagian pengurusan daerah, semasa itu DSP Omar (11:14:00AM) untuk dapatkan arahan lanjut.

**MFR** 17.08.2018?

**ZUL** 2017 yang minit daripada ASP Shafiee kepada ketua bahagian pengurusan daerah.

**CHM** Minit dia bertarikh?

**ZUL** 17.08.2017.

**MFR** Tuan, untuk pengesahan, IP ini dibawa ke KPS –

**ZUL** KBPD.

**MFR** KBPD ke bahagian pengurusan daerah –

**ZUL** Ya.

**MFR** DSP Omar?

**ZUL** Benar.

**MFR** Untuk mendapatkan arahan selanjutnya?

**ZUL** Ya, benar.

**MFR** Boleh terangkan? Boleh jelaskan adakah pegawai penyiasat tidak, tiada, tiada lead baru kepada siasatan ini ataupun kenapa diserahkan IP tersebut kepada KBPD?

**[11:15AM]**

**ZUL** Saya berpendapat yang masa siasatan yang dibuat pada tarikh itu, kemungkinan Sarjan Ahmad Sibee dia tak ada lead untuk teruskan siasatan. Maksudnya dia perlukan panduan, jadi dia minta apa arahan terbaru daripada pegawai atasan dia.

**MFR** Berdasarkan penyerahan itu, apa arahan daripada KBPD?

**ZUL** Ok, jadi arahan KBPD dia ada nyatakan jika tiada apa-apa petunjuk baru, boleh ambil tindakan kemas untuk disimpan. Ok, jika tiada ya.

**CHM** Kemas untuk disimpan?

**ZUL** Kemas untuk disimpan, ok.

**CHM** Is it NFA ke?

**ZUL** Tak sama, Dato' Seri.

**CHM** Bukan?

**ZUL** NFA maksudnya no further action.

**CHM** Yang ini?

**ZUL** Yang ini kemas untuk disimpan.

**CHM** Beza, berbezalah?

**ZUL** Sangat berbeza, Dato' Seri.

**PM1** Kemas?

**ZUL** Kemas untuk disimpan.

**PM1** Untuk disimpan?

**ZUL** Ya.

**CHM** Pasal apa yang ini bukan NFA tapi kemas untuk? Why is it because?

**ZUL** Ok, dia kalau ikut SOP siasatan orang hilang ini, dalam tempoh setahun jika tiada apa-apa petunjuk setelah tindakan-tindakan kita ambil, jadi kita memang boleh kemas untuk disimpan. Ok, maksimum selama lima tahun. Tetapi setiap enam bulan, kita kena review balik benda itu.

**CHM** Kena review ya?

**ZUL** Yes, kena review.

**CHM** Setiap?

**ZUL** Setiap enam bulan.

**CHM** Ok. Ya, En Faiz?

**MFR** Baik Tuan, di antara tempoh laporan polis dibuat pada 06.03.2017 sampai 17.08.2017, ini tindakan yang telah diambil oleh Sarjan Ahmad Sibee dan dibantu oleh ASP Shafiee?

**ZUL** Benar.

**MFR** Dan IP tersebut telah diserahkan kepada KBPD disebabkan tiada petunjuk baru.

**ZUL** Benar.

**MFR** Dan arahan daripada KBPD adalah untuk kemas untuk simpan?

**ZUL** Kemas untuk simpan sehingga ada arahan terbaru.

**CHM** Arahan ya? Arahan?

**ZUL** Arahan terbaru.

**CHM** Kemas untuk disimpan ini dibuat pada?

**ZUL** Kalau tengok minit itu pada 28.08.2017.

**MFR** Ok, seterusnya Tuan, kalau ikutkan keterangan Tuan sebelum ini, tindakan yang telah diambil seterusnya pada 20, ada rekod keterangan diambil oleh Sarjan Ahmad Sibee pada 18.12.2017. So adakah IP tersebut dibuka semula?

**ZUL** Ada? Ulang balik. 18?

**MFR** 18.12.2017, kalau ikut keterangan Tuan sebelum ini, keterangan diambil bersama Huzir Bin Hanim.

**ZUL** Ya.

**MFR** Betul. So jadinya apabila telah ditutup tadi pada 17 Ogos, bukan ditutup, disimpan, kemas untuk simpan, so ada petunjuk baru dan siasat, kertas siasatan dibuka semula?

**ZUL** Dia kemas untuk disimpan ini maksud dia bukan tutup. Ok. Di dalam simpanan Sarjan itu sendiri.

**CHM** Ya.

**ZUL** Pegawai penyiasat sendiri. Selepas itu pada kalau berpandukan kepada repot yang, yang pihak SUHAKAM bagi kepada saya itu, pada 28hb Februari, ada laporan daripada Ram Ram Elisabeth.

**CHM** Sekejap, 28hb?

**ZUL** 28.02.2018, laporan yang dibuat oleh Ram Ram Elisabeth.

**MFR** So siasatan masih diteruskanlah?

**ZUL** Siasatan masih diteruskan yang mana Sarjan Ahmad Sibee ada rekod attachment –

**MFR** Baik.

**ZUL** Penama Ram Ram Elisabeth ini.

**MFR** Baik Tuan. Untuk pegawai penyiasat selepas Sarjan Ahmad Sibee.

**PM2** En Faiz, siasatan diteruskan. Tapi sekarang dah kemas untuk disimpan?

**ZUL** Ya.

**PM2** Setiap enam bulan untuk buat review.

**ZUL** Untuk review balik.

**PM2** So untuk polis repot yang pertama, dia kemas untuk disimpan. Tapi lepas 28hb Februari, dia buat penyiasatan untuk polis repot yang baru?

**ZUL** Ya, ya.

**PM2** Ini kes IP yang lain ya?

**ZUL** Tak, IP yang sama.

**PM1** Sama.

**PM2** Sama?

**ZUL** Yes.

**PM2** Dua-dua digabungkan?

**ZUL** Betul.

**PM2** Ok. So that means can you just, just say the other one kemas untuk disimpan atau aktif?

**ZUL** Tak, dia just minit gerakan IP itu sahaja sebab kertas siasatan walaupun dia classified as a KAP, kertas anggota polis, mesti ada pergerakan IP itu. Walaupun dia menyatakan sebagai kemas untuk disimpan, tetapi kena semak juga, cari petunjuk-petunjuk baru.

**CHM** Tapi kebetulannya pula enam bulan kemudian ada laporan oleh Ram Ram ya?

**ZUL** Ya, Dato' Seri. Benar, Dato' Seri.

**CHM** Tutup, simpan, 28. Simpan 28.08.2017. Lepas itu laporan Ram Ram ialah 28 juga ya?

**ZUL** Benar, Dato' Seri.

**CHM** So lebih kurang enam bulan exactly lah?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Enam bulan ya? So buka balik faillah?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Ok.

**MFR** Baik.

**PM1** Faiz, just satu soalan.

**ZUL** Ya.

**PM1** Hanya untuk pengetahuan, Tuan ya.

**ZUL** Ya, Dr.

**PM1** Bila disebut kemas untuk disimpan –

**ZUL** Ya.

**PM1** Dikatakan akan, untuk jangka masa lima tahun.

**ZUL** Ya, Dato', Dr.

**PM1** Ok. Ia disimpan untuk jangka masa lima tahun.

**ZUL** Ya.

**PM1** So selepas lima tahun itu, apa akan berlaku?

**ZUL** Ok.

**PM1** Ia lupus?

**ZUL** Tidak.

**PM1** Ok.

**ZUL** Untuk –

**PM1** Tak juga?

**ZUL** Tidak dilupuskan, Dr.

**PM1** Ok.

**CHM** Apa, apa, apa akan berlaku kepada fail tersebut?

**ZUL** Kita akan simpan.

**CHM** Simpan lagi?

**ZUL** Kalau ada lead ataupun apa-apa petunjuk baru, kita akan siasat sebab untuk pegawai-pegawai penyiasat ini, bukan hanya satu kes itu sahaja dia buka.

**CHM** Ok.

**ZUL** Ok, macam contoh Sarjan, Sarjan Ahmad Sibee ini, selain daripada kertas siasatan orang hilang, dia siasat juga untuk sudden death report. Laporan kematian mengejut, ok, yang mana perlu bawa body ke hospital untuk buat post mortem. Cari punca apa kematian dia. Selain itu, pada masa Sarjan Ahmad Sibee bertugas masa itu, fail repot, ok, fail repot pun masih under siasatan polis. Jadi maksudnya ada laporan kebakaran, Sarjan –

**PM1** Ahmad Sibee?

**ZUL** Kepada, yes. Bukan kata Sarjan Ahmad Sibee, ada juga sarjan lain, ikut giliran tugas pada masa itu siapa yang bertugas, dia akan ada juga ke tempat kejadian, ambil gambar apa semua.

**PM1** So ini adalah salah satu daripada tugas?

**ZUL** Ya, benar.

**PM1** Dalam banyak-banyak tugas dia?

**ZUL** Benar, Dr.

**PM1** Ok. Kalau dalam yang enam bulan itu –

**ZUL** Ya, Dr.

**PM1** Memang dia akan ada satu macam, I mean kalau dia dapat itu ada memang minit itu akan keluar setiap enam bulan ke atau macam mana? Apa yang dilaporkan dalam enam bulan itu?

**ZUL** Ok.

**PM1** Ada catitan?

**ZUL** Dalam masa enam bulan, dia akan catitkan sebab Sarjan Ahmad Sibee selain daripada yang saya nampak, dalam selain daripada sistem polis dia buat catitan, dia pun ada ID dia.

**PM1** Ok.

**ZUL** Dia pun ada ID apa tindakan dia, cuba kesan lagi kesan-kesan saksi jika ada. Begitu, Dr.

**PM1** Adakah sistem di dalam komputer atau dalam dokumen biasa sahaja?

**ZUL** Catitan, catitan pegawai penyiasat ini tak semestinya dalam komputer.

**PM1** Tak semestinya.

**ZUL** Boleh buat dalam bertulis pun boleh buat juga.

**PM1** But it's quite massive bagi saya. Saya terbayang Sarjan Ahmad Sibee sahaja dah berapa banyak kes yang dia ingat.

**ZUL** Dia sebab, betul, Dr.

**PM1** Bermakna tak, tak terus dilupuslah after ini?

**ZUL** Tak. Tak, Dr.

**PM1** Ok.

**CHM** Saya nak tanya –

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Sebentar, Faiz ya. Ada dua pegawai polis nama yang disebut tadi, kan? Haidy dengan siapa?

**ZUL** Nor Haidy dan Inspektor Somad.

**PM1** Somad.

**CHM** Ya. Ya. Nor Haidy ambil, ambil Ram Ram ya?

**ZUL** Bukan, Dato' Seri.

**CHM** Tak? Firdaus?

**ZUL** Dia ambil Firdaus.

**CHM** Ya. Naeim, Naeim, Inspektor Somad.

**ZUL** Naeim, Inspektor Somad, Dato' Seri.

**CHM** Ya. Pasal apa, pasal apa orang-orang pegawai lain ya? Seorang Nor Haidy. Lepas itu Inspektor Somad. Walhal IO is, IO is Sibee kan? Pasal apa dia orang yang, yang ambil statement? Bukan Sibee yang ambil statement?

**ZUL** Saya tak pasti.

**CHM** Ada explanation tak?

**ZUL** Saya tak pasti, Dato' Seri. Sebab masa itu saya tak ada dekat situ, Dato' Seri. Sebab saya pun ada berhubung dengan Sarjan Ahmad Sibee. Dia kata, 'Tuan, saya dah catitkan semua dalam kertas siasatan.' Jadi saya, bila saya dapat sahaja kertas inquiry orang hilang ini, saya baca balik semua apa tindakan yang telah IO-IO sebelum itu buat dan saya list kan. Lepas itu saya nyatakan juga apa tindakan yang dah buat tapi tak dapat jawapan. Begitu, Dato' Seri.

**CHM** Tapi kedua ini adalah daripada IPD PJ lah?

**ZUL** Before, yes.

CHM Before?

ZUL Yes.

CHM IPD PJ. Bukan the local police officer in Taiping, bukan ya?

ZUL Bukan, bukan.

CHM Bukan ya?

ZUL Bukan.

CHM Ok, ya.

PM1 Satu, satu lagi, Dato' Seri.

CHM Ya.

ZUL Ya, Dr.

PM1 Cuma saya curious ya. Ada tiga adik-beradik.

ZUL Ok.

PM1 Yang ditemu bual kan?

ZUL Ok.

PM1 Yang ditemu satu ialah Naeim, satu Huzir.

ZUL Huzir, Firdaus.

PM1 Firdaus kan?

ZUL Naeim.

**PM1** Ya, ketiga-tiga. Walaupun Tuan bukan orang yang menemubual mereka, interview mereka –

**ZUL** Bual

**PM1** Ada tak dalam catitan di mana-mana yang mengatakan adik-beradik ini bertanya abang dia hilang ke adik dia hilang ke? Ataupun bagi dia, dah hilang dah which is agak pelik because kalau kita lihat family Ruth, Ram, siapa nama? Elisabeth Ram Ram yang datang melaporkan, kan? Sedangkan adik-beradik si Hilmy, so itu yang saya nak tahu. Adakah mana-mana? Sebab dia berlainan IO tadi yang bertanya dan sebagainya.

**ZUL** Ya.

**PM1** Ada tak dalam mana-mana catitan disebut bahawa ada mereka bertanya, 'adik saya hilang ke?' 'Abang saya hilang?' Saya bayangkanlah. Ataupun they just treat it as kehilangan which is so common?

**ZUL** Ok, ada satu catitan daripada ASP Hairol di dalam kertas siasatan –

**PM1** Ok.

**ZUL** Yang mana yang penama Naeim –

**PM1** Ya.

**ZUL** Adik –

**PM1** Naeim, Naeim, one of the brothers.

**ZUL** Adik Hilmy, penama Naeim ini adik, adik Hilmy yang No.4 dalam keluarga ini, bila ASP Hairol cuba berhubung dengan dia, dia bagi banyak reason. Dia cakap dia punya keterangan dah diambil sebelum ini. Kalau kata catitan berkaitan kata family dia tanya, 'Dekat mana abang saya?' apa semua memang tak ada, Dr.

**PM1** Tak ada ya? Itu, itu menarik bagi saya.

**ZUL** Ya, Dr.

**PM1** So mungkin saya orang Iban kot. Seorang hilang rumah panjang, semua rumah panjang susah hati. Tak adalah, itu hanya satu, satu kehairanan saya. Ok.

**CHM** Ulangi tadi pasal Naeim ini.

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Hairol dan Naeim. Hairol cuba nak dapatkan statement.

**ZUL** Betul.

**CHM** Apa Naeim bagi tahu?

**ZUL** Dalam catitan itu dia bagi tahu tak ada kerjasama daripada Naeim.

**CHM** Tak ada kerjasama ya?

**ZUL** Tak ada kerjasama dengan alasan Naeim beritahu dah diberi, dia dah bagi keterangan sebelum itu.

**PM2** Kepada siapa yang dia bagi keterangan? Kes apa yang dia beri keterangan? Sebab ini kali –

**ZUL** Kalau ikut –

**PM2** Kali –

**PM1** Yang ini apa? Kali pertama bukan?

**ZUL** Kali pertama ini statement dia di rekod oleh Inspektor Somad.

**PM1** Somad dulu?

**ZUL** Ya. Inspektor Somad dulu then selepas Sarjan Ahmad Sibee bertukar sahaja pegawai penyiasat kepada ASP Hairol, ASP Hairol pun cuba kesan keluarga dia ini, Dato' Seri.

**CHM** Ok, tanya dia baliklah?

**ZUL** Kita nak, ya, betul. Panggil dia balik nak tanya.

**CHM** Tapi luar biasa kan ahli keluarga tak nak? Patut –

**ZUL** Betul, Dato' Seri.

**CHM** Ahli keluarga yang risau.

**PM1** Lebih.

**ZUL** Risau, Dato' Seri.

**CHM** Kan?

**PM1** Sebab tiga adik-beradik sini.

**CHM** Ini patut pegawai polis, pegawai penyiasat patut tanya kan mengapa kamu tak nak bagi kerjasama, kan?

**ZUL** Betul, Dato' Seri.

**CHM** Kan? Mengapa kamu tak nak bagi kerjasama, kan? Ini satu soalan yang sangat penting ya because perangai luar biasa bagi seorang ahli keluarga. Nampak macam Ram daripada Indonesia –

**PM1** Ya.

**CHM** Susah-susah payah datang kan?

**ZUL** Ya.

**CHM** Tapi ini macam nak, dah lah, dah lah tak repot polis. Salah seorang pun tak ada repot polis ya?

**PM1** Tak ada laporan polis ya?

**ZUL** Setakat ini daripada En Peter Pormannan sahaja.

**CHM** Tak, tak. Dia orang tiga orang?

**PM1** Adik-beradik dia?

**ZUL** Tak ada. Tak ada.

**PM1** See?

**CHM** Ya, No.1, tak repot polis. Yang kedua macam bila tanya, jawab ala kadar. Kan?

**ZUL** Betul, Dato' Seri.

**CHM** Tak ada timbul syak wasangka ke? Tak semestinya lah mereka terlibat. But luar biasa kan?

**ZUL** Ya, Dato' Seri.

**CHM** Luar biasa. Ada tanya tak mengapa kamu tak bagi kerjasama sebagai seorang adik-beradik?

**ZUL** Saya pun ada berhubung dengan ahli keluarga dia. Jadi memang dia pun bagi jawapan yang dia dah, dah di rekod keterangan. Ada bagi jawapan, 'Saya kerja.' Ada seorang yang dia punya adik ini bagi tahu, 'Ok, tak apa, nanti saya telefon you balik.' Pun tak telefon. Cuba telefon balik dah dia dah tak angkat dah. Sebab saya pun tengah menyiasat lagi kes ini.

**CHM** Pokok –

**ZUL** Kita akan tanya.

**CHM** Pokoknya adik-beradik tak beri kerjasamalah? Pokoknya?

**ZUL** Betul, Dato' Seri.

**CHM** Ok.

**PM1** Satu lagi, Dato' Seri, satu lagi.

**CHM** Yes, sure.

**PM1** Ok. Ada tak dalam mana-mana catitan ataupun masa Tuan, tak, tak sempat nak call dia orang, mereka tahu tak yang Hilmy ini bertukar agama? Ada tak disebut di mana-mana?

**ZUL** Ok. Ok, daripada adik dia yang bernama Firdaus ini, dia cuma mengatakan dia tidak menghalang abangnya untuk menganut sebarang agama lain. Dan daripada penama Naeim juga, dia berkata yang abang dia, Hilmy sudah berkahwin dengan seorang perempuan Indonesia bernama Ruth yang beragama Kristian.

**[11:30AM]**

**PM1** Itu sahaja?

**ZUL** Itu sahaja.

**PM1** Itu yang disentuh tentang agama?

**ZUL** Ya.

**PM1** Maknanya mereka tahulah?

**ZUL** Saya –

**PM1** Agaknya lah.

**CHM** Apa yang buat Firdaus memberi kenyataan? Apa yang menyebabkan tidak menghalang abang memeluk agama? Apa yang menyebab dia berkata begitu? Mengapa?

**ZUL** Saya tak pasti, Dato' Seri.

**CHM** Tak tahu ya?

**ZUL** Saya tak pasti.

**CHM** Ok. Kita ambil rehat sekejap. 10 minit ya. 10 minit. Sekarang ini 11:30AM. 11:40AM begitu kita sambung ya.

**ZUL** Terima kasih, Dato' Seri.

**CHM** Ya.

**END**

**TIME** : **11:31AM**

**DATE** : **17.09.2020**
**TIME** : **11:51AM**

**START**

**MFR** Ok Tuan kita sambung ya. Tadi Tuan ada maklumkan pada bulan Ogos kertas untuk disimpan telah diserahkan kepada, mendapat arahan daripada KBPD untuk kertas untuk simpan. Kemas untuk simpan.

**ZUL** Ya.

**MFR** Baik. Untuk, just for the benefit of this inquiry, boleh Tuan jelas tak kenapa kertas siasatan itu diserahkan kepada KBPD?

**ZUL** Ya Dato' Seri, untuk kita dalam PDRM ini kerja semua ada flow, ikut flow dialah ok. Macam untuk IO kes jenayah, narkotik is narkotik dan Ketua Polis Balai adalah Ketua Polis Balai ok. Jadi bila Sarjan Sibee pindahkan kepada KBPD apabila terima laporan mengenai orang hilang ini, jadi memang dia ikut flow dia. Ok daripada Sarjan kepada Ketua Polis Balai, dan Ketua Polis Balai kepada Ketua Bahagian Pengurusan Daerah. Itu adalah flow dia.

**MFR** Terima kasih Tuan. Baik sebelum ini Tuan ada terang, jelaskan siasatan di pihak Jabatan Imigresen oleh Pegawai Penyiasat sebelum ini. Selain daripada Jabatan Imigresen, agensi mana lagi yang terlibat yang dilakukan oleh Pegawai Penyiasat sebelum ini?

**ZUL** Ok selain daripada Jabatan Imigresen Malaysia, tindakan diambil untuk menyemak dengan Jabatan Pendaftaran Negara Petaling Jaya, Syarikat Telekomunikasi iaitu telco, Digi, Maxis, Celcom, Suruhanjaya SPR negeri Selangor, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, KWSP, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang. Itu dia antara agensi-agensi yang kita hantar surat untuk, IO sebelum ini hantar untuk semakan alamat-alamat OH, orang hilang.

**MFR** Baik Tuan terima kasi. Boleh kita pergi satu-persatu. Jabatan Pendaftaran Negara, siasatan telah dimulakan oleh siapa?

**ZUL** Ok tindakan yang pertama diambil oleh Sarjan Ahmad Sibee.

**MFR** Pada bila?

**ZUL** Pada bulan April 2017.

**MFR** Hasil siasatan?

**ZUL** Hasil siasatan terima family tree ok orang hilang, ok. Butiran-butiran emak ayah dia dan ahli keluarga dia.

**CHM** Ada ya?

**ZUL** Family tree JPN memang ada.

**CHM** Ada family tree?

**ZUL** Dato' Sri.

**CHM** Boleh share dengan kami family tree itu? Family tree boleh share? Kongsi dengan kami family tree ya. Nak tahu siapakah ibu bapa dia.

**ZUL** Family. Yang ada catitan dengan saya sekarang ini Cuma adik beradik dia saja.

**CHM** Itu tak cukuplah kalau family tree.

**ZUL** Ya.

**CHM** Sebab tak ada catitan mengenai bapa.

**ZUL** Catitan mak bapak dia nama penuh semua ada Dato' Sri tapi dalam kertas siasatan saya, tapi apa yang saya nampak memang dicatit telah

meninggal dunialah mak ayah Hilmy ini. Tetapi adik beradik dia semua masih hidup lagi.

**CHM** Ibu bapa dah meninggal ya.

**ZUL** Ya Dato' Sri.

**CHM** Ok.

**MFR** Jadi maklum balas daripada Jabatan Pendaftaran Negara.

**ZUL** Ya.

**MFR** Terdapat maklumat berkaitan dengan ahli keluarga penama Hilmy?

**ZUL** Penama.

**MFR** Baik. Maklumat yang diberikan adalah penama siapa?

**ZUL** Nama ayah dia.

**MFR** Baik.

**ZUL** En Halim tapi saya tak ingat nama penuhlah.

**MFR** Ok setakat yang Tuan ingatlah.

**ZUL** Emak ayah dia, lepas itu adik beradik dia yang lain. Nama Hisham bin Halim, Hilmy Bin Halim, Firdaus Bin Halim, Naeim Bin Halim, Huzir Bin Halim dan adik perempuan dia sendiri Nurani Binti Halim.

**MFR** Ok. Jadi yang terdapat enam adik beradik Hilmy Bin Halim?

**ZUL** Benar Dato' Sri.

**CHM** Hisham ini adik ke abang?

**ZUL** Hisham ini abang dia yang pertama Dato' Sri.

**CHM** Hilmy No.2?

**ZUL** Hilmy No.2, Firdaus.

**PM1** Firdaus.

**CHM** Nurani?

**ZUL** Itu yang bongsu, yang No.6. Firdaus, Naeim, Huzir dan Nurani.

**MFR** Ada maklumat lain yang Tuan boleh jelaskan?

**ZUL** Itu untuk Jabatan Pendaftaran Negara.

**CHM** Ada ambil statement daripada Hisham dan Nurani?

**ZUL** Hisham tak ada tapi Nurani ada ambil statement. Saya yang rekod statement Nurani.

**CHM** Ok Tuan, bagi tahu ya kami tentang statement. Apa yang maklumat yang boleh dapati dari Nurani.

**ZUL** Ok Nurani ini kali pertama saya call dia pada 2019 dan dia mengatakan alamat rumah dia di Ipoh.

**CHM** Ok tetapi apabila saya ke Ipoh, saya bagi tahu dia yang saya nak berjumpa dia, dia kata dia tak ada masa sebab dia bagi tahu yang dia pernah statement pernah di rekod sebelum ini. Ok lepas itu saya kesan –

**CHM** Dia kata dia dah beri statement?

**ZUL** Dia kata dia dah pernah beri keterangan.

**CHM** Betul ke tak betul?

**ZUL** Tapi saya percaya dia tak pernah beri keterangan lagi.

**PM1** Yalah sebab tak ada catitan ya.

**ZUL** Dia tak ada, tak pernah bagi lagi Dr sebab saya pun tak tahu, saya tak pasti apa sebab dia Dr. Lepas itu saya kesan dia lagi melalui dengan rekod polis dengan JPJ, nombor pendaftaran kenderaan dia. Rupanya dia tidak duduk di Ipoh, tapi dia berada di Sepang.

**[12:00PM]**

**PM1** Subang?

**ZUL** Sepang.

**PM1** Sepang?

**ZUL** Ya. Jadi saya berjumpa dengan dia mula-mula saya nak isukan 111, panggilan saksi polis ok untuk mengehendaki dia hadir bagi keterangan tetapi dia tak nak, dia terus rekodkan di situ. Dan dia mengesahkan Hilmy ini adalah abang dia dan lepas itu dia cakap saya dah pernah beri keterangan jadi saya tak nak memberi apa-apa keterangan. Itu saja yang daripada statement Nurani.

**MFR** En Zul pergi ke Sepanglah?

**ZUL** Ya.

**MFR** Ke, ni rumah dia?

**ZUL** Ke rumah dia di Kota Warisan.

**CHM** Ada apa-apa maklumat yang diperolehi daripada Nurani ini?

**ZUL** Dia cuma mengesahkan Hilmy itu adalah abang dia. Lepas itu dia cakap dia tak nak beri apa-apa keterangan.

**CHM** Ada tanya dak mengapa begitu? Mengapa mengambil sikap begitu, ada tanya tak?

**ZUL** Dia tak beritahu Dato' Sri.

**CHM** Tak?

**ZUL** Saya just cakap 'ok you kena bagi kerjasama'. Ok saya terangkan Seksyen 112 KPJ ok untuk pemeriksaan saksi. Dia kata 'saya tak nak bagi kerjasama'. Itu jawapan dia Dato' Sri yang saya ada rekodkan.

**CHM** Ok.

**MFR** Baik Tuan. Jadi maklumat yang Tuan dapat berkaitan enam ahli keluarga, enam adik beradik Hilmy ini dilakukan oleh siapa, tindakan ini dilakukan oleh siapa?

**ZUL** Oleh IO Yang pertama, kedua.

**MFR** IO pertama Sarjan Ahmad Sibee lah?

**ZUL** Sarjan Ahmad Sibee dan ASP Hairol pun ada buat.

**MFR** Maklum balas yang diterima pada?

**ZUL** Untuk Sarjan Ahmad Sibee tahun yang sama juga, tahun 2017 dan untuk ASP Hairol dibuat pada 2018.

**MFR** Baik Tuan ada maklumkan tadi yang ada ambil keterangan Nurani.

**ZUL** Ya.

**MFR** Pada bila?

**ZUL** Pada tahun ini, tahun 2020 selepas PKPB yang bulan Ogos.

**MFR** Boleh ingat tarikh Tuan?

**ZUL** Saya tak ingat tarikh dia sebab tak catit dalam ini.

**MFR** Tak ingatlah. Macam mana dengan Hisham, maklumat Hisham ada?

**ZUL** Ok maklumat Hisham ini saya ada berhubung dengan ASP Hairol lepas saya terima kertas siasatan. Jadi ASP Hairol pun dah maklum apa tindakan dia yang berkaitan dengan famili, dia cakap yang dia tak dapat kesan adalah Hisham. Dan juga saya berhubung juga melalui fon nombor dia memang tak dapat, lepas itu kita, saya ada arahkan saya punya anggota kesan alamat dia di Ipoh pun tak ada penama Hisham duduk di situ dan sehingga sekarang saya tak dapat kesan dia bernama Hisham ini, abang dia yang sulung.

**CHM** Dengan Jabatan Pendaftaran Negara dapat?

**ZUL** Dah dapat Dato' Sri.

**CHM** Dapat alamat?

**ZUL** Dapat di Ipoh Dato' Sri.

**CHM** Ada cuba pergi ke Ipoh?

**ZUL** Memang saya ada arahkan anggota saya untuk serve kan 111 di sana tapi dia sampai di sana terus mereka telefon dengan saya, dia maklum tak ada penama Hisham tinggal di situ.

**MFR** Baik. Ini maklumat berkaitan dengan Jabatan Pendataran Negara sajalah. Agensi selain JPN yang tadi Tuan ada sebut?

**ZUL** Jabatan Imigresen.

**MFR** SKMM?

**ZUL** Ya.

**MFR** Ada maklumat?

**ZUL** Ok SKMM ini yang pertama di, surat dihantar oleh Sarjan Ahmad Sibee. Selepas itu saya pun ada hantar untuk semakan SKMM.

**MFR** Tindakan yang diambil oleh Sarjan Ahmad Sibee pada bila kepada –

**ZUL** Tahun 2017.

**MFR** Tarikh?

**ZUL** Tarikh bulan April. 11.04.2017.

**MFR** Maklum balas yang diterima?

**ZUL** Saya tak terima maklum balas. Ya tak ada terima apa-apa maklum balas daripada SKMM.

**MFR** Seterusnya adakah ASP Hairol menyambung siasatan dengan SKMM?

**CHM** Sebentar, sebentar ya. Berhubung melalui tulis surat ya?

**ZUL** Betul Dato' Sri.

**CHM** Bila itu hantar surat?

**ZUL** 11.04.2017.

**CHM** Tak ada respons?

**ZUL** Tak ada respons.

**CHM** Ada follow up action?

**ZUL** Sebab Sarjan Ahmad Sibee ini dia hantar ke SKMM ini, dia buat pengesahan semakan rekod panggilan keluar masuk. Ok sebenarnya

kalau ikutkan ini dia kena hantar ke telco, saya beranggapan Sarjan Sibee ada terkhilaf dekat situ. Dia tersalah hantar ke, pengalamat yang sebetulnya adalah telco tetapi dia terhantar ke Suruhanjaya Komunikasi Multimedia.

**CHM** Bukan nak tanya pasal emel ke bukan ya?

**ZUL** Bukan, bukan.

**CHM** Ok sepatutnya telco lah?

**ZUL** Hantar ke telco yang berkaitanlah sama ada Digi, yang ada di Malaysia ini Digi, Maxis, U-Mobile dan sebagainya.

**CHM** I see. Telco?

**ZUL** Saya Dato' Sri.

**CHM** Ada berapa handphone?

**ZUL** Handphone siapa Dato' Sri?

**CHM** Hilmy lah?

**ZUL** Hilmy ada satu Dato' Sri.

**CHM** Apa nombor dia?

**ZUL** Saya tak ingat Dato' Sri tapi dia start, starting from 012.

**CHM** 012 ya?

**ZUL** Ya Dato' Sri.

**CHM** Itu Maxis lah?

**ZUL** Maxis Dato' Sri.

**CHM** Maxis lah kan?

**ZUL** Ya Dato' Sri.

**CHM** Ok ya.

**MFR** Baik Tuan maklumkan tadi Sarjan Ahmad Sibee telah memohon maklumat berkaitan nombor telefon ke SKMM dan menurut Tuan tindakan itu tak betullah, dia kena hantar kepada telco. Jadi tuan ada maklumkan juga tadi yang siasatan disambung oleh ASP Hairol kepada SKMM. Maklumat apa yang dipohon?

**ZUL** Hairol tak, saya yang sambung ke SKMM. Saya hantar yang berkaitan dengan salinan emel.

**MFR** Salinan emel.

**ZUL** Ya.

**MFR** Mengenai apa itu Tuan?

**ZUL** Emel yang saya terima daripada perundangan Bukit Aman. Ok berkaitan dengan ada emel yang diserahkan kepada pihak SUHAKAM.

**CHM** Bila itu yang –

**ZUL** Saya terima bulan Ogos Dato' Sri.

**CHM** Bulan Ogos.

**ZUL** Ya Dato' Sri.

**CHM** Apa, En Fadli, Zul, En Zul berhubung dengan SKMM bila itu?

**ZUL** Saya. Selepas saya dapat emel itu.

**CHM** Tarikh?

**ZUL** 18.08.2020, tahun ini. Hujung bulan Ogos itu saya ada hantar ke sana.

**CHM** Hujung Ogos ya?

**ZUL** Ya Dato' Sri. Saya hantar melalui emel mula-mula Dato' Sri.

**CHM** Emel?

**ZUL** Ya.

**CHM** Dapat jawapan?

**ZUL** Saya dapat jawapan dan mereka minta salinan yang asal.

**MFR** Boleh Tuan jelaskan sedikit. Kandungan emel ini berkaitan dengan apa?

**ZUL** Kandungan emel ini yang saya terima daripada, salinan daripada pihak Perundangan Bukit Aman berkaitan dengan ada emel yang dihantar kepada orang hilang ok dan dia ada berlatar belakangkan logo jata negara.

**MFR** Panel members I would like to referred with witness Exhibit No.76A. Baik Tuan, berdasarkan dokumen yang ada di depan Tuan, adakah ini yang emel Tuan maksudkan?

**ZUL** Benar Dato' Sri.

**MFR** Tuan, boleh tengok di skrin. Adakan emel ini?

**ZUL** Yang 76A, yang dalam skrin itu 76A?

**MFR** 76A.

**CHM** Purportedly daripada siapa kepada siapa?

**ZUL** Macam mana Dato' Sri?

**CHM** Tak, tak, tak, ya sebelum itu, daripada siapa kepada siapa ini? Daripada siapa ke nak ikut ini? Daripada?

**MFR** Wifi Girl kepada Josh Ruth.

**CHM** Josh?

**MFR** Ruth.

**CHM** Josh Ruth?

**MFR** J-O-S-H R-U-T-H.

**CHM** Kepada?

**ZUL** Daripada Wifi Girl kepada Josh Ruth.

**CHM** Daripada Wifi Girl?

**MFR** Betul.

**CHM** Yang bertarikh November 23 ya. Monday November 23 ini ke 2015 itu ke?

**MFR** Ya. Betul, betul Tuan.

**CHM** Daripada Wifi Girl kepada?

**MFR** Saya pun tak berapa –

**CHM** Tak clear ya?

**MFR** Tak berapa clear Dato' Sri. Joshruth2005@yahoo.com.

**PRS** Bawah sikit, yang bawah sekali on Monday $23^{rd}$.

**CHM** Sekarang ini, inilah emel yang dirujukkan kepada Inspektor Zul? Ya, ya.

**MFR** Saya nak bertanyakan kepada Tuan Zul, adakah ini yang emel yang Tuan maksudkan?

**ZUL** Ya saya.

**MFR** So tujuan Tuan menghantar kepada SKMM untuk mendapatkan pengesahan?

**ZUL** Betul itu.

**MFR** Bila dihantar kepada SKMM Tuan?

**ZUL** Pada bulan Ogos, penghujung bulan Ogos.

**MFR** Ok setakat –

**CHM** Sebentar, sebentar ya. Ada tulisan tak emel address sender dan emel address of recipient ada tak di sini dalam Exhibit 76A ini dapat di baca tak?

**ZUL** Dapat Dato' Sri.

**CHM** Tolong baca dekat kami.

**ZUL** Ok yang –

**CHM** Emel address of sender dulu.

**ZUL** Sender daripada Wifi Girl, Gurl2376.

**CHM** G?

**ZUL** G-U-R-L.

**CHM** G-U-R-R.

**ZUL** 2376.

**CHM** Ya.

**ZUL** @yahoo.com.

**CHM** Ya.

**ZUL** Dan penerima dia adalah Joshruth2005.

**CHM** J-Y-S-H ya?

**ZUL** J-O-S-H.

**CHM** Ya.

**ZUL** R-U-T-H.

**CHM** Ya.

**ZUL** 2005@yahoo.com.

**CHM** Ok, ya. Yes.

**MFR** Ok baik Tuan. Ada maklum balas daripada SKMM setakat ini?

**ZUL** Ada Dato' Sri. Saya diminta untuk menghantar salinan yang original Dato' Sri.

**CHM** Sebentar, sebentar. En Faiz are you able to read the message in the email? Ya setakat mana bolehlah. Cuba baca, ada, boleh baca? Is it yang itu ke? 'Ok easy, if you are –

**MFR** I'm sorry Dato' Sri, tak boleh baca langsung.

**CHM** Tak boleh ya, ok. Kabur ya. I think ada sini kan. 'I think you are really a false and fake pastor, that is why you are afraid'. Separuh boleh baca kan?

**MFR** Saya cuba ya Dato' Sri.

**CHM** Baca, baca ya setakat mana bolehlah.

**MFR** Ok untuk para yang pertama. 'Ok easy, if you are feel I am not try to help you in this case then I will hand over it to', tak boleh baca.

**CHM** Ok tak boleh ya, tak boleh baca.

**MFR** 'Change, I think you are really a false and fake Pastor that is why you are afraid man'. Seterusnya 'jangan salahkan diri saya jika anda ditahan oleh mereka. Saya sudah menjalankan kerja saya menghubungi Pastor'. Seterusnya 'kita kepada nama-nama yang berkenaan. Saya pun tak ada masa layan orang degil macam Pastor tapi pada pemikiran saya, saya lebih suka Pastor keluar dari Malaysia'.

**CHM** Ok baik ya. Ya, soalan ya, ada apa-apa soalan?

**MFR** Baik. Maklum balas daripada SKMM Tuan kalau boleh ulang?

**ZUL** Ok saya diminta supaya menghantar salinan asal Dato' Sri memandangkan salinan yang saya dapat itu ialah salinan fotostat dan tidak jelas.

**MFR** Baik itu so siasatan di peringkat SKMM sekadar itu sahaja setakat ini?

**ZUL** Benar Dato' Sri.

**MFR** Baik. Saya teruskan dengan agensi yang seterusnya. Mungkin saya boleh mendapatkan maklumat berkaitan dengan telco Tuan.

**ZUL** Ok. Telco?

MFR Baik siasatan berkaitan dengan telco dilakukan oleh siapa, dan apa maklum balas sehingga kini?

ZUL Ok. Yang pertama dilakukan oleh Sarjan Sibee sendiri. Ok dia telah menghantar nombor telefon. Pemilik nombor telefon adalah Ruth punya fon nombor hantar kepada Digi Telecommunication.

**[12:15PM]**

CHM Ok, mula-mula Ruth ya? Ruth?

ZUL Ya Dato' Sri.

CHM Ruth punya handphone, apa nombor handphone dia?

ZUL Ok 011.

CHM Ya.

ZUL [redacted]

CHM [redacted] ya.

ZUL [redacted]

CHM 011 mana punya telco?

ZUL Dia tak ada yang khususnya tahu. Untuk makluman Dato' Sri kalau macam kita sedia maklum 012 is Maxis tetapi ada juga 012 ini dia guna telco Celcom. Ada juga begitu sebab itu dia hantar semua ke telco-telco untuk buat penyemakan mana dia punya main telco.

CHM Dia tak ada pula macam Digi ini 016 ya. Bukan dia ada khusus ke?

ZUL No, tak ada no more.

**CHM** No more, ya ok. Ok lepas itu siapa pula? Lepas itu Joshua Hilmy ada nombor telefon? Hilmy.

**ZUL** Hilmy yang saya ingat dia punya 012 saja Dato' Sri.

**CHM** 012. Ini Ruth dapat handphone nombor daripada siapa Ruth punya?

**ZUL** Ini Sarjan Sibee yang mendapatkan Dato' Sri.

**CHM** Daripada?

**ZUL** Saya tak pasti dia dapat dari mana.

**CHM** Daripada Ram ke?

**ZUL** Saya tak boleh carikan berkaitan hal itu Dato' Sri.

**CHM** Ok. Yes.

**MFR** Baik. So apa maklum balas Tuan berkaitan dengan Sarjan Sibee punya siasatan berkaitan dengan telco?

**ZUL** Ok Digi dia ada hantar maklum balas kepada Sarjan Ahmad Sibee mengatakan nombor itu memang tiada di Digi lah. Tidak didaftar dia atas Digi.

**CHM** Nombor Ruth itu?

**ZUL** Ya Dato' Sri.

**MFR** Seterusnya?

**ZUL** Seterusnya semakan telco lagi dilakukan oleh ASP Hairol. Ok ASP Hairol telah hantar juga semakan kepada Syarikat Digi, Celcom and Maxis dan daripada Digi dia terima emel mengatakan tiada juga nombor-nombor tersebut didaftar ke atas mereka punya telco.

Manakala semasa Tuan Hairol siasat kes ini dia tidak terima daripada Celcom dan Maxis. Dia dah hantar permohonan.

**CHM** Ya.

**ZUL** Untuk semakan bersama Celcom dan Maxis tapi tiada jawapan.

**CHM** Celcom dengan Maxis ya.

**ZUL** Celcom dan Maxis, saya.

**CHM** Tiada jawapan?

**MFR** Ya Dato' Sri.

**MFR** Ada dinyatakan tarikh Tuan bila?

**ZUL** Tuan Hairol bulan Oktober 2018. Tarikh saya tak ingat.

**MFR** Bulan dihantar pada bulan Oktober.

**ZUL** Benar bulan Oktober 2018.

**MFR** Sehingga kini memang tiada maklum balaslah?

**ZUL** Ada.

**CHM** Ada, ada?

**ZUL** Ada maklum balas Dato' Sri yang saya terima.

**CHM** Ya.

**ZUL** Ok saya terima daripada Maxis sendiri yang mana ketiga-tiga nombor telefon, satu milik Hilmy dan dua milik Ruth telah didaftarkan di under Maxis telco.

CHM Tiga-tiga nombor, bermakna ada rujuk kepada mereka tiga nomborlah ya? Tiga nombor.

ZUL Benar Dato' Sri.

CHM Satu Ruth lah kita tahu ya.

ZUL Ya.

CHM 011 kita dapat penuh, nombor penuh kan?

ZUL Ya.

CHM Saya nak tahu pasal nombor lagi dua. Siapa punya lagi dua nombor itu?

ZUL Ok Ruth ada daftar atas nama dia ada dua telefon, dua nombor telefon. Then Hilmy ada satu nombor telefon.

CHM Ok Ruth dulu. Selain daripada 011, lepas itu [redacted] ada lagi nombor Ruth punya?

ZUL Ada satu lagi Dato' Sri.

CHM Ya.

ZUL Saya cuba dapatkan Dato' Sri ya.

CHM Ada? Ya.

ZUL Saya cuba dapatkan ini. Boleh kita pergi soalan lain tak?

CHM Sure, sure, ok. That itu Ruth ya second handphone nombor ok. Pending. Alright. Joshua, tak akan setakat 012 saja?

ZUL Ya.

**CHM** Joshua.

**ZUL** Penama Hilmy memang daftar atas nama dia –

**CHM** Yang ini?

**ZUL** 012 saja.

**CHM** Lain tak ada?

**ZUL** Tak ada.

**CHM** Ok, ya.

**MFR** Tuan untuk semasa siasatan oleh Sarjan Ahmad Sibee, surat dihantar pada bila kepada telco?

**ZUL** Bulan April 2018.

**MFR** Baik.

**ZUL** Bulan, sorry hantar 20.03.2018 dan terima jawapan pada bulan April 2018.

**MFR** 20.03.2018?

**ZUL** Ya, ya.

**MFR** Dihantar oleh Sarjan Ahmad Sibee?

**ZUL** Benar.

**CHM** Faiz sekejap. Bilakah, siapa yang kali terakhir ya antara ramai-ramai saksi ini, siapa yang kali terakhir berhubung dengan Hilmy ya?

**ZUL** Saya tak pasti Dato' Sri.

**CHM** Tak daripada statement itu tahu kan? Statement yang dia orang penama Peter ke, Selvakumar ke kan, yang ini rapat kan?

**ZUL** Apa yang saya di dalam kertas siasatan.

**CHM** Ya.

**ZUL** Yang menetap dengan Hilmy ini adalah anak-anak kepada Peter Pormannan di Kampung Tungku dan saya beranggapan mereka berdua sentiasa ada di sana sebab mereka adalah student di CT Universiti PJ.

**CHM** Tak berhubung melalui handphone?

**ZUL** Handphone? Yang itu saya tak pasti Dato' Sri.

**CHM** Boleh check kan daripada all the statement who was the last kan in contact.

**ZUL** Saya dah rekod statement.

**CHM** Siapa yang berkomunikasi melalui handphone lah.

**ZUL** Ya saya dah semak dengan Maxis telco.

**CHM** Tak, tak, tak jangan pergi ke Maxis dulu, pergi ke dia orang punya dulu because dari siasatan En Zul.

**ZUL** Ya.

**CHM** Nombor handphone setakat 012 saja kan?

**ZUL** Ya Dato' Sri.

**CHM** Tapi kalau dapat menghubungi Selvakumar ke, Peter, mungkin dia orang akan bagi kan this is his phone number you know?

**ZUL** Memang dapat yang itu saja Dato' Sri. Memang 012.

**CHM** Daripada siapa dapat ini?

**ZUL** Daripada Sarjan Ahmad Sibee dapat daripada Peter Pormannan.

**CHM** I see.

**ZUL** Peter Pormannan yang untuk –

**CHM** Macam mana Peter yang –

**ZUL** Sebab Peter buat laporan menyatakan kawan dia keluar rumah tak balik. Ok sebulan kemudian Peter datang bagi keterangan dan semasa di sana sebab dalam catitan Sarjan Ahmad Sibee ada tiga hari dia sendiri cuba berhubung dengan Ruth dan Hilmy.

**CHM** Peter boleh bagi tahu 012 saja?

**ZUL** Ya Dato' Sri.

**CHM** Tak ada dalam store dalam Peter punya handphone? Biasa kalau kita kawan mesti kita ada store kan, simpan kan?

**ZUL** Ya Dato' Sri, memang itu yang –

**CHM** Selvakumar ke.

**ZUL** Memang itu yang diberi Dato' Sri.

**CHM** Ya?

**ZUL** Ya.

**CHM** Ok ya.

**MFR** Tuan, tadi Tuan ada maklumkan yang Tuan telah mendapat maklum balas daripada pihak Maxis yang mengesahkan tiga nombor milik Joshua Hilmy, ialah milik Hilmy dan Ruth Sitepu. Selain maklum balas daripada Maxis itu apa maklumat yang diterima?

**ZUL** Pegawai Maxis yang keluarkan laporan ini mengatakan kesemua talian itu adalah talian tambah nilai, prepaid. Maksud dia isi by prepaid. Ok nombor telefon Hilmy yang diterima itu 012-[redacted]

**CHM** Hilmy?

**ZUL** Ya, [redacted]

**CHM** [redacted]

**ZUL** [redacted]

**CHM** Memang dapatlah nombor penuh?

**ZUL** Ya dapat Dato' Sri.

**CHM** Macam mana Inspektor Zul dah dapat nombor penuh? Sekarang dapat nombor penuh. Tadi kata 012 saja?

**ZUL** Ya saya mesej saya punya staf yang suruh semak balik saya punya rekod-rekod, fail-fail sayalah berkaitan dengan siasatan ini.

**CHM** Ada tanya tak nombor ini siapa yang supply?

**ZUL** Ok.

**CHM** Selvakumar ke, Peter ke siapa?

**ZUL** Yang itu saya tak pasti Dato' Sri.

**CHM** Ruth ke, Ram ke?

ZUL Saya tanya kepada Maxis sendiri, dia cuma mengatakan yang nombor telefon Hilmy itu dia start activate pada 22.12.2013 dan tamat perkhidmatan pada 19.02.2017.

CHM Tamat?

ZUL Pada, tamat perkhidmatan pada 19.02.2017.

CHM Ini yang maklum, siapa maklum?

ZUL Pegawai Maxis sendiri.

CHM Maxis ya. Maxis punya sistem dia ada rekod tak the detail of calls?

ZUL Saya tak pasti Dato' Sri Maxis dia bukan PDRM.

CHM Ya?

ZUL Dia jabatan telco Dato' Sri.

CHM Ada cuba obtain –

ZUL Ok saya ada tanya juga ok sebab dia –

CHM Record of calls.

ZUL Dia bagi tahu yang tamat perkhidmatan ini that mean adalah disconnected. Lepas itu semakan yang mereka buat dapati dia bagi tahu tiada penggunaan dan daftar pemilik baru bagi ketiga-tiga nombor telefon tersebut. Itu saja yang saya dapat Dato' Sri daripada Pegawai Maxis.

CHM Tapi dari tarikh aktif 22 Disember.

ZUL 22.12.2013.

CHM 13'.

**ZUL** Untuk Hilmy.

**CHM** Ya.

**ZUL** Dan untuk Ruth –

**CHM** Tak, tak lepas itu tamat 19 Februari kan?

**ZUL** 19.02.2017.

**CHM** Ya, ya, so ini empat tahun ya? Empat tahun ya? Empat tahun, ada boleh nampak tak daripada telco ini record of calls?

**ZUL** Rekod panggilan keluar masuk?

**CHM** Ya.

**ZUL** Itu pun saya ada tanya dalam saya punya statement. Disebabkan mereka adalah pengguna prepaid tambah nilai ini memang tidak disediakan.

**CHM** Begitu ya?

**ZUL** Ya Dato' Sri.

**CHM** Ok.

**MFR** Untuk pengesahan, disebabkan talian yang digunakan oleh Hilmy dan Ruth menggunakan prepaid so tiada call loglah yang direkodkan oleh Maxis?

**ZUL** Ya.

**MFR** Betul?

**ZUL** Betul.

**MFR** Selain call log –

**PM2** Inspektor,.

**ZUL** Saya.

**PM2** Apakah tujuan nak tanya telco sebab mesti ada tujuan untuk penyiasatan.

**ZUL** Ya.

**PM2** Mesti ada sebab untuk bukan nak, sebab pengesahan ini memang ini Hilmy, ini Ruth dah clear ada witness yang lain. So sebab kita tanya telco adalah untuk menolong dalam penyiasatan. So apakah sebab-sebab yang ke Tuan Zulfadhly dengan yang sebelum itu Sarjan Sibee hantar surat kepada telco?

**ZUL** Untuk makluman Dato' Sri dan panel, tujuan saya hantar adalah untuk dapatkan panggilan keluar masuk itu yang pertama. Ok dan yang kedua kita nak tengok conversation yang terakhir ataupun tiga bulan sebelum ataupun enam bulan sebelum di antara Hilmy dengan siapa. Kan jadi mungkin kita boleh, setiap panggilan yang masuk ke telefon dia ataupun panggilan Hilmy keluar daripada telefon dia kita boleh semak siapakah yang menghubungi dia. Itu tujuan dia saya minta. Yang semakan itu bila keluar saja penama itu kita akan semak siapa orang itu. Adakah dia mempunyai apa-apa rekod, apa kerja itu. Begitu Dato' Sri.

**PM2** So tidak dapatlah?

**ZUL** Memang tidak dapat.

**PM2** What about location phone yang terakhir itu?

**ZUL** Pun tidak disediakan.

**PM2** Tapi adakah itu dalam permintaan dalam surat?

**ZUL** Betul saya ada menyatakan.

**PM2** So I think En Faiz I'm thinking that if you want to go to the substance of the matter, go to the heart of the matter straight away lah. Kalau kita tanya what, when you send, what do you send is not the crux of the matter. The crux is why was it send, what information was needed. These three information was requested and not got so let's go to the heart of that because I see we taking a lot of time asking when it was send, and receive and send but we are not getting to the heart of why all this action was taken. And then also to help us maybe the panel if you send to five telco's, the question should be if all said no all said no. Which one said yes we just focus on the yes rather than going one by one, by one, by one and I'm not seeing that as helping us move forward on the substance of the case. Substance of the case is to find out where Joshua and Ruth is and so the answers to that is where we should take the time but I'm thinking we are taking a lot of time in the, those date and time which I think is not getting us anywhere. So is, the actual substance of the letter is actually crucial for why the investigation was going in the direction. So without that information next logical question will be what is the next step. If you don't get this info, how are you going to allocate. Telco cannot give is the Police PDRM, Forensics got. So that is why I think we should be moving in the direction and help as well all your question is going to lead to. And that's my thought also to our colleagues and the panel that we should give to the heart and the substance of the matter, not get stuck with the logistics of date and time, thanks.

**[12:30PM]**

**MFR** Thank you Mr Jerald. Baik Tuan, kita ada, telah dimaklumkan tiada, tidak boleh dikesan lokasi terakhir, tidak boleh kesan call log. Boleh, adakah maklumat berkaitan dengan kali terakhir panggilan dibuat ataupun aktif nombor tersebut?

**ZUL** Macam mana ya Tuan?

**MFR** Ok. Nombor telefon itu nombor telefon milik Hilmy ataupun Ruth. Boleh tak kita dapat maklumat berkaitan kali terakhir nombor tersebut aktif?

**ZUL** Penggunaan?

**MFR** Penggunaan.

**ZUL** Penggunaan.

**CHM** Kali terakhir nombor tersebut apa?

**MFR** Aktif.

**CHM** Aktif.

**MFR** Maksud, betul.

**PM2** Last call made lah?

**MFR** Betul.

**PM2** Ya.

**ZUL** Ok, yang saya terima daripada Maxis, dia just menyatakan aktifnya pada saya dah bagi tahu dah tadi 22.12.2013 dan tamat perkhidmatan itu pada –

**MFR** Boleh ulang, perlahan-lahan ya.

**ZUL** Ok.

**MFR** Jangan cepat sangat.

**ZUL** Ok nombor telefon yang aktif itu pada 22.12.2013 dan tamat perkhidmatan pada 19.02.2017. Itu untuk Hilmy punya dan untuk Ruth pula kedua-dua nombor aktif pada 18.08.2012 dan tamat perkhidmatan

pada 07.04.2017 untuk nombor 011[redacted]dan pada 06.04.2017 tamat untuk nombor 011[redacted]

**MFR** Baik Tuan maklumkan tamat perkhidmatan maksudnya nombor itu tidak boleh lagi digunakan selepas tamat perkhidmatan?

**ZUL** Benar Dato' Sri

**MFR** Ada lagi maklumat lain daripada telco yang Tuan boleh kongsikan?

**ZUL** Itu sahaja yang saya terima daripada telco Dato' Sri.

**PM2** Because it's a prepaid kan prabayar itu mesti you kena masukkan at the very paid. So when was the last time it was actively wang dimasukkan? So when will be the last, tak ada?

**ZUL** Saya tak terima yang berkaitan.

**PM2** Ada tanya soalan itu?

**ZUL** Saya ada tanya disconnected itu sebab dia sebut disconnected.

**PM2** Correct.

**ZUL** Ok jadi maksud dia disconnected itu matilah.

**PM2** Because dia tak top up itu dia akan matikan, dia ada tempoh sah kan itu?

**ZUL** Ya Tuan.

**PM2** So the last payment that one should be in their system?

**ZUL** Saya tak dapat perkara itu.

**MFR** Selepas mendapat maklumat ini adakah ditangani oleh pihak-pihak Tuan untuk –

**CHM** Hold on. Joshua tamat 19th February ya kan?

**ZUL** Betul.

**PM2** 2017, I think 2017.

**CHM** But Ruth two months later isn't it 07 April? Two months later ya kan?

**ZUL** Betul Dato' Sri.

**PM1** For the first number.

**CHM** For the second number?

**PM1** The second number 6 kan?

**ZUL** 06hb April.

**PM1** 6.

**ZUL** The first number 7, 7hb second, nombor kedua 6hb.

**CHM** Ya, ya, ya but Ruth went on for another two month ya when Joshua has stopped his, ok baik.

**ZUL** Betul.

**MFR** Baik Tuan berbalik kepada soalan saya. Tindakan selepas ini berkaitan dengan telco, adakah Tuan akan, apakah tindakan lanjutan yang Tuan rancang?

**ZUL** Ok mungkin saya akan panggil balik untuk dapatkan lebih lanjutkan ok berkaitan dengan soalan yang ditanya oleh Mr Jerald tadi.

**PM1** Can you just ask one question. This one is only for mobile number kan?

**ZUL** Betullah Dr.

**PM1** What about fix line, ada tak? Any indication, broadband because we also need to register kan?

**ZUL** Betul Dr.

**PM1** Ada tak maklumat apa?

**ZUL** Saya tak terima Doktor sebab ketiga-tiga nombor itu, ketiga-tiga adalah prepaid jadi Maxis bahagian law and enforcement Maxis disediakan detail itu saja.

**PM1** Ok.

**CHM** Rumah di Kampung Tungku itu ada fix line tak? Atau tidak ada?

**ZUL** Saya tak pasti Dato' Sri.

**CHM** Tak pasti ya?

**ZUL** Ya.

**CHM** Ok.

**PM1** Ok sekejap baru teringat ya. Now they only have apa tadi mobile.

**ZUL** Ya Dr.

**PM1** Ok kita lihat mereka ada menggunakan emel kan?

**ZUL** Ok.

**PM1** Ok. Do you know dia menggunakan line, is it the same telephone line or macam mana? Sebab macam saya, saya ada telefon saya guna line sayalah.

**ZUL** Ya.

**PM1** So mereka?

**ZUL** Ok. Emel yang atas penama Hilmy itu, penama yang saya terima, saya hantar ke SKMM.

**PM1** Ok.

**ZUL** Ok jadi saya tidak terima jawapan lagi.

**PM1** Ok.

**ZUL** Ok berkaitan emel itu apa yang dia orang provide, daripada mana line itu.

**PM1** Ok.

**ZUL** Nanti kalau dia dapat nanti mungkin saya akan boleh beritahu kepada pihak SUHAKAM.

**PM1** Ok, thank you very much because itu menentukan, because dia banyak menggunakan emel kan?

**ZUL** Ya.

**PM1** Dia banyak menggunakan Facebook dan sebagainya sedangkan kalau kita tengok line dia dah di disconnected bulan, awal. 2017 so but they are still using emails kan ada lagi kan dia mengguna, tidak, Facebook?

**ZUL** Saya tak pasti.

**PM1** Tak pasti.

**ZUL** Tak pasti.

**PM1** I can't remember maybe that one I need to check also sebab banyak Facebook dia kan. How would he use the Facebook? Kena guna line kan? Our online kan is it? Atau pinjam orang lain punya? Complicated. Ok thank you very much.

**MFR** Selain daripada telco, agensi mana lagi maklumat yang Tuan dah perolehi?

**ZUL** Ok selain daripada telco, tindakan seterusnya daripada Pegawai Penyiasat seperti semakan dengan SPR, Suruhanjaya Pilihan raya Negeri Selangor, KWSP, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang.

**MFR** Boleh Tuan jelaskan apa hasil?

**ZUL** Ok ini yang tindakan oleh ASP Hairol. Tujuan dia semak dengan SPR negeri Selangor dengan KWSP adalah untuk mengesan kedudukan terkini alamat Hilmy lah.

**MFR** Jadi maklumat –

**CHM** Ada hasil, ada apa-apa hasil?

**ZUL** Semua menunjukkan ke rumah yang, alamatnya ke rumah di Pulau Pinang. Di Butterworth, Penang.

**MFR** KWSP Tuan?

**ZUL** KWSP pun sama. Sebab alamat daripada hasil semakan JPN, alamat Hilmy di Butterworth, Pulau Pinang.

**CHM** Ada mencarumlah?

**ZUL** Ada. Tak ada caruman, saya tak pastilah Dato' Sri, nanti saya semak balik.

**CHM** KWSP?

**ZUL** KWSP tapi memang ada KWSP punya jawapan dalam saya punya kertas siasatan. Alamat memang di Pulau Pinang.

**CHM** KWSP ada rekodlah?

**ZUL** Ya ada rekod.

**MFR** Ada maklumat berkaitan dengan kali terakhir mencarum?

**ZUL** Yang itu saya kena semak balik saya punya kertas siasatan sebab saya tak catitkan dalam ini kan. Tapi memang saya ada terbaca yang catitan yang surat jawapan daripada KWSP itu, memang ada.

**CHM** Kalau ada rekod KWSP bermakna ada buat caruman. Kalau ada buat caruman bermakna ada employment ya. Siapa dia majikan kan?

**PM2** The thing, I think if you can remind the panel the last witness took the stand and stated, I think the last payment was 2002 or, very long period the KWSP caruman yang terakhir. It was mention so it was mention here. There was made a long time ago.

**CHM** A long time ya.

**PM2** Ya.

**CHM** A long time, ok.

**MFR** Baik Tuan untuk, adakah tindakan KWSP ini dilakukan oleh ASP Hairol, adakah Tuan akan membuat siasatan lanjutan?

**ZUL** Ya saya akan buat.

**MFR** Jabatan Air lebih kepada untuk mengesahkan alamat?

**ZUL** Alamat penama Hilmy semasa dia di Pulau Pinang.

**MFR** Ada maklumat lain selain daripada jabatan-jabatan yang Tuan telah sebutkan tadi?

**ZUL** Untuk ASP Hairol memang tak ada, setakat itu sahaja dia punya siasatan Dato' Sri.

**MFR** Baik kita terus kepada siasatan yang disambung oleh pihak Tuanlah. Kita telah dimaklumkan Tuan telah mengambil beberapa keterangan dan telah menyambung mendapatkan maklumat daripada agensi-agensi berkaitanlah. Boleh Tuan jelaskan lagi apa tindakan yang selain yang Tuan telah sebutkan sebelum ini?

**ZUL** Ok saya ada buat semakan juga dengan Jabatan Imigresen Negeri Selangor berkaitan dengan keluar masuk Hilmy dan isteri dia. Lepas itu saya buat semakan juga di Cawangan Trafik Petaling Jaya Dato' Sri untuk pengesahan kenderaan yang di guna oleh Hilmy.

**CHM** JPJ?

**ZUL** JPJ pun saya ada buat semakan. Selain daripada itu saya juga ada hantar permohonan kepada Interpol Bukit Aman. Kiranya saya hantar kedua-dua maklumat Hilmy dan isteri dia. Lepas itu saya ada hantar ke SKMM yang saya dah ceritakan tadi, ke Bank Negara Malaysia saya ada hantar juga dan kepada SUHAKAM sendirilah. Ok.

**MFR** Yang tadi Tuan, maklum balas apa yang Tuan telah terima yang boleh membantu siasatan SUHAKAM?

**ZUL** Ok. Jabatan Imigresen Malaysia saya dah maklum tadi kepada –

**MFR** Selain daripada yang Tuan telah sebutkan?

**ZUL** Ok Cawangan Trafik Petaling Jaya saya buat semakan bersama dengan JPJ. Hilmy guna satu kenderaan iaitu kereta Kancil nombor pendaftaran ACW7498 berwarna merah. Dan last dia renew road tax adalah pada 11.03.2016 dan road tax tersebut tamat pada 11.03.2017. Tiada apa-apa renew yang dibuat oleh Hilmy selepas itu.

**CHM** Kancil itu atas nama siapa di rekod JPJ?

**ZUL** Atas nama dia sendiri. Atas nama Hilmy Bin Halim.

**CHM** Ada apa-apa pertukaran nama, tak ada ya?

**ZUL** Tiada.

**CHM** Ya.

**MFR** Itu sahaja Tuan maklum balas setakat ini?

**ZUL** Ya lepas itu saya, last sekali saya ada hantar ke Maybank juga. Ok.

**CHM** Maybank.

**ZUL** Ke Malayan Bank Sdn Bhd. Ok untuk mendapatkan detail-detail penama Hilmy punya akaun sebab pada 2012 Hilmy pernah buat satu laporan polis di saya lupa di mana Dato' Sri tapi dalam laporan polis itu dia buat dia kena scammer. Maksudnya ada satu dia terima satu panggilan ok menyatakan berkaitan dengan akaun Maybank dia. Itu yang dia berasa risau dan dia buat laporan polis untuk pemakluman pihak polis.

**CHM** Bila itu laporan polis?

**ZUL** 2012 Dato' Sri.

**CHM** Ok.

**MFR** Ada lagi Tuan? Itu saja maklumat setakat ini?

**ZUL** Itu saja.

**MFR** Ada maklumat berkaitan dengan pengeluaran duit keluar?

**ZUL** Ok saya dah terima dah daripada Maybank Ipoh Garden yang keluarkan statement berkaitan dengan Hilmy punya akaun dan last transaction pada 2017.

**MFR** 2017?

**ZUL** Ya.

**MFR** Pada bulan berapa?

**ZUL** Saya tak ingat Dato' saya lupa dah. Tapi memang pada 2017 ada last transaction lah.

**CHM** Atau ingat tarikh penting?

**ZUL** Saya tak ingat tarikh Dato' Sri tapi saya perlu panggil dia punya pegawai yang keluarkan sebab saya tak rekod lagi statement dia.

**CHM** Because hilang pun 2017 kan?

**ZUL** Kalau ikut –

**MFR** 2016 Dato' Sri. Last terakhir berdasarkan keterangan sebelum ini pada –

**CHM** 2016?

**MFR** 2016, November 2016.

**CHM** November and transaction bank tadi was took place in 2017?

**ZUL** Betul Dato' Sri.

**MFR** Tuan ada maklumat tentang berkaitan perkara ini di mana –

**ZUL** Saya tak rekod lagi statement yang Pengurus Bank itu, yes saya akan panggil untuk rekod.

**MFR** Terima kasih Tuan. Ok itu tindakan yang Tuan telah ambillah?

**ZUL** Ya.

**MFR** Bagaimana dengan rakaman percakapan selain saksi-saksi yang Tuan telah sebut sebelum ini?

**ZUL** Ok. Selain daripada itu, saya dapat rakam juga satu saksi merupakan jiran kepada Hilmy. Rumah No.59 ok penama Datin Siti Rahmah Binti Haji Yunos.

**MFR** Rumah di mana ini Tuan?

**ZUL** Di Kampung Tungku.

**CHM** Binti?

**ZUL** Binti Haji Yunos.

**CHM** Ya.

**ZUL** Lepas itu saya dapat rakam rakaman percakapan Grace Thangamalar anak kepada En Peter Pormannan. Saya dapat rakan statement Josiahnandan Emmanuel Peter, anak kepada Peter Pormannan. Saya rakam juga rakaman percakapan En Mohd Azhar Bin Babu iaitu Pegawai Maxis tadi. Lepas itu saya rakam statement En Philip Koh iaitu lawyer. Saya rakam statement Junainh Binti Dalugamin, dia Timbalan Penolong Pengarah Imigresen dan saya rakam statement Nurani Binti Halim, adik kepada Hilmy. Dan saya ada rakam tiga statement polis iaitu Koperal Khairul, sorry Koperal Leju. Lans Koperal Khaizir.

**[12:45PM]**

**CHM** Sebentar, Koperal?

**ZUL** Koperal Leju Anak Talok.

**CHM** Tolong eja?

**ZUL** L-E-J-U.

**CHM** Ya.

**ZUL** Anak Talok. T-A-L-OK.

**CHM** Ya.

**ZUL** Lans Koperal Khaizir. K-H-A-I-Z-I-R dan Koperal, Lans Koperal Yasin. Y-A-S-I-N.

**MFR** Baik Tuan, berdasarkan rekod keterangan yang telah diambil oleh pihak Tuan berdasarkan beberapa saksi ini, adakah petunjuk baru yang boleh membantu? Maklumat daripada saksi ini boleh bantu siasatan Tuan selanjutnya?

**ZUL** Statement yang di antara yang saya nyatakan tadi yang saya rasa dapat tolong –

**CHM** Hold on, hold on, hold on ya. Apa peranan Koperal Leju dalam kes ini?

**ZUL** Ok Koperal Leju ini adalah anggota polis yang dibawa oleh ASP Hairol masuk ke dalam rumah semasa bulan Oktober 2018.

**CHM** Ke dalam kawasan kot?

**ZUL** Ke dalam kawasan rumah sebab dia memang tak dapat masuk sebab tak ada kebenaran daripada En Selva.

**CHM** Ok. Lans Koperal Khaizir?

**ZUL** Ok Lans Koperal Khaizir ini sama juga, dia dibawa oleh ASP Hairol dan dia adalah orang yang bertindak memotong mangga.

**CHM** Lans Koperal apa? Yasin?

**ZUL** Yasin dia adalah jurufoto Jabatan Siasatan Jenayah.

**CHM** Ok.

**ZUL** Dato' Sri.

**CHM** Pihak polis ada mengambil beberapa gambar kan?

**ZUL** Ada 24 keping gambar Dato' Sri.

**CHM** I see. Have you seen? Belum lagi?

**MFR** Gambar daripada pihak polis?

**CHM** Ya.

**MFR** Kita tak dapat.

**CHM** Bolehkah gambar ini dikemukakan kepada kami?

**ADY** Yang Arif assalamualaikum dan good morning to our panel. Bagi gambar-gambar ataupun whatever dokumen yang pihak SUHAKAM berkehendakkan, pihak PDRM boleh memberikan tapi kita apa, pohon pihak SUHAKAM kalau dapat menyatakan apa dokumen-dokumen yang diperlukan supaya make it documented supaya pihak kami boleh salurkan.

**CHM** Ok.

**ADY** We have no problem with that. Asalkan ada permohonan we will give.

**CHM** Ok.

**ADY** Thank you Yang Arif.

**CHM** Terima kasih, thank you. SUHAKAM will do the needful, the necessary ya, request ya.

**MFR** Baik Dato' Sri. So jadi Tuan balik kepada soalan saya tadi, hasil daripada keterangan-keterangan yang Tuan telah ambil tadi bersama saksi, apakah maklumat yang boleh membantu Tuan dalam melanjutkan siasatan berkaitan kes ini?

**ZUL** Dato' Sri, saya perlukan apa itu ada, saya ada ambil statement En Philip.

**CHM** Encik?

**ZUL** En Philip kita.

**CHM** Ya, ya.

**ZUL** En Philip ok, dia ada beberapa dokumen yang diserahkan kepada pihak SUHAKAM. Jadi sebagai Pegawai Penyiasat untuk kes ini saya perlukan dokumen-dokumen tersebut untuk teruskan siasatan. Dan sekiranya saya tak dapat dokumen-dokumen tersebut Dato' Sri, siasatan saya akan –

**CHM** Tak ada masalah, kita akan bagi kerjasama yang sepenuhnya ya.

**ZUL** Ya.

**CHM** Yes, yes, ya, ya.

**MFR** Ok Tuan, itu berdasarkan rekod keteranganlah. Seterusnya saya nak tanya lawatan Tuan ke rumah Joshua, ada buat lawatan?

**ZUL** Ada, saya ada buat lawatan Dato' Sri.

**PM2** Just a minute ya, sebab antara apa itu, temu bual dengan saksi-saksi ini.

**ZUL** Saya Tuan.

**PM2** Yang mereka telah ditemu bual first round mungkin oleh Sarjan Sibee atau ASP –

**ZUL** Hairol.

**PM2** Hairol kan, so ini mungkin kali kedua antara mereka atau first time bernama Grace, Josiah itu second time ke first time?

**ZUL** Itu first time dengan saya.

**PM2** Dengan kamulah tapi sebelum itu di IP itu dah interview kan?

**ZUL** Tak ada yang IP itu interview bapa dia.

**PM2** So the first time ya?

**ZUL** Ya.

**PM2** So Grace, Josiah first time. So semua ini first timelah, tak, not second interview?

**ZUL** Datin Siti Rahmah first time, Grace, Josiah, Azhar, En Philip, Pn Junainh dan Norani.

**PM2** Ok all first time ya?

**ZUL** All first time.

**PM2** Ok, thank you.

**MFR** Baik Tuan, berkaitan lawatan ke rumah. Apa maklumat yang Tuan dah perolehi?

**ZUL** Pada 30hb November selepas saya terima kertas siasatan itu, jadi saya ada berhubung dengan ASP Hairol setelah semakan saya buat. Saya

bertanyakan mengenai dengan semua apa tindakan dia dan bagaimana dengan tempat kejadian dan dia maklum kepada saya dia ada buat satu laporan polis ok berkaitan dengan di rumah pemilik dia adalah Selvakumar ok. Dia bagi tahu yang dia ada pergi ke sana tapi tak dapat masuk ke dalam rumah disebabkan Selvakumar tak beri kebenaran ok. Jadi penama Selva just bagi kebenaran untuk potong mangga dan dia boleh, dia bagi kebenaran just buka tingkap-tingkap itu, boleh minta jurugambar polis ambil melalui tingkap-tingkaplah di sekeliling rumah. Dan jadi bila saya buat lawatan ke sana, saya dapati rumah bernombor No.1 memang dalam keadaan berkunci di luar.

**CHM** Ya tadi En Zul ada sebut ya, rasa ada rekod percakapan jiran satu lagi itu kan?

**ZUL** Betul penama –

**CHM** 59 Siti Rahmah?

**ZUL** Datin Siti Rahmah dia ber –

**CHM** Ada apa-apa yang didapati?

**ZUL** Dia menyatakan dia pun tidak mengenali penama Hilmy sebab di rumah dia itu, antara rumah dia No.59 dan No.1 ini ada satu tanah tahu Dato' Sri maksudnya di tengah-tengah itu ada satu gap tahu. Ini tanah lapang yang memanjang jadi dia pun kalau tengok saya pernah pergi ke rumah Datin Siti Rahmah ini memang tengok ke rumah Hilmy memang agak jauh sikitlah sebab perbezaan tanah di tengah-tengah itu.

**PM2** At this point, semua jiran-jiran itu tujuan untuk interview mereka nak dapat apa?

**ZUL** Saya nak dapatkan maklumat Tuan.

**PM2** Maklumat is there any arah yang kamu harap dapat maklumat atau umum sahaja, secara am saja?

ZUL Saya pergi saya nak dapatkan maklumat Tuan. Then nak tanya, saya interview mereka sama ada mereka kenal atau tidak penama Hilmy ini dan saya tanya juga jikalau pada masa-masa tersebut 2017 ada apa-apa kejadian yang kejadian jenayah ke yang berlaku. Sebab itu saya pergi interview mereka.

MFR Jadi Tuan, berdasarkan lawatan Tuan tadi.

ZUL Ya.

MFR Apa maklumat yang Tuan perolehi?

ZUL Ok. Selepas saya semak kertas siasatan saya pun telefon ASP Hairol dan dia dah brief kepada saya. Dia kata ok rumah Tuan Zul saya dah masuk, saya tak dapat masuk ke dalam rumah ini sebab tak ada kerjasama daripada pemilik rumah. Dia just benarkan gambar diambil di situ. Jadi bila saya terima saja IP saya semak semua gambar, memang terdapat 24 keping gambar yang kita punya anggota juru foto ambil dan bila saya pergi ke sana, saya sampai di rumah saya tengok dalam keadaan berkunci jadi saya tak masuk ke rumah. Sebab dalam period sebulan lebih saja Tuan Hairol sudah pergi ke sana.

CHM Adakah Inspektor bercadang nak masuk rumah itu?

ZUL Sebab rumah itu adalah rumah yang Hilmy tinggal dan Hilmy keluar daripada rumah tahun 2016 bulan November dan selepas Hilmy tinggalkan rumah, anak-anak kepada En Peter Pormannan masih menetap di situ. Jadi mereka adalah orang yang terakhir tinggal dekat rumah itu dalam keadaan berkunci dan mereka juga ada ambil dokumen-dokumen ok yang telah diserahkan kepada pihak SUHAKAM. Jadi saya rasa selepas apa tindakan yang Tuan Hairol ambil memadai apa yang dia buat. Sebab jika ada kejadian jenayah mesti mereka telah laporkan tetapi sehingga kini masih tidak ada apa-apa lagi.

MFR Baik Tuan. Bagaimana pula dengan alamat di Pulau Pinang?

ZUL Alamat yang mana Tuan?

**MFR** Lawatan, adakah Tuan pergi ke rumah?

**ZUL** Ya, ya, ok.

**MFR** Tapi tak dapat masuklah?

**ZUL** Yang di rumah Selvakumar itu saya ada pergi ok dan dia jemput saya masuk ke rumah untuk rekod –

**MFR** Bukan, maksud saya alamat yang milik Hilmy Bin Halim itu.

**CHM** Di Butterworth?

**MFR** Butterworth.

**ZUL** Di Butterworth, yang itu saya tak pergi Dato' Sri sebab yang itu memang ada Pegawai Penyiasat yang sebelum ini Inspektor Somad memang ada rekod keterangan di sana.

**MFR** Tuan tak bercadang untuk pergi ke rumah?

**ZUL** Belum lagi bercadang.

**MFR** So tadi Tuan dah maklumkan tindakan-tindakan yang telah diambil seperti rekod keterangan, lawatan ke rumah dan semakan dengan jabatan-jabatanlah yang berkaitan. Selain daripada tindakan ini, ada Tuan boleh jelas tak tindakan lain yang Tuan telah ambil yang tak di, tidak dinyatakan sebelum ini?

**ZUL** Ok untuk makluman Dato' Sri dan panel, ahli-ahli panel, kertas siasatan ini selain daripada tindakan yang saya telah ceritakan tadi, ok jadi kertas siasatan ini pun telah dirujuk ke bahagian perundangan ok sebanyak lapan kali dan kita ada juga rujuk kertas siasatan ini ke peringkat Jabatan Peguam Negara untuk arahan lanjut dan saya ada juga edarkan flyers ok, edarkan risalah mengenai dengan kehilangan Hilmy dan isteri dia di kawasan Sungai Way, di kawasan Petaling Jaya.

Lepas itu saya ada buat semakan, maksud saya, saya kumpulkan artikel berkaitan dengan kes kehilangan Hilmy dan Ruth Sitepu dan saya ada juga edarkan di laman sosial seperti Facebook Balai Polis Sungai Way kita beri butiran mengenai kehilangan Hilmy dan isteri dia.

**CHM** Flyers itu boleh request kan, bekalkan flyers ok. Flyers itu, kita akan buat request lah kan?

**ZUL** Boleh.

**CHM** Request ya.

**ZUL** Ya.

**MFR** Baik Tuan.

**CHM** Flyers untuk kedua-dua ya?

**ZUL** Kedua-duanya saya buat Dato' Sri.

**CHM** Ada beberapa orang ambil tindakan, menghubungi pihak berkuasa Indonesia sebab Ruth warganegara Indonesia?

**ZUL** Ok untuk kehilangan warganegara ini kebiasaannya IO, bukan warganegara Malaysia Dato' Sri, IO akan berinteraksi dengan Interpol saja Dato' Sri.

**CHM** Interpol.

**ZUL** Jadi Interpol yang akan bagi maklum balas.

**CHM** Ok.

**MFR** Tuan ada maklumkan kepada panel bahawa flyers telah diedarkanlah di sekitar Petaling Jaya.

**ZUL** Benar Dato' Sri.

**MFR** Sehingga kini ada maklumat yang diterima?

**ZUL** Saya tak terima apa-apa maklumat lagi Dato' Sri.

**MFR** Baik.

**PM2** When was this flyers put out, kali pertama dia?

**ZUL** Kali pertama saya buat bulan Disember 2018. Bulan Januari pun saya ada buat dan saya buat hebahan pada bulan April dan kita ada pergi juga dekat 7-Eleven, petrol pam dan kita tampalkan butiran mengenai kehilangan Hilmy dan isterinya dan saya ada rekod juga gambar saya punya tindakan, saya pergi sekitar Balai Polis Petaling Jaya memang ada gambar-gambar itu sehingga sekarang berkaitan dengan kehilangan Hilmy dan isterinya.

**CHM** Flyers lah, gambar itu maksud, adakah maksud flyers?

**ZUL** Yang dengan ini, betul flyers, yang di papan kenyataan pun kita tampal. Semua dalam itu memang dah ada nombor telefon saya, maklumat mengenai Hilmy dan isteri dia, alamat terakhir beliau.

**CHM** Ok so flyers sebagai amalan polis orang hilang, flyers ya, ada buat flyers.

**ZUL** Ya.

**CHM** Di mana akan ditampalkan?

**ZUL** Kebiasaannya di balai polis.

**CHM** Balai polis.

**ZUL** Di papan-papan kenyataan balai polis, di stesen minyak kita boleh tampalkan sebab di stesen minyak pun ada yang saya buat di stesen

minyak dia ada papan kenyataan, di 7-Eleven. Itu tempat-tempat yang biasa kita tampalkan Dato' Sri.

**CHM** Ok.

**MFR** Baik Tuan. Setakat sehingga kinilah, sehingga pada hari ini, status perkembangan siasatan Tuan dilaporkan kepada siapa?

**ZUL** Ok status siasatan saya punya kertas inkuiri polis ini, ok yang terbaru saya rujuk kepada Bahagian Perundangan Bukit Aman.

**PM2** Is that your question En Faiz?

**MFR** Soalan saya sebenarnya sepanjang Tuan mengambil siasatan ini, kertas siasatan ini, segala perkembangan siasatan ini di salurkan kepada siapa?

**ZUL** Flow dia ok, saya salurkan kepada KBSJD.

**MFR** KBSJD.

**ZUL** Ya.

**MFR** KBSJD IPD?

**ZUL** Petaling Jaya. KBSJD Petaling Jaya.

**MFR** Siapa?

**ZUL** Semasa saya terima daripada DSP Zamzuri ini masa itu dekat meja dia adalah sebab DSP Zamzuri dah berpindah jadi KBSJD masa itu DSP Zulhairi.

**[01:00PM]**

**MFR** So bagaimana pula bertukar kepada perundangan ini?

**ZUL** Selepas bila kita dah ambil semua tindakan tapi masih tak ada, still tak ada petunjuk ok jadi saya yang cadangkan kepada DSP Zulhairi untuk, dan DSP Zulhairi pun akan tulis minit untuk dapatkan arahan lanjut ke Bahagian Perundangan.

**MFR** So sekarang ini semua perkembangan akan disalurkan kepada Bahagian Perundangan Bukit Aman?

**ZUL** Betul.

**MFR** Just setakat inilah Tuan, siasatan Tuan ada perkembangan yang terbaru ke? Petunjuk baru?

**ZUL** Petunjuk baru ada berkaitan dengan emel itu apa semua tapi saya tak buat –

**MFR** Ada maklumat daripada SUHAKAM terima itu?

**ZUL** Ya.

**MFR** Itu sahaja?

**ZUL** Itu sahaja.

**MFR** Soalan terakhir Tuan.

**ZUL** Saya.

**MFR** Adakah maklumat-maklumat lain yang Tuan boleh kongsi dengan pihak panel?

**ZUL** Ok. Dato' Sri dan ahli panel ya, saya berharap yang maklumat yang diterima oleh SUHAKAM itu mungkin selepas habis inkuiri saya boleh terima yang original, saya akan hantarlah untuk semakan. Ok sebab saya sebagai Pegawai Penyiasat untuk KEP orang hilang ini, saya pun walau pun ada arahan untuk teruskan benda ini ok selepas, jika tidak ada petunjuk boleh teruskan tetapi saya tidak buat begitulah sebab kita

rasa setiap aduan yang dibuat oleh pengadu ini memang kita tak ambil beratlah ok. Jadi bila ada petunjuk baru ini saya harap saya boleh dapat semua itu dan saya akan hantar benda itu ke saluran yang sebenarnya. Ok dan jika ada apa-apa saya akan maklum terus ke Bahagian Perundangan. Bahagian Perundangan boleh maklum ke SUHAKAM jika perlukan ini yang latest berkaitan dengan siasatan saya Dato' Sri. Itu saja Dato' Sri.

**CHM** Terima kasih.

**ZUL** Terima kasih Dato' Sri.

**MFR** No further question.

**CHM** Terima kasih En Faiz. Alright then.

**PK** Selamat petang Inspektor.

**ZUL** Selamat petang.

**PK** Nama saya Philip Koh peguam you, Tuan pun kenal saya sebab saya peguam Ruth Sitepu, keluarga ya. Can I ask the question in English or you prefer Malay?

**ZUL** Boleh.

**PK** Boleh ya. English, I keep it simple.

**ZUL** Ya.

**PK** But you can answer in Malay, you can follow. First of all I like to record appreciation that the way you share so far show that you took this path in investigating.

**ZUL** Thank you Sir.

**PK** Once you took over the case. Much more thorough than before. I bring you back to your earlier testimony, yang you beritahu kepada panel ya. Bolehkah saya meminta, can I ask your opinion whether the earlier investigation, your opinion only, adakah dia sempurnakah? Is it adequate when you look back? Ini bukan nak menegur yang dulu tetapi pada hemat atau pendapat objektif, adakah dia sempurna tak?

**ZUL** Sempurna?

**PK** I mean is it complete? Was it in depth the investigation, the earlier investigation before you took over the file? Can I have your opinion?

**ZUL** Dato' Sri dan panel, ok siasatan sebelum ini pun memang siasatan dijalankan ok. Tindakan-tindakan itu telah dicatatkan jadi tak ada isu kata kita tak buat siasatan, itu pandangan sayalah.

**PK** Ok so you rather not comment on that ya.

**ZUL** Ya.

**PK** Ok. But you did when you took over seem to go much deeper. You went deeper, lebih mendalami ya. You bolehlah sebab pada hemat you, pada pendapat mungkin dua-dua tak begitu dalam, sempurna. Not really complete in depth isn't it? You went deeper now after you took over.

**ZUL** Dato' Sri itu memang tugas sebagai salah seorang Pegawai Penyiasatlah. Tak kisahlah dia Pegawai Penyiasat ataupun Penolong Pegawai Penyiasat. Ya dia perlu ambil tindakan-tindakan dan jika tidak ada petunjuk perlu dapatkan arahan daripada pihak atasan.

**PK** Ok. When you took over the Police Chief of the Sungai Way office, you mention just now in your testimony, part of your duty was to engage the community, the jiran-jiran, the kawasan ya. So dengan ini you juga you kata you juga melihat sosial media. Adakah di dalam sosial media you ada merujuk kepada kes Pastor Raymond Koh dan Amri di Perlis?

**ZUL** Tak ada Dato' Sri.

PK Tak ada. Pada pertama, when is the first time you heard about the Pastor Raymond Koh case?

ZUL Saya dapat semasa saya rekod statement Tuan sendiri dekat Folio Damansara dan diserahkan, artikel itu diberi oleh En Cyrus.

PK Ok we put on record it's ok because this is inquiry. I cannot, I won't be disqualified. When I was interviewed by Inspector, correct me if I'm wrong, En Cyrus Foo, my lawyer showed Inspector di CCTV abduction of Raymond Koh alright. So itulah pada pertama sekali you ada tengok penculikan itu, penculikan Raymond Koh. First time you aware of it?

ZUL Ya itu baru first time.

PK So pada pendapat you, tidak ada berkaitan dengan penculikan Raymond Koh dan Halim, itu Joshua Hilmy?

ZUL Ya.

PK Sebelum ini you tidak ada apa-apa ada teori bagaimanakah Joshua Hilmy dihilangkan, you tidak ada apa teori?

ZUL Tak ada Dato' Sri sebab saya fokus kepada siasatan orang hilang Dato' Sri.

PK Ok. Pada masa you jumpa atau menyemak lagi keluarga Joshua Hilmy, Huzir ke, Firdaus ke, Nurani ke, yang I'm repeating the Chairman question to you, in your own view, is it not forage, alright, luar biasa, mengapa famili member tak ada risau atau you know, manakah abang saya. Apakah pendapat Tuan?

ZUL Dato' Sri dan panel, ok sebab famili dia sebelum ini memang ada polis datang ok untuk rekod statement. Jadi bila mungkin kita ganggu dua tiga kali untuk panggil mereka hadir bagi keterangan mungkin mereka rasa terbeban ke sebab jauh ke sebab kita faham Hilmy tinggal di Kampung Tungku ok Sungai Way dan kebanyakan ahli famili dia ini

duduk di luar Selangor ok. Yang mana memerlukan kadang-kadang macam saya sendiri arahkan anggota saya ke Ipoh, ke Taiping, ok kesan mereka ini kan. Ok jadi nak kata tak ada risau sebab En Peter Pormannan pun pernah beritahu di dalam rakaman percakapan dia dengan saya, dia kata adik dia pernah tanya kepada Peter Pormannan sendiri dia kata 'ada tak apa-apa berita berkaitan dengan kehilangan abang saya ini?'

**CHM** Adik yang mana satu itu?

**ZUL** Dia tak sebut Dato' Sri tapi memang saya ada rekod dalam rakaman percakapan dengan Peter Pormannan.

**PK** Ok on the point that Joshua Hilmy married an Indonesian Kristian ok, did you pursue that angle that he married a Kristian, adakah hal ini dia mengahwini orang Kristian yang dapatkah Hilmy Halim, keluarga Halim tak mahu berhubung dengan abang dia?

**ZUL** Saya tak pasti Dato' Sri.

**PK** Tak pasti?

**ZUL** Ya.

**PK** What is your view? Can a Malay marry a Kristian?

**ZUL** Sorry?

**PK** Can a Malay citizen in Malaysia.

**ZUL** Ya.

**PK** Marry a Kristian in Malaysia?

**ZUL** Saya rasa boleh.

**PK** Boleh?

**ZUL** Boleh.

**PK** Tanpa Kristian itu menukar ugama?

**ZUL** Itu terpulang kepada masing-masing punya ini Dato' Sri dan panel.

**PK** Adakah teori you, adakah Ruth Sitepu tukar ugama bagi Islam atau Joshua Hilmy tukar ugamakah, ada teori ke?

**ZUL** Saya tak tahu yang inilah.

**PK** Tak tahu?

**ZUL** Tak tahu.

**PK** Ok so you have no theory on that?

**ZUL** Ya.

**PK** Ok.

**CHM** Saya nak dapat kepastian daripada En Zul.

**ZUL** Ya Dato' Sri.

**CHM** Terdapat dari segi undang-undang negeri ini kan, undang-undang sivil ke ataupun undang-undang, Muslim Enactment, negeri ini seorang Islam boleh berkahwin, seorang lelaki Islam boleh berkahwin dengan seorang perempuan Kristian tanpa perempuan Kristian itu terlebih dahulu memeluk agama Islam mengikut, boleh kahwin ya? Tak, tanpa melanggar undang-undang negara ini?

**ZUL** Tak sure Dato' Sri.

**CHM** Ya?

ZUL Tak sure sebab saya tak pernah jadi, saya kahwin dengan dia ke.

CHM Sekarang tak sure?

ZUL Saya tak pasti.

CHM Tapi tadi kata boleh?

ZUL Terpulanglah Dato' Sri, kalau dia nak kahwin saya pun tak boleh –

CHM Tak, tak. Dari segi pendapat ya.

ZUL Ya.

CHM Itu saya nak dapat kepastian.

ZUL Ya.

CHM Daripada En Zul, En Zul kata tadi saya dengar En Zul kata boleh. Betul ke boleh dari segi undang-undang?

ZUL Siapa-siapa pun boleh kahwin Dato' Sri.

CHM Tak, tak, kita ikut undang-undanglah kan.

ZUL Ya, ya.

CHM Dari segi undang-undang boleh ke?

ZUL Kalau untuk undang-undang itu saya tak pasti Dato' Sri.

CHM Tak pasti?

ZUL Ya Dato' Sri.

CHM Ok, ok, ok.

**PK** So you have –

**CHM** Sekarang jawapan tak pastilah?

**ZUL** Ya tak pasti.

**CHM** Ok.

**PK** You have not heard of the case of Lina Joy? Maybe a little bit, secara am?

**ZUL** Tahun bila?

**PK** Lebih 10 tahun lebih tetapi Lina Joy kes yang sangat hangar sebab orang Islam dia nak bertukar nama di dalam pendaftaran dia. Dia tidak boleh –

**ZUL** Saya –

**PK** Sebab dia nak mengahwini orang Kristian, Katolik ya. You tak dengar itu?

**ZUL** Itu saya tak pasti Dato' Sri sebab masa Lina Joy itu saya rasa saya tak masuk polis lagi kot, saya pun student lagi.

**PK** You ada, ok you ada dengar nama En Mohd, Hilmi Mohamad Noor?

**ZUL** Tak kenal. Saya tak kenal Dato' Sri.

**PK** Joshua Jamaluddin?

**ZUL** Pun saya tak kenal.

**PK** Sebab ini kes-kes di operation Lalang, kedua-dua orang ini di detain dalam ISA mengenai menginjilkan orang Islam.

**ZUL** Saya tak kenal mereka Dato' Sri.

**PK** So dengar nama Joshua Hilmy you tidak ada cuba tengok sosial media ke? Joshua Hilmy adalah nama di dalam sosial media?

**ZUL** Ada. Actually Dato' Sri dan panel ok, bila saya terima kertas siasatan ini memang my main fokus adalah cari di mana dia pergi.

**PK** Ya.

**ZUL** Ok.

**PK** Saya tahu.

**ZUL** Selain daripada itu saya kena buat kerja lain juga Dato' Sri ok. Jadi saya tak terfikir pun saya nak search pasal nama-nam yang disebut oleh En Philip tadi.

**PK** So you focus on the investigation paper?

**ZUL** Benar Dato' Sri.

**PK** Dan you fokus mengenai kehilangan.

**ZUL** Benar.

**PK** Bukan penculikan atau bukan diculikkan oleh orang-orang mungkin seperti yang pada SUHAKAM dulu Raymond Koh kes mungkin ada orang yang di dalam negara juga membuat penculikan itu disyaki. Tidak ada you ada teori ini?

**ZUL** Siasatan saya sehingga kini tidak ada menjurus ke arah kata dia diculik ataupun sebaliknya.

**PK** Ok. Di dalam sosial media mungkin you ada tengok ada satu organisasi bernama CAGED. Dia yang membuat laporan dekat SUHAKAM. Di sosial media pun ada dia bercantum nama Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu dengan Raymond Koh dan dengan Amri. So ada, ada jumpa itu?

**ZUL** Tak ada Dato' Sri.

**PK** Tak jumpa?

**ZUL** Tak jumpa.

**PK** Tetapi you baru kata you now sekarang tengok sosial media. Sekarang –

**ZUL** Ya.

**PK** You ada –

**ZUL** Memang saya ada kumpulkan ok yang berkaitan dengan inkuiri pendengaran SUHAKAM ok. Jadi saya kumpulkan, saya baca seimbas lalu, saya masukkan dalam kertas siasatan saya.

**PK** So sekarang you ada tengok boleh, mungkin ada cantumanlah mengenai –

**ZUL** Ya saya tak pernah nampak artikel yang itu yang kata bercantum itu, saya tak pernah baca.

**PK** Tak pernah baca?

**ZUL** Tak pernah baca yang itu.

**PM2** Ok. Now I think ada dua soalan. Satu –

**ZUL** Ok.

**PM2** Nampak artikel CAGED, itu tak nampak kan?

**ZUL** Yang itu saya tak nampak Tuan.

**PM2** Then the other question about the percantuman I think the separate question.

**PK** Thank you for that Commissioner. So you have not seen the CAGED report in the social media that there is possible enforce disappearance?

**ZUL** Tak pernah.

**PK** Adakah you jumpa nama ini enforce disappearance?

**ZUL** Tak pernah lagi.

**PK** Perkataan, tak?

**ZUL** Tak pernah jumpa Tuan.

**PK** Tak pernah jumpa?

**ZUL** Ya.

**PK** Sekarang?

**ZUL** Sekarang saya dah dengarlah. Mungkin lepas ini saya balik saya akan search baliklah.

**PK** Ok. It's a separate question.

**ZUL** Tuan, apa nama tadi Tuan yang Tuan sebut itu untuk saya punya ini?

**PK** Perkataan dia enforce disappearance.

**ZUL** Enforce?

**PK** Enforce, the article by which organisation? The CAGED articles.

**[01:15PM]**

**ZUL** C-A-G-E-D?

**PK** C-A-G-E-D.

**ZUL** G-E-D.

**PK** CAGED ya, boleh, you boleh cari.

**ZUL** Ok thank you.

**PK** This is why you are here Inspector.

**ZUL** Ya.

**PK** Because the CAGED made a report to SUHAKAM alright. And SUHAKAM convene a hearing for both Raymond Koh Amri allege Shiah and then disappearing now this panel ok. Saya nak membalik kepada Exhibit 76A, can we put it on? Walau pun tak begitu terang, tak jelas. Ok you ada exhibit itu?

**ZUL** Ada.

**PK** Ok lihat perkataan yang ditulis oleh Wifi Girl. Dia menulis perkataan ini ya. 'Anda akan ditahan, anda ditahan oleh mereka'.

**CHM** Hold on, hold on, is it on? Ya it's on, thank you.

**PK** Ya. There is an exchange of views between the person writing to Joshua Hilmy ok and then it say that you are a fake Pastor ok, you got it? Fake Pastor, dia Pastor palsu ya, dia kata dia, Wifi Girl kata alright. So Pastor, apakah perkataan Pastor ini pada pendapat Tuan? Pastor ialah orang berugama apa?

**ZUL** Berugama Kristian.

**PK** Kristian. So dengan perkataan ini Joshua Hilmy ialah seorang berugama Kristian alright. Pada emel ini, bukan pada investigation you

ok. So di dalam emel itu ada satu perkataan, 'anda ditahan oleh mereka', ada tengok itu? You will be arrested or detained by them, mereka. Ada lihat itu ke tak? Can you see that point?

**ZUL** Bawah.

**PK** Can I approach the witness to show him?

**CHM** Sure.

**PK** Second para. 'Jangan salahkan diri saya jika mereka, anda ditahan oleh mereka'.

**ZUL** Ok.

**PK** Seperti orang polis yang senior, adakah ini sesuatu ancaman?

**ZUL** Saya rasa tidak Dato' Sri.

**PK** Tidak?

**ZUL** Ya.

**PK** Siapakah mereka itu yang nak menahan Pastor ini?

**ZUL** Sebab itu saya perlukan salinan ini Dato' Sri untuk kita buat semakan ok. Siapa penghantar.

**CHM** Sebentar, sebentar, saya duk baca kan yang line yang No.2 itu. The first line is ok what is either. If you are what? 'If you are', try to help you in this case kan?

**ZUL** Ya.

**CHM** 'Then I will hand over it', line itu saya rasa kalau kita sabar-sabar, patient kan boleh decipher, kan, saya boleh dapat bermacam perkataan ya. Baik ya. You are what? I think ke tengah itu the word macam bunyi

arrogance. And then' you have not change'. Boleh Inspektor boleh decipher tak? Do you have a division in PDRM yang boleh decipher?

**ZUL** Sebab itu saya perlukan yang original Dato' Sri, bagi saya satu.

**CHM** Do you have a unit in PDRM yang boleh?

**ZUL** Supposed kita akan hantar ke SKMM Dato' Sri. Kita akan hantar ke Suruhanjaya Komunikasi Multimedia.

**CHM** Mereka boleh?

**ZUL** Boleh Dato' Sri.

**CHM** Mereka boleh against the original ya? From their own system?

**ZUL** Ya Dato' Sri.

**CHM** Ok, ok, alright, ya.

**PK** Original from Multimedia Commission ya, you can get.

**CHM** The whole thing need to be decipher kan?

**PM2** Sure.

**CHM** Ya.

**PM2** Ok PDRM pun ada kan, forensik?

**ZUL** Kita ada forensik Tuan tapi dia ada pengkhususan masing-masing Tuan.

**PM2** Tapi untuk apa itu, sosial media, Internet punya forensik pun ada kan daripada –

**ZUL** Pun ada, kita akan hantar kan juga.

**PM2** Ya alright.

**ZUL** Ke sana.

**ADY** I think Yang Arif, I think this one bukan isu on what you call, dia punya apa, sistem problem, I think this is more kepada printing problem.

**PM2** Printing.

**ADY** This is the printing.

**PM2** Ya, ya.

**ADY** Ya so when, if we can get dia punya ori, apa from SKMM dia punya address itu, dah ada address so we can retract back the whole message, messaging.

**CHM** Thank you. As far as SKMM concern, the information is still with them?

**ZUL** It should be with them lah I mean it should be in the system.

**CHM** It should be ya?

**ADY** Ya.

**CHM** Dia orang tak akan erase ke apa, tak ada ya?

**ADY** Tak ada.

**CHM** Ok, thank you.

**ADY** But I don't know how it will works.

**CHM** Ya.

**ADY** Probably dia punya data apa retraining data maybe they have limitation one year or two years but to me I think for investigation purpose, we can ask them to try to retrieve that data. Possible, maybe there is a possible that the data is still there. But if for your forensics punya what you call investigation, if just based on that document, I don't think we can extract dia punya, what you call, dia punya information on that because that is a printing error. Is not on the technical error, is printing.

**CHM** Ya, ya.

**ADY** Ya.

**CHM** Yes, yes, ya but it 2015 kan the emel? 201?

**PK** 23.11.2015.

**CHM** So now is 2020, five years ya. Sometime they don't dispose thing within five years kan? Kalau bank 12 tahun baru dia orang.

**ADY** Hopefully lah.

**CHM** Ya hopefully, yes. Ok alright.

**PK** Because even the box if I remember my own visual of it before I surrender to SUHAKAM, the, it was also a photocopy. So even if you give it to without original.

**CHM** I see.

**PK** Original is sitting in the server perhaps in SKMM alright. So anyway we will, I think between SUHAKAM and you all will sort it out. I want to ask one more question on this email.

**ZUL** Ya.

**PK** Boleh tengok emel itu?

**ZUL** Boleh, boleh.

**PK** Siapakah emel, who, which, who is address in this email? Who, Joshua write to who? Dia menulis kepada siapa di dalam emel ini? 'Dear brother', do you see that?

**ZUL** Yang di bawah ke?

**PK** No di atas.

**ZUL** Atas?

**PK** Di atas. Boleh baca?

**ZUL** 'Dear brother Khairi Jamaluddin'.

**PK** Ok can you say it loudly?

**ZUL** 'Dear brother Khairi Jamaluddin'.

**PK** Ok. 'Dear brother Khairi Jamaluddin', siapa Khairi Jamaluddin? Nama, siapa nama ini?

**ZUL** Yang Arif, Dato' Sri dan panel saya percaya nama Khairi Jamaluddin ini Dato' more than 10,000 people dekat Malaysia ini Tuan nama Khairi Jamaluddin. If we search dekat JPN punya sistem kan, jadi saya pun tak pasti siapa Khairi Jamaluddin ini.

**PK** You have no theory that this name so akan selepas melihat nama ini, akan you nak mengkaji siapa nama ini?

**ZUL** Yes.

**PK** Yang mana satu?

**ZUL** Saya nak kaji siapa dia sebab itu saya perlukan benda-benda ini.

**PK** Dan juga siapa menggunakan Wifi Girl emel.

**ZUL** Betul Dato' Sri.

**PK** Sekarang Tuan tahu kah siapa tuan punya emel ini?

**ZUL** Saya dah hantar semakan ke SKMM tapi saya belum terima jawapan lagi.

**PK** Dan mereka kata tidak boleh menolong PDRM?

**ZUL** No, mereka tak cakap pun. Mereka kata mereka nak salinan yang ini, salinan asal yang tunjukkan –

**PK** Tetapi apa salinan asal? Salinan asal ialah copy di dalam box ini.

**ZUL** Yes. Saya hantar ke SKMM.

**PK** Ya.

**ZUL** Siapa yang register atas ini saya belum dapat jawapan lagi daripada SKMM. Tetapi apa yang saya dapat SKMM punya feedback adalah serahkan kepada saya perkara-perkara yang original sebab saya hantar beriringan. Bukan kata nama Wifi Girl saja saya hantar. Ok saya hantar ada lagi tiga nama emel Joshruth.

**PK** Ya.

**ZUL** Sekejap Dato' Sri saya minta izin tengok. Ok yang pertama saya minta mereka semak emel-emel berikut atas di daftarkan oleh siapa, di mana, tarikh pendaftaran ya. Ok Wifigirl2376@yahoo.com, Minaira@gmail.com, Jasminishak@gmail.com dan Joshruth 2005 @yahoo.com. Saya hantar benda ini semua ke SKMM. Bukan kata saya hantar satu ini tetapi saya hantar juga dokumen-dokumen yang saya terima daripada Perundangan. Terima kasih Dato' Sri.

**CHM** Emel yang kita tengah tengok ini dipamerkan sekarang ini ialah 'Dear brother Khairi Jamaluddin' kan, so Khairi Jamaluddin is the recipients kan? Recipient lah ya.

**ZUL** Saya tak pasti Dato' Sri.

**CHM** Mengikut ini mesej ini ditujukan kepada Khairi kan, Jamaluddin. Orang yang bernama Khairi Jamaluddin kan mengikut mesej inilah ya? Ditujukan ya dan mengikut En Zul there are about 10,000 lah people kan.

**ZUL** Ya.

**CHM** So ya, so could be any Khairi Jamaluddinlah, betul kan?

**ZUL** Ya Dato' Sri.

**CHM** So it is dituju kepada a person called Khairi Jamaluddin. Ada emel address tak this recipient ini? Preferred recipient ada emel address tak? Tadi daripada Wifi Girl itu kita tahu kan, Wifi Girl kepada siapa itu kita tahu ya, kepada Joshua, Josh apa dah tahu, itu dah rekod dah now, ok yang mesej, siapa sender mesej ini? Who is the sender of this message?

**PK** The sender is Joshua Hilmy ini.

**CHM** Joshua ya.

**PK** Through the email Joshruth2005@ yahoo.com.

**CHM** I see.

**PK** As far as we could ascertain from there.

**CHM** So that's the address kan apa ini? I think we have no rekod dia kan that yahoo kan?

**PK** Ya.

**CHM** So the recipient is must also be a holder of an email address kan?

**PK** Correct.

**CHM** So must, Khairi must be the holder of an email address kan. So what's the email address yang penerima ini?

**PK** No, no, ok. The point you make we the, I think the replied made by Joshua Hilmy from the email is to email know as Wifigirl2376@yahoo.com tetapi dia nama and address ya, 'Dear brother Khairi Jamaluddin'. So in the back drop of this email there was communication that my client's husband was communicating with someone whom he addresses as Khairi Jamaluddin.

**CHM** I see.

**PK** That's the point I want to put to this witness.

**CHM** But this Khairi Jamaluddin has got no email address lah?

**PK** But email address is Wifi Girl Tuan.

**CHM** I see.

**PK** It's Wifi Girl.

**CHM** Wifi Girl.

**PK** Yes.

**CHM** Ok thank you. Ya I got it

**PK** And that's why Inspector if I may say on his behalf you say I don't know there are 10,000 Khairi Jamaluddin, whether which one right, siapa yang nama Khairi Jamaluddin yang you kenal di dalam media?

**ZUL** Di dalam media maksudnya yang... Saya pun ada kawan nama Khairi Bin Jamaluddin.

**PK** Jangan apalah, menteri, ok ada menteri pada masa itu?

**ZUL** 2000? Pada masa itu tahun, maksud Dato' Sri, tahun?

**CHM** What year?

**ZUL** What year?

**PK** Well this is 2015. Dari Barisan Nasional. Pada masa Barisan Nasional siapa menteri Khairi Jamaluddin? Tak kenal?

**ZUL** Saya kenal nama itu kenal.

**PK** Are you afraid of saying?

**ZUL** No, no. Kenapa saya perlu takut.

**PK** Ya mengapa, you are law enforce ya.

**ZUL** Ya.

**PK** Siapa pun boleh, you boleh.

**ZUL** Jadi maksud soalan dia? Saya terpaksa Googlelah tengok 2015.

**PK** So is there a menteri dari Barisan Nasional government 2015 with the name of Khairi Jamaluddin?

**ZUL** Saya semak Google dulu Dato' Sri untuk pengesahan.

**PK** Ok, Google knowledge.

**ZUL** Ya. This is the fast way sekarang ini.

**PK** Ok, ok, ok. Don't worry I'm not accusing you anyway, ya. Mungkin sekarang, ok Tuan.

**[01:30PM]**

**ZUL** Ya.

**PK** Mungkin sekarang ada menteri di dalam perikatan nasional nama Khairi Jamaluddin?

**ZUL** Ada.

**PK** Siapa dia, menteri apa?

**ZUL** Menteri di MOSTI.

**PK** MOSTI.

**ZUL** Ya.

**PK** Dulu dia menteri apa Khairi Jamaluddin?

**ZUL** Dulu saya tak pasti dia menteri apa.

**PK** Dia juga ketua siapa? Ketua UMNO Youth, tak tahu?

**ZUL** Tak tahu.

**PK** Ok. It's ok Inspector, I don't need to pursue this. It's on record that the Inspector seems to suggest that he doesn't know about Khairi Jamaluddin out of the what, 10,000 alright. I will make the submission later. Ya it's ok. I'm not making any teguran. Ini bukan teguran, mungkin you careful, you nak bagi jawapan yang careful, saya faham Inspektor, I am aware of your, Ok I want to return to your investigation on the call logs. The call logs, telefon. Bimbing telefon.

**ZUL** Ok.

**PK** I don't have that much more question.

**CHM** Ok, ok, ok.

**PK** I think I can copied it and then we will see how the rest ok.

**CHM** I see.

**PK** I will wrap up with maybe one or one more last word question.

**CHM** We don't have to try to finish off with this witness, it doesn't matter.

**PK** Ok we can break off actually.

**CHM** Yes I think we have something on in that hour time.

**PK** So maybe –

**CHM** And we have another program.

**PK** Shall we stop now? It's alright we can stop and then we call the witness back for –

**CHM** Ok we stop now.

**PK** For finishing.

**CHM** And then you continue later?

**PK** Can, short a while.

**CHM** Yes. Ok. Because it's already 01:30PM plus kan.

**PK** Sure. Thank you.

**CHM** Ya, ya. Ok.

**PK** Thank you Inspector for cooperation.

**CHM** Other program after this so there will be no afternoon session lah.

**PK** Ok.

**CHM** So next date to 21st kan? 21st of?

**SK** September.

**CHM** September. That also will be half day kan?

**SK** Yes but we will begin at 09:00AM.

**CHM** We start lah, we start early on that day. Start awal.

**PK** So are we beginning with him again?

**CHM** Because our team we have to go to Sabah for the ini, ada tugas-tugas. In conjunction of the election, ada tugas-tugas ya. Alright. Ok so jangan lupa ya it's at 09:00AM.

**PK** So Inspector will be call back?

**CHM** Yes of course lah,. Today is, kalau ada masa nak to get some few answers yang kita timbul, cubalah ya.

**ZUL** Boleh, saya boleh.

**CHM** To give the answers kan. Yes.

**ADY** Yang Arif kalau boleh berkenaan dengan those document that Yang Arif sebut tadi itu. If possible pihak SUHAKAM can just give us permohonan as soon as possible so that he can bring it during the 21st nanti. It's much better.

**CHM** Yes, yes. Take note ya including the those letter to Imigresen.

**ADY** Gambar-gambar as well I think most probably apa yang, apa the panel will be interested to have a look at the gambar as well.

**CHM** Yes.

**ADY** Whatever is relevant to the inquiry.

**CHM** Yes, yes, ok. With that we call it a day. And thank you everyone. Terima kasih Inspektor.

**ZUL** Terima kasih Dato' Sri dan panel.

**CHM** Jumpa lagi ya.

**END**

**TIME** : **01:33PM**

NOP 11

**SUHAKAM PUBLIC INQUIRY OF**
**PASTOR JOSHUA HILMY**
**RUTH SITEPU**

**DATE : 21.09.2020**
**TIME : 09:17AM**

**NOTES OF INQUIRY**

**Coram**

| | | |
|---|---|---|
| Chairman | Dato' Seri Hishamuddin Yunus | **CHM** |
| Panel Member 1 | Dr Madeline Berma | **PM1** |
| Panel Member 2 | Jerald Joseph | **PM2** |
| PDRM Observer | SAC Ahmad Dzaffir Bin Mohd Youssof | **ADY** |
| | ASP Muhammad Sabri bin Mohd Raziff | **MSR** |
| Family Observer | Philip Koh | **PK** |
| | Cyrus Tui Foo Woei | **TFW** |
| Bar Council Observer | Andrew Khoo | **AK** |
| SUHAKAM Panel | Simon a/l Karunagaram | **SK** |
| | Muhammad Faiz Bin Abd Rahman | **MFR** |
| | Puveethra Raja Segaran | **PRS** |
| | Aida Suraya Haron | **ASH** |
| Indonesian Embassy | Tuan Junjungan Sigalingging | **SJ** |
| | Tuan Henry Dian Dwiharto | **HDD** |

**Witness**

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Peter Pormannan a/l Annamalai | **PETER** |

| | | |
|---|---|---|
| 2 | Grace Thangamalar a/p Peter Pormannan | **GRACE** |
| 3 | Josiahnandan Emmanuel a/l Peter | **JOSIAH** |
| 4 | Ramanathan a/l Manickavasagan | **RAMA** |
| 5 | Selvakumar Peace John Harris | **SELVA** |
| 6 | Ram Ram Elisabeth | **RAM** |
| 7 | Iman Setiawan Sitepu | **IMAN** |
| 8 | [redacted] | [redacted] |
| 9 | [redacted] | [redacted] |
| 10 | Susandi Bin Basari | **SUSANDI** |
| 11 | ASP Shafiee Bin Marsidi | **SHAFIEE** |
| 12 | Insp Nurul Huda Bin Bustami | **NURUL** |
| 13 | ASP Hairol Azhar | **HAIROL** |
| 14 | Insp Zulfadhly Bin Yaacob | **ZUL** |
| 15 | DSP Supari Bin Muhammad | **SUPARI** |

**START**

**CHM** Good morning, everyone. Welcome to the continuation of our, of our hearing, yes. Today will only be a half-day session until 12:00PM.

**SK** Morning, Dato' Seri.

**CHM** Morning.

**SK** And panel and observers. We don't see the representative from PDRM. So we are checking where are they now.

**CHM** I see.

**SK** Yes.

**CHM** Yes, because hari ini awal kan?

**SK** Yes.

**CHM** Early. Because they are aware of the –

**SK** Yes.

**CHM** Of the time, kan?

**SK** Yes. Apparently they forgotten we are starting early today at 09:00AM. So they are still on their way.

**CHM** Kalau still on the way, shall we wait for them?

**PM2** Which witness? The witness is here?

**SK** Witness, as for witness, although we have Inspektor Zulfadhly reappear today, but some confusion. He was expecting us to reissue a subpoena. So he didn't attend the hearing today. So what we have DSP Supari who was already here.

**CHM** Do you know how long will take for PDRM arrive? To arrive?

**SK** Not sure.

**CHM** But you have be in communication with SAC Dzaffir?

**SK** We have been in communication with ASP Sabri who accompanies SAC.

**CHM** Yes, yes, yes. I see. Any indication how many more minutes?

**SK** They will be arrive around 09:30AM. About another 10 minutes.

**CHM** Ok, ok. Kita adjourn?

**PM2** Yes, adjourn.

**CHM** We'll adjourn. Break, adjourn.

**SK** Yes.

**CHM** Adjournment and we'll resume at, we'll start at 09:30AM, alright. Or when they arrive. Maybe as soon as they arrive.

**SK** Ok.

**CHM** Alright, yes.

**END**

**TIME** : **09:21AM**

**DATE** : **21.09.2020**
**TIME** : **09:39AM**

**START**

**SK** Morning panel members. So as mentioned earlier, Inspektor Zulfadhly could not attend the hearing today. So call a new witness, witness No.15, DSP Supari Muhammad. Selamat pagi, Tuan DSP. Apa khabar? Tuan DSP, sila angkat sumpah. Tolong angkat tangan kanan.

**SUPARI** Bahawasanya saya, Supari Bin Hj Muhammad, dengan sesungguhnya dan suci hati mengaku dan berikrar bahawa segala keterangan yang akan saya berikan dalam siasatan terbuka ini adalah benar, tiadalah apa-apa yang tidak benar melainkan benar belaka.

**SK** Terima kasih, Tuan. Sila duduk. Tuan, nama saya Simon, pegawai bagi pihak assisting officer, bagi pihak SUHAKAM ya. Jadi kita teruskan dengan, saya akan tanya beberapa soalan. Yang pertama Tuan, boleh Tuan perkenalkan diri dengan menyebut nama penuh dan nombor anggota?

**SUPARI** Saya G12822, Supari Bin Muhammad. Sekarang bertugas di IPD Melaka Tengah sebagai ketua bahagian siasatan jenayah daerah.

**SK** Umur, umur Tuan?

**SUPARI** Sekarang saya berumur 48 tahun.

**SK** Sudah berapa lama Tuan berkhidmat dalam PDRM?

**SUPARI** Saya telah berkhidmat lebih kurang 26 tahun.

**SK** Boleh, jadi Tuan nyatakan Tuan kini bertugas sebagai ketua, ketua bahagian siasatan jenayah di IPD di Melaka Tengah?

**SUPARI** Ya.

**SK** Sebelum ini Tuan pernah berkhidmat sebagai pegawai penyiasat bagi kes kehilangan Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu? Pernah ke?

**SUPARI** Saya tak pernah. Saya berada di Petaling Jaya pada waktu itu yang mana saya merupakan senior investigation officer di zon Kelana Jaya dan Sungai Way yang mana kejadian yang dilaporkan, kehilangan Joshua itu berlaku dalam zon pentadbiran saya.

**SK** Jadi Tuan merupakan SIO?

**SUPARI** SIO.

**SK** Ataupun pegawai penyiasatan?

**SUPARI** Ya.

**SK** Jadi boleh Tuan nyatakan peranan Tuan di dalam kes kehilangan Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu?

**SUPARI** Ok, sebenarnya tiada apa-apa peranan. Cuma setiap laporan 24 jam akan dirujuk kepada saya dan kita akan klasifikasi repot yang mana laporan yang dibuat adalah berkaitan dengan kehilangan. Apabila kehilangan ini, kita akan serah kepada bahagian iaitu bahagian pentadbiran pengurusan yang mana OCS, makna ketua polis balai akan menjalankan siasatan. Ianya tidak lagi di bawah seliaan saya.

**SK** Dalam, jadi bukan dalam seliaan Tuan. Tapi Tuan pernah, adakah Tuan pernah membantu ataupun terlibat dalam menjalankan siasatan mengenai kes ini?

**SUPARI** Ok, saya pernah membantu sedikit Sarjan Sibee untuk mengesan because laporan yang dibuat oleh pengadu sangat blur lah. Maksudnya maklumat yang diberikan terlalu ringkas. So kita cuba mengesan di mana sebenarnya lokasi rumah mangsa pada waktu itu. Itu yang saya bantu Sarjan Sibee dan kita dapat contact balik dengan pengadu

because pengadu pada waktu itu kurang memberi kerjasama because repot dibuat di Klang. So dia jadikan repot Sungai Way. And then kita –

**SK** Tuan, satu-satu ya.

**SUPARI** Ya.

**SK** Tuan boleh sebutkan siapa pengadu tersebut?

**SUPARI** Satu lelaki India nama terlupa apa nama dia. Tuan, saya rujuk saya punya nota, boleh?

**CHM** Boleh, boleh.

**SUPARI** Boleh. Peter, Peter Pormannan, pengadu.

**SK** Ok Tuan, teruskan.

**SUPARI** Ok. Waktu itu kita cuba menghubungi Peter banyak kalilah. Sarjan Sibee kata tak dapat hubungi, orang lain tak dapat hubungi. So saya bantulah. Saya bantu. And then kita buat, kita dapat contact dan saya nak tanya di mana rumah Joshua Hilmy ini sebenarnya. So pada waktu itu, Peter kata dia boleh tunjukkanlah bersama dengan satu lelaki Cina saya tak pasti siapa lelaki Cina itu. Kita tak ambil. Kemudian pergi tengok rumah itu di Kampung Tunku. Rumah 61 di Kampung Tunku. Saya pergi, saya tengok minta dia orang apa ini, Peter buka pintu itulah. Buka pintu, tengok dalam rumah and then tidak nampak apa-apa yang mencurigakan berlaku dalam rumah itu. Semua dalam keadaan teraturlah dan tidak nampaklah ada apa-apa yang pecah ke rumah itu ataupun ada berselerak ke. Dalam keadaan tersusunlah.

**SK** Tuan masih ingat bila lawatan ke rumah itu dibuat?

**SUPARI** Saya ingat selepas seminggu laporan dibuat. Laporan dibuat 06.03.2017. And then lebih kurang selepas seminggu dapat contact Peter and then kita baru pergi tengok rumah.

**SK** Jadi Tuan telah masuk ke dalam rumah tersebut?

**SUPARI** Saya tengok, masuk ke dalam rumah bersama dengan Peter. Tengok keadaan rumah. Tengok dalam rumah, rumah itu dalam keadaan teratur. Dalam keadaan teratur.

**SK** Tuan pergi bersama Peter Pormannan dan siapa lagi ya?

**SUPARI** Ada satu owner of the house I think. Yang saya lelaki Cina.

**SK** Lelaki Cina?

**SUPARI** Ya, lelaki Cina.

**SK** Ok.

**SUPARI** Saya bersama dengan saya punya anggota dan satu anggota sayalah. And then Peter sekalilah masuk.

**SK** Ok. Lelaki Cina itu dipanggil oleh siapa?

**SUPARI** Peter.

**SK** Peter?

**SUPARI** Peter.

**SK** Dan Tuan tahu apa hubungan dia dengan?

**SUPARI** Dia kata itu owner rumah. Dia yang pegang kunci. Dia yang pegang kunci.

**SK** So lelaki Cina itu yang membuka pintu ya?

**SUPARI** Yes. Kunci.

**SK** Tuan tidak ingat nama lelaki tersebut?

**SUPARI** Saya tidak ingat.

**SK** Jadi anggota yang mengikut Tuan itu ada mengambil gambar dekat dalam rumah ke?

**SUPARI** Tak ada, tak ada.

**SK** Tak ada?

**SUPARI** Tak ada. Just saya nak *confirmkan* rumah and then saya maklumkan kepada Sarjan Sibee kita dah dapat rumah dia dan kita, siasatan lanjut oleh Sarjan Sibee.

**SK** Tuan melihat –

**CHM** Sebentar, sebentar. Bila tarikh ini Tuan pergi ke rumah itu? Dan masuk rumah? Bila tarikh? Bila?

**SUPARI** Saya ingat lebih kurang, lebih kuranglah seminggu selepas laporan Tuan Pengerusi.

**SK** Tuan melihat seluruh keadaan rumah tersebut termasuk bilik tidur?

**SUPARI** Termasuk.

**SK** Termasuk? Adakah Tuan –

**SUPARI** Saya tengok untuk memastikan ada orang, tak ada orang. Itu sahaja.

**SK** Ada Tuan melihat keadaan bathroom, master bedroom?

**SUPARI** Master bedroom macam biasa. Rumah macam biasa juga. Dalam keadaan tersusun.

**SK** Keadaan tersusun?

**SUPARI** Ya.

**SK** Adakah –

**CHM** Ok, just hold on.

**SK** Ya.

**CHM** Siapakah anggota-anggota yang menanami?

**SUPARI** Satu sahaja anggota saya. Anggota saya, Koperal Yusuf (09:50:24AM).

**CHM** Koperal Yusuf ya?

**SUPARI** Ya.

**CHM** Sarjan Sibee tak ada, tak ikut sama?

**SUPARI** Masa itu Sarjan Sibee dia, saya dah janji dengan Peter untuk berjumpa dengan Peter. Dan Sarjan Sibee ada tugas lain pada waktu itu. Saya pergi.

**SK** Tuan, ada Tuan melihat apa-apa keadaan rumah itu ditinggalkan secara tergesa-gesa? Sama ada rumah ataupun bilik tidur?

**SUPARI** Tidak ada.

**SK** Tidak ada?

**SUPARI** Tidak ada.

**SK** Jadi Tuan tidak lihat apa-apa yang mencurigakan?

**SUPARI** Tidak ada.

**SK** Adakah Tuan buat apa-apa laporan selepas melawat rumah tersebut?

**SUPARI** Tidak ada. Saya memaklumkan kepada Sarjan Sibee sahaja untuk tindakan bahawa alamat tempat tinggal Hilmy ini seperti yang dimaklumkan oleh Peter dekat sini. And then teruskan siasatan, saya cakap.

**SK** Selain lawatan ke rumah tersebut, adakah Tuan membantu dari segi merakamkan percakapan?

**SUPARI** Tidak ada.

**SK** Tidak ada?

**SUPARI** Ya.

**SK** Ok. Tapi adakah Tuan berjumpa dengan Peter Pormannan untuk bertanyakan lebih maklumat?

**SUPARI** Pada waktu itu memang saya ada jumpa dan apa yang saya perolehi, maklumat yang diberikan tidak begitu luaslah maksudnya untuk kita mengesan lebih. Hanya saya pada waktu itu tanya dia mana lokasi sebenar. Sebab kita nak, maybe kita nak selamat ke, saya nak tahu ada orang dalam itu ke. Itu tujuan saya pergi cari rumah itu.

**SK** Ok. Jadi tindakan Tuan selepas lawatan ke rumah itu?

**SUPARI** Tidak ada lagi. Cuma bila diklasifikasikan sebagai orang hilang dan siasatan diteruskan oleh pihak ketua polis balai.

**SK** Jadi selepas itu tiada tindakan?

**SUPARI** Tidak ada.

**SK** Tuan juga tidak merakamkan percakapan mana-mana pihak?

**SUPARI** Tidak ada.

**SK** Tidak ya?

**CHM** Tapi Tuan ada melihat laporan pengadulah? Ada?

**SUPARI** Ada.

**CHM** Ada baca laporan ya?

**SUPARI** Itulah, ada baca.

**CHM** Ketika itu ada apa-apa statement tak diambil daripada pengadu? 112 statement dah ambil dah?

**SUPARI** Masa itu ada saya minta Sarjan Sibee rekod statement.

**CHM** Ya?

**SUPARI** Sarjan Sibee rekod, untuk rekod statement dia.

**CHM** En Supari ada baca statement itu?

**SUPARI** Ada baca tapi juga tak ada dapat apa-apa maklumat yang terperinci berkaitan dengan kehilangan.

**CHM** Ok. Ya, ya.

**SUPARI** Ya.

**SK** Tuan, pada masa itu, berapa rakaman percakapan yang telah dibuat?

**SUPARI** Saya tidak pasti. Saya tidak pasti. Because siasatan orang hilang adalah tanggungjawab OCS lah dan ketua bahagian pentadbiran dan pengurusan.

**SK** Adakah Sarjan Sibee perlu melaporkan kepada Tuan perkembangan kes?

**SUPARI** Tidak perlu. Tidak perlu.

**SK** Tuan, selain lawatan ke rumah berjumpa dengan, dan berjumpa dengan Peter Pormannan, ada tak Tuan membuat apa-apa semakan latar atau maklumat dengan jabatan-jabatan yang berkaitan seperti JPJ ke JPN ke?

**SUPARI** Tidak ada. Itu kerja IO.

**SK** Kerja IO? Ok. Tuan, adakah Tuan pernah menyiasat kes kehilangan orang sebelum kes ini?

**SUPARI** Orang hilang tak pernah.

**SK** Tak pernah? Ok. Adakah Tuan, bagi kes kehilangan Joshua Hilmy ini, adakah Tuan pernah menganggotai sebarang taskforce?

**SUPARI** Tidak pernah.

**SK** Tidak pernah. Tuan pernah terlibat dalam siasatan kes kehilangan Pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat?

**SUPARI** Saya terlibat dengan kes Pastor Koh.

**SK** Pastor Koh sahaja?

**SUPARI** Saya sebagai IO kes.

**SK** Tuan merupakan IO kes kehilangan Pastor Raymond Koh? Boleh Tuan jelaskan dengan lebih lanjut sedikit peranan Tuan dalam kes kehilangan Pastor Raymond Koh?

**SUPARI** Seperti mana yang saya cakap, dalam pegawai penyiasat dalam kes ini, kes, kes Pastor Raymond, sebagai siasatan still lagi going on. Dan masih lagi dalam pencarianlah untuk Pastor dan dalam siasatan lagi.

**SK** Baik. Jadi semasa Tuan mendapat tahu kehilangan kes kehilangan Joshua Hilmy di laporan tersebut, sebab mengikut rekod, kehilangan

Pastor Raymond Koh adalah pada bulan Februari 2018 ya. Jadi laporan, laporan polis ini dibuat pada 20.03.2018. Jadi semasa kes ini dilaporkan, Tuan mengetahui bahawa Pastor Raymond Koh juga telah hilang, betul?

**SUPARI** Bukan hilang.

**SK** Dilaporkan hilang.

**SUPARI** Pembetulan. Tidak dilaporkan hilang. Memang actually ada kejadian. Dia dilarikan.

**SK** Dilarikan?

**SUPARI** Ya, dilarikan.

**SK** Ok. Jadi adakah kes-kes kehilangan Joshua Hilmy dengan kes kehilangan Pastor Raymond Koh ini juga disiasat secara serentak?

**SUPARI** Tidak.

**SK** Tidak?

**SUPARI** Tidak.

**SK** Sebagai, Tuan sebagai IO kes Raymond Koh dan kes kehilangan ini pula dilaporkan, adakah Tuan telah apa, melihat sekiranya terdapat, melihat ataupun menyiasat sekiranya terdapat apa-apa persamaan atau kaitan di antara kes kehilangan Joshua Hilmy dengan Pastor Raymond Koh pada masa tersebut?

**SUPARI** Totally tidak, Yang Arif.

**PM2** Selamat pagi. Totally tidak maksud dia bagaimana Tuan –

**SUPARI** Maksudnya saya menyiasat criminal. Maksudnya Pastor Raymond Koh dilarikan, diculik, kan. Tapi yang ini adalah orang hilang sahaja.

Maksudnya orang hilang. Disappear. Maksudnya tak tahu mana arah dia. Tak sama.

**PM2** Tak ada the element yang ada kesangsian dalam elemen Pastor Koh dengan Pastor Joshua Hilmy ini?

**SUPARI** Tak ada.

**PM2** Walaupun sebab repot yang telah dibaca oleh Tuan cuma laporan polis atau apakah yang telah dibuat oleh IO? Ada briefing dari IO sebelum menolong Sarjan Sibee?

**SUPARI** Ada briefing. Maksudnya saya baca repot and then temuduga Peter. And then tak ada pun menyatakan maklumat ada unsur-unsur jenayah yang wujud tentang kehilangan Hilmy dan isterinya, Joshua Hilmy, tiada. Because tak ada. Macam Pastor Raymond, dia ada orang yang nampak dengan buat repot. Then ada CCTV. Itu kita boleh kategorikan jenayahlah berlaku kan. Telah berlaku. Tapi orang hilang, bukannya jenayah. Mungkin dia keluar. Mungkin dia menghilangkan diri. Itu maksud saya.

**SK** Tuan, adakah Tuan sendiri ataupun Tuan pernah mengarahkan IO untuk menyemak latar belakang Joshua Hilmy?

**SUPARI** Sebagai seorang penyelia dekat sana, Sarjan Sibee adalah di bawah, orang bawahan yang maksudnya akan bertanya kepada saya tentang pengalaman, how, macam mana nak cari? And then saya arahkanlah dalam 14 pencarian kita buat, kita kena hebahkan, secara verbal lah. Secara verbal. Memberi tunjuk ajar kepada anggota bawahan saya.

**SK** Adakah Tuan meminta kes ini disiasat oleh Tuan sendiri ataupun Tuan mengarahkan kes ini juga disiasat dari aspek kewangan seperti mungkin orang yang hilang itu terlibat dalam kes muflis, ah long, perjudian?

**SUPARI** Tidak ada.

**SK** Tidak ada?

**SUPARI** Tak ada.

**SK** Bagaimana dari segi aspek jenayah ataupun ugutan bunuh?

**SUPARI** Sekiranya ada maklum, baru saya kembalilah.

**SK** Dari segi keagamaan juga?

**SUPARI** Tidak ada juga.

**SK** Tuan tidak ada apa-apa?

**SUPARI** Tak ada.

**SK** Jadi apakah tindakan terakhir Tuan mengenai kes ini?

**SUPARI** Macam saya nyatakan tadi bahawa apabila kita melihat pada, saya dah melawat rumah itu tengok tak ada apa-apa and then maklumat yang kita, tak ada maklumat yang tepat, tak ada terperinci yang perlu, yang ada unsur-unsur jenayah, then saya serah kepada OCS untuk diteruskan siasatan di bawah orang hilang.

**SK** Jadi selepas itu Tuan tidak memainkan apa-apa peranan dalam kes ini?

**SUPARI** Tidak.

**SK** Tidak?

**SUPARI** Tidak ada.

**SK** Tidak ada. Jadi adakah Tuan mempunyai apa-apa maklumat yang boleh membantu kes kehilangan ini?

**SUPARI** Setakat ini tidak ada.

**PM2** DSP, nak tanya sikit. Tadi awal Tuan beritahu yang Tuan menolong Sarjan Sibee ya? Memberi pertolongan. Saya tak faham konsep menolong dalam PDRM.

**SUPARI** Untuk membantu. That's why saya cakap tadi saya adalah pegawai zon jenayah dekat situ. Possibility pada waktu itu –

**PM2** Pegawai atasan daripada Sarjan Sibee lah?

**SUPARI** Ya, pegawai atasan.

**PM2** Ok.

**SUPARI** Makna dia kita ada bahagian pengurusan pentadbiran. Kita ada bahagian jenayah. Maknanya bila sesuatu repot, 24 hours punya repot, dia akan rujuk kepada saya. And then kita nak *classifiedkan* kes itu. Dia kategori dia ada jenayah ataupun sebaliknya. So that's why saya kata tadi, saya tengok ini orang hilang. Lepas itu Sarjan Sibee, maklumat yang dekat repot pun very limited dia punya information. And then saya cakap, kita kena call pengadu. Mana orang ini keluar? Dari mana puncanya? Dari mana punca? Because tak ada address. Peter pun tak ada masuk address. And then telefon pun Peter tak nak jawab pada waktu itu. Susah nak memberi kerjasama. That's why saya try to find, hari-hari try untuk berusaha untuk membantu Peter lah. So call lah, try call, call, call and then dapat. And then minta Peter tunjuk. Peter pun pada waktu itu dia kata dalam fon dia tidak mengetahui alamat sebenar because anak dia yang tinggal dekat sana, dia kata. Sebelum itu, sebelum itu. That's why dia try to information, dia dapat information then dia bagi dekat saya, jumpa saya. Saya buat appointment dengan dia. Pergilah tengok rumah itu. Inilah rumah. Then di situlah kita, kita bermulanya siasatan orang hilang. And then maklumat berkaitan dengan CCTV, kita tengok CCTV. Saya pun ada tanya-tanya jiran ada kenal tak orang ini? Ada nampak tak orang ini? Dia kata lama tak nampak. Maknanya tak ada maklumat yang terperinci berkaitan dengan dia kena kidnap ke, dia kena culik ke, dia lari ke. That's why saya telah *classifiedkan* bahawa ini orang hilang. So OCS yang akan siasatlah sehingga ada petunjuk yang lainlah.

**[10:00AM]**

**SK** Cuma satu soalan terakhir, Tuan. Memandangkan Tuan pada masa itu menyiasat kes Pastor Raymond Koh yang telah dihilangkanlah, diculik, adakah Tuan juga mengarahkan Sarjan Ahmad Sibee juga untuk melihat jika ada unsur-unsur penculikan dalam kes ini?

**SUPARI** Of course. Because kita blur at that time. Kita masih lagi dalam pencarian siasatan untuk menjurus siasatan. Kalau ada maklumat and then inform me.

**SK** Seperti yang saya tanyakan tadi, Tuan ada apa-apa maklumat mengenai kes ini selain daripada apa yang telah Tuan pergi buat?

**SUPARI** So far tidak ada.

**SK** Jadi selepas itu, Tuan telah, Tuan telah berpindah tempat kerja ke?

**SUPARI** Saya telah berpindah ke IPD Ampang sebagai bahagian pengurusan pentadbiran.

**SK** Bila, Tuan?

**SUPARI** Tahun 2019. 08.08.2018 saya telah diberi pangkat untuk pindah ke IPD Ampang sebagai ketua bahagian pengurusan.

**SK** 08.08.2018?

**SUPARI** Yes.

**SK** Tuan dalam –

**SUPARI** 02.08.2018. 2hb Ogos –

**SK** 02.08.2018. Jadi Tuan, kes ini hanya dalam pengetahuan Tuan dari bulan Mac 2018 hingga bulan Ogos?

**SUPARI** Yes. Yes.

**SK** So dalam bulan –

**SUPARI** Mac sebenar 2017, bukan?

**SK** 2017. Jadi sebenarnya, sebenarnya jadi Tuan ini dalam tempoh setahun lebih itu Tuan masih lagi menyelia atau pada ketika awal sahaja?

**SUPARI** Kita, kita awal sahaja. Saya cakap tadi pasal penyeliaan kertas, kertas siasatan orang hilang adalah di bawah pentadbiran pengurusan dan pentadbiran. Bukan di bawah JSJ, bukan di bawah jenayah.

**SK** So tindakan Tuan hanya terhad kepada –

**SUPARI** Terhad kepada itu.

**SK** Itu sahaja.

**SUPARI** Dan bila saya klasifikasikan kes itu sebagai orang hilang dan dipersetujui tak ada maklumat, and then kita akan serah kepada bahagian pengurusan dan pentadbiran.

**CHM** Bila ditukar ke Ampang? Ampang?

**SUPARI** 02.08.2018, Dato'.

**CHM** IPD Ampang?

**SUPARI** IPD Ampang, Dato' Seri.

**CHM** Sebagai?

**SUPARI** Ketua bahagian pentadbiran dan pengurusan daerah.

**PM1** Tuan, ok. Terima kasih ya. Nama saya Madeline. Saya agak tertarik dengan yang ada yang Tuan sebut tadi masa nak, masa berjumpa dengan Paul (10:04:27AM), jadi ada usaha untuk menghubungi Paul ya.

**SUPARI** Peter, ya.

**PM1** Tetapi agak sukar sikit. Dan bila berjumpa dengan dia, tanya dia tak tahu sangat pasal rumah itu. Sebab dia kata siapa yang pergi rumah itu?

**SK** Dr Madeline, Peter.

**PM1** Peter, bukan Paul. Sorry. Peter, Paul and Mary. Sorry, ya. Ok, dia sebut tadi ada dia kata –

**SUPARI** Anak dia tinggal dekat situ.

**PM1** Anak dia. Menurut dia siapa yang memiliki rumah tadi? Tadi Tuan sebut macam seolah dimiliki oleh orang Cina itu.

**SUPARI** Ya, satu lelaki Cina bersama dia.

**PM1** Tapi you tak tahu whether –

**SUPARI** Saya tak tahulah dia sama ada dia pemilik ataupun tidaklah.

**PM1** You tak tahu ya?

**SUPARI** Ya, saya tak tahu.

**PM1** Ok, ok. Sebab ini pertama kali sayalah mendengar kewujudan seorang baru dalam cerita itu. Jadi Tuan sempat masuk ke dalam rumah itu?

**SUPARI** Sempat.

**PM1** Ok.

**SUPARI** Sebab saya nak, saya punya anggapan pada waktu itu mungkin orang kena kurung ke.

**PM1** Ya.

**SUPARI** Mungkin saya jumpa sesuatu petunjuk yang jenayah ke whatever lah. That's why saya kena masuk. Saya dapat.

**PM1** Ada ambil foto dan sebagainya masa itu?

**SUPARI** Tak, selepas itu Sarjan Sibee datang untuk siasatan.

**PM1** Ambil foto?

**SUPARI** Ya.

**PM1** Dia, dia adalah?

**SUPARI** Dia ada datang.

**PM1** Ok.

**SUPARI** I am not sure because saya tak, tak tengok dalam dia punya investigation.

**PM1** Ok.

**SUPARI** Tapi saya rasa ada.

**PM1** So –

**SUPARI** Saya berpendapat ada.

**PM1** Maknanya Tuan antara orang yang terawallah?

**SUPARI** Yes, saya adalah orang yang terawal.

**PM1** Ya.

**SUPARI** Mula-mula cari alamat rumah itu.

**PM1** Ok. So memang pada tanggapan Tuan dalam pengalaman Tuan yang biasa dengan kes-kes begini, pada tanggapan Tuan memang tak ada unsur-unsur yang mencurigakanlah?

**SUPARI** Yes.

**PM1** Maknanya bila masuk, nampak semua ok.

**SUPARI** Dalam keadaan teratur.

**PM1** Yang, jumpa tak anak yang dua orang itu?

**SUPARI** Because rumah itu berkunci.

**PM1** Ok. And then?

**SUPARI** Rumah itu berkunci. Kita bukalah. Ada kunci and then dia –

**PM1** Tak, tak payah?

**SUPARI** Dia tak payah. And then kita tak ada terlihat pun kes kena pecah ke kena force ke mana-mana kan. Jadi kita tengok rumah, bilik macam teratur. Tak ada masalah kan.

**PM1** Ok. Just now you did mentioned yang Tuan pergi ke, sempat juga pergi ke master bedroom ataupun mana-mana bilik yang lain itu. Ada tak nampak seolah-olah macam benda itu, ya, kalau terlalu teratur pun bermasalah juga. Ada tak macam ada peninggalan orang yang bergegas meninggalkan? Macam –

**SUPARI** Tidak ada.

**PM1** Tak, tak ada ya? Memang tersusun?

**SUPARI** Tidak ada. Nampak tersusun. Maksudnya dalam bilik macam kita harian kan.

**PM1** Kalau fridge, fridge?

**SUPARI** Tak adalah nampak –

**PM1** Tuan check fridge ke dekat dapur?

**SUPARI** Fridge saya tak check.

**PM1** Tak?

**SUPARI** Tak.

**PM1** Sebab kadang itu menentukan orang itu sudah stock up. Yang maknanya dia tak adalah rancangan untuk lari ke apa kan.

**SUPARI** Yalah.

**PM1** So jadi maknanya everything is in order lah?

**SUPARI** Saya tak buka fridge. In order.

**PM1** Ya?

**SUPARI** Ya.

**PM1** Memang tak ada benda yang menyebabkan Tuan terasa something is amiss somewhere. Tak ada, ya?

**SUPARI** Tak ada.

**PM1** Tak ada ya?

**SUPARI** Itu masalahnya. Macam, that's why saya cakap tadi, keadaan teratur, semua ok. Kan? Kalau ada force dekat situ ataupun ada beg terbuka ke almari baju dia bertabur ke –

**PM1** Bertabur, ya.

**SUPARI** Ya, dalam keadaan kelam kabut ke kita nampaklah dekat situlah.

**PM1** Ok.

**SUPARI** Lagipun berkunci. Kita tengok rumah itu berkunci.

**PM1** Berkunci. So tak jumpa yang, yang dua orang itu?

**SUPARI** Tak ada.

**PM1** Tak juga?

**SUPARI** Saya, saya beranggapan mungkin saya akan jumpa body ke, you know?

**PM1** Ya.

**SUPARI** Kita pun tak minta cakap something petunjuk ke, handphone ke, whatever lah. Ataupun ada ketinggalan penjenayah dekat sana ke.

**PM1** Memang tak ada ya?

**SUPARI** Tak ada.

**PM1** So jadi secara lazimnya that is the biasa yang dilakukanlah?

**SUPARI** Biasa. Biasa.

**PM1** Bila you pergi sebagai seorang SIO –

**SUPARI** Kita buat observation tengok, ok.

**PM1** Observation.

**SUPARI** Tak ada apa masalah ini nampak.

**PM1** Kalau kes jenayah, apa yang akan, apa yang akan kita nampak? Kalau ada.

**SUPARI** First sekali kita akan melihat pada luarlah maksudnya ada force tak.

**PM1** I see, I see.

**SUPARI** Ada masuk secara force ke. Pintu ditendang ke ataupun telinga kunci dipotong, whatever lah.

**PM1** I see.

**SUPARI** And then dalam dia kita akan tengok benda itu berselerak ke.

**PM1** Ok. Itu yang lazimnyalah kan?

**SUPARI** Ya, lazim.

**PM1** Ok. Ok, thank you, Dato'.

**PM2** Did, did you find difficulty untuk mencari orang untuk buka rumah masuk nak check itu? Sebab kunci itu dengan siapa itu? Contact Peter Pormannan.

**SUPARI** Ya, Peter.

**PM2** Tapi dia tak ada kunci, kan?

**SUPARI** Dia tak ada kunci.

**PM2** Ya, so?

**SUPARI** Then dia bawa satu lelaki Cina bersama dia pada waktu itu. Saya tak tahu siapa. I never ask lah. Saya cakap, and then ini, Peter pun dapat kunci, Peter cakap buka, kita pun tengoklah dalam.

**PM1** So Peter was with you lah? Sorry.

**SUPARI** Ya.

**PM2** Ya. So dari telefon-telefon dengan Peter dengan berapa hari yang jangka waktu untuk dia dapat kunci untuk buka rumah itu?

**SUPARI** Lebih kurang, saya ingat lebih daripada 10 hari. 10 hari dalam macam itulah. Dalam seminggu lebih macam itulah baru buka.

**PM2** And kamu tidak ambil foto dengan handphone, nothing?

**SUPARI** Tak ada.

**PM2** Tak ada?

**SUPARI** Tak ada.

**PM2** Just melihat, memantau sahajalah?

**SUPARI** Ya. Because saya maklum kepada Sibee untuk tindakan lanjut.

**SK** Tuan, semasa lawatan tersebut, adakah Tuan juga cuba mencari dokumen seperti pasport milik Joshua Hilmy?

**SUPARI** Saya try cari juga lah sekiranya ada kan, tapi tak ada nampak. Biasanya duduk dalam laci ke whatever kan? Tapi tak ada. Tak nampak.

**SK** So memang Tuan ada membuka laci dan mencari dokumen?

**SUPARI** Ya, cari apa-apa dokumen yang boleh kita petunjuklah atas kehilangan dia ke whatever.

**SK** Jadi adakah Tuan mengambil apa-apa dokumen?

**SUPARI** Tak ada. Tidak ada.

**SK** Jadi tiada apa-apa dokumen yang –

**SUPARI** Tiada.

**SK** Tidak ada?

**SUPARI** Disaksikan waktu itu pun Peter bersama saya. And then saya cakap tutup balik, and then kita akan jalankan siasatan lebih lanjut.

**SK** Tuan, pada masa itu ada –

**CHM** Hold on, hold on. Saya nak mendapatkan kepastian berhubungan dari segi tugas ya, En Supari dengan Sarjan Sibee ya. Dia yang IO kan?

**SUPARI** Ya.

**CHM** Yang saya faham tadi, En Supari terlibat sebab Sarjan Supari ada merujuk kes ini kepada Tuan. Begitu ke? Atau ke... Sarjan Sibee ataupun kalau Sarjan Sibee tak merujuk pun, En Supari tetap akan memanggil dia? Macam mana?

**SUPARI** That's why saya kata tadi, kita on. Maksudnya on bertugas 24 jam. Repot yang masuk setiap hari itu, kita akan pantau apa jenis repot. So bila ada cakap orang hilang atau orang hilang, kita nak establish kes sama ada ini orang hilang ke, orang apa ke. So for mula-mula kita akan bagi tahu, ok, ini orang hilang. OCS jalankan siasatanlah. So OCS lah akan jalankan siasatan. Tapi Sarjan Sibee maklum balik selepas berapa lama tengok tak dapat kesan si apa, si Peter ini, kita bantulah. Kita bantulah. Because pada macam kami, bahagian pengurusan dan JSJ is different. JSJ ini lebih boleh dapat maklumatlah. Macam pengurusan ini agak terhad sedikit.

**CHM** Ok, dari segi bantu ya?

**SUPARI** Ya, membantu.

**CHM** Bantu itu Sarjan Sibee minta En Supari bantu atau En Supari sendiri –

**SUPARI** Saya inisiatif, inisiatif.

**CHM** Your own initiative?

**SUPARI** Inisiatif sendiri.

**CHM** Ingin membantu?

**SUPARI** Ingin membantu.

**CHM** Sarjan Sibee?

**SUPARI** Ya.

**CHM** Sebab tengok tak, tak ada –

**SUPARI** Macam, macam slow, macam lambat, dia tak dapat lagi orang, pengadu ini untuk, kita nak tentukan ini sekarang ini kan because kes itu kita nak tentukan orang hilang ke, ada orang mati ke ada apa-apa petunjuk ke pada waktu itu.

**CHM** Lambat?

**SUPARI** Because kita tak buka, waktu itu kita tak buka lagi orang hilang because kita tak dapat Peter punya solid punya statement then kita punya assessment lah berkaitan dengan siasatan kes. That's why saya bantu dialah.

**CHM** On your own initiative?

**SUPARI** Ya, inisiatiflah.

**CHM** Ok, thank you. Ya, ya.

**PM1** Can I?

**CHM** Carry on, carry on.

**PM1** Saya nak sambung apa yang Dato' Seri tanya soalan tadi. Pada hemah Tuan, Sarjan Sibee? Sidi?

**SUPARI** Sibee. Sibee.

**PM1** Sibee, ok. Dia dah melakukan apa yang patut dilakukan? Sebab masa ini agak lama sebab katanya dia try to contact apa, Peter kan dan dia tak dapat. Tapi bila Tuan usahakan, dapat.

**SUPARI** Saya berulang-ulanglah. Maksudnya –

**PM1** Sama juga lah masalah dia?

**SUPARI** Sama juga. Masing-masing mungkin waktu itu dia call tak angkat.

**PM1** I see, I see, I see.

**SUPARI** Tak dapat. And then saya call tiba-tiba dapat. Saya tak boleh tentukanlah waktu itu usaha.

**PM1** Ok, tapi Tuan kira tidaklah berkali-kali, kali –

**SUPARI** Taklah berkali-kali.

**PM1** Ok.

**SUPARI** Maksudnya saya keep, saya call try, try, try, try sampai dapat dia.

**PM1** Tapi memang ada masalah untuk menghubungi Peter?

**SUPARI** Yes.

**PM1** Ok. Sebab bagi saya masa itu sebab, sebab saya banyak tengok TV. TV selalu kata orang hilang, the most important ini is the 24 hours itu untuk kita melakukan pencarian, kan? Jadi bagi saya ini dah agak berapa 10 hari lebih, kan?

**SUPARI** Ya.

**PM1** Kan, baru nak establish.

**SUPARI** Then untuk makluman –

**PM1** Ya.

**SUPARI** Dalam laporan Peter sendiri, dia cakap dia tak dapat menghubungi sejak September 2016, September 2016. Tapi dia buat repot pada waktu itu adalah 06.03.2017. Dia tak dapat contact since September.

**SK** November, Tuan. November.

**PM1** Maksud macam mana?

**SUPARI** November.

**PM1** Police report? Siapa yang kata? Sarjan –

**SUPARI** Ok, Peter dalam laporan dia –

**PM1** Ok.

**SUPARI** Dia membuat laporan dia kata dia tak dapat contact dengan Hilmy dengan isterinya –

**PM1** Yes. Since?

**SUPARI** Since 2016.

**PM1** Yes, ok.

**SUPARI** November. November. And then dia buat repot hanya pada Mac 2018. So masa itu dah terlalu lama dah.

**PM1** Tapi itu, itu, itu laporan daripada Peter. Yang saya nak tahu is yang, yang polis punya respons.

**SUPARI** Action and response?

**PM1** Ya, respons because tadi dikatakan Sarjan Sibee berusaha.

**SUPARI** Because kalau kita tak dapat, kita tak dapat contact Peter ini –

**PM1** Alright.

**SUPARI** Macam mana kita nak dapat information lain. Because dia pada waktu itu, dia bukan repot dekat, jumpa kami dekat Balai Sungai Way.

**PM1** Ya, ya, di Klang. Ya, dekat Klang.

**SUPARI** Dia dekat Klang pada waktu itu. Ya. IPD Klang arahkan pergi ke Sungai Way tapi dia tak sampai pada waktu yang, yang dijanjikanlah pada waktu itu.

**PM1** Satu sahaja kan pengalaman Tuan menjalankan siasatan orang hilang dan sebagainya? Sebab lazimnya, siapa yang biasanya melaporkan? Is it keluarga atau kawan-kawan? Sebab dalam kes ini Peter, kan?

**[10:15AM]**

**SUPARI** Biasanya keluarga. Biasanya ahli keluarga.

**PM1** Biasanyalah kan?

**SUPARI** Biasa ahli keluarga.

**PM1** Ok. Tapi Tuan tidak pernah menemubual keluarga dan sebagainya? Tak ada, kan?

**SUPARI** Tidak ada. Tidak.

**PM1** Cuma hanya pada, makna itu sahajalah satu-satunya –

**SUPARI** Yes.

**PM1** Kes yang berkaitan yang Tuan betul-betul physically jumpa ini?

**SUPARI** Ya.

**PM1** Alright, alright. So jadi lepas itu bila dah, dah melawat rumah itu, jadi biasanya apa, apa tindakan? So serah balik kepada Sarjan Sibee is it?

**SUPARI** Sarjan Sibee lah.

**PM1** Ok. So do you monitor that again? Ataupun –

**SUPARI** Tidak.

**PM1** Sebab you dah pindah ke atau apa?

**SUPARI** Itu, no. Because siasatan tadi di bawah pengurusan, saya cakap.

**PM1** Ok.

**SUPARI** JSJ, pengurusan is different. Pada waktu itu, saya di bawah jabatan siasatan jenayah.

**PM1** Ok, ok, ok. So –

**SUPARI** Dia pengurusan. Dia orang hilang di bawah pengurusan.

**PM1** Pengurusan? Ok.

SUPARI Ya. So dia ada ketua bahagian dia.

PM1 Alright, alright, alright.

SUPARI Yang monitor dia.

PM1 So –

SUPARI So saya setakat itu sahajalah.

PM1 How did you come in then? Bila, because you are in a different division, jabatan siasatan jenayah. Tadi kata, I think tiga kali you dah repeat that jawapan itu.

SUPARI That's why saya cakap –

PM1 You, memang.

SUPARI Dia macam ini.

PM1 Saya, saya pensyarah.

SUPARI Macam ini.

PM1 Jadi saya, saya kena faham betul-betul.

SUPARI Ok, dalam polis –

PM1 Ada dua bahagian?

SUPARI Dia, dia, dia ada dua bahagian dalam pentadbiranlah.

PM1 Ok.

SUPARI Maksudnya saya di bahagian di bawah jabatan siasatan jenayah.

PM1 Jenayah? Ok.

**SUPARI** Ok. Satu hari di dalam IPD, maksudnya ibu pejabat polis daerah itu dia akan ada repot.

**PM1** Ok. So datanglah repot?

**SUPARI** Dia ok, 24 hours datang repot.

**PM1** Ok.

**SUPARI** So kita akan klasifikasikan repot.

**PM1** 'Kita' itu siapa? Siapa?

**SUPARI** Maksudnya JSJ.

**PM1** You yang klasifikasikan?

**SUPARI** JSJ yang klasifikasikan kes pada waktu itu.

**PM1** Ok.

**SUPARI** Apa status kes ini untuk disiasat.

**PM1** Alright.

**SUPARI** Sama ada criminal ataupun kita NFA, kita RPM.

**PM1** Alright.

**SUPARI** Or kita ada orang hilanglah.

**PM1** So you all yang decide? Bukan pentadbir?

**SUPARI** Kita yang decide selepas kita find –

**PM1** So you have a meeting is it? You all ada meeting atau –

**SUPARI** Ya, meeting ataupun –

**PM1** You, it's your responsibility?

**SUPARI** Ataupun kita ambil statement daripada pengadu pada waktu itu.

**PM1** I see.

**SUPARI** Kita akan melihat kepada apa dia punya volume of case lah.

**PM1** Ok.

**SUPARI** Maksudnya ini tak perlu ada jenayah. Ini ada orang hilang. So kita classified lah kes pada waktu itu. Kalau tiada petunjuk langsung apa-apa, and then kita classified sebagai orang hilang.

**PM1** So you can give like yang you nyatakan tadi on your own initiative?

**SUPARI** Yes.

**PM1** Because you thought there was a kes jenayah atau no?

**SUPARI** Waktu itu –

**PM1** Why, why did you –

**SUPARI** Masa itu kita blur lagi. Kita tak tahu lagi kan. Orang perlu bantuan. Macam Sarjan Sibee maybe waktu itu dia baru lepas naik pangkat. And then pergi bertugas sebagai sarjan aktiviti yang tidak mempunyai pengalaman dalam investigation. So saya bantulah as an officer yang di bawah penyeliaan zon saya, maksudnya dari segi jenayah, kita bantulah mana yang mampu. Bertindak, kita nak serve kepada masyarakat. Kita bertindak segera, cepat, kan. So itulah.

**PM1** Masa itu you were aware that kes dia ini, masa itu tahu tak kes ini agak unik sebab –

**SUPARI** Tidak tahu.

**PM1** Tak? Sebab tadi sebut ada masyarakat tadi kan?

**SUPARI** Ya.

**PM1** Tapi Raymond Koh you tahulah kes dia masa itu? Ada tak you –

**SUPARI** Raymond?

**PM1** Ada tak masa you all terfikir ada tak kaitan tadi dah ditanya tadi soalan?

**SUPARI** So far tak ada.

**PM1** Masa itu tak?

**SUPARI** Masa itu tidak.

**PM1** Tapi tidak rasa pelik ke yang ada orang, I mean it was related tadi yang tentang agama, orang bernama, you, you mencari dia atas nama Hilmy atau atas nama Hanim masa itu?

**SUPARI** Hilmy.

**PM1** Hilmy ya?

**SUPARI** Hilmy.

**PM1** Nama dia Hilmy?

**SUPARI** Ya.

**PM1** Then dia tahu dia, Tuan tahu yang dia ini converted from –

**SUPARI** Pada waktu itu saya tidak tahu.

**PM1** Tidak ya? Dalam kes itu –

**SUPARI** Langsung tidak tahu.

**PM1** Dalam kes tak, tak ada tulis kan?

**SUPARI** Tak ada. Pada waktu itu tidak.

**PM1** Even dalam laporan Sarjan Sibee pun?

**SUPARI** Pun tidak ada. Pada waktu itu saya tak tengok siasatan.

**PM1** Jadi you just, cuma –

**SUPARI** Maksudnya bila, bila benda ini –

**PM1** Yang 24 jam tadilah?

**SUPARI** 24 jam saya tak tahu langsung. Tak tahu langsung. Selepas siasatan then dia ini sama juga ada.

**PM1** I see.

**SUPARI** Waktu itulah.

**PM1** Tuan, Tuan yang perasan?

**SUPARI** Ya.

**PM1** Ok, thank you.

**CHM** Ok, ok. Yes?

**TFW** Tadi Inspektor kata repot dibuat pada 2018. I think it's a correction lah. Actually 06.03.2017.

**SUPARI** 2017.

**TFW** Ya.

**SUPARI** 6, 3hb Jun.

**TFW** So yang, yang masa khuatir hilang is actually end of November and end of December actually.

**CHM** Siapa hilang?

**TFW** Yang say Joshua.

**SUPARI** 2017. Sorry, 2017 tadi yang dia buat repot.

**TFW** 2017.

**SUPARI** Ya.

**TFW** So, yes.

**SUPARI** Dato'. 6, 03.06.2017.

**CHM** Ok. Yes, carry on. Yes.

**SK** Tuan, semasa Tuan berjumpa dengan Peter Pormannan, masa itu keterangan Peter Pormannan sudah dirakamkan ke belum?

**SUPARI** Waktu permulaan saya jumpa belum rekod.

**SK** Masih belum lagi?

**SUPARI** Belum rekod. Saya jumpa terus because kita dah tindakan segera. Nak tahu mana tempat dia.

**SK** Tuan, sebelum Tuan dipindahkan ke IPD Ampang, Tuan tahu tak apa perkembangan kes tersebut? Apa yang Tuan tahu?

**SUPARI** Tidak tahu because OCS kan di bawah pengurusan.

**SK** So Tuan tidak dilaporkanlah?

**SUPARI** Ya, tidak.

**SK** Tuan, just nak untuk clarification. Untuk kes orang hilang, klasifikasinya dibuat oleh OCS ataupun bahagian siasatan jenayah?

**SUPARI** Ok, SOP dia, JSJ, maksud jabatan siasatan jenayah diberi mandatlah oleh kita punya IG untuk classified pada awalnya kes. And then sebenarnya dalam, dalam undang-undang, OCS. Tapi dalam sistem pentadbiran, kalau saya salah, Tuan Dzaffir boleh bantu sayalah. Maksudnya jenayah, dalam SOP jenayah yang akan classified. Maksudnya kalau misal, kalau dalam undang-undang, SJPN apa ini, OCS itu sendiri.

**SK** Jadi dalam kes ini Tuan telah membantu untuk mengklasifikasikan kes ini?

**SUPARI** Ya.

**SK** Sebagai kes orang hilang?

**SUPARI** Bersama, ya, sebagai kes orang hilang.

**SK** Dan tiada unsur jenayah pada masa itu?

**SUPARI** Ya.

**SK** No further question.

**PM2** Sorry, you use the word telah membantu. Siapakah yang membuat keputusan pada, untuk kes ini? Adakah DSP Supari yang sendiri mengklasifikasikan atau ada pegawai lain yang mengklasifikasikan?

**SUPARI** Saya yang klasifikasi.

**PM2** So it's not membantu. He is the one who, who classified. Dan adakah kebiasaan untuk bantu kes-kes lain selama ini? Memang sebagai SIO dalam pengalaman kes-kes yang lain, orang hilang ke kes lain, adakah DSP selalu –

**SUPARI** Ya.

**PM2** Membantulah?

**SUPARI** Ya.

**PM2** Itu membantu tak kira dari segi kes itu pengurusan ke JSJ punya?

**SUPARI** Tak.

**PM2** Ya?

**SUPARI** Kalau diperlukan untuk JSJ bantu, kita bantulah. Ataupun kita ada ID, kita bersamalah.

**PM2** Tapi yang, siapa yang menentukan keperluan itu? Tuan sendiri atau ada atasan lain?

**SUPARI** Atasan lain yang akan memberi arahan untuk memberi bantuan.

**PM2** So ini ada arahan atasan untuk Tuan membantu Sarjan Sibee?

**SUPARI** Tidak ada. Pada waktu itu, tidak ada. Saya punya inisiatif untuk find out siapa dia Hilmy Joshua.

**PM2** So selain daripada kes begini, dalam membantu itu tanpa arahan atasan, ada kes-kes lain pun DSP pernah membantu?

**SUPARI** Pernah. Kita dalam, kita ada beberapa. Contohnya kes-kes melibatkan pelesenan, kan. Kita ada dibantu juga. Di bawah pengurusanlah benda itu, kan.

**PM2** Ok, thank you.

**PM1** Just, just, sorry. Just clarification. Ok, just want to him. Sebab banyak sangat tengok TV punya pasal ini. Selepas Tuan masuk ke, ke, ke rumah yang, yang kunci dia ada ya, bila sudah keluar, do you all, apa you letak yang kuning itu? Or whatever do you call that? Apa yang, yang si tali, apa? Tape itu? Supaya orang –

**SUPARI** Tidak ada waktu itu. Tidak ada. Cuma saya maklum Sibee rumah dah jumpa, kamu jalankan siasatan lanjutlah.

**PM1** Tidak ada keperluan?

**SUPARI** Ya, tidak ada.

**PM1** Sebab saya banyak sangat tengok tv. Sebab tv selalu dia tunjuk bila polis dah masuk, dia keluar, bendanya dalam siasatan maka dia akan letak benda itu maknanya orang lain tak boleh masuk lagi.

**SUPARI** Tidak.

**PM1** Because saya bayangkan antara Tuan dengan police officer yang datang kemudian pasti ada, siapa-siapa boleh masuklah, kan?

**SUPARI** Ya.

**PM1** Boleh, kan?

**SUPARI** Boleh.

**PM1** Ok.

**PM2** No, it's not. No, it's not classified yet as crime kan?

**SUPARI** Ya.

**PM1** Ya.

**PM2** Only crime scene, kan? Betul, kan?

**SUPARI** Ya.

**PM1** Betul?

**PM2** Belum lagi classify, masih orang hilang, kan?

**SUPARI** Masih, bukan orang hilang. Bukan dia, scene or crime. Bukan disebabkan jenayah.

**PM1** Cuma Tuan mencari rumah?

**SUPARI** Mencari rumah.

**PM1** You said, sorry Jerald. You, Tuan tadi ada sebut ataupun terdengar yang Tuan pun bertanya dengan neighbours, apa, jiran.

**SUPARI** Ya, jiran.

**PM1** Ada?

**SUPARI** Ada.

**PM1** Ada jumpa jiran kiri kanan?

**SUPARI** Dia kata lama tak jumpa. Ada satu lelaki India.

**PM1** Ok.

**SUPARI** Di hadapan rumah itu. Dia kata lama tak jumpa orang ini. Depan rumah pun tutup sahaja. Ada kenderaan ke, ada orang keluar masuk ke dalam tempoh terdekat? Dia tak nampak.

**PM1** Tak nampaklah. Rumah itu di depan dia?

**SUPARI** Di hadapan betul.

**PM1** Ok.

**SUPARI** Opposite rumah Ruth dengan Hilmy lah.

**PM1** Nak masuk ke rumah dia itu, you all terus masuk atau ada pagar lagi?

**SUPARI** Ada pagar.

**PM1** Ada pagar? So itu pun kena buka juga?

**SUPARI** Ya.

**PM1** So makna memang betul pagar berumput?

**SUPARI** Bertutup.

**PM1** Tinggi?

**SUPARI** Masa itu rumput dah ada. Tak adalah tinggi sangat. Macam mungkin –

**PM1** Tapi memang macam rumah yang tidak?

**SUPARI** Ya, telah ditinggalkanlah.

**PM1** Telah ditinggalkan? Ok. Ya.

**PK** Selamat pagi, Honourable Commissioner also panel. Nama saya Philip Koh. Saya mewakili keluarga Ruth Sitepu, ya. DSP Supari, kita jumpa sekali lagi, ya. Kita kenal, kenal pada masa apa saya kenal dengan DSP Supari?

**SUPARI** Siasatan kes Pastor Raymond lah.

**PK** Ok. Di dalam pernyataan yang Tuan bagi kepada Commissioner, alright, Tuan telah memberitahu bahawa pada masa itu Tuan ialah ketua zon ya. Boleh ulang lagi apakah tanggungan ketua zon mengenai Kelana Jaya dan Sungai Way? Ya.

**SUPARI** Dalam IPD Petaling Jaya, kita ada 12 balai, DS. 12 balai. Maksudnya pembahagian tugasan untuk menjaga Balai Kelana Jaya dan Sungai Way di bawah tanggungjawab saya untuk apa-apa sahaja kejadian jenayah yang berlaku di dua balai itu. So mungkin balai yang lain macam Damansara ada officer lain dekat Kota Damansara. Maknanya satu officer, ASP sini investigation officer ada satu SIO yang akan bertugas. And then di bawahnya ada IO-IO lah. AIO.

**PK** Pada masa itu, itu, DSP ialah taraf DSP ialah ASP ya?

**SUPARI** Ya, pada waktu itu saya ASP.

**PK** ASP?

**SUPARI** Ya.

**PK** Dan pejabat Tuan di dalam Petaling Jaya itu yang?

**SUPARI** Saya pejabat, berpejabat di Balai Polis Sungai Way pada waktu itu.

**PK** Di Balai Sungai Way?

**SUPARI** Ya.

**PK** Bukan –

**SUPARI** Ada dua pejabatlah.

**PK** Ya.

**SUPARI** Pejabat untuk saya selia saya punya IO di Sungai Way. Pejabat pentadbiran untuk meeting whatever dekat IPD Petaling Jaya.

**PK** Ok, IPD PJ, ya. DSP, DSP di dalam kenyataan juga DSP kata you berwajib mengenai komuniti, mungkin dia ada, ada risau ke atau apa jenayah, itulah tanggungan juga ya?

**SUPARI** Betul.

**PK** Betul ya? Yang Tuan kata di Kelana Jaya, mana, itulah tempat penculikan Pastor Raymond Koh?

**SUPARI** Betul.

**PK** Betul ya? Ok. Oleh sebab itu Tuan memainkan peranan di dalam investigation itu, ya?

**SUPARI** Ya, betul.

**PK** Betul ya? Mengapa Pastor Raymond Koh kes itu sangat hangat? You, you tahu sangat hangat ya itu kes Pastor Raymond Koh pada masa menyiasat? Dia IGP pun ada involvement dan juga taskforce special dari CPO Selangor ya, betul?

**SUPARI** Betul.

**PK** Betul ya?

**SUPARI** Ya.

**PK** Ok. Tetapi, kalau you dengar, Commissioner pun hairan sedikit ya, saya pun hairan, Tuan tidak ada relationship, berhubungan dengan kehilangan Joshua Hilmy, Ruth Sitepu dengan kehilangan atau penculikan Pastor Raymond Koh.

**SUPARI** Tidak ada.

**PK** Tak ada? Sekali-sekali tak ada?

**SUPARI** Kita buat brainstorming possibility dekat situ isu yang sama adalah pasal penyebaran agama Kristian. Christianity lah, itu sahaja.

**PK** Ok. Itulah isu yang sama?

**SUPARI** Ya.

**PK** Ok. So Tuan pun –

**SUPARI** Kita terfikir, kita tidak cakap itu isu adalah isu yang sama. Tidak. Saya tak spesifik kan bahawa siasatan saya hanya kepada Christianity.

**PK** Faham, faham.

**SUPARI** One off.

**PK** Faham. Itu satu isu yang telah diwujudlah di dalam –

**SUPARI** Ya, wujud. Dalam siasatan.

**PK** You kata ada bincangan. Bincangan di IPD ya?

**SUPARI** Perbincangan, mesyuarat IPD, taskforce pun kita ada wujud dalam, dalam, dalam kita punya siasatan Pastor Raymond.

**PK** Ok. Faktor agama. Bagaimanakah faktor agama dalam kes Joshua Hilmy?

**SUPARI** Itu saya tak tahu. Cuma saya tahu pasal Christianity. How dia punya, dia punya penyebaran ke, cara dia saya tidak tahu.

**[10:30AM]**

**PK** Mengapakah itulah bukan angle atau perspektif yang DSP atau PDRM mestilah mendalami?

**SUPARI** Tidak. Memang kita, kita siasat on, on that part. Tapi kalau you cakap term reaksi saya untuk kes Joshua Hilmy ini because of Christianity, saya tak boleh nak cakap it's the inilah.

**PK** Tak boleh nak cakap?

**SUPARI** Ya.

**PK** Tetapi you kata itulah isu yang common, yang secara umum di antara Raymond Koh dengan dia.

**SUPARI** Ya. Ya, betul.

**PK** Bagaimana you tahu Joshua Hilmy ialah seorang pastor?

**SUPARI** Selepas siasatan Sarjan Sibee and then saya pun baca juga lah berkaitan dengan apa repot yang pernah terlibatlah. Maksudnya –

**PK** Ya.

**SUPARI** That's why, ok. Then maknanya unsur siasatan berdasarkan agama itu ada wujudlah.

**PK** Ada satu unsur? Ok.

**CHM** Sebentar, sebentar. Tuan kata ada baca repot ya? Repot?

**SUPARI** Ya.

**CHM** Di mana baca itu? Apa, apa jenis repot itu yang Tuan baca?

**SUPARI** Berkaitan dengan, kita tengok melalui internet.

**CHM** Ya.

**SUPARI** And then ada cerita berkaitan dengan Joshua Hilmy inilah juga kan.

**CHM** Ada baca?

**SUPARI** Ya, ada bacalah.

**CHM** Di internet?

**SUPARI** Di internet. Then kita tengok repot, Chembong repot itulah. Maksudnya Chembong berkaitan dengan penghinaan terhadap Allah dengan Nabi Muhammad. Saya tahu itu.

**CHM** Ok. Ya.

**SUPARI** Pasal dia baptis ke saya tidak tahu. Pasal yang Hilmy Joshua. Penghinaan terhadap agama itulah, ada.

**PM1** Sekejap, sekejap. Tadi you sebut apa? Chembong?

**SUPARI** Chembong repot.

**PM2** Chembong, Chembong.

**PM1** Is it the one di Negeri Sembilan?

**SUPARI** Yes, Negeri Sembilan.

**PM1** So Tuan merujuk ke situ juga? Sebab itu hanya dalam fail polis, kan? It's not on social media.

**SUPARI** Ya, maksudnya kita tengoklah daripada information itu, kita tahu.

**PM1** Ok, then?

**SUPARI** Then kita tengok ada tak repot. Then IO pun sebelum itu dah menyatakan bahawa memang ada repot berkaitan. Dalam sistem polis, maksudnya seseorang itu kita boleh check lah maksudnya ada penglibatan ke tak.

**PM1** Yalah.

**SUPARI** And then kita boleh tahulah.

**PM1** Jadi makna ini hanya dalam sistem polis, bukan social media? Masa Tuan baca itu.

**SUPARI** Laporan polis and then relate dengan apa yang dikeluarkan dalam social media pada waktu itulah.

**PM1** Ok.

**SUPARI** Kita *relatekan* tengok, ok.

**PK** Tuan, bagaimana, kalau you, baru-baru you buat kenyataan you, ini ada isu ke agama. Tetapi yang lebih awal, En Simon menyoal Tuan, ini kes kehilangan sahaja? Mengapa you, you seperti ini kehilangan sahaja? Tetapi sekarang Tuan memastikan ini ada isu keagamaan.

**SUPARI** Saya tidak memastikan saya cakap. Saya tidak cakap. Simon cakap tadi pasal cerita, Simon menekankan because siasatan orang hilang. Bukannya pasal orang, saya tak cakap pasal jenayah ke. Orang hilang Simon cakap. Siasat orang hilanglah. Pasal agama, saya tak pasti. Saya tak pasti. Maksudnya bila you cakap pasal, pasal Pastor Raymond tadi –

**PK** Ya.

**SUPARI** Possibility mungkin samalah.

**PK** Ok.

**SUPARI** Maksud adalah, ada kaitan dengan isu dia.

**PK** Ok, ok. Ok, Tuan. Tuan, ok. Ada satu tanggungan ketua zon juga mendengar berita hangat, social media atau press statement dari NGO's? NGO's untuk human rights NGO's seperti CAGED ada dengar

satu, satu kumpulan 50 lebih NGO's dia ada correlation kata CAGED? C-A-G-E-D? Dia mengeluarkan satu kenyataan, press statement.

**SUPARI** Saya tidak pasti, Yang Arif.

**PK** Tidak pasti?

**SUPARI** Ya, saya tidak pasti.

**PK** Tetapi dengan press statement itu dan juga laporan ke SUHAKAM, sekarang kita di dalam SUHAKAM hearing. Di dalam laporan itu, saya akan beritahu secara ringkas ya. Mereka, CAGED kata ketiga-tiga ini bukan kehilangan sia-sia sahaja tetapi di dalam kategori yang baru ini ya mungkin Tuan pada masa itu tidak mendengar tetapi sekarang mungkin masih dengar. Enforced disappearance. Alright. Ada dengar itu perkataan sekarang? Enforced disappearance?

**SUPARI** Ya, itu pernah lah.

**PK** Alright. Apakah you faham pada ketika –

**SUPARI** Pada saya, itu adalah assumption dia orang. Anggapan dia.

**PK** Anggapan sahaja?

**SUPARI** Ya.

**PK** Tetapi dalam SUHAKAM yang Tuan sudah beri kenyataan di dalam Raymond Koh case, alright, ada panel yang sudah buat keputusan itulah enforced disappearance. Itu bukan sahaja presumption.

**SUPARI** Itu SUHAKAM cakap.

**PK** So –

**SUPARI** Dalam siasatan saya, saya tak nampak pun benda yang betul-betul boleh membuktikan bahawa ada perlakuan jenayah. Itu presumption.

**PK** So SUHAKAM cakap sahaja. Itu you mengabaikan ya?

**SUPARI** Yes.

**PK** Mengabaikan? You tak baca? Adakah you baca panel award itu mengenai bagaimana Tuan Dato' Mah dan kedua-dua Commissioner dengan teliti buat finding enforced disappearance? You, you presumption sahaja?

**SUPARI** Yes, presumption. I still cakap itu adalah anggapan sahaja.

**PK** You still hold to that? Adakah Tuan bagi kenyataan kepada taskforce yang dibinakan oleh pada masa itu Kementerian Dalam Negeri, Muhyiddin?

**SUPARI** Ada.

**PK** Ada? Apa you kata di dalam taskforce itu?

**SUPARI** Saya cakap pasal anggapanlah.

**PK** Anggapan sahaja? Ya? Walaupun dengan teliti semua kenyataan di dalam bebankan atau tak bebankan oleh tiga-tiga orang Commissioner –

**SUPARI** Betul.

**PK** Yang juga satu Hakim yang bersara dari Court of Appeal?

**SUPARI** Keputusan dibuat oleh SUHAKAM pada waktu itu tak, tak boleh menjelaskan secara fizikal dia, secara teknikalnya bahawa itu adalah ada evidence bahawa dia dilarikan. That's why saya cakap ia sebagai satu anggapan sahaja.

**PK** So Tuan, Tuan ada, you, you mengkaji lebih mendalam sebab pada finding itu ya, yang, yang Raymond Koh dan Amri, ok, dengar Amri itu, adakah Tuan involved dengan Amri punya investigation?

**SUPARI** Tidak ada.

**PK** Tidak? Tetapi Tuan, saya tahu sebab saya menelefon Tuan pada masa itu, pada April, you kata, 'En Koh, saya pergi ke Kedah dan Perlis untuk menyiasat.'

**SUPARI** Saya tak menyiasat pasal Amri. Saya menyiasat pasal Pastor Raymond Koh pergi ke Perlis.

**PK** Ok. Mengapa you pergi ke Perlis pada April, alright?

**SUPARI** Because satu repot mengatakan satu lelaki Melayu, saya pernah bercakap benda ini dalam SUHAKAM juga.

**PK** Ok, tapi ulang, ulang kepada panel ini.

**SUPARI** Bahawa ada satu lelaki telah melakukan penyebaran agama Kristian di Perlis.

**PK** Ok.

**SUPARI** Ada satu repot. And then saya waktu itu dia cakaplah nama Pastor Raymond inilah. So kita pergilah sana. Kita siasat, siasat memang Pastor ada pergi ke sanalah pada waktu itu.

**PK** Ini ialah mengenai penyebaran ajaran Kristian ya di dalam komuniti orang Melayu dan Muslim?

**SUPARI** Betul.

**PK** Ya. Adakah itu melanggar undang-undang?

**SUPARI** Penyebaran tidak melanggar undang-undang. Boleh, orang boleh menganuti agama dalam perlembagaan Persekutuan.

**PK** Tetapi mungkin mengancam, mengancam sekuriti?

**SUPARI** Mungkin mengancam.

**PK** Ok. Saya nak berbalik kepada satu point dan nak, saya pergi ke Dato', Dr Madeline soalan mengenai Chembong atau Rembau itu tempat ya. Tetapi satu point yang, yang lebih awal saya nak, dalam laporan Peter Pormannan, dia kata ada kedua orang dia hilang ya, hilangkan, yang hilang. Joshua Hilmy dan juga Ruth Sitepu, ya? Ya?

**SUPARI** Betul.

**PK** Betul. Ruth Sitepu warganegara apa?

**SUPARI** Indonesia.

**PK** Indonesia. Adakah di dalam SOP polis, kalau ada warganegara luar negeri, mungkin ada laporan mengenai luar negeri, adakah SOP yang lain dari warganegara Malaysia? SOP mengenai menyiasatan kehilangan ke atau jenayah ke apa? Adakah SOP yang beza ke?

**SUPARI** Sama juga. Orang hilang sama juga proses dia.

**PK** Ok. Walaupun luar negeri mungkin ada internasional?

**SUPARI** Internasional, as an IO, dia kena checklah imigresen, check Interpol.

**PK** Ya. So dalam Sarjan Sibee penyiasatan, adakah Sarjan menyiasat mengenai kehilangan Indo ini? Ruth?

**SUPARI** Saya tidak pasti.

**PK** Tidak pasti?

**SUPARI** Tidak pasti.

**PK** You tak menyoal?

**SUPARI** Saya tak menyoal.

**PK** Tak menyoal mengapa itu Ruth Sitepu ada, ada –

**SUPARI** Pada waktu itu saya dah bantu dia dan siasatan diserahkan kepada ketua bahagian pengurusan.

**PK** Ya, saya tahu. Tetapi bukan satu orang sahaja hilang. Ada juga orang wanita, alright, yang suami dia hilang dan dia juga hilang. Memang, mengapa tak ada fokus apa-apa? You superficies sahaja. Saya akan put it to you that itu orang isteri sahaja, tak apa.

**SUPARI** Yalah suami isteri ya, pada waktu hilang.

**PK** So tidak fokus mengenai isteri pun hilang. Mungkin isteri balik ke Medan, Sumatera atau Indonesia, tak –

**SUPARI** Saya tak fokus. Tak.

**PK** Tak fokus?

**SUPARI** Tak.

**PK** So fokus sahaja warganegara Malaysia?

**SUPARI** Maksudnya repot itu dua-dua, maksudnya fokus saya itu saya tak pergilah pergi tanya dia ok pergi check ini. Maksudnya siasatan orang hilang you jalankan proses SOP orang hilang kan dan kalau dia warga asing saya automatically ini dia kena check Imigresen, kena check pintu keluar masuk. And then kita akan check Interpol, bantuan Interpol lah maksud untuk mengesan.

**PK** So pada –

**SUPARI** Itu SOP itu memang dah termaktub dalam penyiasatan.

**PK** So ada kes ini you tak tahu Interpol ada berhubung dengan itu?

**SUPARI** Itu tak pasti, kita tak tahu.

**PK** Tidak pastilah ya, ok. Selepas laporan Peter Pormannan, adalah satu lagi laporan oleh adik Ruth Sitepu. Adakah Tuan involve dalam –

**SUPARI** Tidak.

**PK** You sudah, you tidak involve. You sudah keluar dari zon ini?

**SUPARI** Ya.

**PK** Pada masa itu.

**SUPARI** Sudah keluar daripada zon ini.

**PK** So you tak ada apa-apa hal mengenai Ram Ram Elisabeth laporan, tidak?

**SUPARI** Tidak.

**PK** Tidak.

**SUPARI** Tidak.

**PK** So, ok di dalam masa Dr Madeline menyoal, dalam sistem PDRM –

**PM2** Sorry Mr Philip, DSP boleh tolong beri tarikh lagi bila you berpindah ke, dari tugas IPD PJ ke Ampang?

**SUPARI** 02.08.2018.

**PM2** So he transferred on 02.08.2018. Ram Ram Elisabeth report is 28.02.2018. So it still within, it was done in Petaling Jaya, ID PJ.

**SUPARI** Tapi saya tak involve waktu itu, saya tak involve because –

**PM2** Not because he's been transferred, he's still there ya.

**PK** It was not brought to your attention during the period sebab Ram Ram buat tetapi you masih ada di dalam zon tetapi tidak beri perhatianlah, tidak ada orang menarik perhatian Tuan lah?

**SUPARI** Tidak.

**PK** Tidak ya. Ok Dr Madeline menyoal dulu, di dalam sistem PDRM apabila kehilangan Joshua Hilmy dan juga Ruth Sitepu, you tengok ada satu polis laporan dari Chemor ya, you boleh ulang sedikit apakah, you boleh tengok nota. You, apakah perkara laporan itu. Sila kalau ada.

**SUPARI** Ya.

**PK** Kalau tidak boleh SUHAKAM pull out that police report please. A short a while –

**SUPARI** Ok, ok saya ada repot.

**PK** Ok you ada.

**SUPARI** Chembong repot 14/16/2014.

**PK** Ya, ya you ada. Tengok, sila tengok, boleh merujuk nota-nota punya dan jangan –

**SUPARI** Ok siasatan telah dibuatlah. Inspektor Nurul Huda sebagai IO kes dan siasatan dijalankan di bawah Akta Hasutan lah Seksyen 4(1) Akta Hasutan.

**CHM** Can I have the Chembong report again date? Tarikh?

**SUPARI** Tarikh 27.06.2014.

**CHM** Tolong tunjuk, ya. 27 –

**SUPARI** Bulan Jun.

**CHM** Jun ok.

**PK** Dan Daerah Rembau ya.

**SUPARI** Rembau.

**PK** Di dalam repot ini, boleh naik sedikit? Si yang membuat laporan ini ialah dia classified sendiri ya seperti pejuang dan apa, you ada lihat seperti itu? Ok 'saya Salam Bin Salleh Ketua Wira', ok bukan pejuang ya. 'Ketua Wira Perkasa Dun Chembong semasa di rumah alamat alright, telah melayari Facebook, saya terlihat satu kenyataan yang menghina Allah dan Rasul yang ditulis oleh Joshua Hilmy yang berbunyi', saya tak payah membacalah. 'Kenyataan tersebut adalah umat kurang ajar dan menghina keseluruhan agama Islam yang suci. Saya selaku Ketua Wira Perkasa', ok. So dengan tengok laporan ini, memang dalam pendapat Tuan, ini mungkin ada hubungan. You ada minta Sarjan Sibee untuk jumpa pejuang ini tak? Wira ini?

**[10:45AM]**

**SUPARI** Saya tidak pasti because laporan ini selepas siasatan orang hilang dibuka and then kita baru tahu identiti si Joshua Hilmy ini. And then daripada situ saya baca memang ada kertas siasatan dibukalah.

**PK** Ya.

**SUPARI** Berkaitan dengan laporan Joshua Hilmy ini. Kita tengok status juga siasatan cuma saya tak ada bagi arahan apa-apa because segala berkaitan dengan arahan minit dalam kertas siasatan perlu dibuat oleh pihak pengurusan.

**PK** Ya.

**SUPARI** Di bawah penyeliaan pengurusanlah.

**PK** Apa makna itu? Apa fahaman yang you nak, kalau laporan ini siapa tanggungan, now sekarang laporan ini mungkin ada hubungan dalam kes kehilangan. Siapa tanggungan?

**SUPARI** Kita tak cakap ada related dengan ini. Mungkin kita tengok daripada mangsa maksudnya si Hilmy Joshua ada laporan yang dikaitkan dengan Chembong repot ini so pihak IO dia kena mengkajilah maksudnya dia kena mengkaji. Saya bukan lagi di bawah penyeliaan terhadap kertas siasatan orang hilang itu jadi Ketua Bahagianlah, Pengurusan yang akan memberi apa-apa saja arahan untuk lanjutkan siasatan dalam kes inilah, orang hilang. Umpama saja.

**PK** Ok. Pada pendapat Tuan, isu agama murtad, yang memurtadkan orang, adakah isu yang sensitif?

**SUPARI** Sensitif pada kaum yang terlibatlah. Mangsa yang terlibatlah ataupun dengan mana-mana pihaklah.

**CHM** Just a moment ya, rujuk balik repot ini, rujuk balik repot itu. Mengikut nada repot ini, orang yang buat laporan ini dia memang sangat marah ya? Betul dia marah ya kepada orang bernama Joshua itulah ya?

**SUPARI** Ya.

**CHM** Ya. Saya nak tahu, bagaimana En Supari terjumpa laporan ini, macam mana dan masa bila?

**SUPARI** Selepas kertas siasatan orang hilang dibuka maksudnya identiti Joshua Hilmy di sini telah ditimbulkan. Saya hanya mengikuti ya, saya tidak fokus kepada siasatan orang hilang ya. Saya hanya mengikuti saja. Kan saya hanya mengikuti jadi dekat situ memanglah kita lihat ada siasatan dibuka. Kita akan panggil juga investigation paper maksudnya IP yang

dibuka ke atas kes ini. Maknanya dalam siasatan Chembong repot ini ada IP dibuka, investigation paper dibuka.

**CHM** Ya, ya.

**SUPARI** Jadi kita tengok dia punya keputusan keslah. Then tak ada nampak kes –

**CHM** Tak, tak, ok saya nak tahu timeframe lah, timeframe ya. En Supari terlibat bila itu? Seminggulah, terlibat dalam penyiasatan awal kan terlibat ya?

**SUPARI** Saya boleh kata jaga tepi kain oranglah Datuk, Dato' Seri saya jaga tepi kain orang maksudnya saya tak direct. Awal saja saya direct saya bantu Sarjan Sibee.

**CHM** Tak apa, tak apa, tak apa, ya, ya. Ok bila itu agak, saya dah tak ingat dah, bila agaknya?

**SUPARI** Lebih kurang maksudnya yang saya dah tahu repot ini ke ataupun –

**CHM** Tak, tak, jangan masa terlibat dengan penyiasatan sarjan Sibee.

**SUPARI** Sibee.

**CHM** Sibee.

**SUPARI** Lebih kurang seminggu selepas repot dibuatlah.

**CHM** Report Peter ya?

**SUPARI** Peter, repot Peter.

**CHM** Bila Peter punya repot ya?

**SUPARI** 03.06.2017.

**CHM** 3hb Jun?

**SUPARI** 2017.

**CHM** 3 Jun.

**SUPARI** 6, 3.

**CHM** Ok.

**PK** 2017.

**CHM** Ya seminggu lepas itu En Supari terlibat ya?

**SUPARI** Maksudnya –

**CHM** Terlibat dengan –

**SUPARI** Bantuan.

**CHM** Bantulah, bantu ya.

**SUPARI** Bantu untuk mengesan.

**CHM** Ok, ok, it's Jun 17 ok. Masa bila telah terlihat agar kes Chembong ini datang kepada pengetahuan En Supari? Bila? Berapa lama selepas Jun ini, dalam, ya bila, mula-mula bila dulu?

**SUPARI** Tarikh saya tak dapat ingat, tak pasti.

**CHM** Sebulan kemudian, dua bulan?

**SUPARI** Saya tak pasti Yang Arif, saya tak pasti. Maksudnya lama juga lah selepas itu saya baru tahu, lama.

**CHM** Ok. Lama juga lah ya. Tak pasti ya?

**SUPARI** Tak pasti.

**CHM** Ok dalam keadaan macam mana ini yang terlihat kes Chembong ini, repot ini, dalam keadaan mana?

**SUPARI** Dalam keadaan mana?

**CHM** Ada meeting ke ataupun progress monitoring ke, bagaimana?

**SUPARI** Progress monitoring maksudnya –

**CHM** Bagaimana –

**SUPARI** Saya siasat kes Pastor.

**CHM** Bagaimana tunjuk, jangan buang yang itu Chembong itu. Show the Chembong punya repot itu, maintain the Chembong repot.

**SUPARI** Ada, ada depan saya, tak apa.

**CHM** Tak, tak it's not before me, ok. Ok macam mana Encik ini terserempak, macam mana? Dalam keadaan bila itu?

**SUPARI** Meeting lah, maksudnya perjumpaan yang kita ada kes Pastor Raymond dengan ada kes apa, kes Joshua Hilmy ini, kita tengoklah apa isu-isu yang boleh kita kaitkan dengan kes kan. Maksudnya dari segi aktiviti si mangsa inilah. Maksudnya sama ada Pastor ataupun Joshua Hilmy lah. Maknanya bila kita tengok kalau dalam siasatan polis kita akan melihat kepada siapa, kita tengok credibility mangsa ini siapa. And then bila kita tengok repot, daripada IC nombor to repot di sistem kita boleh keluarlah maksudnya ok, dia ini ada pernah di repot, pernah di siasat di bawah seksyen ini. Dari situ saya dapat tahu.

**CHM** Jadi kemudian selepasnya tak bermakna yang En Supari tak tahu langsung. Tak bermakna tak tahu sebab kemudian, dalam satu ketika kan dalam keadaan progress monitoring of the GAC ke terlihat ini ya?

**SUPARI** Terlihat.

**CHM** Terlihat?

**SUPARI** Terlihat.

**CHM** So mungkin dalam mesyuarat macam mana itu?

**SUPARI** Mesyuarat ya, kita ada wujud –

**CHM** Jabatan Jenayah punya progress report ke?

**SUPARI** Jabatan Siasatan Jenayah pun kita tengok juga lah dalam Jabatan Siasatan Jenayah punya progress meeting lah.

**CHM** So ada terlihat ya?

**SUPARI** Ada.

**CHM** Ada En Supari membawa kepada pengetahuan Sarjan Sibee suruh dia you know?

**SUPARI** Memanglah.

**CHM** Ada bawa pada pengetahuan dia, ada bawa?

**SUPARI** Memang kita, one off, bawa, ada bawa. Mungkin salah satu sebab kalau orang ini hilang ke, dia nak, mungkin juga lah, itulah. Maksudnya apa saja ada isu yang boleh kita kaitkan dengan kes, kita try untuk keluarkanlah. Maksudnya sampai setakat mana kita boleh the final, dia punya penghujung ini.

**CHM** Ada tak bahagian JSJ IPD Petaling Jaya cuba juga dari segi angle ini, macam ini ya dah lah dia orang Melayu masuk agama Kristian, itu No.1, No.2 membuat you know kenyataan begini. Kita tak tahulah betul tak betul kan dan benda ini yang membuatkan ada orang Melayu yang marah. Ada tak cuba kaitkan kehilangan itu dengan macam ini? Ada tak

cuba investigate sebab kita macam, sebagai investigator saya, kita cuba cari lead kan. Ini dengan ini, ini, ini kan. Ada tak cuba investigate melalui juga melalui lead ini?

**SUPARI** Saya percaya IO ada buat ya. IO ada buat saya rasa. Saya rasa IO ada buat.

**CHM** IO atas arahan JSJ ke macam mana?

**SUPARI** Kalau maksudnya atas arahan itu bergantung kepada keadaan Datuk. Maksudnya siasatan kita ada lead, kita akan menjurus kepada siasatan itulah apa dia punya ending punya siasatan. Apa ending dia punya maklumat itulah. Ada siasat, saya rasa IO ada siasat because dalam kes Joshua Hilmy ini, sekarang ini Zulfadhly yang jalankan siasatan ini. Maknanya dia ada siasat juga –

**CHM** Tak, semasa terserempak dengan maklumat ini kan, ada tak –

**SUPARI** Ada kita –

**CHM** Membuat arahan, look why don't you cuba –

**SUPARI** Saya tidak pasti dibagi arahan maksudnya –

**CHM** Cuba angle ini pula, angle ini pula.

**SUPARI** Memang adalah.

**CHM** Ada?

**SUPARI** Memang ada, ada.

**CHM** Ada, ada disyorkan?

**SUPARI** Maksudnya kita ending kan, maksudnya setakat mana kita boleh dapat maklumat berkaitan dengan laporan ini.

**CHM** So –

**SUPARI** Maksudnya maklumat katalah dia kata orang marah tadi kan, perasaan marah itu, setakat mana dia punya kemarahan? 2014 punya kes kan, kita rujuk kepada 2014 punya kes, tengok siapa dia ini kan, apa dia punya tindakan.

**CHM** Orang marah dan sekarang ini dia dah hilang. Tak tahu menahu. Ada tak cuba you know?

**SUPARI** Memanglah, cuba.

**CHM** Mengarahkan why not we take off, we also explore this lead, ada tak?

**SUPARI** Ada.

**CHM** Ada ya?

**SUPARI** Ada.

**CHM** Ada. Ok ya.

**PK** Just now you mention, Baptis, apakah maksud? Tidak, kita tidak mengkaji dia Baptis lah, apakah maksud itu? Boleh –

**SUPARI** Mengkristiankan lah, mengkristiankan.

**PK** Baptis oranglah. Bagaimana you tahu perkataan itu dia Baptis orang?

**SUPARI** Maksud you ayat mana saya gunakan Baptis? Tadi maksudnya yang masa pergi dalam repot itu kata membaptiskan tatu orang di Perlis?

**PK** You kata itu Raymond Koh itu?

**SUPARI** Raymond Koh.

**PK** Bukan Joshua Hilmy?

**SUPARI** Bukan.

**PK** Ok saya keliru sedikit. Saya ingat DSP kata Joshua Hilmy membaptiskan orang ya, you tak tahu alright, ya.

**SUPARI** Saya tak tahu.

**PK** You tidak ada apa-apa menyiasat adakah Joshua Hilmy dan Ruth membaptiskan orang?

**SUPARI** Saya tidak ada siasat.

**PK** Tidak siasat?

**SUPARI** Saya –

**PK** Tidak masuk?

**SUPARI** Tidak ada.

**PK** Bilik mandi atau ada you know?

**SUPARI** Maksudnya?

**PK** Bilik mandi di Kampung Tunku itu, rumah itu.

**SUPARI** Apa beza dia ya? Tak ada apa-apa, saya tak masuk bilik mandi, tempat kosong sajalah.

**PK** Kosong ya, ok pada masa you masuk dalam rumah itu, saya pun hairan sedikit sebab pada selepas Peter Pormannan buat laporan, Tuan sangat cekap tugas itu baik, saya pun respect ya. You masuk ke rumah dan tetapi ada atau tidak apa-apa hal di master bedroom pun tidak ada apa-apa hal?

**SUPARI** Ya betul.

**PK** Sebab Commission as I don't know whether I must confess, I need to re look at the transcript. I thought I have seen a photograph alright of the master bedroom. I don't know whether it's part of the exhibit where it is a bit dishevelled you know the bedroom.

**PM1** Yes I was just about to ask.

**PK** Yes, could we summary that up?

**PM1** I don't know what is this?

**PK** To be fair to the witness –

**PM1** Yes.

**PK** He is not aware maybe. This is in the, have a look please show to the –

**SK** Exhibit 10A.

**PK** Exhibit 10A, can you summary it up? Have a look. Do we know when this photograph is taken Mr Simon? This was from Ram Ram I think?

**SK** Ram Ram. They –

**PM1** Yes Ram Ram.

**SK** When they gave to lodge a police report the they also went to the house.

**PK** By then the house was abandon actually as far as we know. So you, lihatlah gambaran ini di master bedroom. Adakah ini kemas ke, tidak ada ganggu ke?

**SUPARI** Ini gambar diambil masa bila?

**PK** Saya rasa ok ini gambar diambil selepas Ram Ram Elisabeth buat laporan.

**SUPARI** Lama masa itu Yang Arif, lama masa.

**PM1** Sama masa?

**SUPARI** Tak sama.

**PM1** Tak sama.

**PK** Ok pada pendapat Tuan, you, sila lihat jangan risau, ingat dengan baik-baik, master bedroom tidak seperti ini?

**SUPARI** Tidak, tidak Yang Arif, confirm tidak.

**PK** Confirm tidak?

**SUPARI** Confirm tidak.

**PK** Dan Madam, Dr Madeline juga meminta atau Tuan kata you tidak menyemak laci ke atau apa atau kotak ke apa tak?

**SUPARI** Memang tidak ada bertaburan maksud saya berada dalam keadaan baik, saya pun tak nak, nak menyelongkar lebihlah because saya nak serahkan pada Sarjan Sibee untuk tindakan lanjut. Saya pada waktu itu my concern is saya nak tengok apa ada dalam rumah, mungkin saya boleh selamat orang, mungkin saya boleh jumpa sesuatu untuk tindakan respons serta merta.

**PM1** Can I just ask sekejap ya.

**PK** Please, please, please.

**PM1** Nak kepastian. Adakah ini bilik yang Tuan lihat? Is this the master bedroom or it's a different bedroom?

**SUPARI** Tak, salah satu biliklah.

**PM1** Salah satu bilik. Tapi memang Tuan tidak ternampak dalam bentuk begini?

**SUPARI** Tidak nampak.

**PM1** Mana-mana satu bilik pun?

**SUPARI** Tidak.

**PM1** Tuan pergi tadi berapa hari bulan, lupa saya? Satu minggu –

**SUPARI** Lebih kurang lapan sembilan hari selepas Peter buat repot.

**PM1** Ok so you were there with Peter.

**SUPARI** Ya.

**PM1** Yang buka lock tadi, yang Cina itu.

**SUPARI** Cina itu saya ingat dia tak masuk.

**PM1** Tak masuk.

**SUPARI** Dia pergi duduk dalam kereta ya.

**[11:00AM]**

**PM1** So sorry lah we have to use etnik dekat sini. Tak baiklah tapi maknanya ada seorang lagi so, dan Tuan ada dengan seorang lagi pembantu tadi kan, pegawai kan?

**SUPARI** Saya punya Koperal Yusof lah.

**PM1** Ok. Tapi dia pun tak ambil foto ya?

**SUPARI** Dia tak ambil foto.

**PM1** Untuk kita verify.

**SUPARI** Dia bukan, dia hanya menemani saya, dia sebagai pemandu saya waktu itulah.

**PM1** So this is definitely memang tapi Tuan ada ternampak bilik inilah tapi –

**SUPARI** Memang nampak.

**PM1** Nampak bilik tapi tidak seperti begini?

**SUPARI** Tidak seperti itu.

**PM1** Do we know the date ya Simon? Bila, sorry.

**SK** We are checking now.

**PM1** Because Ram, this is in Ram Ram punya because when she went there right so she took the photo, adik Ruth Sitepu. And this one is really in, ada penyelongkaran ya.

**CHM** Must be a Ram Ram report, date of Ram Ram report.

**PM1** It must be around that time. Because she went to the house first right, something likes that. Tak jumpa tarikh ya?

**PK** At that time I wasn't involve with them at all so I have no –

**SUPARI** Waktu gambar diambil waktu saya hampir sudah datang ke sana, sampai dekat sana maksudnya tak ada semak-semak ini terlampau lagi. Maknanya masih lagi clear lagi Yang Arif.

**PM1** Ok tapi rumah, rumah itu betul?

**SUPARI** Rumah betul.

**PM1** Betul ya.

**SUPARI** Ya.

**PM1** Dengan gril dia semua itu?

**SUPARI** Ya betul.

**PK** Berapa jam Tuan dengan Sibee di dalam rumah itu, berapa jam?

**SUPARI** Saya tak dengan Sibee, saya dengan Peter saja.

**PK** Peter sahaja?

**SUPARI** Lebih kurang saya ingat dalam 15 minit, 20 minit ke 15 minit masa saya tengok, tengok kawasan luar, saya jumpa jiran tanya sebelah rumah itu ada tempat orang tengah buat rumah, renovate rumah sebelah itu. Saya tanyalah saya tengok, tengok mana tahu ada nampak ke apa ke, itu saja.

**PK** So agaknya 15 minit sahajalah ya?

**SUPARI** 10, 15 minit lah. 15 atau 20 minit lebih kurang.

**PK** Dan selepas rumah itu dikuncikan dan you keluar.

**SUPARI** Ya.

**PK** You ada buat laporan?

**SUPARI** Tak ada, tak ada and then saya maklum pada Sarjan Sibee saja bahawa alamat tempat mangsa yang kata hilang ini kita dah temui so you proceed dengan investigation.

**PK** So memang you tidak ada tengok laci atau apa pun ada kotak di bawah katil ke, ada beg ke. Mungkin ada evidence mengenai bagaimana ada orang ini keluar dengan cepat ke, dia meletak pasport ke.

**SUPARI** Itulah macam saya cakap, saya pun melihat kepada keadaan. Saya pun dalam fikiran saya dia tergesa-gesa ke, dia keluar rumah ke atau orang masuk ke. Itu yang paling main fokuslah.

**PK** Memang, memang, memang so –

**SUPARI** Tapi memang tak nampak.

**PK** Sebagai seorang penyiasat yang agaknya senior you know, you ASP, memang kalau ada hilang mungkin cuba tengok ada pasport ke atau you know, dia ada IC atau driving licensee. Adakah you know sebab kalau tak cepat keluar atau keluar negeri memang pasport ada di dalam bilik. Mengapa tak menyiasat seperti sana dalam lagi –

**SUPARI** Memang tidak adalah maksud.

**PK** Buka laci ke buka kotak ada pasport ke.

**SUPARI** Pada waktu itu saya nak menggeledah, saya berpendapat pada waktu itu kalau Sarjan Sibee nak terus menyiasat kalau alam rumah itu dia perlu bawa forensik ke whatever yang jika dia perlu, dia a perlulah. Kita pun tak nak ganggu lebih-lebih tempat kejadian. Maksudnya dari segi dokumen yang kita nak kesahlah. Maksudnya memanglah kalau kita tengok, saya boleh tengok mana yang terbuka saya boleh tengoklah kan. Saya nak pergi selongkar satu-satu is not, bukan saya lagilah. Maksudnya my first intention is adalah untuk tengok alamat rumah, mana dia, mana dia orang tinggal pasal alamat tak tepat dalam laporan. And then yang kedua saya nak tengok mungkin ke ada body ke, ada apa ke itu my intention lah. Lepas itu kita tengok keadaan rumahlah salah satulah mungkin rumah dia kena pecah ataupun bukan kena pecah ke. Atau pun ada tak kawasan, rumah itu nampak macam kita cakap tadilah tergesa-gesa ke orang tinggal rumah. Saya tak nampak, saya still cakap benda itu macam berada dalam keadaan tak ada nampak macam orang rushing untuk apa-apa lah.

**PK** You kata mungkin ada body, badan mayat atau apa.

**SUPARI** Body.

**PK** You ada di dalam –

**SUPARI** Mesti, mesti dalam kita punya, kita mesti ada fikiran macam itulah because mungkin dia bunuh diri ke, dia pembunuh ke, dia kena bunuh ke.

**PK** Ya, ya, ya. Itu baik, itu yang mesti SOP. Kalau maksud orang dulu, Dr Madeline pun cakap mungkin kita menonton televisyenlah.

**SUPARI** Ya, ya.

**PK** You masuk rumah yang orang hilang mungkin you ada cuba menyiasat kawasan taman ke atau apa, ada kubur ke ada? You ada berjalan?

**SUPARI** Ada tengok.

**PK** Ada?

**SUPARI** Tak adalah kawasan tanah kena gali ke kena korek ke tak ada. Ada tengok kawasan luar, tengok sebab saya nak pergi ke rumah jiran itu saya akan melalui tengok tepi-tepi pagar itu kan, tanya dengan orang yang tengah buat renovation kan.

**PK** Dulu you kata juga you jumpa orang jiran di hadapan ya. You –

**SUPARI** Satu lelaki India.

**PK** Dan you meminta tuan, you ada tengok ada tuan punya atau orang yang tinggal di sini, bermastautin di situ, jalan keluar atau masuk you ada minta dia lah?

**SUPARI** Ada.

**PK** Apakah dia kata?

**SUPARI** Dia tak nampak.

**PK** Tak nampak. Apa soalan yang diberi?

**SUPARI** Bila saya tanya berapa lama pun dia tak pasti tapi rumah ini selalu tutuplah, macam itulah dia cakap. Selalu tutup, dia tak nampak tapi ada satu, dia kata memang ada dulu ada orang tinggal satu Melayu, macam itulah dia kata. Melayu, lelaki Melayu itu saja dia nampak, lain dia tak tahu.

**PK** Saya dengar you kata ada mungkin ada orang masuk keluar, you ada minta seperti itu?

**SUPARI** Ada, saya tanya ada tak orang keluar masuk ke, ada orang minta tolong ke, menjerit ke, ada ke, pada waktu ketikalah.

**PK** Ya, ya, ya.

**SUPARI** Kalau misal kata ada orang keluar masuk, berapa lama dah benda di rumah ini telah ditinggalkan.

**PK** Ya.

**SUPARI** Dan ada kenderaan tak yang diguna pakai, yang pernah datang dekat rumah ini atau you ingat kenderaan owner yang menyewa dekat sini ke, yang duduk dekat sini ke. So dia tak tahu.

**PK** So ada dia kata kereta?

**SUPARI** Tidak ada.

**PK** Di dalam, di tempat penyiasatan you ada mempastikan bahawa Joshua Hilmy atau Hilmy Halim ada tuan punya sebuah kereta kancil?

**SUPARI** Tidak ada.

**PK** Mungkin kalau ada seorang hilang dan kereta hilang mesti mencuba menyiasat kereta yang hilang juga.

**SUPARI** Mungkin kalau misal kata ada kereta dia kelihatan apa jenis kereta, kita atau nombor kenderaanlah paling mudahlah, kita akan check lah. Maksudnya siapa punya kenderaan. At least dia dapat nombor plat nombor, nombor pendaftaran kita boleh check dah.

**PK** Dan JPJ atau apa.

**SUPARI** Ya. Yes.

**PK** So ada Tuan tahu mengenai –

**SUPARI** Tiada maklumat menyatakan bahawa ada kereta ke, dia tak pasti, tak pasti. Dia tak nampak. Dan orang itu agak old lah, dah tua sikitlah.

**PK** Ok.

**SUPARI** Mungkin dia penglihatan dia kabur pada waktu itu.

**PK** Alright now I'm going to a short set of question concerning a wider issue. Tuan, I want to bring up Exhibit 4 for the Commissioner I have copies here. Can you pass around? They have already Exhibit 4. This exhibit I think tendered by Mr Rahman, Rahmat of CAGE. Ok. It's only a short portion of this. I don't want to be belabour point but I just want to put it to the witness and then he can response. I think I will close my questioning unless my colleague wants to say something. Ok ini Exhibit 4. Kalau you tengok exhibit ini, ini mengenai satu seminar belia menentang keganasan yang dijalankan oleh DCP Awaludin Jadid ya. You kenal DCP Awaludin Jadid?

**SUPARI** Kenal. Selepas saya menyiasat.

**PK** Menyiasat apa?

**SUPARI** Sebelum itu memanglah Polis Di Raja Malaysia kami pun terlalu ramai officer saya tak kenal Dato' Seri, dan apabila saya menyiasat ada Dato' Awaludin saya kenallah. Saya pernah berjumpalah.

**PK** Ok sila pergi ke surat 13 exhibit ini. Di bawah perenggan 31:43 minutes, page 13 Tuan.

**SUPARI** Ok.

**PK** 13 ya.

**SUPARI** Ok.

**PK** 13. Ini 13 ada?

**SUPARI** Ada.

**PK** Ok. Saya membaca ini Tuan Awaludin dia kata, 'ok tetapi satu kita mesti ingat bahawa' –

**CHM** Sebentar, sebentar, I think tak –

**PK** Ya.

**CHM** What's the time? The time?

**PK** 31:43 minutes.

**CHM** 31:43 please. You need to –

**PK** Maybe the page is different.

**SUPARI** 31.

**PK** Ya. Ok page is different I apologize The pagination inside is different corner. Page in the yours, but that one I gave to you SSE is pargeted in –

**CHM** That's it, ok dah dapat dah.

**PK** But at 31:43 minutes. That's the paragraph. Bear with me for a while Tuan. Kita nak membaca untuk sebab background question saya ialah ini ya. Ok tetapi ini suara Tuan Awaludin ya. 'Satu kita mesti ingat bahawa tuntutan mereka sudah lebih liberal lagi supaya kerajaan kita liberal dari visi Islam. Kalau Tuan-tuan melihat sekarang ini kenapa isu murtad timbul selepas pilihan raya 2004, saya rasa sorry 2008 apabila kerajaan Barisan Nasional failed to secure 2/3 majority. Ini sebagai cut-off date dia dan kita melihat isu murtad timbul. Desakan-desakan daripada gereja right, ini supaya membolehkan menggunakan kalimah Allah sedangkan sebelum ini kita tidak pernah dengar isu kalimah Allah digunakan di dalam gereja. Saya ini berapa tahun saya telah mengkaji tentang isu-isu extremism, tidak pernah saya dengar orang Iban, cakap kita melihat pada Allah Taala. Ini perkataan-perkataan yang selalu disebut apabila isu ini di timbul. Kenapa Allah Taala dia punya apa, ini orang-orang gereja' dan not very audible so I berhenti situ. Tuan Awaludin dalam forum ini bagi bela Islam alright. Dia kata demikian ok. 32:43 minit ini perenggan yang mustahak. Kita membaca sedikit. 'Jadi ini kita melihat apabila kita orang Melayu berpecah, orang-orang Islam berpecah, ada pihak yang akan mengambil kesempatan dan isu ini masih berterusan pada hari ini. You see dulu kita ada ISA, kita tangkap, saya pernah tangkap dulu. Kalau Tuan-tuan masih ingat Joshua Jamaluddin dan Hilmy Mohd Noor', ini agaknya quite interesting nama dua orang pada masa itu Operation Lalang itu pada masa, mungkin Tuan mata-mata sahaja bukan DSP dulu, 'Joshua Jamaluddin dan Hilmy Mohd Noor, ini anak Mufti Selangor itu Hilmy Mohd Noor dulu. Hilmy Mohd Noor dia punya bapa adalah Mufti Selangor dulu dan kita ada Kamarudin Ahmad', ok tak apa, I'm not interested in Kamarudin at the moment ya. Then so on so forth alright. Tuan, dengan nama Joshua Hilmy, kita kalau you penyiasatan, you tahu nama Joshua Hilmy itu bukan nama yang hilang orang itu bukan, orang Joshua Hilmy is it? Nama apa dia yang hilang?

**SUPARI** Hilmy Bin –

**PK** Halim?

**SUPARI** Halim ya.

**PK** It's alright, Hilmy Bin Halim. Dengan nama Joshua Hilmy, actually quite interesting on record Mr Chairman, I was representing both this parties in Operation Lalang. Especially Hilmy so at that point when we heard about potential disappearance of Joshua Hilmy, I thought Hilmy got disappeared. I actually called En Hilmy I say 'Hilmy are you alright', so Hilmy said 'no, no, no I'm not the one who disappeared, I'm still around'. And then the word Joshua. At first I thought did Hilmy disappear and then did Joshua Jamaluddin he merge somewhere from where ever he is now so someone I mean for, from the, from here I would like to share, I thought that probably he be disappeared and then got someone decide to combine their name called Joshua Hilmy. So who is he alright. At that time I was not involve in this case. Ok anyway Tuan, back to here. So dalam taklimat ini ya, forum ini Tuan Awaludin kata dia combine idea ekstremis atas kedua perkataan liberal dan juga golongan gereja ya. Tahu, you setuju? You setuju Tuan Awaludin dalam perenggan kita saya baru baca. Dia mengait, dia cantum kedua-dua liberal, gereja ialah golongan ekstremis.

**[11:15AM]**

**SUPARI** Itu tidak bermaksud kot. Saya punya pendapat persepsi dia berbeza.

**PK** Persepsi dia lah.

**SUPARI** Persepsi dia.

**PK** Tetapi Tuan tidak ada persepsi seperti itulah? Ok. Kalau begitu dalam penyiasatan alright, apabila you masuk PDRM fail atau apa, nama Joshua Hilmy tidak mengeluarkan kes lama seperti ini Joshua Jamaluddin dan Hilmy Mohd Noor, tidak?

**SUPARI** Tidak ada kaitan.

**PK** Tidak?

**SUPARI** Tidak ada.

**PK** Tidak ya.

**SUPARI** Tidak ada.

**PK** So it's interesting I think their record doesn't seem to go way back to Operation Lalang when –

**CHM** Operasi Lalang tahun 1988 kan? I think 1988.

**PK** When we all very young then alright.

**CHM** En Supari join PDRM what year?

**SUPARI** 95'.

**CHM** 95'?

**PK** 95'.

**CHM** Selepas Operasi Lalang lah.

**PK** Ok lah it's a later alright to be fair and also the system doesn't seem to bring it up. So kalau di suasana seperti ini, suasana ada orang yang pangkat dia tinggi ya, pangkat dia tinggi DCP, Deputy Commissioner Police kata 'inilah golongan yang mengancamkan negara'. Alright, so bagaimana DSP tidak ada kaitan bahawa kehilangan Joshua Hilmy Pastor mungkin dia menginjilkan ataupun memberi ajaran yang seperti orang Syiah you know, dia menyeleweng orang-orang Islam, mengapa tidak ada perspektif untuk mengkaji lebih mendalam? Itulah sebab, itulah motif kalau ada orang nak menghilangkan mereka. Adakah di dalam perspektif Tuan?

**SUPARI** Ok saya melihat kepada finding, saya punya siasatan Pastor termasuklah saya ingat mungkin nak relate kan dengan –

**PK** Pastor Raymond Koh ya.

**SUPARI** Pasal Raymond Koh. Memang kita tengok beberapa angle Dato' Seri ya dari segi individu itu sendirilah, dia punya aktiviti dia and then dari segi ekstremis, kita melihat juga dari segi ekstremis maksudnya dari segi hutang dia ke, dari segi famili dia ke, dan atau orang berdendam dengan dia makna kita melihat semua aspek based on pada information yang kita akan perolehi ya.

**PK** Memang kalau perkataan ekstremis, apakah pada pendapat Tuan pada PDRM it mean mungkin orang yang menggunakan aktiviti yang mungkin violent ke atau gunakan senjata ke atau bom ke you know, itu lagi ekstremis kan?

**SUPARI** Ekstremis ini secara luas tak semestinya Islam saja ekstremis, Buddha pun ada, Hindu pun ada jadi terlalu luaslah. Cara dia maybe ada menggunakan ideologi ke, ada gunakan kekerasan, ada menggunakan persenjataan, bergantung kepada dia punya kekuatanlah.

**PK** Memang, memang. So Tuan sepatut masa itu DSP so sangat senior, you tahu juga di dalam PDRM ada dua golongan pendapat yang beza. Ayub Khan alright.

**SUPARI** Ok.

**PK** Dia kata siapa yang ekstremis, dia kata Wahhabis, Salafis yang ekstremis. Ya you ada jumpa pendapat Ayub mengenai itu?

**SUPARI** Ada terbacalah, terbaca.

**PK** Ada baca ya. So mungkin dia beza sedikit dari Awaludin.

**SUPARI** Itu saya tak pastilah.

**PK** Tak pastilah. Itu yang –

**SUPARI** Tak pasti.

**PK** Yang lebih on the more senior level they discuss this. Ideologi-ideologi yang mengancamkan negara ya. Encik itulah saja saya nak meminta penjelasan. Terima kasih DSP, selamat menyiasat. Kita ada harapan seperti orang warganegara yang risau mengenai kehilangan En Raymond Koh dan juga Joshua Jamaluddin dan juga bagi warganegara Indonesia, kita pun nak mengapa orang isteri dia juga dihilangkan ya. Terima kasih.

**ADY** Ok a very good morning members of the panel. Ok Tuan Supari ya, for the rekod ya, boleh nyatakan tak apa tempoh perkhidmatan Tuan Supari di PJ ya daripada tarikh bila lapor diri sehingga tarikh Tuan keluar?

**SUPARI** Saya lapor di PJ pada tahun –

**ADY** Tarikh.

**SUPARI** Tarikh?

**ADY** Ingat tarikh?

**SUPARI** 01.06.2006. Sorry, sorry Tuan, ok saya lapor 01.06.2013.

**ADY** Ok.

**SUPARI** Sehingga 02.08.2018.

**ADY** Ya sepanjang tempoh ini, penugasan Tuan di IPD PJ itu sebagai SIO zon berapa ini?

**SUPARI** Ok itu zon 2 Tuan.

**ADY** SIO zon 2 ya. So 01.06.2013 sehingga 02.08.2018 Tuan memang bertugas sebagai SIO Zon 2 betul?

**SUPARI** Tidak terus, saya berpindah-pindah Tuan.

**ADY** Ok.

**SUPARI** Maksudnya saya lapor di PJ pada itu saya berbuat SIO 90 kemudian saya buat D9 lama, maknanya tahun 2017 itu saya masuk SIO Sungai Way.

**ADY** Ok.

**SUPARI** Dan dari Zon 2.

**ADY** So penugasan sebagai SIO Zon 2 ini apa boleh Tuan, tolong cerita sikit apa penugasan yang Tuan jalankan?

**SUPARI** Ok yang pertama saya akan, saya ada team saya yang terdiri daripada IO dan AIO yang akan menjalankan siasatan. Semua-semua repot 24 hours setiap hari akan dikumpulkan. Maknanya kita akan klasifikasi dan sama ada klasifikasi itu sama ada kita jadikan sebagai siasatan maksudnya kalau ada criminal berlaku, kalau tak kita akan klasifikasikan RTM, ROA, ROR ataupun siasatan macam dalam kes ini adalah orang hilanglah.

**ADY** Ok Tuan, saya tertarik dengan apa kenyataan Tuan yang menyatakan laporan-laporan 24 jam. Boleh Tuan tolong apa menjelaskan dengan lebih lanjut lagi maksud Tuan berkenaan dengan laporan 24 jam ini?

**SUPARI** Laporan 24 jam adalah apa-apa saja laporan yang dibuat oleh public ataupun anggota atau pegawai yang membuat laporan polis dan dia ada numbering dia, dia ada nombor repot dia dalam tempoh itu. Maksudnya itu adalah dalam satu balai, area balai itu dia ada jurisdiction dia, dalam kawasan itu dia akan jadi repot Sungai Way repot 1, 2, 3, 4 maksudnya dalam jurisdiction Sungai Way dia akan jadi repot. So dalam tempoh 24 jam itu maknanya dari pukul 08:00AM sampai ke

12:00, 08:00AM itu maknanya adalah repot 24 jamlah keesokan harinya.

**ADY** Ok. Tuan, tadi Tuan tak setuju ya dengan satu pendapat bahawa dalam menjalankan siasatan ini Tuan dikatakan telah lambat untuk menjalankan siasatan tapi Tuan katakan bukan lambat tapi perlu ada keputusan dalam tempoh 24 jam ini. So bagi kenyataan Tuan ini, setuju dengan saya ataupun tidak bahawa dalam apa-apa laporan yang dibuat di dalam balai sama ada kes-kes yang melibatkan kes elemen jenayah ataupun kes-kes yang melibatkan apa, hal-hal lain contoh orang hilang ataupun melibatkan kes-kes tuntutan sivil, that's mean laporan-laporan sedemikian perlu ada keputusan dalam tempoh 24 jam?

**SUPARI** Betul, perlu ada.

**ADY** Siapa yang pantau laporan-laporan ini?

**SUPARI** Saya dengan OCS sekalilah.

**ADY** Ok. So bagi kes yang dilaporkan oleh pengadu, Peter Pormannan, so adakah tindakan tersebut telah dilakukan dalam tempoh 24 jam?

**SUPARI** Ok pada waktu itu ia sebagai orang hilang, lepas itu maklumat itu tidak terperinci. Maksudnya kita tak dapat jumpa dengan pengadu dan siapa mangsa. That's why kita kena establish dulu. Kita tahu bahawa itu sebagai OH tapi siasatan still berjalan. Maknanya bila kita nak kesan orang itu, itu adalah siasatan kitalah. Sama ada kita buka kertas siasatan itu sebagai satu petanda bahawa kita siasat, itu bukan. Maksudnya kita terima repot, kita proses repot, kita cari pengadu, itu adalah proses siasatanlah.

**ADY** Ok. Soalan seterusnya ya Tuan ya. Sebagai SIO tadi Tuan ada katakan Tuan ada membantu ya, betul ya penyataan saya?

**SUPARI** Betul.

**ADY** Membantu dalam apa, Sarjan Sibee ya dalam mengesan pengadu. So boleh Tuan nyatakan dengan lebih jelas apakah tindakan-tindakan Tuan yang telah diambil bagi membantu untuk mengesan sama ada pengadu ataupun orang hilang tersebut dan juga untuk mengesan alamat yang berkaitan. Apakah tindakan oleh Tuan yang telah diambil?

**SUPARI** Ok yang pertama bila saya tengok repot bahawa repot itu tidak mempunyai maklumat yang tepat berkaitan dengan tempat kejadian dan mangsa, because the period of kejadian itu dah lama maknanya dia contact November 2016 dia dah contact tak dapat. So saya cuba untuk dapatkan maklumat daripada Peter bermakna call Peter dulu. Call Peter tak dapatlah, masa itu saya suruh Sibee lah siasat, call dia, cari dia. And then try to find, saya ada hantar juga orang Tuan untuk pergi cari Peter ini dekat alamat rumah dia tapi ini kerja tidak tahu dia kerja apa, waktu itu tak dapat juga lah. Maksudnya peluang yang ada itu maknanya kita try lagi, keep try untuk kesan. At the same time kita juga suruh Sarjan Sibee ada tak bahawa kawasan Kampung Tunku ini ada jiran-jiran mengatakan bahawa ada orang kena lari ke, kena culik ke, kena, maksudnya apa-apa maklumatlah, maklumat yang kita cuba hebahkanlah dua suami isteri, ada tak jiran-jiran. Alamat kita tak tahu lagi jadi benda itu blur lagi. Jadi hanya kita nak perlu cari kenyataan yang Peter itu dulu kemudian baru kita boleh break benda yang lainlah.

**ADY** So sehingga Tuan terkesan dengan pengadu iaitu lebih kurang seminggu ataupun lapan hingga sembilan hari ya jumpa pengadu iaitu apa, Mr Peter dan telah melawat rumah di Kampung Tunku dan selepas melawat rumah di Kampung Tunku dan terkesan dengan apa, pengadu, apa tindakan Tuan selanjutnya?

**SUPARI** Bila saya dah melawat, saya terkesan, saya maklum Sarjan Sibee untuk pergi bersama sayalah tempat kejadian because senanglah, mudah untuk sekali kita nak ini. Then bila, saya janji dengan Peter so Peter then at the same time juga saya ada on 24 hours mana I banyak repot, makna saya kena attend juga untuk Peter untuk pergi tempat kejadianlah. Then dia tunjuk rumah itu, tunjuk rumah and then saya masuk. Waktu itu saya dapatkan Sibee, Sibee kata ada tugas lain and

then saya maklum pada Sarjan Sibee baliklah alamat rumah itu pada Sarjan Sibee untuk tindakan lanjutlah.

**ADY** So setuju dengan saya, ketika itu setelah berjumpa dengan Peter dan juga apa melawat rumah di Kampung Tunku, Tuan telah serahkan siasatan ini sepenuhnya kepada Sarjan Sibee?

**SUPARI** Betul. Setuju.

**ADY** Ok berkenaan dengan Chembong repot tadi ya Tuan ya, tarikh 27.06.2014, boleh Tuan cerita ataupun terangkan apakah tujuan Tuan buat rujukan terhadap yang laporan yang dibuat di Chembong repot ini?

**SUPARI** Because bila kita nampak, kita dapat identiti mangsa, kita kena cari dia punya credibility yang siapa mangsa ini sebenarnya. Ada tak dia terlibat dengan kes jenayah daripada rekod sistem kita ataupun dikaitkan dengan mana-mana siasatanlah. So kita akan buat lah benda itu Tuan. Maknanya dapatlah bahawa Chembong repot ini ada kaitan dengan siasatan yang dibuat terhadap Joshua.

**ADY** Siapa yang apa mengkesan laporan tersebut?

**SUPARI** Ini Sarjan Sibee ini.

**ADY** Sarjan Sibee ya.

**SUPARI** Ya.

**ADY** Ok dalam laporan tersebut penama OH ini apakah peranan dia dalam kes tersebut, adakah dia pengadu ataupun suspek ataupun saksi dalam kes ini?

**SUPARI** Dia adalah suspek ya.

**ADY** Suspek. Nama dia dalam laporan tersebut? Boleh Tuan jelaskan nama yang disebut dalam laporan? Tuan –

**SUPARI** Joshua Hilmy. J-O-S-H-U-A H-I-M-L-Y.

**ADY** So daripada nama, hanya daripada nama tersebut, adakah Tuan boleh kaitkan dengan kes yang Tuan sedang siasat melibatkan kes orang hilang?

**SUPARI** Tidak boleh ya.

**ADY** So macam mana Tuan boleh beranggapan bahawa ini adalah orang yang sama?

**[11:30AM]**

**SUPARI** Kita tengok gambar dalam dia punya halaman sosiallah adalah gambar, kita mempercayailah itu adalah Joshua Hilmy lah.

**ADY** Hanya mempercayai saja?

**SUPARI** Mempercayai saja, saya tak pasti siapa.

**ADY** Ok tadi berkenaan dengan soalan yang diajukan kepada Tuan oleh peguam Mr Philip Koh tadi berkenaan dengan Christianity ya, kamu ada sebut perkataan Christianity iaitu dalam menjalankan siasatan terhadap Pastor Raymond, ok pada pengamatan Tuan lah, berkenaan dengan kes yang disiasat oleh Tuan sendiri kes kehilangan Pastor Raymond dan juga dengan kes kehilangan Joshua Hilmy dan juga Ruth Sitepu, pada pandangan Tuan adakah kes ini ya disebabkan ataupun boleh disebabkan oleh apa-apa yang menjurus kepada Christianity? Daripada segi siasatan Tuan dan juga siasatan awallah sebab Tuan kata seminggu saya kan membantu kan, daripada segi siasatan awal, ada apa-apa tak yang boleh menjuruskan kepada isu Christianity ini?

**SUPARI** Tidak ada Tuan.

**ADY** Tidak ada. So selain apa, selain daripada yang Tuan jalankan berkenaan dengan apa isu Christianity Tuan kata boleh disebabkan oleh isu-isu lain, boleh disebabkan oleh isu jenayah ataupun apa dia

menghilangkan diri sendiri. So pada penganalisa Tuan ketika Tuan terima laporan ini, pandangan Tuan itu apa, kes ini melibatkan kes apa?

**SUPARI** Orang hilang, dia menghilangkan diri.

**ADY** So memang tidak ada petunjuklah?

**SUPARI** Tidak ada petunjuk.

**ADY** Tuan setuju ya?

**SUPARI** Ya setuju.

**ADY** Ok. That's all Yang Arif, thank you so much.

**CHM** Thank you.

**PM2** SAC, maybe you can assist in this question to DSP. In the previous witnesses they said that the IO or the OCS case instruction from KBSJD, Siasatan Jenayah Daerah IPD mengata DSP had said a few time pengurusan is separate so orang hilang doesn't go to Siasatan Jenayah but in the all the previous witness they get instruction from KBSJD. So either I misunderstanding the previous witness or I misunderstanding or maybe the system is clear, you can help clarify that with the witness?

**ADY** Ok Tuan Commissioner. Ok Tuan, daripada segi siasatan yang dijalankan oleh Sarjan Sibee bawah kes orang hilang ini, kes ini dipantau oleh siapa kalau Tuan tahu?

**SUPARI** Ketua Bahagian Pengurusan Daerah.

**ADY** That mean Tuan hanya tahu dipantau oleh KBPD lah?

**SUPARI** KBPD ya.

**ADY** KBPD. Ada tidak dalam apa-apa ketika semasa Tuan berada di apa, masih lagi di PJ, ada satu mesyuarat taskforce ataupun satu taskforce khas ditubuhkan bagi membantu menyiasat kes orang hilang ini?

**SUPARI** Taskforce untuk Pastor Raymond saja, tidak kepada taskforce kepada orang hilang.

**ADY** Ok. Tuan tahu ataupun tidak sama ada kertas siasatan orang hilang ini melibatkan Joshua Hilmy ini ada dipantau oleh KBSJD ketika itu?

**SUPARI** Saya rasa ada.

**ADY** Ada?

**SUPARI** Ada.

**ADY** Ok boleh Tuan tolong jelaskan apa peranan KBSJD dalam pemantauan IP yang di klasifikasikan sebagai orang hilang dan juga peranan KBPD ketika itu. Explain KBPD dan KBSJD sedangkan Tuan katakan tadi kes ini adalah di bawah bidang kuasa KBPD. Tapi kenapa KBSJD dalam hal ini pun telah memantau ataupun membantu memantau kertas siasatan yang dibuka. Boleh Tuan terangkan pada pihak Suruhanjaya?

**SUPARI** Ok. Kertas siasatan ini dia di bawah penyeliaan KBPD maksudnya pergerakan dia, minit dia KBPD yang akan minit. So KBSJD sekiranya terdapat apa ada unsur-unsur contohnya lah kata ada maklumat berkaitan ini, so kita akan collaboration lah maksudnya dapatkan maklumat untuk proses itu maklumat bersamalah. Dan memberi arahan itu as a senior officer pada saya maksudnya boleh memberi arahan secara direct ataupun bertulis juga kepada ketua bahagian dia ataupun kepada IO itu. Boleh memberi arahan secara direct. Kalau ada any idea boleh solve the kes, boleh dapat berpantau, kita akan bagi idea lah maksudnya, bagi arahan secara bertulis ataupun secara verbal lah untuk tindakan serta merta. Maksudnya kita tak terpisahlah. Maksudnya kalau ada unsur-unsur jenayah ataupun ada perlu bantuan kita akan kolaborasi bersama.

**ADY** Atau pun Tuan boleh setuju dengan saya sekiranya ada penglibatan kepada Bahagian Jenayah itu sendiri, berkemungkinan kes ini telah dikategorikan sebagai kes yang menarik.

**SUPARI** Betul.

**ADY** Setuju?

**SUPARI** Setuju.

**ADY** Ok. Ok counsel?

**PM2** Ok so there is another category call kes yang menarik ya. Ok. So the, so mungkin ini adalah penerangan yang lebih menyeluruhlah sebab tadi dia sendiri beritahu yang ini langsung tidak ada kaitan dengan KBSJD tapi sekarang saya ingat ada collaboration, boleh bagi arahan dan kes yang menarik. So this is a statement yang DSP Supari was stand by?

**SUPARI** Ya betul.

**PM2** Ya. So tadi the earliest statement question initially ask is not correct lah then betul?

**SUPARI** Maksud saya kita polis sama-sama cuma bahagian saja berbeza. Seandainya ada maklumat, ada interesting dekat situ, kita akan bersamalah. Still juga memberi arahan. Dalam meeting OSPD yang sama, OSPD yang satu juga kan. Maksudnya menariklah. Kalau misal dia jadi semua isu boleh jadi menarik sekarang walau pun isu-isu sikit pun semua boleh jadi menarik so kita ambil perhatianlah maksud saya, ambil perhatian.

**ADY** Commissioner, can I just add in a little bit because to relay back, I mean to rely totally on the IO who is the, Sarjan activity of the balai because under the balai the don't have a specific investigation team. So some time when cases of interest happen, I'm not relating to this case but in general because I was the OSPD with Kajang before, so for instant there is certain case which at normal it has a very low interest then all

of sudden will be viral off social media, engagement to reporters, media as well as politic. So this from a lower grade it becomes elevated to a case of interest. And the case of interest we cannot let the OCS or the Sarjan activity to investigate because they don't have the capacity as well as capabilities. Capabilities, capacity, resources are all with the CID. So cases of interest it will elevated and will go to CIB who has the capacity and the capability to solve the case ASAP. So that is the, the benchmark is how serious or how interesting in it, it based as is they have erased already. People asking it, public asking it, media asking it, campur tangan from politics so that is where the was CPD was stand in to elevate it.

**CHM** Can I ask him one question?

**ADY** Sure, sure. I have done, I have done, thank you so much Yang Arif.

**CHM** Kes menarik itu, kes menarik itu kan. So jadi kes ini telah diklasifikasikan sebagai satu kes menarik?

**SUPARI** Boleh, menariklah pasal banyak.

**CHM** Telah ya?

**SUPARI** Telah.

**CHM** Apabila diklasifikasikan sebagai satu kes menarik, adakah Sarjan Sibee masih ditugaskan untuk siasat ataupun dia upgrade kan supaya tarik ambil daripada Sarjan Sibee dan serahkan pada seorang Inspektor atau ASP untuk menjadi IO. Itu saya nak tahu ya.

**SUPARI** Telah diambil alih oleh dia OCS sendiri. Sarjan Sibee hanya adalah Sarjan aktiviti. Maksudnya oleh kerana kes telah menjadi kes menarik, dia upgrade kepada kalau tak salah saya Inspektor Syafiee atau Hairol ke yang siasat.

**ADY** Syafiee.

**SUPARI** Syafie first and then Syafie because dia transfer, Hairol take over and now Inspektor Zulfadhly.

**CHM** Syafiee, Hairan, Zulfadhly ya?

**SUPARI** Zulfadhly.

**CHM** Mula-mula mohon take up and pass it Inspector?

**SUPARI** Syafiee.

**CHM** Syafiee. Lepas itu Sarjan Sibee will assist to be –

**SUPARI** Assist, still assist.

**CHM** Still assist but he no longer be the IO lah?

**SUPARI** Not the IO.

**CHM** Ok.

**SUPARI** Ya.

**CHM** Ya.

**AK** Thank you all the board Commissioners. Tuan ASP nama saya Andrew Khoo bagi pihak Badan Peguam Malaysia sebagai pemantau siasatan awam ini. Saya ada beberapa soalan lebih lagi semata-mata penjelasanlah. Tuan ASP ada memberitahu panel yang kamu pergi ke rumah Kampung Tunku untuk melihatlah keadaan rumah. Bila kamu masuk ke rumah itu adakah kamu melihat, adakah almari atau rak buku yang ada di dalam kawasan tamu ke, kawasan bilik tidur, kawasan pejabat?

**SUPARI** Saya betulkan, saya bukan nak, saya mengesan sebenarnya, mengesan alamat then bila confirm alamat saya masuk dalam rumah.

AK Ya.

SUPARI Ok dalam rumah itu memang saya nampak ada almari, ada katil, ada meja and then ada satu macam meja meeting dekat situ kan, memang ada.

AK Tahukah, ingatkah kamu adakah mana-mana bookshelf, rak buku?

SUPARI No saya tidak pastilah.

AK Jadi kalau tak pasti kalau kamu tidak melihat apakah tajuk-tajuk buku di atas –

SUPARI Tidak ada.

AK Tidak ada?

SUPARI Tidak ada.

AK Pada masa kamu menjadi SIO dari bulan 01.06.2013 sampai 02.08.2018, kamu juga menjadi IO untuk kes Pastor Raymond Koh?

SUPARI Betul.

AK Dan bilakah kamu tamat tempoh kamu sebagai IO untuk kes Pastor Raymond Koh?

SUPARI Tamat apabila saya berpindah ke Melaka Tengah.

AK 2hb Ogos?

SUPARI 02.08.2018 ya.

AK Ok jadi itu tamatlah.

SUPARI Ya.

**AK** Seorang lagi pegawai yang dilantik ke?

**SUPARI** Ya dilantik.

**AK** Kamu tahu siapakah?

**SUPARI** ASP Marzuki.

**AK** Kamu telah memberitahu panel bahawa kamu hanya menolong Sarjan Sibee saja untuk mungkin satu minggu ke 10 hari untuk menolong dia dalam siasatan awal. Betul?

**SUPARI** Untuk mengesan.

**AK** Untuk mengesanlah.

**SUPARI** Mendapat maklumat lebih lanjut berkaitan dengan mangsa dan tempat tinggal mangsa.

**AK** Dan selepas itu kamu tidak ada apa-apa kaitan dengan penyiasatan?

**SUPARI** Betul, betul.

**AK** Tetapi dalam peranan kamu sebagai IO untuk kes Pastor Raymond Koh, saya fikir soalan ini mungkin, saya minta maaf mungkin telah ditanya tapi saya tak pasti jawapan kamu. Bilakah kamu ada mula membuat kaitan bahawa mungkin ada kaitan kes Pastor Raymond Koh dengan kes Joshua Hilmy?

**SUPARI** Masa itu released dalam media sosial mengatakan bahawa ada kaitanlah. Di situ saya mula perasan.

**AK** So tarikhnya agak-agak?

**SUPARI** Saya lupa. Media sosial mengatakan bahawa Hilmy Joshua punya kes dengan Pastor Raymond ada kaitan pasal keagamaanlah, macam itulah. Itu saja saya ingat.

**AK** Tapi itu mula-mulalah?

**SUPARI** Ya.

**AK** Mendengar khabar ada kaitan. Tapi selepas itu adakah kamu melihat dengan lebih teliti adakah memangnya, adakah kaitan, adakah kalau tak secukup bukti tapi ada persepsi yang boleh dibangkitkan oleh apa yang terjadi?

**SUPARI** Macam saya cakap tadi, salah satu isulah, salah satu isu yang akan difikirkanlah dalam siasatan kita. Menjurus, kata fokus kepada itu tidaklah. Maksudnya dia still, maksudnya possibility itu still ada. Mungkin dari segi aktiviti dia oranglah berkaitan dengan Kristian lah. Agama Kristian lah.

**AK** Ok. Tadi Tuan SAC ada menjelaskan kepada panel bahawa kes yang agak normal boleh dipertingkatkan kepada taraf menarik. Siapakah yang membuat determination itu yang meningkatkan taraf satu kes daripada biasa kepada menarik?

**SUPARI** Kita punya ketua jabatan sama OSPD, sama ada OCCI, Ketua Siasatan Jenayah Daerah ataupun kita punya Pengarahlah.

**[11:45AM]**

**AK** Ok. Dan dari segi pemantauan, ini mungkin satu soalan proses. Dari segi pemantauan Tuan ASP telah memberitahu panel bahawa ini dipantau oleh KBPD .

**SUPARI** Betul, orang hilang dipantau oleh KBPD.

**AK** Maaf?

**SUPARI** Kalau siasatan orang hilang maknanya pergerakan paper, maksudnya apa arahan adalah dipantau oleh, di arahan dalam paper yang dalam paper itu sendiri adalah KBPD lah.

**AK** Macam mana pemantauan itu dibuat?

**SUPARI** Pemantauan dibuat kalau kita ada apa-apa arahan, ada, kita dalam SOP penyiasatan, siasatan 24 hours kita akan rujuk kepada KBPD untuk dapatkan untuk tindakan lanjut. And then after two weeks kita akan siasat lagi then bagi arahan apa benda yang perlu diambil tindakan dan apa lagi lead-lead yang perlu kita ambil tindakan.

**AK** Ok.

**SUPARI** So benda itu berterusanlah.

**AK** Ok. Jadi –

**SUPARI** Sehingga dia tak ada apa-apa lagi, maybe possibility kertas siasatan itu mungkin dikemaskan untuk sementara waktulah.

**AK** Ok. Jadi proses pemantauan ini adakah ianya terpulang kepada ada lead baru ke, ada, memang ada schedule tiap-tiap dua minggu kena lapor, tiap-tiap dua minggu kena ada meeting untuk brief semua?

**SUPARI** Kalau ada perkembangan terbaru, kita akan merujuk baliklah, kita akan aktifkan balik siasatan serta mertalah.

**AK** Kira betullah. Ok. Tapi kalau tak ada lead macam mana?

**SUPARI** Tak ada lead –

**AK** Macam mana pemantauan dia?

**SUPARI** Kita akan mencari apa benda yang lagi yang, kita tunggulah kalau ada lagi apa-apa maksudnya ada maklumat kita akan teruskan. Kalau misal kata the same time maklumat yang belum habis di proses, kita akan teruskan. Still kita alert dengan apa-apa saja maklumatlah.

**AK** Ok. Tapi soalan saya lebih apa ini kepada adakah mesyuarat regular?

**SUPARI** Bergantung pada keadaan. Bergantung kepada keadaanlah.

**AK** Jadi tidak semestinya tiap-tiap dua minggu ke?

**SUPARI** Tidak semesti.

**AK** Satu bulan ke?

**SUPARI** Tidak.

**AK** Ok. Jadi bagaimanakah, kalau kes, sesuatu kes itu dipantau oleh KBPD, macam mana KBSJ dapat tahu tentang perkembangan? Adakah mereka diberitahu, macam mana mereka diberitahu atau –

**SUPARI** Isu selalu berbangkit dalam media ataupun dalam meeting kita. So kita akan berbincanglah dalam kita punya mesyuarat ataupun perbincangan kecil kita dan memberi arahanlah.

**AK** Ok yang meeting ini, siapa yang hadir pada meeting ini? Ini saya nak tahu, adakah ini satu meeting pemantauan on regular atau?

**SUPARI** Dia salah satulah. Maksudnya saya tak cakap regular dia tiap-tiap minggu kena ada, tiap-tiap minggu ada, tak dak. Maksudnya ada saja maklumat atau keperluan yang perlu kita ada meeting dan kita bagi arahanlah.

**AK** Ok tapi siapa yang membuat keputusan untuk meminta KBSJ hadir atau wakil KBSJ hadir dalam meeting itu?

**SUPARI** Biasanya OCCI, Ketua Siasatan Jenayah Daerah ataupun Bahagian Bukit Aman.

**AK** Ok.

**SUPARI** Because of interest, dah jadi kes interest. Kalau ada terdengar apa-apa isu atau ada beri maklumat kita akan seat down balik untuk ambil tindakan seterusnya.

**AK** Ok jadi maksudnya kalau OCPD ke, OCCI itu menaikkan satu taraf kes itu menjadi satu kes yang menarik, dia akan mengadakan satu meeting dan dia akan apa ini, invite siapa-siapa wakil KBSJ untuk hadir?

**SUPARI** Betul.

**AK** Dari segi perkembangan kes, dari segi pertemuan, perbincangan, merekodkan kenyataan, semua ini akan dimasukkan ke dalam IP tak?

**SUPARI** Betul.

**AK** Adakah perkembangan ini juga dimuat naik ke sistem komputer polis?

**SUPARI** Tidak.

**AK** Tidak?

**SUPARI** Tidak.

**AK** Kenapa tidak?

**SUPARI** Ada apa-apa saja siasatan dalam kita punya kertas siasatan adalah sulit. So tak semestinya semua dalam IP itu, repot mungkin kita boleh tengok because dia sistem PRS tapi apa-apa information about the investigation, hanya IO dan ketua bahagian itu sendiri ataupun yang perlu saja untuk menyelia atau memberi arahan dalam kertas siasatan.

**AK** Jadi seseorang katanya pegawai atasan yang mahu melihat atau mengambil tahu tentang sesuatu kes, dia tak boleh taip dalam komputer dan melihat semua perkembangan?

**SUPARI** Tidak, tidak boleh.

**AK** Ok. Itu saja ASP terima kasih.

**SUPARI** Terima kasih.

**PM2** Just one more question, tadi you said about the brainstorming ya untuk dapat kaitan antara kedua-dua kes Pastor Koh dan Joshua Hilmy. Brainstorming itu berlaku dalam KBSJD dan which part the brainstorming happen dan pada waktu bila?

**SUPARI** Kita ada meeting, kita ada OCCI, kita ada then through the call pun sometime ok macam mana kes ini, mungkin ada kaitan so kita go through. Makna maklumat kita terlalu luas so maksudnya brainstorming itu tak semestinya nak duduk meeting, nak bagi arahan no, kan. Sometime apa saja information yang kita dapat secara direct so ok kita bincang, mungkin –

**PM2** Sebahagian daripada penyiasatanlah.

**SUPARI** Penyiasatanlah.

**PM2** Untuk brainstorm lah.

**SUPARI** Ya.

**PM2** So the brainstorming ada awalan ini adalah memang dapat kaitan, mungkin ada, mungkin.

**SUPARI** Mungkin.

**PM2** Mungkin ada kaitan dengan penyebaran agama Kristian. Tapi daripada kaitan brainstorming itu, lead untuk menyiasat angle penyebaran agama Kristian tidak diambil?

**SUPARI** Saya tidak setuju, kita siasat juga.

**PM2** Tapi adakah witness dipanggil dalam lead sebegitu sebab semua witness yang kita dengar itu untuk orang hilang biasa tapi lead untuk kemungkinan ya, penyebaran agama Kristian.

**SUPARI** Maksudnya panggil siapa? Dalam kes Hilmy Joshua?

**PM2** Dalam brainstorming itu, ada kemungkinan ada kaitan dengan penyebaran agama Kristian dan isu.

**SUPARI** Saya tidak pastilah, IO.

**PM2** So sebab kalau ada lead sebab sekarang ada banyak meeting antara KBSJD dengan bila OCPD ke OCCI berbincang, bukan saja KBPD yang akan diarah membuat keputusan atau membuat perbincangan, KBSJD maksud dia Tuan sendiri pun akan duduk bersama ke, berbincang bersama ada dengar.

**SUPARI** You tanya tadi secara general saya pasal brainstorming itu maksudnya dari segi penyiasatan.

**PM2** Ya Tuan yang cakap brainstorming yang dapat ini. So –

**SUPARI** Yalah, maksud dia kalau kes Joshua Hilmy ini berkaitan dengan Christianity ke apa ini, saya tak tahulah sama ada dia go through ke arah mana.

**PM2** So dalam meeting KBSJD yang Tuan ikut dia tak ada perbincangan pasal –

**SUPARI** Tak ada.

**PM2** Tiada?

**SUPARI** Tak ada.

**PM2** So maksudnya walau pun ada kemungkinan ada lead penyebaran agama Kristian –

**SUPARI** You ask the IO lah I think. You kena ask IO.

**PM2** Tapi IO itu akan duduk bersama dalam perbincangan antara KBSJD dan Tuan ikut meeting-meeting KBSJD Tuan –

**SUPARI** Bergantung kepada keadaan. Kalau kes saya ada involve adalah.

**PM2** Tapi kalau ada kaitan.

**SUPARI** Ada kaitan maksudnya bercakap sajalah.

**PM2** Yalah tapi –

**SUPARI** Kira bercakap.

**PM2** Kalau pun dalam bercakap itu memang untuk mencari penyelesaianlah. Bagi saya, saya faham pihak polis cuba mencari penyelesaian bila berbincang, bukan, saya faham itu tapi bila dapat lead sebegitu, dalam perbincangan formal ke tak formal, sudah pasti yang meeting yang seterusnya atau perjumpaan sudah pasti penyebaran –

**SUPARI** Dia banyak feedback lah.

**PM2** Dia punya ada ke lead ke tak ada. Kalau tak ada memang tak adalah mungkin IO cakap sorry lah itu jalan yang salah, saya lebih kepada sini. So sebab bagi saya bagus sebab Tuan dari kes yang lain tapi ada, mungkin ada cross link sikit ke tak ada tak tahu lagi, tapi kenapakah lead itu tidak membawa kepada lebih perbincangan untuk penyebaran agama Kristian ini. Itulah saya nak dapat tahu.

**SUPARI** Saya tidak pasti ya bab ini.

**PM2** Tidak pasti?

**SUPARI** Tak pasti.

**CHM** Hold on I think En Andrew.

**AK** Sorry Mr Chairman, I just, one more question to the witness and the I have request from the panel. Minta maaf DSP Supari, satu lagi soalan. Bila kamu pergi ke rumah Kampung Tunku dengan Peter, adakah kamu bercakap-cakap dengan Peter kenapa dia buat laporan polis, apakah kaitan dia dengan orang yang hilang?

**SUPARI** Ada. Ada tanya.

**AK** Ada?

**SUPARI** Ada tanya siapa yang, macam mana you dapat alamat ini, ok siapa dia, dia ini dan dia ceritalah pasal anak dia tinggal dengan ini. Kita tanya anak dia dekat mana pasal kita nak dapatkan nanti kalau boleh Sarjan Sibee nak ambil statement anak dia lah. Last sekali itu nampak, terakhir, kali terakhir nampak, macam itulah.

**AK** Adakah dia memberitahu kamu tentang aktiviti yang dibuat oleh Joshua Hilmy?

**SUPARI** Tidak ada, tidak ada langsung pada ini.

**AK** Tidak.

**SUPARI** Tidak deliver apa-apa.

**AK** Dia tidak sebut apa-apa tentang apakah kerja Joshua Hilmy atau -

**SUPARI** Dia kata hanya dia cakap dia ubat orang sajalah saya tahu. Mengubat orang dia cakap.

**AK** Ok. Terima kasih. My request to the panel if I may, this is regarding the Chembong report. The person who filed the Chembong report that was referred to, I think if memories serve me correct, file an earlier report as well so there are actually two reports made by the same person. That first report may or may not have anything to do with this case but just

for completion, would it be possible for the, for SUHAKAM to get the copy of that earlier Chembong report?

**CHM** Yes Mr Simon?

**SUPARI** Ada kan.

**SK** I can make a request to PDRM.

**CHM** Yes we will make a request.

**AK** Much obliged.

**CHM** Yes. Yes Simon.

**SK** This is relation to question by Dr Madeline just know. The photos of the house alright, if I can, Tuan, tadi Tuan juga ada ditanya bila gambar ini diambil ya. Just untuk maklumat panel and untuk Tuan juga, siblings ya, adik beradik Ruth Sitepu, salah seorang yang hilang telah datang ke Malaysia dan telah membuat satu laporan polis bertarikh 28.02.2018. Ya, jadi kalau mengikut keterangan yang telah diberikan kepada SUHAKAM sebelum ini, setelah tiba di Malaysia sehari sebelum membuat laporan polis, a day before which is 27.02.2018 they went to the house dan pada masa itulah gambar-gambar ini telah diambil 27. Jadi Tuan ini adalah salah satu gambar yang telah diberikan dan mengikut keterangan yang telah diberikan oleh Ram Ram Sitepu dan juga Iman Sitepu yang merupakan adik beradik kepada Ruth Sitepu, dalam NOP4 ya kalau untuk rujukan observers yang lain ya, dalam NOP4 ada dinyatakan tentang keadaan bilik yang berselerak di gambar yang ditunjukkan tadilah. Jadi bila Tuan kata Tuan, tak apa tunjuk gambar dulu, ya. Adakah keadaan bilik yang Tuan tengok ini sama seperti apa yang ada dalam gambar? Besarkan.

**SUPARI** Tak sama.

**SK** Tak sama? Besarkan sikit.

**SUPARI** Maksudnya samalah, kedudukan maksudnya tilam, cadar itu bukan itu, tak samalah.

**SK** Tak sama.

**SUPARI** Tak sama.

**SK** Jadi Tuan pasti masa Tuan melihat keadaan bilik ini lebih kemas, lebih teratur?

**SUPARI** Kemas tersusun.

**SK** Tersusun.

**SUPARI** Ya.

**SK** That's all.

**CHM** That's all.

**SK** Thank you.

**CHM** Terima kasih ya En Supari. Terima kasih atas membantu penyiasatan ini. En Dzaffir, about requesting document from Inspector Zul.

**ADY** Ya.

**CHM** Kan, I certificate, can you also request we are talking about sketch plan. Normally IO, IP will have sketch plan. I'm thinking about two sketch plan here. One is sketch plan of the house and master bedroom di mana, dapur di mana kan. The other sketch plan is sketch plan of the area kan, the name of the roads kan. Kampung Tunku, the name of the roads. Rumah No.1 di mana, rumah 59 di mana kan. So if you can have brought to SUHAKAM two, this two sketch plan. Boleh ke?

**ADY** Boleh, boleh Yang Arif.

**CHM** Thank you.

**ADY** Just include in to that apa request whatever lah. Much obliged.

**CHM** Thank you,.

**SK** The panel member, I would like to mention the new dates or the dates for the inquiry, subsequent dates for the benefit of the members of media and also observers. So the next ate after this will $7^{th}$ October, 10:00PM, $8^{th}$ October 10:00AM, sorry 10:00AM. $8^{th}$ October 10:00AM, $9^{th}$ October 09:30AM until 12:30PM, its a half day. $14^{th}$ October 10:00AM. When I say 10:00AM is until 04:00PM. Then $16^{th}$ October 09:30PM to 12:30PM.

**PM2** 09:30AM.

**SK** 09:30AM to 12:30PM sorry. And $28^{th}$ October 10:00AM to 04:00PM. So we'll resume on $7^{th}$ October at 10:00AM.

**CHM** The one that we start early kan, for only half a day, they are the two Fridays. $9^{th}$ October and $16^{th}$ October.

**[12:00PM]**

**SK** That's all, thank you.

**CHM** So we'll adjourn until, we meet once again on the $7^{th}$ October.

**SK** $7^{th}$.

**CHM** Ok. Thanks everyone, present today thank you.

**END**

**TIME** : **12:00PM**

# SUHAKAM PUBLIC INQUIRY OF PASTOR JOSHUA HILMY RUTH SITEPU

**DATE** : **05.01.2021**
**TIME** : **10:20AM**

## NOTES OF INQUIRY

**Coram**

| | | |
|---|---|---|
| Chairman<br>Panel Member 1<br>Panel Member 2 | Dato' Seri Hishamuddin Yunus<br>Dr Madeline Berma<br>Jerald Joseph | **CHM**<br>**PM1**<br>**PM2** |
| PDRM Observer | SAC Ahmad Dzaffir Bin Mohd Youssof<br>ASP Muhammad Sabri bin Mohd Raziff | **ADY**<br>**MSR** |
| Family Observer | Philip Koh<br>Cyrus Tui Foo Woei | **PK**<br>**TFW** |
| Bar Council Observer | Andrew Khoo<br>Lim Heng Sen | **AK**<br>**LHS** |
| SUHAKAM Panel | Simon a/l Karunagaram<br>Muhammad Faiz Bin Abd Rahman<br>Puveethra Raja Segaran<br>Aida Suraya Haron | **SK**<br>**MFR**<br>**PRS**<br>**ASH** |
| Indonesian Embassy | Tuan Junjungan Sigalingging<br>Tuan Henry Dian Dwiharto | **SJ**<br>**HDD** |

**Witness**

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Peter Pormannan a/l Annamalai | **PETER** |

| | | |
|---|---|---|
| 2 | Grace Thangamalar a/p Peter Pormannan | **GRACE** |
| 3 | Josiahnandan Emmanuel a/l Peter | **JOSIAH** |
| 4 | Ramanathan a/l Manickavasagan | **RAMA** |
| 5 | Selvakumar Peace John Harris | **SELVA** |
| 6 | Ram Ram Elisabeth | **RAM** |
| 7 | Iman Setiawan Sitepu | **IMAN** |
| 8 | [redacted] | [redacted] |
| 9 | [redacted] | [redacted] |
| 10 | Susandi Bin Basari | **SUSANDI** |
| 11 | ASP Shafiee Bin Marsidi | **SHAFIEE** |
| 12 | Insp Nurul Huda Bin Bustami | **NURUL** |
| 13 | ASP Hairol Azhar | **HAIROL** |
| 14 | Insp Zulfadhly Bin Yaacob | **ZUL** |
| 15 | DSP Supari Bin Muhammad | **SUPARI** |
| 16 | Iqbal Mirza Bin Mohd Jalaludin | **MIRZA** |
| 17 | DCP (B) Dato' Awaluddin Bin Jadid | **AWAL** |
| 18 | Fadzlina Binti Amran | **FADZLINA** |

1

**START**

**CHM** Good morning everyone. Welcome to the continuation of our inquiry. I invite Mr Simon to address.

**SK** Hello, hello. Morning, Dato', panel members and observers. Good morning everyone and happy new year.

**CHM** Or, or shall I invite parties to introduce themselves first? Yes. Because of, of the long gap. Yes.

**PK** Morning honourable panellist. My name is Philip Koh representing the Sitepu family. With me is Mr Cyrus Tiu, T-I-U to assist in the inquiry. Thank you very much and happy new year to everyone.

**ADY** Assalamualaikum and a very good morning to the panel. Myself SAC Ahmad Dzaffir Mohd Youssof and assisted by ASP Muhammad Sabri Bin Mohd Raziff for the police observer. Thank you.

**AK** Good morning honourable commissioners. My name is Andrew Khoo on behalf of the Malaysian Bar. I appear with my learned friend, Chandra Ponnudurai.

**CHM** Simon, you would like to introduce your team?

**SK** Yes. So morning Dato' Seri. So from SUHAKAM, I'm Simon. Together with me En Faiz, Cik Puveethra and Pn Aida. She just stepped out of the room. So we'll resume the public inquiry after a break due to the CMCO. However, due to the SOP where some leniency were allowed, so we have decided to continue the inquiry. So the arrangement for the, just for the information of everyone, the inquiry is done. Only observers who are sitting, those in the room are being present physically and the public members of media following the session through Zoom online software. So we have made that arrangement for this inquiry today. So with that, we'll call the witness, witness No.16, Iqbal Mirza.

**CHM** Since here we are all masked, so the voice will tend to be rather muffle, muffle. Yes, so we have some, could be some audio hearing problem. So please speak nearer to the microphone. Speak nearer and a bit louder, yes.

**MFR** Terima kasih. En Iqbal, En Iqbal boleh, sila bacakan sumpah itu sambil angkat tangan dan menghadap ke panel.

**MIRZA** Assalamualaikum. Bahawa saya, Iqbal Mirza Bin Mohd Jalaludin dengan sesungguhnya dan suci hati mengaku dan berikrar bahawa segala keterangan yang saya akan, yang akan saya berikan dalam siasatan terbuka ini adalah benar, tiadalah apa-apa yang tidak benar melainkan benar belaka.

**CW16**
**Name : Iqbal Mirza Bin Mohd Jalaludin**
**Affirms and states in Malay**
**Time : 10:26AM**

**MFR** Terima kasih, En Iqbal. Silakan duduk. Ok, Assalamualaikum, selamat pagi. Nama saya Muhammad Faiz. Saya pegawai daripada SUHAKAM akan membantu panel untuk menjalankan siasatan awam inilah. Ok, saya akan bertanya beberapa soalan dengan En Iqbal dan diminta En Iqbal menghadap ke panellah untuk menjawab soalan. Dekat sikit dengan mic. Ok En Iqbal, soalan pertama saya, boleh En Iqbal bacakan nama, nombor kad pengenalan?

**MIRZA** Nama saya Iqbal Mirza Bin Mohd Jalaludin. IC saya [redacted]

**CHM** En Iqbal, depan sikit lagi. Depan sikit.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Dekat dengan mic, mikrofon ya.

**MIRZA** Ok.

**CHM** Should be, should be ok, should be ok. Ok, ok.

**MIRZA** Ok.

**CHM** Ok.

**MFR** Boleh ulang balik ke, En Iqbal? Nama?

**MIRZA** Alright. Ok, nama saya Iqbal Mirza Bin Mohd Jalaludin. IC saya [redacted]

**MFR** Sekarang ini En Iqbal tinggal di mana?

**MIRZA** Saya tinggal di Damansara Damai.

**MFR** Boleh bacakan alamat?

**MIRZA** [redacted]

**MFR** Boleh saya tahu pekerjaan terkini En Iqbal?

**MIRZA** Saya pengajar, pengajar freelance. Saya pengajar.

**CHM** Di mana itu?

**MIRZA** Saya pengajar, saya mengajar murid-murid sekolah secara freelance lah di Petaling Jaya.

**MFR** Boleh nyatakan sekolah?

**MIRZA** Saya tidak ada spesifik sekolah yang saya apa, saya Cuma freelance lah yang mana di mana ada macam pusat tuisyen ke ataupun secara individu saya buat home tuition, saya itu, tugas saya itu sahaja. Saya punya kerja saya.

**MFR** Ok. En Iqbal boleh berikan maklumat keluarga? Adakah En Iqbal sudah berkahwin?

**CHM** I think the age tanya dah? Umur?

**MFR** Umur En Iqbal sekarang?

**MIRZA** Umur saya 49 tahun.

**MFR** En Iqbal sudah berkeluarga?

**MIRZA** Ya, saya sudah berkeluarga.

**MFR** Boleh beritahu panel nama isteri En Iqbal?

**MIRZA** Nama isteri saya Fadzlina Binti Amran. Anak, saya mempunyai dua orang anak. Seorang Lukman Hakim (10:29:09AM) dan seorang lagi [redacted] (10:29:12AM).

**MFR** Isteri En Iqbal berumur?

**MIRZA** 44 tahun.

**CHM** Siapa punya umur?

**MFR** Isteri.

**CHM** I see.

**MFR** Anak?

**MIRZA** Anak 20 tahun yang, yang, yang tua itu. Yang No.2 tahun ini 16 tahun.

**MFR** Ok. Tadi En Iqbal ada bagi tahu yang En Iqbal sekarang ini sebagai pengajar secara freelance.

**MIRZA** Ya, ya.

**MFR** Boleh bagi tahu tak mula mengajar sejak bila?

**MIRZA** Saya mengajar secara freelance ini memang dah lama sejak 2000, tahun 2001 lah, 2001.

**MFR** Sehingga kini?

**MIRZA** Sehingga kini, betul.

**[10:30AM]**

**CHM** Mengajar freelance dalam subjek apa?

**MIRZA** Saya mengajar freelance dalam apa ini, Bahasa Melayu, Sejarah dan Sainslah saya punya mata pelajaran yang saya ajar.

**CHM** Dulu pernah menjadi guru ke?

**MIRZA** Saya tidak pernah menjadi guru.

**MFR** Adakah isteri En Iqbal bekerja?

**MIRZA** Isteri saya tidak bekerja.

**MFR** Dia hanya sebagai suri rumah?

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** Jadi kalau tak pernah jadi guru dan sekarang buat freelance mengajar di tuisyen, apakah pekerjaan En Iqbal dahulu?

**MIRZA** Ok, dahulu sebenarnya saya punya, saya sebenarnya background saya sebenarnya ialah daripada sumber manusia sebenarnya lah. Saya, pada mula saya bekerja tahun 1997 begitulah, 1997 begitu, saya background saya kebanyakannya human resource dan itu saya punya background saya. Itu saya punya background dan kali terakhir saya bekerja di sebuah syarikat di Kuala Lumpur. Sebuah syarikat perkilangan di Kuala Lumpur sebagai apa ini, HR manager di sana. Itu

last saya punya position sebagai kerja tetap sayalah. Sambil-sambil itu saya, saya memang minat mengajar. Itulah saya punya passion saya ialah mengajar. Itu sebabnya saya, kenapa orang tanya saya kenapa dah ada kerja nak apa, saya berminat untuk mengajar.

**CHM** Ya, oleh kerana Encik, En Iqbal minat untuk mengajar, boleh saya bertanya tentang latar belakang pendidikan En Iqbal?

**MIRZA** Saya pendidikan saya, saya bersekolah di Sekolah di St. Paul di Seremban, di sekolah rendah. Lepas itu saya tamat SPM tahun 1988 di St. Paul Seremban juga. Selepas itu saya, saya sambung belajar. Saya masuk di Universiti Teknologi Mara di Shah Alam dalam bidang Diploma Pentadbiran Awam.

**CHM** Tahun bila itu?

**MIRZA** Tahun 1992 sehingga 1995.

**CHM** Diploma ke degree?

**MIRZA** Diploma Pentadbiran Awam. Selepas itu, saya, saya banyak bekerja. Saya masuk dalam industri. Saya bekerja dalam bidang pentadbiran apa ini, dalam bidang human resource lah, saya pasti. Dan lepas itu dalam sambil, sambil itu saya pun belajar, saya ambil ijazah daripada Open University pada tahun 2002 sehingga 2005 secara part time.

**CHM** Open University mana? Di Kuala Lumpur?

**MIRZA** Di Kuala Lumpur.

**CHM** Dalam bidang?

**MIRZA** Dalam bidang pentadbiran perniagaan.

**CHM** Ok, terima kasih.

**MFR** Sambung En Iqbal ya. Seperti yang En Iqbal maklum tujuan kami memanggil En Iqbal ini adalah berkaitan dengan untuk menyiasat kehilangan dua individu Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu. Boleh saya tahu adakah En Iqbal kenal Joshua Hilmy?

**MIRZA** Ya, saya kenal.

**MFR** Adakah En Iqbal kenal Ruth Sitepu?

**MIRZA** Saya kenal macam itu. Saya kenallah, saya kenal.

**MFR** Baik, macam mana En Iqbal kenal Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu?

**MIRZA** Saya kenal Joshua Hilmy itu menerusi isteri saya. Dia punya kenalan dan dia memberitahu ada satu contact. Pada ketika itu saya menghadapi masalah spiritual dan kesihatan tidak begitu memuaskan. Saya, saya berhubung dengan seorang kawan ya, kawan kenalan iaitu nama dia Chan Wan Tack. Dia bekerja di –

**CHM** Sebentar, sebentar.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Kita perlu rekod ya nama kawan ini.

**MIRZA** Ya, ya.

**CHM** Perlahan-lahan. Sebut sekali lagi nama kawannya.

**MIRZA** Nama kawan ialah Chan Wan Tack.

**CHM** C-H-A-N.

**MIRZA** C-H-A-N T-A-C-K, Chan Wan, C-H-A-N W-A-N –

**CHM** Ya.

**MIRZA** T-A-C-K.

**CHM** Ok.

**MIRZA** Dan dia seorang kenalan saya di Malaysian Institute of Human Resource di Petaling Jaya. Dan, dan pada ketika itu –

**CHM** Dia, dia ini waktu itu –

**MIRZA** Ya.

**CHM** Bekerja di Institute –

**MIRZA** Saya, saya masa itu belum bekerja lagi. Saya belum –

**CHM** Tak, dia, dia.

**MIRZA** Dia bekerja di sana, di sana.

**CHM** Di Institut?

**MIRZA** Di Institut, Malaysian Institute of Human Resource.

**CHM** Malaysian Institute of Human Resource. Di mana itu?

**MIRZA** Di Petaling Jaya.

**MFR** Ok, teruskan.

**MIRZA** Dan, dan ketika itu saya, sebabnya saya tujuan saya untuk saya ada mempunyai masalah itulah, masalah spiritual saya dan masalah kesihatan saya juga masa itu, saya, dia pun apa ini, memberi telefonlah, telefon, nombor telefon –

**CHM** Sebentar, sebentar.

**MIRZA** Ya.

**CHM** En Iqbal, dia macam ada dua perkara ya?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Masalah kesihatan.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Dan masalah spiritual.

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** So satu per satu ya. Just nak –

**MIRZA** Ya.

**CHM** Apa masalah, kalau boleh tanya, boleh tanyalah ya.

**MIRZA** Ya, betul, betul. Boleh, boleh, boleh.

**CHM** So masalah kesihatan. Mengenai kesihatan dulu. Lepas itu kita akan ke spiritual.

**MIRZA** Ok, ok.

**CHM** Pergi yang kesihatan dulu.

**MIRZA** Ok, masalah kesihatan saya, tak, masa itu saya apa ini, masalah kesihatan itu, saya masa saya bekerja di Tan Chong, saya mempunyai masalah, saya tak pasti masa itu apa masalah saya. Adakah kesihatannya? Cuma masa itu doktor bagi tahu saya, saya mempunyai kepekatan darah yang tinggi lah. Darah saya tinggi masa itu. Dia kata macam itulah. Lepas itu saya tak, tak buat tak tahu sahajalah, masa itu buat tak tahu. Dari segi itulah. Lepas itu tak sihat, macam itulah. Tak berapa fit untuk bekerja sebagai full time itulah. Lepas itu saya, saya berhenti masa itulah. Itu, itu yang pertamalah saya tak kesihatan saya

tak sihat. Dan saya baru-baru ini pun, saya baru dapat minggu lepas saya pergi ke Klinik Kesihatan Kota Damansara, saya baru dapat apa ini, ubat. Saya ada, rupanya saya ada masalah kolesterol. Kolesterol yang tinggi dekat dalam jantung saya. Dia check, doktor dah check hari itu. Lepas itu dia bagi ubat ya. Dia bagi ubat kolesterol dengan apa ini, ubat darah tinggilah. Lepas itu alhamdulillah, Januari ini saya rasa malam-malam saya tak rasa begitu sakit sangat. Badan saya rasa fit, ok lah rasanya. Sebelum ini saya rasa macam tak itu. Saya ingat adakah saya, saya masa itu confuse. Adakah saya ini, selama-lama tahu masalah. Adakah saya mempunyai masalah spiritual ataupun masalah kesihatan masa itu? Pasal saya berusaha dua-dua.

**CHM** Kalau boleh tanya, rasa macam mana? Rasa pening kepala ke atau rasa lemah badan ke? Macam mana?

**MIRZA** Ya, pening kepala. Rasa pening kepala dan lemah badan.

**CHM** Ok, itu kesihatan ya?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Yang keduanya, spiritual ini? Tolong, faham.

**MIRZA** Ok, spiritual itu saya –

**CHM** Spiritual.

**MIRZA** Spiritual itu masalahnya ialah selalu saya mempunyai gangguan mimpi yang begitu teruk juga lah pada malam, pada malam waktu. Banyak benda-benda, vision-vision yang merujuk kepada benda-benda yang tak eloklah. Itu saya rasa macam saya tak tahu macam mana sebetulnya. Itu, itu masalah saya dari spiritual.

**MFR** Baik. Selepas itu En Iqbal telah berhubung dengan Chan Wan Tack.

**MIRZA** Ya.

**MFR** Dan Chan Wan Tack telah memberi maklumat berkaitan dengan?

**MIRZA** Kepada Joshua Hilmy lah.

**MFR** Joshua Hilmy?

**MIRZA** Ya, ya.

**MFR** So, so pertama kali En Iqbal berjumpa, kes ini berlaku masa bila? Perjumpaan yang menghubungi Joshua Hilmy ini pada bila?

**MIRZA** Pada 2015, Januari 2015, 01.01.2015. Sebenarnya, saya, saya cakap saya punya senario, saya punya latar belakang tentang spiritual ini sebenarnya, sebenarnya bukan sebenarnya baru berlaku pada tahun 2015 itu sebenarnya. Sebenarnya benda ini benda berlaku daripada sebelum-sebelum ini memang dah berlaku dah banyak dah tapi saya bertahan. Sebenarnya saya bukan berjumpa sahaja dengan seorang yang dikatakan sebagai pastor. Sebenarnya saya sebelum –

**CHM** Tak, tak, tak. Tak apa, kita tak –

**MIRZA** Ya, ya, ya.

**CHM** Kita akan sampai ke peringkat itu kemudian ya.

**MIRZA** Ok, boleh, boleh.

**CHM** Perlahan-lahan ya. Dah lama ya? Ok, sejak umur berapa?

**MIRZA** Saya masalah itu saya ingat selepas saya berkahwin itulah. Berkahwin itu banyak gangguanlah, gangguan.

**CHM** Maksud lepas kahwinlah?

**MIRZA** Ya, begitu.

**CHM** Bukan masa budak-budak?

**MIRZA** Bukan budak-budak. Masa kahwin.

**CHM** Teenager tak?

**MIRZA** Betul, betul.

**CHM** Dah kahwin ya?

**MIRZA** Betul, betul.

**CHM** Kalau saya boleh tanya, bila kahwin umur berapa?

**MIRZA** Umur kahwin saya, saya kahwin umur saya, saya tak, saya tak ingat ya. Saya ingat dalam 28 macam itulah, 28.

**CHM** Ok.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Lepas itu dah kahwin baru timbul masalah spiritual?

**MIRZA** Baru benda-benda, betul. Yes, betul.

**CHM** Ok. So jelaskan lagi, adakah setakat mimpi ngeri sahaja atau ada lebih daripada itu?

**MIRZA** Ada mimpi ngeri macam, macam benda-benda hitam dekat bawah, dekat lantailah. Macam-macamlah benda-benda macam itu kan. Saya, pasal, pasal itu saya, saya tengok saya gangguan itu begitu teruk. Malam tidur memang teruklah dan bangun pagi terasa penatlah. Itu saya tak, itu saya banyak saya berubat. Saya berjumpa ramai orang masa itu.

**CHM** Ok.

**MIRZA** Ok.

**CHM** Now beralih ke bab berubat.

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** Berubat, macam mana kita berubat dulu?

**MIRZA** Ok, saya –

**CHM** Tradisionallah?

**MIRZA** Saya pergi, saya mula-mulanya saya selepas kahwin, saya pergi ke isteri saya ada mungkin, ada rekomenlah dekat, dekat di Johorlah, di Kluang itu ada seorang ustazlah. Dia, dekat situ dia berubatkan, kami berubatlah. Bukan itu sahaja. Lepas itu kami, lepas itu ada beberapa tahun ada lagi masalah itu.

**CHM** Bomoh ke dia di Kluang?

**MIRZA** Dia bukan bomoh. Ustaz, ustaz.

**CHM** Ustaz di Kluang?

**MIRZA** Di Kluang. Ustaz di Kluang lah.

**CHM** Ya.

**MIRZA** Lepas itu saya, itulah, macam itulah dia punya apa ini, dia punya senario dialah.

**CHM** Ok. Kita jumpa ustaz di Kluang. Apa nasihat ustaz?

**MIRZA** Ustaz cuma dua yalah, cuma membacakan ayat, ayat al-quran. Lepas itu memberi air. Itulah, dia kata gangguan itulah kita kena, yalah. Ustaz punya pendapat cuma supaya kita terus apalah, berdoa kepada Tuhanlah dan menjauhi, itu.

**CHM** Adakah dia memberi apa-apa doa nak baca ke?

**MIRZA** Ada doa. Saya pun tak ingat masa itu doa masa itu.

**CHM** Ok. Ok, kita pergi jumpa ustaz, dapat nasihat. Ustaz bagi kita air, air.

**MIRZA** Air, air minta air lepas itu dia –

**CHM** Macam air jampilah?

**MIRZA** Air, air, ya.

**CHM** Ok. Jadi, jadi bagaimana? Adakah rasa lega? Rasa kekurangan gangguan?

**MIRZA** Tak, mula-mula itu, mula-mula itu memang rasa lega. Selalu macam itulah, rasa lega. Lepas itu macam-macamlah, ada gangguan, ada macam itulah. Lepas itu saya gangguan macam itulah. Lepas itu saya jumpa ustaz berubat, lepas itu saya biarkan itu dah ok, lepas itu biar. Lepas itu pergi balik macam itulah dia punya apa, dia punya cerita dialah. Dan, dan ada satu ketika anak saya pun ada masa anak yang sulung saya itu dia pun menghadapi juga gangguan juga masa itu. Ada gangguan juga. Tak tahu mungkin masa kecil ada gangguan. Kami pun pergi berubat juga lah anak yang No.1 saya itu.

**CHM** Ada ustaz itu beritahu tak apakah punca gangguan ini?

**MIRZA** Punca –

**CHM** Macam mana boleh, boleh berlaku?

**MIRZA** Ok, punca gangguan itu sebenarnya ialah punca gangguan dia tak boleh nak bagi tahu apa-apalah. Cuma dia kata memang gangguan. Itu sahaja dia bagi tahu. Itu sahaja.

**CHM** Makhluk halus?

**MIRZA** Makhluk halus, betul.

**CHM** Itu sahaja?

**MIRZA** Itu sahaja.

**CHM** Ok, ya. Carry on, ya.

**MFR** Baik. En Iqbal maklumkan tadi sejak umur 28 selepas berkahwin telah mendapat gangguan inilah?

**MIRZA** Ya, ya, ya.

**MFR** So seterusnya telah mendapat rawatan.

**MIRZA** Ya, ya.

**MFR** Perubatan tradisional dengan doktor?

**MIRZA** Doktor, doktor, saya masa itu pasal saya pun masa itu ok lagi dari segi doktor, saya punya tekanan darah saya masa itu ok lagi. Tapi gangguan dari segi spiritual teruk dah.

**MFR** Itulah yang –

**MIRZA** Elok itu, itulah. Lepas itu pada tahun 2014 itu, 2015 itu yang saya berjumpa dengan itu, masa itu saya punya, saya berasa sakit dekat sini, sebelah kanan saya. Sebelah kanan saya. Saya ingat ada gangguan mungkin ada gangguan dari segi spiritual ke ataupun dari segi, dari segi apa tadi? Spiritual ataupun dari segi kesihatan. Saya pun tak pasti masa itu. Saya tak pasti. Saya cuma cuba berubat. Itulah saya punya –

**CHM** 2015?

**MIRZA** 2015, ya.

**MFR** So itu pertama kali berjumpa dengan –

**MIRZA** Ya, Joshua Hilmy.

**MFR** Joshua Hilmy.

**MIRZA** Sebelumnya, akhir tahun 2014 itu saya dah rasa sakit. Ada rasa, ada rasa macam sakit sebelah kanan ini. Itulah, itu. Itu yang saya, saya ingat lepas itu saya pun ada gangguan spiritual yang begitu dahsyat juga. Saya masa itu saya tak boleh tahan lagi dah masa itu. Saya tak boleh tahan lagi nak, nak apa ini, nak, nak menghadapi keadaan macam itu.

**CHM** Apa maksud yang tak boleh tahan lagi itu?

**MIRZA** Tahan itu maksudnya saya –

**CHM** Adakah, adakah maksud mimpi juga ataupun nampak makhluk-makhluk halus ini?

**MIRZA** Sebab ok, nampak makhluk-makhluk halus ya, mimpi, mimpi itu dengan saya rasa sakit itu.

**CHM** Ok. Doktor kata apa selain daripada darah tinggi?

**MIRZA** Saya, saya jumpa doktor –

**CHM** Bagi tahu doktor tak?

**MIRZA** Saya, saya jumpa –

**CHM** Mimpi kita itu, beritahu doktor?

**MIRZA** Tak, tak. Doktor memang tak percaya dari segi itu, dia tak percayalah.

**[10:45AM]**

**CHM** Tak, ada beritahu tak?

**MIRZA** Ada, saya tak bagi tahu tentang doktor waktu itu, cuma dari segi kesihatan. Dia akan tengok saya punya, dia punya, saya punya apa, saya punya BP saya. Itu sahajalah.

**CHM** Blood pressure tinggi?

**MIRZA** Blood pressure tinggi, ya.

**CHM** Kolesterol tinggi?

**MIRZA** Kolesterol tinggi.

**CHM** Lepas itu ada ambil ubat kolesterollah?

**MIRZA** Saya masa itu tak ambil ubat. Masa itu doktor tak kata, tak, tak ada rekomen apa-apa ubat masa itulah. Cuma dia tak rekomen apa-apa.

**CHM** Ya.

**MIRZA** Cuma ambil ubat biasa. Kalau pening kepala, makan ubat itu sahaja. Tak adalah sampai kena makan ubat darah tinggi. Sekarang ini pada tahun, pada tahun inilah, pada tahun ini saya baru ambil ubat darah tinggi. Akhir tahun 2019.

**CHM** Doktor kata darah tinggi?

**MIRZA** Ya, darah tinggi.

**CHM** Waktu itu?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Tapi tak bagi, tak, tak nasihat suruh ambil ubat darah tinggi?

**MIRZA** Tak, tak. Dia kata saya punya, saya punya itu dia check, check masa itu tinggi. Lepas itu apa ini, tak begitu stabillah, dia panggil stabil. Tak

adalah macam terlampau macam 150, 150 macam itu tak adalah. Lepas itu dia boleh turun baliklah macam itu.

**CHM** Pantang makan macam mana? Ada doktor suruh pantang?

**MIRZA** Saya masa itu pantang dia tak cakap apa-apa pantanglah.

**CHM** Jadi tak ada pantanglah?

**MIRZA** Tak ada pantang.

**CHM** Ok, ok. Ini 2015 ya?

**MIRZA** Ya, ya.

**CHM** Ya?

**MIRZA** 2014, 2014 akhir tahun dah sampai ke 2015.

**CHM** Jadi pergi jumpa En Joshua?

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** Ok.

**MFR** En Iqbal pasti 01.01.2015 pertama kali berhubung?

**MIRZA** Betul. Saya berhubung tak, berjumpa dengan dia 01.01.2015.

**MFR** Di mana?

**MIRZA** Di rumah dia di PJ itu.

**MFR** Dengan siapa?

**MIRZA** Saya dengan isteri saya, dengan isteri saya.

**MFR** Dua orang sahaja?

**MIRZA** Dua orang sahaja. Lepas itu saya ingat lagi dengan apa ini, dengan isteri kepada Joshua itulah.

**CHM** Just a moment, Faiz ya.

**MFR** Ya.

**CHM** Apa yang buat Encik, En Iqbal untuk berjumpa dengan En Joshua? Apa yang membuat?

**MIRZA** Saya –

**CHM** No. Macam mana diketemukan itu macam mana?

**MIRZA** Ok. Saya –

**CHM** Siapa yang, siapa yang rekomen macam mana?

**MIRZA** Ok. Itu, yang rekomen itu ialah –

**CHM** Itu kita nak tahu.

**MIRZA** Yang rekomen itu ialah En Chan Wan Tack itulah. Saya pun dah cerita dekat dia masalah saya dari segi spiritual. Saya dah cerita dekat dialah, Chan Wan Tack itu. Lepas itu dia kata dia rekomenlah Joshua Hilmy ini boleh membantu. Itu sebabnya saya percaya dekat dia pasal dia pun seorang, dia orang lama juga lah. Usia pun macam bapa saya juga, Chan Wan Tack itu dan dia, dia apa itu, dia rekomen sayalah berjumpa dengan Joshua. Dia yang rekomen saya. Saya sebelum ini saya tak kenal Chan Wan Tack.

**CHM** Ok, macam mana nak jumpa dengan En Joshua? Adakah En Chan telefon dia dulu ke?

**MIRZA** Itu saya, tak, tak. Mungkin –

**CHM** Siapa bagi handphone dia?

**MIRZA** Mungkin, saya tak pasti. Mungkin En Chan telefon dulu lepas itu En Chan bagi nombor telefon apa ini, Joshua Hilmy kepada saya dan saya hubungi dialah.

**CHM** Ok.

**MFR** So hubungi dia pada hari yang sama dan terus berjumpa dialah?

**MIRZA** Tak, tak. Sebelum itu. Sebelum itu. Sebelum, sebelum 01.01.2015.

**MFR** Ada berhubung dengan dialah?

**MIRZA** Ada berhubung dengan dia sebab itu apa yang saya ingat dia masa itu dia masih belum berpindah lagi ke, ke sini. Dia masih berada di, saya rasa saya tak tahu, dia berada di utaralah saya rasa. Dia kata, dia kata belum sampai lagi. Dia tak boleh nak, tak boleh nak bantu lagi dia kata macam itulah.

**MFR** Jadi boleh saya katakan Encik mula berhubung dengan Joshua ini adalah pada tahun 2014, akhir tahun 2014?

**MIRZA** Ya, akhir tahun 2014. Betul.

**MFR** Dan pada masa tersebut, En Joshua ini berada di kawasan utara?

**MIRZA** Saya tak pasti dia ada utara pun. Dia kata dia belum sampai lagi di Petaling Jaya lah.

**MFR** Baik.

**MIRZA** Ya.

**MFR** So appointment dibuat pada 01.01.2015?

**MIRZA** Ya, dia kata pada hari itu, pada 1 Januari, 1 Januari, 01.01.2015 dia kata baru dia ada, berada di sini.

**MFR** Baik. So pada hari tersebut, Encik dan isteri telah pergi ke rumah Joshua Hilmy lah?

**MIRZA** Ya, betul, betul.

**MFR** Ok.

**CHM** Masa itu En Iqbal tinggal di mana?

**MIRZA** Saya tinggal di rumah saya di, di –

**CHM** Waktu itu?

**MIRZA** Betul.

**MFR** Di PJ.

**CHM** Di mana?

**MIRZA** Di Damansara Damai.

**CHM** Damansara Damai ya?

**MIRZA** Di PJ itu.

**CHM** Damansara Damai. Damansara Damai itu dekat mana ya?

**MIRZA** Dia dekat dengan dekat sebelah dengan –

**CHM** Dekat Curve ke?

**MIRZA** Bukan, bukan. Dia di atas pada itu. Dia dipanggil, dikenali sebagai PJ Utara.

**CHM** PJ –

**MIRZA** Berdekatan dengan Stesen MRT Sungai Buloh. Ada satu stesen sekarang ini dikenali sebagai Stesen MRT Damansara Damai. Ya, stesen yang, yang baru punya stesen itu.

**CHM** Ok, atas sikit pada Kampung Melayu Subang? Jalan –

**MIRZA** Atas lagi.

**CHM** It's ok.

**MIRZA** Atas lagi. Dia berdekatan dengan Bandar Sri Damansara.

**CHM** Dah dekat dengan Bandar Sri Damansara?

**MIRZA** Betul, betul.

**CHM** Ok, ok. Saya faham.

**MFR** Ok, pada hari tersebut 01.01.2015, Encik bersama isteri telah pergi ke rumah Joshua Hilmy?

**MIRZA** Ya.

**MFR** Encik boleh bagi tahu alamat rumah Joshua Hilmy?

**MIRZA** Saya tak berapa ingat alamat dia. Saya tak pasti.

**MFR** Dia PJ di kawasan mana?

**MIRZA** Yang saya tahu di Kampung Tunku lah.

**MFR** Kampung Tunku?

**MIRZA** Ya.

**MFR** Ok. Pada, ok, boleh ceritakan apa yang berlaku di sana? Pada pukul berapa sampai?

**CHM** Tak, tak. Pergi dengan siapa?

**MIRZA** Saya pergi dengan isteri saya.

**CHM** Berdua?

**MIRZA** Berdua.

**CHM** Agak pukul berapa itu?

**MIRZA** Saya ingat lepas maghrib macam itulah.

**CHM** Selepas maghrib?

**MIRZA** Lepas maghrib macam itulah. Saya ingat lepas maghriblah.

**CHM** Ok. Ok, teruskan cerita.

**MIRZA** Lepas itu saya, saya ceritakanlah masalah saya dari segi spiritual, dari segi kesihatan. Lepas itu saya, saya, saya kata dekat dia, dia kata dia, dia kata dia, dia apa ini, dia nak mandikan saya. Itu sahajalah. Nak mandikan saya supaya boleh buang apa yang ada dalam diri saya itulah. Itu, itu dia punya, dia nak bantu saya di situlah.

**MFR** So kedatangan ke rumah Joshua Hilmy dengan tujuan untuk berubatlah?

**MIRZA** Ya, betul.

**MFR** Baik. So aktiviti ini berakhir dalam pukul berapa?

**MIRZA** Saya ingat dalam pukul 11:00PM, 10:00AM macam itu. 11:00AM macam itulah.

**MFR** Perkara yang dibincangkan?

**MIRZA** Perkara di bincang dia kata, dia cuma kata itulah, saya ceritakan masalah saya itulah.

**CHM** Sebentar ya, sebentar. Slowly, Faiz. Mandikan itu. Cara itu.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Ceritakan upacara mandi itu. Adakah dia, dia membaca apa-apa? Menyebut apa-apa?

**MIRZA** Dia, dia, dia menyebut apalah, dia menyebut atas nama apa ini, tuhan Jesus macam itu. Dia kata, dia kata baca itulah. Dia boleh baca. Lepas itu tujuan saya membaca ialah untuk, untuk menghilang itulah kan, untuk menghilangkan segala mimpi saya apa benda itu. Itu tujuan sayalah. Saya itu saya punya, itu dia katalah. Dia kata dia cuba nak share kan apakah yang dia percaya. Tapi saya, saya kata dekat dia saya apa yang, yang, yang dia boleh bantu saya. Itu sahajalah.

**CHM** Ok. Ada dia guna perkataan macam nak baptized ke?

**MIRZA** Bukan. Bukan, dia ada kata, memang ada kata nak baptized semua kan tapi saya, saya kata apa ini, saya kata cuma saya nak hilangkanlah. Saya nak hilangkan saya punya itu sahajalah.

**CHM** Itu tujuan dia?

**MIRZA** Itu tujuan dia. Tujuan saya, niat saya ialah untuk apa ini, untuk cure kan saya punya penyakit saya. Itu sahaja tujuan saya. Itu tujuan saya. Yang saya punya priority punya priority saya punya kedatangan saya di sana.

**CHM** Tak ada tujuan lain?

**MIRZA** Tak ada tujuan lain.

**CHM** Ok. Ya, ya, Faiz?

**MFR** Baik, En Iqbal. Siapa lagi berada semasa –

**MIRZA** Isteri dia. Saya, saya ingat masa itu isteri dia, isteri dia. Itu sahaja saya ingat.

**MFR** Selain daripada itu?

**MIRZA** Saya tak ingat masa itu.

**MFR** Ok, pada hari kejadian, En Iqbal maklumkan telah dimandikanlah.

**MIRZA** Ya.

**MFR** Ok, dalam pada itu Joshua Hilmy telah membacakan kalam-kalam Jesus Christ semua.

**MIRZA** Ya.

**MFR** Isteri En Iqbal bagaimana?

**MIRZA** Dia pun sama juga lah. Sama juga pasal, pasal tujuan kami datang ke sana ialah untuk, untuk keluargalah. Bukan spesifik untuk diri saya juga supaya keluarga saya dijauhkan perkara-perkara macam ini. Tujuan sayalah. Dan isteri saya pun tujuan dia ialah untuk membersihkan juga lah.

**CHM** Isteri tak sakit?

**MIRZA** Tak, isteri pun ada, ada gangguan juga.

**CHM** Isteri pun ada gangguan juga?

**MIRZA** Ada gangguan juga. Memang ada, Tuan. Bukan saya seorang sahaja gangguan. Memang. Nanti Encik boleh bertanya dengan dialah.

**CHM** Gangguan yang serupa?

**MIRZA** Gangguan yang serupa, betul. Saya rasa dia akan cerita lebih panjang lagi bagaimana dia encounter dengan benda-benda macam inilah.

**CHM** Ok, ok, alright.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Ok.

**MFR** Semasa En Iqbal berjumpa dengan Joshua Hilmy, itulah kali pertama?

**MIRZA** Ya, kali pertama betul.

**MFR** Adakah maklumat yang lain yang diberitahu kepada En Iqbal berkaitan dengan dirinya?

**MIRZA** Tak, dia cuma ceritakan dia tentanglah, dia ceritakan tentang pengalaman dia, apa yang dia buat, apa yang dia, itu sahajalah yang, yang.

**MFR** Boleh En Iqbal ingat apa yang dia ceritakan?

**MIRZA** Saya tak berapa ingat sangatlah apa yang dia, cuma dia cerita banyak pengalaman dia. Itu sahajalah.

**MFR** Pengalaman sebagai apa?

**MIRZA** Pengalaman sebagai apa ini, dia cerita dia sebagai pencipta ada satu kapal terbang itu. Saya pun tak ingat masa itu. Ada kapal terbang dia cerita. Dia pencipta. Itu sahajalah yang perkara-perkara itu. Banyak benda-benda yang tak begitu, yang, yang menyebabkan boleh apa ini, dia cerita pengalaman dialah. Mencipta kapal terbang. Itu antara satulah.

**MFR** Baik. En Iqbal, so bila En Iqbal telah dimandikan dalam proses merawat itu, En Iqbal memang, adakah En Iqbal acknowledge En Iqbal telah dibaptiskan?

**MIRZA** Yang itu saya apa ini, saya, ok, itu dia katalah. Dia kata memang dibaptiskan. Dia katalah ya. Saya ikutlah masa itu. Saya, saya tak kisahlah saya kata janji boleh cure kan masa itu.

**MFR** En Iqbal memang mengesahkanlah telah dibaptiskan?

**MIRZA** Saya apa ini, saya cuma apa ini, saya cuma kata saya –

**CHM** Faiz, you have establish whether he know what's the meaning of dibaptiskan. Kita tak boleh assume. Ya. You might think dibaptiskan itu mean something else. He might think I di baptis mean something else.

**MFR** I see.

**CHM** Kan? Kan? Ok. Dibaptiskan ya? Perkataan baptis ya, apa, apa En Iqbal faham tentang baptis itu?

**MIRZA** Tak, tak. Saya –

**CHM** Adakah menukar agama ke?

**MIRZA** Masa, sebab itu kali pertama berjumpa dengan dia. Saya pun tak ada knowledge apa-apa tentang baptis itu kan.

**CHM** Tak apa, tak apa.

**MIRZA** Dibaptis ke apa saya tak, tak pasti masa itu. Ya. Dan cuma saya kata dekat dia, cuma saya nak apa ini, membersih, nak, nak cure kan saya punya penyakit saya. Itu sahajalah.

**CHM** Ya.

**MIRZA** Itu pengertian sayalah.

**CHM** Bukan bermaksud ugama?

**MIRZA** Bukan, bukan.

**CHM** Tak ya?

**MIRZA** Tidak.

**CHM** Ok. Ya, ya.

**MFR** En Iqbal, masa lepas daripada 1 Januari itu, itu kali pertama dan kali terakhir ataupun ada perjumpaan selepas?

**MIRZA** Ada berapa kali cuma saya nak apa ini, supaya nak follow up lah dari segi. Sekejap, sekejap tanya sayalah macam mana keadaan saya sekarang. Lepas itu saya kata adalah beberapa kali, saya kata ada juga lah masalah spiritual itu ada juga lah. Tapi saya kata dekat dia ada juga kurang sikitlah, kata kurang sikit. Macam itulah.

**MFR** Boleh ingat berapa kali selepas itu berapa kali jumpa? Boleh ingat?

**MIRZA** Saya ingat dalam dua kali. Dua kali sahaja.

**MFR** Pertama 1 Januari.

**MIRZA** 1 Januari, lepas itu dua kali saya jumpa dengan dia di rumah itu.

**CHM** Tambah lagi dua kali?

**MIRZA** Dua kali.

**CHM** Jadi tiga kalilah?

**MIRZA** Tiga kali, betul.

**CHM** Ok, yang pertama tadi 1 Januari ya? Itu yang penting ya?

**MIRZA** 1 Januari, ya betul.

**CHM** 2015.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Kali yang kedua?

**MIRZA** Kali kedua dalam Januari 2015 juga.

**CHM** I see. Yang ketiga?

**MIRZA** Yang ketiga pun Januari 2015 juga.

**CHM** I see.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Ok. Tiga kali ya?

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** Semuanya dalam bulan Januari 2015.

**MIRZA** Ya, ya. Ya.

**CHM** Ok.

**MFR** Untuk, so total adalah tiga kali perjumpaan?

**MIRZA** Ya, ya.

**MFR** Untuk kali kedua itu apa yang berlaku?

**MIRZA** Tak, cuma, cuma cakap-cakap apa ini, cuma saya ceritakan macam mana saya punya keadaan saya macam itulah. Saya ceritakanlah apa

yang, dia pun nak, nak dengar apa yang saya cakap, itulah. Lebih kepada apa, apa yang, saya tak tahu apa dia, dia nak tolong saya, saya tak pasti. Tapi saya kata itu saya punya keadaan saya cerita dekat dialah. Apakah selepas daripada pertemuan pertama.

**MFR** Jadi apa yang berlaku selepas buang sakit En Iqbal ini?

**MIRZA** Sakit itu ada, ada lagilah. Sakit itu ada lagi. Di dada itu masih ada lagi. Masih ada lagi.

**CHM** Dari segi nama, saya sahkanlah En Iqbal beragama Islam ya?

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** Ya?

**MIRZA** Betul.

**CHM** Dan hari ini?

**MIRZA** Saya beragama Islam.

**CHM** Masih? Ok, sudah ya.

**MFR** Dan untuk perjumpaan kedua dan ketiga, adakah proses yang sama perubatan dilakukan?

**MIRZA** Ya, proses yang sama.

**MFR** Ada proses mandi?

**MIRZA** Tak, proses tak mandi. Dia cuma, dia, saya tak pasti apa dia, dia baca apa yang dia faham apa ini, dari segi pengertian dia. Dia, lepas itu saya apalah, saya, itu sahajalah, lebih kepada apa yang saya cerita dekat dia keadaan saya macam mana sekarang dari segi pertemuan pertama itu apakah saya punya feedback lah.

**[11:00AM]**

**MFR** Kali kedua melibatkan isteri?

**MIRZA** Kali kedua tidak.

**MFR** Siapa yang terlibat?

**MIRZA** Saya seorang. Saya pergi seorang sahaja.

**MFR** Ok. Yang ketiga?

**MIRZA** Ketiga pun saya seorang juga.

**MFR** Betulkah En Iqbal sendiri yang meminta untuk berjumpa ataupun Joshua Hilmy yang minta?

**MIRZA** Masa itu saya saja berjumpa dialah.

**MFR** Ok En Iqbal, saya nak bawa balik semula daripada awal. En Iqbal melalui masalah kesihatan ini, En Iqbal telah berjumpa dengan ustaz.

**MIRZA** Ya, betul. Betul.

**MFR** Joshua Hilmy yang pada ketika itu En Iqbal tahu agama Kristian?

**MIRZA** Saya tahu dia agama Kristian, betul.

**MFR** Tahu dia seorang Melayu?

**MIRZA** Saya tahu dia seorang Melayu.

**MFR** Ada tak perbincangan ataupun –

**MIRZA** Saya tidak berkisar pasal cerita itulah.

**MFR** Selain daripada perubatan ini, ada tak macam –

**MIRZA** Tak ada, tak ada.

**MFR** So itu sahaja?

**MIRZA** Itu sahaja. Perkara itu sahaja.

**MFR** Ok En Iqbal –

**CHM** Just a moment. En Iqbal tahu dia Melayu dan dia, En Joshua beragama Kristian.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Ada rasa pelik sikit tak sebab orang Melayu –

**MIRZA** Tak, tak. Memang, memang –

**CHM** Beragama –

**MIRZA** Yang saya rasa memang rasa pelik sahajalah. Saya memang rasa pelik kenapa ada pula, ada orang Melayu kan, ada orang Melayu yang beragama Kristian. Saya pelik. Pada mulanya saya peliklah.

**CHM** Pada mula?

**MIRZA** Ya, pada mula. Lepas itu, pasal sebabnya saya yang rekomen saya itu kawan kenalan apa ini, isteri saya, bukan kenalan, dia contact isteri saya itu, Chan Wan Tack itu, itu yang menyebabkan saya nak pergi dekat dia. Itu sahaja. Dia, dia lebih kepada recommendation daripada En Chan Wan Tack.

**CHM** Ok. Pernah bertanya dengan Joshua mengapa dia seorang Kristian sedangkan dia seorang Melayu?

**MIRZA** Saya, saya tidak bertanya.

**CHM** Yalah, peribadi ya?

**MIRZA** Ya, peribadi. Terlalu peribadi.

**CHM** Ok, alright. Ya, ok. Waktu berjumpa tiga kali ini ada dia cuba, kita, or kita sebut dakwahlah kan?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Cuba berdakwah tentang –

**MIRZA** Tidak, tidak.

**CHM** Tak ada ya?

**MIRZA** Tidak ada. Semua berkisar tentang saya punya kesihatan.

**CHM** Kesihatan?

**MIRZA** Kesihatan, ya.

**CHM** Masalah spiritual?

**MIRZA** Betul.

**CHM** Ok.

**MFR** En Iqbal, berkaitan dengan proses mandi tadi rawatan tadi, itu adalah kali pertama dalam seumur hidup En Iqbal lah?

**MIRZA** Betul, betul. Saya tidak pernah, tak pernah mengalami itulah. Bukan, bukan tak pernah mengalami. Saya bukan mengalami. Dari segi ustaz pun, saya pergi ke ustaz, ustaz pun sama juga. Ustaz, ustaz.

**CHM** Ya, ya.

**MIRZA** Sama juga. Dia pun mandikan saya juga. Saya rasa tak ada masalah. Saya rasa, saya rasa perkara itu macam perkara yang, yang biasa bagi pengamal.

**CHM** Ok, kita mula dengan ustaz ini ya.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Ustaz mandikan. Boleh cerita tak macam mana ustaz itu mandikan? Mandikan.

**MIRZA** Ok. Dia mula-mula saya, mula-mula –

**CHM** Mandikan suruh kita –

**MIRZA** Ya, dia suruh saya apa ini –

**CHM** Dia siram kepala. Macam mana? Cerita secara terperinci sikitlah.

**MIRZA** Saya –

**CHM** Upacara mandi yang ustaz ini dulu.

**MIRZA** Tak, pasal saya dah lama. Saya upacara mandi itu saya dah, dah lama, saya, saya tak berapa ingat sangat. Cuma apa yang, dia cuma apa yang dia akan bacakanlah, kalau saya mempunyai masalah yang spiritual itu dia akan bacakan. Sebab itu saya dia suruh baca ayat.

**CHM** Tak, tak, tak. Cerita tentang mandi.

**MIRZA** Ok, mandi dia, dia akan letakkan air dalam gayung, dalam apa ini, dalam besen ya, dalam besen.

**CHM** Ya.

**MIRZA** Air. Lepas itu dia letakkan bunga kan, macam bunga, macam bunga semua itu. Lepas itu dia bacalah. Dia baca semua ayat al-Quran semua itu. Lepas itu dalam berapa minit semula dia mandikan saya.

**CHM** Dia ceduk ke?

**MIRZA** Ya, ceduk.

**CHM** Siram?

**MIRZA** Betul, siram.

**CHM** Kepala ke bawahlah?

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** Kepala?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Ok, alright. Ya, ok. Itu, itu bab ustaz ya?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Ok. Bab ini En Joshua mandikan upacara mandi itu macam mana?

**MIRZA** Dia mandi lebih kurang sama juga.

**CHM** Sama juga?

**MIRZA** Sama juga.

**CHM** Tapi tak ada bunga? Ada? Tak ada?

**MIRZA** Tak ada, tak ada bunga. Tak ada, tak ada bunga.

**CHM** Ya. Mandi itu mandi syarat sahaja ke ataupun memang, memang basah betullah?

**MIRZA** Mandi syarat, tak, tak. Ada, ada, basah betullah. Saya sampai pada, pada satu ketika, ada dulu saya ada berjumpa dengan pak saudara isteri saya. Dia ini mengamalkan juga, dia mengamalkan guna ayat al-Quran untuk apa itu, untuk mengubat oranglah ya. Lepas itu dia menggunakan limau, letak limau dalam, dalam apa, dalam baldi itu. Lepas itu dia baca ayat al-Quran. Sama sahaja. Lepas itu dia, lepas itu dia kena berpuasa sebelum itu.

**CHM** Tak, tak. Ini cerita bab lainlah?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Ini pasal lainlah?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Yang ustaz, ustaz bunga dalam besen?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Air. En Joshua, Joshua tak ada bunga-bunga?

**MIRZA** Tak ada bunga.

**CHM** Yang limau-limau ini cerita lainlah?

**MIRZA** Limau-limau itu –

**CHM** Limau-limau cerita orang lainlah?

**MIRZA** Limau dia lain, orang lain.

**CHM** Ok. Mandi itu mandi syarat ataupun syarat sahaja ke renjis sikit ataupun betul-betul kuyup sampai basah?

**MIRZA** Betul basah kuyup.

**CHM** Ok, alright, ok. Ok Faiz, ya.

**MFR** Ya.

**PM1** Can I?

**CHM** Sure, sure.

**PM1** Sekejap ya. Sekejap, sekejap, Faiz. Ok, terima kasih, Encik. Tapi dengar tak?

**MIRZA** Ya, ya.

**PM1** Semasa upacara mandi tadi –

**MIRZA** Ya.

**PM1** Adakah En Joshua meminta Tuan untuk membaca sesuatu? Mengucapkan sesuatu?

**MIRZA** Dia tak, dia tak suruh saya pun membaca sesuatu.

**PM1** Dia seorang sahaja?

**MIRZA** Dia seorang baca.

**PM1** Ok. Ok, jadi tak adalah?

**MIRZA** Tak ada, tak ada.

**PM1** Tak ada you melafazkan apa-apa?

**MIRZA** Tak ada, tak ada.

**PM1** Ustaz? Ustaz?

**MIRZA** Ustaz saya baca Asyhadualla Ilahaillallah. Saya baca mengucap. Saya mengucaplah.

**PM1** Ok, untuk yang ustaz.

**MIRZA** Ya.

**PM1** Tapi dengan En Joshua tak ada?

**MIRZA** Tak ada, tak ada.

**PM1** Ok. Satu lagi, dalam persekitaran bilik air ke ataupun di rumah itu, ada tak simbol-simbol yang menunjukkan tempat itu ada agama Kristian dan sebagainya?

**MIRZA** Tak ada. Saya masa itu saya tak nampak apa-apa.

**PM1** Tak nampak ya?

**MIRZA** Tak nampak apa-apa.

**PM1** Ok. Tak apa. Itu sahaja.

**CHM** Tapi nak kepastian masa mandi Joshua, Joshua itu dia ada sebut, ada sebut Jesus lah?

**MIRZA** Dia ada sebut. Dia yang sebut.

**CHM** Jesus ya?

**MIRZA** Dia sahaja sebut.

**CHM** Dalam dan ada, ada, ada ucapan lain-lainlah? Dia?

**MIRZA** Itu saya tak pasti.

**CHM** Tak pasti?

**MIRZA** Ya.

**PM1** Dalam Bahasa Melayu?

**CHM** Ya?

**MIRZA** Dia dalam Bahasa Melayu itu.

**CHM** Bukan Inggeris? Melayu?

**MIRZA** Saya tak berapa ingat itu.

**CHM** Tapi yang, yang ingat cuma ada sebut Jesus?

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** Ok, ya, ya.

**PM1** Terima kasih.

**MFR** En Iqbal, untuk seterusnya, panel siasatan telah menerima beberapa dokumen daripada Saksi Kelapan dan Saksi Kesembilan.

**MIRZA** Ya.

**MFR** So panel members, saya ingin merujuk kepada Exhibit 14A. En Iqbal boleh rujuk dengan 14A.

**MIRZA** Ok.

**MFR** Ok, pada, pada gambar ini terdapat dua sijil bertarikh 05.02.2015. Terdapat dua nama individu iaitu Fadzlina Binti Amran dan Iqbal Mirza Bin Jalaludin.

**MIRZA** Ok.

**MFR** Adakah En Iqbal –

**MIRZA** Saya tidak, saya tidak, saya tidak pernah lihat. Saya tidak pernah lihat dokumen ini.

**MFR** Tidak pernah lihat?

**MIRZA** Tak pernah lihat.

**MFR** Adakah En Iqbal kenal individu bernama Raymond Koh?

**MIRZA** Saya kenal. Saya kenal dia.

**MFR** Boleh En Iqbal terangkan bagaimana En Iqbal kenal?

**MIRZA** Saya kenal dia pun selepas saya jumpa dengan Joshua Hilmy, saya, itu pun melalui isteri saya sebabnya melalui reference apa ini, Koh itu sebabnya dia pak mertua saya masa itu dia ada sakit apa ini, sakit kanser. Pasal dah lama, saya tak ingat. Isteri saya boleh bercerita macam itu. Dan dia berhubung dengan Harapan Komuniti untuk mendapat apa ini, untuk mendapat apa ini, bantuanlah dari segi apa ini, bantuan untuk penyakit apa ini, kanserlah.

**MFR** Bantuan kewangan?

**MIRZA** Bukan, bukan kewangan. Bantuan dari segi untuk cure sakitlah. Untuk, untuk cure penyakit ya. Itu tujuan dia, itu sebabnya saya, dari situ, daripada isteri saya itulah dia berhubung, apa ini, melalui isteri sayalah saya dapat berhubung dengan –

**CHM** Pastor Raymond?

**MIRZA** Betul.

**MFR** Ok. Adakah En Iqbal berjumpa?

**MIRZA** Saya pernah berjumpa, ya.

**MFR** Bersama dengan?

**MIRZA** Ya, itu pun saya pun saya mula-mula saya berjumpa dengan isteri saya juga dan kami pun berceritakan tentang masalah spiritual saya juga lah. Itu tujuan dia.

**MFR** So apa yang berlaku?

**CHM** Sebentar, sebentar ya. Dengan Pastor Raymond Koh ini, Joshua, Raymond Koh, mana dulu jumpa? Dengan Pastor Raymond Koh atau Joshua Hilmy dulu jumpa? Mana, mana jumpa dulu?

**MIRZA** Saya jumpa dengan apa ini, dengan Raymond Koh dulu.

**CHM** Raymond Koh dulu?

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** Joshua, jumpa, jumpa Joshua 1hb Januari.

**MIRZA** Betul.

**CHM** 2015 ya?

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** Ok, dengan Pastor Raymond Koh ini bila jumpa?

**MIRZA** Saya tak berapa ingat. Dalam, dalam tahun 2014 begitulah.

**CHM** Ya?

**MIRZA** 2014.

**CHM** 2014?

**MIRZA** 2014.

**CHM** Awal?

**MIRZA** Awal begitu.

**CHM** Wan Tack, Wan Tack ini dia rekomen Joshua sahaja?

**MIRZA** Dia rekomen Joshua sahaja.

**CHM** Tapi sebelum peristiwa Joshua ini, ada peristiwa Pastor Raymond Koh ya, 2014?

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** Ok, ok. I think now we know the timeline lah, timeline, ok.

**MFR** Saya nak ulang balik. En Iqbal mengenali En Pastor Raymond Koh ini melalui Harapan Komuniti?

**MIRZA** Melalui Harapan Komuniti. Melalui isteri sayalah. Isteri saya dia, apa ini, pasal sebabnya dia hantar emel kepada Harapan Komuniti lah. Masa itu bukan Raymond Koh yang menjawab.

**CHM** Melalui isteri ya?

**MIRZA** Isteri dan dia menghantar emel kepada Harapan Komuniti lah.

**CHM** Ok, ok. En Iqbal ada sebut perkataan Harapan Komuniti?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Harapan Komuniti ya?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Komuniti. I think I missed this word this Harapan Komuniti. I missed ya. Ok. Saya dengar sekarang Harapan Komuniti ya? Apa dia Harapan Komuniti ini?

**MIRZA** Yalah, yang, yang saya cuma tujuan masa itu –

**CHM** Apa dia? Satu organisasi NGO ke apa ini?

**MIRZA** Satu, yang saya tahu, saya rasa NGO.

**CHM** NGO.

**MIRZA** Sebuah NGO lah untuk membantu orang yang mempunyai masalah dari segi itulah, penyakit macam itu.

**CHM** Dia punya, ada, di mana ini pertubuhan ini? NGO ini di mana based dia? Di mana ini?

**MIRZA** Saya tak berapa –

**CHM** Klang ke di PJ?

**MIRZA** Saya tak berapa, saya tak pasti dekat mana dia punya.

**CHM** Jadi apa peranan Harapan Komuniti ini dengan En Iqbal dan, dan, dan pastor? Apa peranan?

**MIRZA** Ok, saya cuma saya –

**CHM** Cerita sekali. Mungkin saya, saya missed tadi.

**MIRZA** Ya. Saya masa itu saya mempunyai apa ini, saya mempunyai sama juga cerita dia macam Joshua Hilmy juga, saya juga, saya juga, saya pun cuba nak cure lah, nak cuba apa ini, untuk, saya ceritakan semulah masalah saya dari segi spiritual, dari segi kesihatan juga dengan dialah. Itu saya dapat berkomunikasi dengan dialah.

**CHM** Dia siapa? Apa maksudnya?

**MIRZA** Rujuk kepada Raymond Koh lah.

**CHM** Tak, tak, tak. Ini Harapan Komuniti. Apa peranan Harapan Komuniti ini yang Encik, En Iqbal sebut? Apa peranan Harapan Komuniti?

**MIRZA** Ok, peranan, peranan dia macam ini. Ok, peranan dia ialah apabila isteri saya dia berhubung dengan Harapan Komuniti. Ok, dia berhubung dengan Harapan Komuniti melalui emel untuk bertanya sebabnya masa itu pak, apa ini, bapa mertua saya, dia sakit kanser. Ok. Dan, dan tak ada siapa yang boleh bantu. Sebabnya kenapa kami berhubung dengan Harapan Komuniti? Sebabnya kami dah berhubung dengan Majlis Kanser. Kami dah berhubung dengan Majlis Kanser, tidak ada orang respons. Tidak ada orang respons terhadap kami punya request lah. Lepas itu isteri saya masa itu dia, dia, dia anak seorang, dia anak tunggal, dia anak tunggal dekat keluarga dia dan dia tak ada opsyen. Dia kata macam mana nak tolong bapa dia?

**CHM** Ok, ini nak tolong bapa ya?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Kerana bapa menghidapi kanser ya?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Lepas itu, lepas itu apa? Kanser di Malaysia apa nama itu sebut tadi? Yang sebut yang, yang tak bantu siapa?

**PM1** Majlis.

**CHM** Majlis?

**MIRZA** Majlis Kanser.

**CHM** Kanser tak bantu?

**MIRZA** Tak ada, tak ada –

**CHM** Tak ada respons?

**MIRZA** Tak ada respons.

**CHM** Ya. Jadi siapa yang rekomen Harapan Komuniti ini? Siapa yang rekomen?

**MIRZA** Siapa yang, yang rekomen Harapan Komuniti itu ialah kami dapat lihat dekat apa ini, dekat website lah.

**CHM** I see.

**MIRZA** Lepas itu kami cuba tanyalah apa yang kami ceritalah masalah bapa mertua sayalah kepada dialah.

**CHM** Ok Nampak website Harapan Komuniti?

**MIRZA** Saya, saya tak, saya tak pasti pasal itu isteri saya yang berhubung itu. Saya tak begitu apa, cuma itulah.

**CHM** Ok, isteri berhubung dengan Harapan Komuniti dan macam mana dengan Harapan Komuniti membawa kepada Pastor Raymond Koh?

**MIRZA** Lepas itu kami pun berjumpalah. Berjumpa. Pada ketika itu juga, saya, saya pun, kami, isteri saya pun dia bercerita dengan masalah dia tentang apa ini, dengan pak mertua, bapa dia. Lepas itu saya pun ada masalah itulah, masalah spiritual, masalah kesihatan saya pun. Saya pun bercerita. Itulah dari segi perhubungan itulah.

**[11:15AM]**

**CHM** Tak, tak. Kita, sekarang ini kita minat dengan, kita nak tumpukan dengan Pastor Raymond Koh. Jadi, itu, jadi macam mana, macam mana berjumpa dengan Pastor Raymond Koh?

**MIRZA** Tak, tak, kami jumpa berada di luarlah, di luar. Di luar di, jumpa di luar dan kami berbuallah, berbual dengan apa yang kami punya masalah.

**CHM** Tak, tak. Maksud saya bagaimana boleh bertemu? Siapa yang kamu ketemukan dengan –

**MIRZA** Yang itu saya sendiri yang, saya sendiri yang berhubung dengan dialah.

**CHM** Dengan?

**MIRZA** Berhubung. Apa ini, isteri saya dia bagi contact kepada bukan, masa itu bukan Raymond Koh yang kami contact. Ada dua orang di Harapan Komuniti masa itu yang menjawab. Ada dua orang komuniti.

**CHM** Ok.

**MIRZA** Dan dia, lepas itu barulah dia connect kan dengan apa, Raymond Koh.

**CHM** I see. Orang di Harapan Komuniti ini ada dua orang.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Yang connect keluarga Encik, En Iqbal dan isteri kepada Pastor Raymond Koh?

**MIRZA** Betul.

**CHM** Ok. Itu cara dia kan?

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** Tentang macam mana berjumpa dengan Pastor Raymond Koh.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Dan ini berlaku lebih awal daripada Joshua?

**MIRZA** Betul.

**CHM** Ya? Tahun 2014 ya?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Ok. Yes?

**MFR** En Iqbal, apa activities bersama, apabila berjumpa dengan Pastor Raymond Koh?

**MIRZA** Tak, sebenarnya itulah, saya punya, saya tengok dia, dia, dia adalah satu apa ini, NGO dan, dan dia juga ada satu, ada satu, dia ada satu apa ini, kegiatan dia adalah untuk macam tuisyen sahajalah, tuisyen. Dan masa ketika itu dia nak, ada nak buat satu program dekat sekolah-sekolahlah, sekolah-sekolah. Lepas itu saya pun masa itu saya tertariklah, tertarik dengan apa yang dia apa ini, dia, dia bagi tahu sayalah tentang itu. Saya rasa saya boleh contribute lah untuk membantu dari segi education lah pasal saya minat dalam education dan saya boleh bantu orang-orang dari segi education.

**CHM** Bantu Pastor?

**MIRZA** Bantu dari segi organisasi itulah.

**CHM** Bantu siapa? Pastor Raymond Koh?

**MIRZA** Bukan, bukan. Bantu organisasi itulah.

**CHM** Apa nama organisasi itu?

**MIRZA** Harapan Komuniti.

**CHM** I see.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Are we still with Harapan Komuniti or you haven't move to Pastor Raymond Koh yet? No?

**MFR** It's the same.

**CHM** I see. Pastor Raymond Koh have some to do with Harapan Komuniti, yes. Ok. Yes, ok.

**MFR** Baik. Itu kali pertama. Ada perjumpaan selain selepas itu?

**MIRZA** Ya. Apa ini, apa ini, lepas itu perhubungan itu lebih, lepas itu dia pun ada anak dia nama dia siapa anak dia, Jonathan, anak dia Jonathan. Jonathan dia pun dia masa itu dia ada projek tentang pendidikan itulah, pendidikan. Dia kata, dia, dia tawar dekat sayalah. Dia kata kalau nak join dengan Harapan Komuniti bolehlah dalam bidang pendidikan itu. Saya kata saya bolehlah, saya boleh kongsikan saya, saya boleh contribute lah kepada –

**CHM** Ini berlaku di mana ini tempat ini? Masa, you know bincang dengan Pastor, bincang dengan anak dia, Jonathan ini berlaku di mana? Di PJ? Di mana itu tempat itu?

**MIRZA** Apa ini, di –

**CHM** Di dalam sebuah rumah? Macam Joshua tadi di sebuah rumah di Kampung Tunku kan? Ini?

**MIRZA** Di PJ, di PJ.

**CHM** Di PJ? Dekat mana di PJ?

**MIRZA** Ini masa itu dekat Chapter, Chapter.

**CHM** Ya?

**MIRZA** Di Chapter. Chapter, saya Seksyen 16, Chapter.

**CHM** Seksyen 16, PJ ya?

**MIRZA** 16, Chapter. Ya, PJ. Ada nama kondo itu Chapter lah.

**CHM** Ini sebuah kondo?

**MIRZA** Ya, ya.

**CHM** Dipanggil Chapter?

**MIRZA** Ya, Chapter. Saya tak ingat nama dia.

**CHM** Seksyen 16?

**MIRZA** Ya, ya.

**CHM** Seksyen 16. Ok, ya.

**MFR** Ini perumahan milik –

**MIRZA** Itu, itu, itu saya tak pasti.

**MFR** Ok, so masa jumpa, jumpa di kondo ini adalah berjumpa dengan Jonathan lah?

**MIRZA** Saya berjumpa dengan Jonathan, betul.

**MFR** Ini kali kedua selepas berjumpa dengan Pastor Raymond Koh?

**MIRZA** Ya.

**MFR** Dan tujuannya adalah lebih kepada pendidikan?

**MIRZA** Pendidikan.

**PM2** Yang tadi jumpa Pastor Raymond Koh di mana? Section 16 juga?

**MIRZA** 16 juga.

**PM2** Chapter juga lah? Same place? So dua tempat, memang selalu jumpa di Section 16?

**MIRZA** Betul, betul.

**PM2** Itu rumah ke kedai ke ofis ke?

**MIRZA** Itu rumah, rumah.

**PM2** Rumahlah?

**MIRZA** Ya, ya.

**PM2** Rumah keluarga siapa itu?

**MIRZA** Rumah keluarga apa ini, Raymond Koh.

**PM2** Ya.

**MFR** So itu kali kedua jumpa dengan Jonathan.

**MIRZA** Ya.

**MFR** Lebih kepada pendidikanlah?

**MIRZA** Pendidikan, ya.

**MFR** Yang pertama berkaitan dengan –

**MIRZA** Spiritual lah.

**MFR** Spiritual? Ok. Yang seterusnya?

**MIRZA** Selepas itu saya, saya lebih apa ini, saya apa ini, kami banyak berbincang pasal education semua. Education.

**MFR** Boleh En Iqbal bagi tahu anggaran berapa kali jumpa?

**MIRZA** Saya ingat dalam lima kali, enam kali adalah.

**MFR** Dalam tahun 2014?

**MIRZA** 2014 itulah.

**MFR** Sebelum jumpa Joshua Hilmy?

**MIRZA** Betul.

**MFR** Baik.

**CHM** Enam kali jumpa dengan Pastor?

**MIRZA** Tak, tak. Saya jumpa dengan Jonathan.

**CHM** Jonathan. Enam kali jumpa dengan Jonathan?

**MIRZA** Ya. Lebih kurang itulah. Saya tak berapa ingat sangatlah.

**CHM** Alright.

**MFR** En Iqbal, ada tak aktiviti macam mandi?

**MIRZA** Tak, yang itu tak ada aktiviti mandi.

**MFR** Tak ada?

**MIRZA** Tak ada.

**MFR** Lebih kepada keagamaanlah?

**MIRZA** Tidak ada. Yang lebih kepada fokus kepada pendidikan.

**MFR** Pendidikan. Pendidikan, boleh En Iqbal terangkan apa? Contoh pendidikan?

**MIRZA** Ok. Sekarang ini apa yang dia kongsi dengan saya masa itu, kami nak buat apa ini di sekolah-sekolah di bahagian motivasilah, motivasi kepada pelajar-pelajar. Dan saya, lepas itu, saya banyaklah, saya pun tak berapa ingat apa yang kami bincangkan tentang itu, kami nak attract supaya pelajar-pelajar itu minat dalam belajarlah dekat sekolah. Lepas itu, kami buat apa ini, buat macam PowerPoint, kami buat itulah. Tujuan dia untuk memberi motivasi, memberi macam idea, atau memberi motivasi kepada student dekat sekolah itu macam.

**PM2** Ok. So dalam enam kali lepas anak dia, Jonathan menjemput En Iqbal untuk join projek mereka, En Iqbal setuju untuk join projek?

**MIRZA** Saya setuju dengan untuk join lah.

**PM2** So maksud dia En Iqbal juga menjadi salah seorang volunteer kah, staf untuk Harapan Komuniti?

**MIRZA** Saya volunteer saja.

**PM2** So volunteer of Harapan Komuniti?

**MIRZA** Betul –

**PM2** Sejak bila?

**MIRZA** Saya dari 2014 itulah.

**PM2** Lebih kurang Mac ke April?

**MIRZA** Daripada Mac, lebih kurang macam itulah.

**PM2** Lebih kuranglah, Mac, April, macam itu, you jadi volunteer?

**MIRZA** Ya. Sebabnya kenapa? Saya juga ada attach saya volunteer dengan ini, saya juga ada attach dengan satu syarikat human resource juga, nama dia Chelsea Academy berpusat dekat Seksyen 16. Dan empunya syarikat itu nama dia Dr Balan Dass.

**CHM** Ok. Syarikat Chelsea?

**MIRZA** Chelsea Academy.

**CHM** C-H-E-L-S-E-A, Chelsea?

**MIRZA** Ya, betul, Chelsea Academy. Dan dia punya empunya dia nama dia, trainer dia nama dia ialah Dr Balan Dass. Ok. Dekat situ, saya –

**CHM** Di mana Chelsea ini?

**MIRZA** Dia dekat Phileo Damansara.

**CHM** Phileo Damansara.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Seksyen 16, kan?

**MIRZA** Seksyen 16, betul.

**CHM** Ok. Pemunya, Dr Balachandra?

**MIRZA** Dr Balan Dass.

**CHM** Dr?

**MIRZA** Dr Balan Dass.

**CHM** Balan Dass.

**MIRZA** Di situ, apa yang saya kerja freelance dengan dia juga, saya, dia tugaskan saya untuk market dia punya produk training dialah dalam bahagian human resource kepada syarikat-syarikat di Malaysia. Dan saya kenal dia melalui Malaysian Institute Human Resource.

**CHM** Bekerja dengan dia? Lepas ada bekerja dengan Dr Balan?

**MIRZA** Saya bekerja secara freelance dengan dia.

**CHM** Freelance? Ada bayaranlah, ada upah?

**MIRZA** Adalah, sikit-sikit dia bagi macam itulah, berapa hour, berapa hour macam itu, dia bayar macam itulah.

**PM2** Apa kaitan Dr Balan Dass dengan Harapan Komuniti?

**MIRZA** Tak ada. Tak ada kaitan apa-apa.

**PM2** Tapi you buat kerja yang sama, waktu yang sama ini?

**MIRZA** Waktu yang sama, saya berada di Dr Balan Dass dalam tiga hari. Di sini, dalam satu hari macam itu.

**PM2** Ok.

**MFR** En Iqbal, pada tahun 2015, adakah En Iqbal berjumpa dengan Pastor Raymond?

**CHM** 2015 sekarang?

**MFR** 15.

**CHM** Sekarang ini, kita beralih ke 2015, ya? Ok. Ya.

**MIRZA** Ok. Ya. 2015, saya ada, bukan, saya lebih, saya berjumpa semua fokus kepada apa ini, anak dialah. Lebih fokus kepada anak dia, iaitu Jonathan itu berhubung dengan projek itulah.

**CHM** Just a moment. Witness is not a witness in the Pastor Raymond Koh inquiry? He is not a witness?

**PM2** No.

**MFR** No.

**CHM** Ok. Thank you. Ya. Sila ulangi apa ayat terakhir tadi?

**MIRZA** Saya cuma berhubung dengan apa ini, lebih berhubung dengan Jonathan Koh untuk projek apa ini, untuk projek pendidikan itulah.

**MFR** Pada tahun 2015 lah?

**MIRZA** Ya.

**MFR** Baik. Kali terakhir berhubung dalam Harapan Komuniti Pastor Raymond –

**MIRZA** Saya, tak, saya cuma. Tak, saya berhubung dengan banyak dengan Jonathan pada 2016. Itu saja. Saya berhubung dengan Jonathan Koh saja.

**MFR** 2016?

**MIRZA** 2016.

**CHM** Ok. Then sekarang dah masuk 2016 pula?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Tadi apa? 2015?

**MFR** 2015 masih lagi berhubung.

**CHM** Soalan di 2015?

**MIRZA** Ok. 2015, saya memang berhubung untuk buat apa ini, saya, tujuan saya ialah buat dia punya PowerPoint, dia buat dia punya modul semualah. Itu yang saya berhubung dengan Jonathan Koh.

**CHM** 2015, ya?

**MIRZA** Ya. Sebabnya 2015 itu, kami baru buat dia punya content dulu. Content dia punya bahan-bahan dulu dalam itu. Sebab dia masa itu, dia pun masih belum dapat green light daripada autoriti, daripada Kementerian Pendidikan untuk membuat apa ini, untuk membuat program itulah dekat sekolah. Kami cuma, lepas itu, kami cuba *upgradekan* lagi –

**CHM** Program? Minta maaflah. Program apa ini? Sila ulangi. Apa?

**MIRZA** Program motivasi.

**CHM** Dia panggil program motivasi, ya?

**MIRZA** Motivasi, ya.

**CHM** Program motivasi. Ini motivasi ini, ini projek Harapan Komuniti lah?

**MIRZA** Tak, tak. Ini projek saya dengan bukan, ini projek saya dengan apa ini, dengan Jonathan.

**CHM** Ok, I see.

**MIRZA** Jonathan.

**CHM** Ini projek kamu dengan –

**MIRZA** Dia tak spesifik dengan Harapan Komuniti. Pasal Jonathan masa itu, dia memang dah berada di luar Harapan Komuniti.

**CHM** Ok. Projek saya dengan? Dengan Jonathan saja?

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** Untuk mewujudkan, menjalankan satu program yang bernama 'Program Motivasi'?

**MIRZA** Motivasi, ya.

**CHM** Dan untuk melancarkan program ini, perlu mendapat?

**MIRZA** Kelulusan daripada itulah.

**CHM** Kementerian?

**MIRZA** Dia kata, masa itu, dia kata kat saya, Jonathan Koh dia kata daripada Yayasan Selangor itu.

**CHM** Yayasan?

**MIRZA** Yayasan Selangor. Dia kata dia ada jumpa pengarah di Yayasan Selangor dan dia kata dia dah dapat approval lah masa itu untuk melancarkan program itulah.

**CHM** Dari Yayasan Selangor.

**MIRZA** Yayasan Selangor.

**CHM** Jadi bolehkah dikatakan yang En Iqbal ini aktiflah berinteraksi dengan En Jonathan?

**MIRZA** Ya, betul. Saya aktif dengan Jonathan.

**CHM** Aktif, ya. Sebab pasal program motivasi ini?

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** Boleh tak tahu waktu itu, umur En Jonathan ini dalam lingkungan berapa?

**MIRZA** Saya tak ingat. Saya ingat saya pun tak berapa pasti. Saya ingat awal 30-an, saya ingatlah.

**CHM** Ok.

**PM2** Masih lagi terus bekerja dengan –

**MIRZA** Saya tak bekerjasama. Sebabnya saya sekarang ini, saya dah terlalu sibuk sebenarnya dengan kerja saya sebagai freelance tuition ini, saya terlalu –

**PM2** Bila habis partnership dengan Jonathan Koh?

**MIRZA** Saya habis 2017, saya dah habislah. Saya dah habis.

**CHM** I see. Ok, Faiz. Yes. You are on the program motivasi with and then has a project with Jonathan. Ya. Ok. Ya.

**MFR** Baik. So En Iqbal, saya bawa balik. 2014, En Iqbal kata pertama kali berjumpa Raymond Koh. Dan selain itu, berjumpa dengan Jonathan Koh lah?

**MIRZA** Ya.

**MFR** 2015, 2016, lebih banyak kepada Jonathan Koh?

**MIRZA** Betul.

**MFR** So pada 2014, adakah kali terakhir berhubung dengan Pastor Raymond Koh?

**MIRZA** Betul. Itu kali terakhir.

**MFR** Saya minta maaf. Mungkin saya tak tanya soalan ini. So pertama kali berjumpa dengan Raymond Koh, adakah En Iqbal tahu ataupun dia memperkenalkan diri dia sebagai pastor?

**MIRZA** Dia tidak. Dia cuma, dia tak panggil dia sebagai pastor. Dia kali jumpa orang pun dia kata dia uncle. Dia tak panggil dia sebagai pastor. Dia panggil uncle saja. Uncle saja. Dia tak ada, saya pun tak tahu dia itu seorang pastor. Cuma saya tahu dia seorang uncle saja. Saya anggap dia macam pak cik saya. Itu saja. Itu saja. Dia tak ada menggembar-gemburkan cerita dia sebagai pastor, tidak ada.

**PM2** Ok. Soalan itu tadi En Faiz tanya, so saya tak berapa pasti. Jumpa kali pertama, 2014. Tapi jawapan untuk jumpa kali terakhir Pastor Raymond Koh, bila?

**MIRZA** Saya tak jumpa dia.

**PM2** Lebih kurang tak pernah nampak muka pun, 2014, 15, 16, 17?

**MIRZA** Saya tak jumpa dia.

**PM2** Tapi meeting dengan Jonathan Koh sering kali berlaku di Chapter Condo?

**[11:30AM]**

**MIRZA** Saya, bukan, saya apa ini, saya berjumpa, saya, dia memang tak adalah. Saya cuma jumpa dengan Jonathan Koh saja.

**PM2** Di rumah Chapter yang itulah?

**MIRZA** Ya, betul.

**PM2** Yang kondo Chapter itu, itu rumah keluarga mereka?

**MIRZA** Ya, betul.

**PM2** So selama banyak kali masuk keluar rumah itu, tak pernah jumpa dia ini?

**MIRZA** Saya tak jumpa dengan dia.

**PM2** So tak ada langsung urusan perbincangan?

**MIRZA** Tak ada.

**PM2** Sebab tadi awal En Iqbal cakap berjumpa dengan Pastor Raymond Koh juga sebab ada isu spiritual.

**MIRZA** Ada sebut.

**PM2** The isu yang memang beratlah untuk keluarga En Iqbal?

**MIRZA** Tak. Tapi saya masa itu, saya memang apa ini, saya memang jumpa dengan itu sajalah. Saya tak buat follow-up apa-apa dengan dia ini lepas itu. Saya tak ada buat follow-up apa-apa mengenai saya punya spiritual dengan Pastor Raymond.

**PM2** Apa yang dicadangkan atau disarankan oleh pastor?

**MIRZA** Dia tak cadang apa-apa.

**PM2** Dia dengar cerita kamu, lepas itu, dia diam saja?

**MIRZA** Dia diam saja.

**PM2** Memang?

**CHM** Sorry?

**PM2** No, that means dia telah ceritakan, En Iqbal telah ceritakan susahnya ada mimpi-mimpi buruk, spiritual punya krisis semua dia dengar.

**MIRZA** Tapi dia tak ada apa-apa, dia tak ada bagi apa-apa, apa ini?

**PM2** Cadangan?

**MIRZA** Recommendation tak ada. Tak, cadangan tak ada.

**PM2** Dia tak berminta untuk 'saya doakan kamu' atau 'boleh saya tolong kamu'?

**MIRZA** Tak.

**PM2** Sebab kamu pergi kepada –

**MIRZA** Dia cuma doa itulah. Dia selalu ini kalau jumpa yang itu, dia cuma, kita berdoa saja.

**PM2** So adalah dia buat sesuatu.

**MIRZA** Ada.

**PM2** Sebab tadi saya nak mungkin kembali tadi. En Iqbal dah memang jumpa dengan Pastor Raymond Koh walaupun nama dia uncle, tapi kenalkah dia pastor?

**MIRZA** Saya tak kenal dia pastor.

**PM2** Waktu itu, tak kenallah?

**MIRZA** Tak kenal.

**PM2** So uncle ini kamu ceritakan, tapi kenapa pergi jumpa uncle ini khususnya? Sebab ini telah di rekomen oleh? Pastor Raymond Koh telah di rekomen oleh Harapan Komuniti untuk bapa mertua. Itu kes lainlah sebab ada kanser, kan? Tapi kamu masih lagi menceritakan kes kamu sendiri.

**MIRZA** Ya.

**PM2** Tapi kenapa nak ceritakan dengan uncle ini?

**MIRZA** Saya cuba tanyalah, dia macam pak cik kitalah, macam orang-orang tua, kalau boleh dia boleh ada apa ini, ada opsyen ke, boleh bantu ke? Itu sajalah. Sebab saya anggap dia sebagai pak cik saya. Itu sajalah.

**PM2** So bila dah bagi tahu susah, kesusahan kamu –

**MIRZA** Tapi dia tak ada apa-apa. Dia tak ada apa-apa bagi apa-apa recommendation apa-apa, tak ada.

**PM2** Tak doa? Dia buat doa, kan?

**MIRZA** Dia buat doa sajalah.

**PM2** Sekalikah? Dua kalikah?

**MIRZA** Sekali.

**PM2** Sekali itu ada?

**MIRZA** Ya.

**PM2** Lepas itu, tak ada follow-up untuk doa?

**MIRZA** Tak ada.

**PM2** Dia tak ceritakan macam mana untuk hilangkan mimpi-mimpi pun?

**MIRZA** Tak ada.

**PM2** Tak ada. So lepas sekali kamu jumpa dia, lepas itu, terus kenal Jonathan?

**MIRZA** Lepas itu, dia apa ini, selepas itu, saya kenal dengan Jonathan.

**PM2** Macam mana boleh terus sekali jumpa dia, terus –

MIRZA Lepas itu, selepas itu, saya apa ini, lepas itu, saya ceritakanlah. Masa jumpa dengan Jonathan, saya cerita dengan Jonathan lah, saya cerita dengan itu, lepas itu, apa yang saya buat lah. Saya buat. Lepas itu, dia pun ada projek masa itu, Jonathan. Yang itu yang, itu yang membuatkan kami berkomunikasi.

CHM Jonathan tinggal bersama dengan pastor kah?

MIRZA Dia tak. Dia tak semesti. Dia kadang-kadang, saya tak tahu dekat mana dia, tapi selalunya, dia berada berseorangan di rumah. Apa ini, Jonathan itu berada seoranglah. Saya berjumpa dengan dia, saya berjumpa dengan Jonathan seorang sajalah.

CHM Tak. Berjumpa dengan Jonathan sebab berjumpa dengan pastor itu?

MIRZA Tak. Berjumpa dengan Jonathan sebab ini saya nak untuk projek itu.

CHM Yalah. Tapi kalau tak jumpa Pastor Raymond, tak akan berjumpa dengan Jonathan lah, kan?

MIRZA Ya, betul.

CHM Itulah.

MIRZA Mula-mula, memang jumpa dengan apalah, dengan pastor lah. Lepas itu, dengan uncle lah. Lepas itu, barulah dia, saya berjumpa dengan apalah.

CHM Jumpa di rumah Pastor Raymond?

MIRZA Ya, betul.

CHM Adakah mereka bertinggal bersama?

MIRZA Masa itu, saya tak pasti masa itu.

**CHM** Tak pasti?

**MIRZA** Tak pasti.

**CHM** Tapi pasal pergi jumpa Pastor Raymond, Jonathan anak.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Berjumpa dengan anak sekalilah?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Ok. Ya.

**PM2** Ada keluarga yang lain? Isteri? Adik-adikkah? Kakak diakah?

**MIRZA** Tak ada. Masa itu, tak ada.

**PM2** Dia seorang sajalah.

**MIRZA** Ya.

**PM2** Yes. Selalu yang enam, tujuh kali itu masuk keluar, tak ada orang lain?

**MIRZA** Betul. Tak ada orang.

**PM2** Tak ada orang lain. Ok. Dan En Jonathan cerita kamu pasal isu-isu spiritual dengan kesihatan, kamu tak cerita dengan Jonathan?

**MIRZA** Tak. Saya tak cerita dengan apalah, dengan Jonathan.

**PM2** Dengan Jonathan, untuk buat bisnes bersamalah?

**MIRZA** Ya.

**PM2** Kerjasama untuk education itulah?

**MIRZA** Ya.

**PM2** Ya. Ok. Thank you.

**PM1** Dato Seri? Ok. Dalam perjumpaan dengan uncle tadi or pastor, isteri bersama tak? Isteri Tuan.

**MIRZA** Masa yang –

**PM1** Tiga kali itu, dalam masa tiga kali itu, ada tak isteri ikut sekali?

**MIRZA** Tak. Yang mana? Dengan Joshua?

**PM1** Dengan Joshua itu.

**MIRZA** Dengan Joshua, memang –

**PM1** Bukan Joshua, sorry. Raymond.

**MIRZA** Dengan Raymond yang sekali itu, memang berjumpa.

**PM1** Sekalilah?

**MIRZA** Sekali.

**PM1** Yang dia berdoa itu, berdoa sekali dengan, dia doakan Tuan dengan isteri sekali?

**MIRZA** Betul.

**PM1** Ok. Tak ada yang main air itu, tak ada?

**MIRZA** Tak ada.

**PM1** Tak ada. Raymond dia just doa macam itulah?

**MIRZA** Ya, betul.

**PM1** Ok. Masa pergi ke, tapi nama dia Chapter, rumah siapa nama tadi, anak dia, bila you tengok rumah itu, rumah itu memang rumah kediaman atau macam bentuk pejabat atau macam mana?

**MIRZA** Rumah itu macam kediaman saja.

**PM1** Kediaman. Memang ada nampak gaya orang tinggal di situlah?

**MIRZA** Memang orang tinggal. Orang tinggal saja.

**PM1** Ok. Tetapi you jumpa cuma dia seorang saja?

**MIRZA** Ya, betul.

**PM1** Ok. Terima kasih.

**MFR** En Iqbal, saya nak *confirmkan* balik. 2014, En Iqbal berjumpa dengan Raymond Koh di Chapter? Di kediaman dia?

**MIRZA** Ya, di Chapter.

**MFR** En Iqbal bersama isteri?

**MIRZA** Yang bersama isteri? Tak. Kejap. Sekejap. Tak. 2014 itu, saya berjumpa dengan apa ini, saya pergi 2014, saya jumpa. Boleh ulang balik soalan?

**MFR** En Iqbal maklumkan tadi pertama kali berjumpa Raymond Koh adalah pada tahun 2014. Ok. Perjumpaan tersebut bersama dengan isteri?

**MIRZA** Yang pertama itu, yang itu bukan bersama isteri. Saya seorang sajalah.

**MFR** Yang pertama seorang saja dengan Raymond Koh di Chapter?

**MIRZA** Ya, betul.

**MFR** Siapa lagi masa di Chapter?

**MIRZA** Tak ada.

**MFR** Hanya dua orang saja?

**MIRZA** Masa itu, ada anak dia situlah, Jonathan.

**MFR** Ok. Kali kedua bersama dengan isteri?

**MIRZA** Kali kedua, lepas itu kami, lepas itu, saya buat itu. Lepas itu, pada 2015 macam itu, 15 lah, 2015, baru berjumpa dengan, saya bawa isteri saya itulah.

**MFR** Jumpa dengan?

**MIRZA** Dengan Raymond Koh.

**MFR** Maksudnya kali kedua adalah pada tahun 2015?

**MIRZA** 15, ya, betul.

**MFR** Ok. Saya nak merujuk kembali kepada –

**PM1** Faiz, sekejap saja. So tiga kali, kan, jumpa uncle? Ok. Tujuan berjumpa dengan Raymond tadi ialah sebab bapa mertua sakit kanser?

**MIRZA** Betul.

**PM1** Ok. So bapa mertua tidak ikut serta?

**MIRZA** Bapa mertua tak, mana boleh? Dia situ. Dia berada di ini, dia. Kejap, saya tak ingat.

**PM1** Dia tak ikutlah?

**MIRZA** Dia tak ikut.

**PM1** Ok. Jadi maknanya masa berbincang pertama itu, memang isunya ialah tentang bapa mertuakah atau pasal spiritual?

**MIRZA** Pasal pada mengenai bapa mertua.

**PM1** Bapa mertua.

**MIRZA** Mertua.

**PM1** Tapi isteri tak ikutlah?

**MIRZA** Tak.

**PM1** Ok.

**CHM** Bapa mertua tinggal di mana?

**MIRZA** Di Kluang.

**CHM** Di Kluang.

**MIRZA** Dia dah meninggal.

**CHM** Di Kluang. Ok.

**MFR** So En Iqbal, untuk perjumpaan pertama kali dengan Raymond Koh berkaitan dengan bapa mertua?

**MIRZA** Itu saya tak berapa ingat.

**MFR** Baik. Untuk kali kedua, ok, En Iqbal maklumkan tadi, En Iqbal berjumpa dengan Raymond Koh bersama dengan isteri pada tahun 2015. Perjumpaan tersebut berkaitan dengan masalah spiritual ke?

**MIRZA** Betul.

**MFR** Dan pada masa tersebut, Raymond Koh berdoa.

**MIRZA** Ya.

**MFR** Dan mungkin itu kali terakhir berjumpa dengan Raymond Koh?

**MIRZA** Yang itu, saya bersama dengan Raymond Koh, yang itu, yang kali saya bersama isteri saya yang kali terakhir.

**MFR** Ok. Seterusnya, bersama dengan –

**CHM** Sebentar. Yang kali kedua, 2015?

**MIRZA** Betul. Kalau dimaklumkan oleh –

**CHM** I heard you mention, you put to him it is masalah spiritual. Jadi bukan lagi pasal bapa mertua kanser, bukan? Masalah –

**MIRZA** Spiritual.

**CHM** Yang ini spiritual?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Masalah spiritual. 2015.

**MFR** Betul.

**CHM** Spiritual kamu sahaja atau kamu dan masalah spiritual, isteri juga?

**MIRZA** Dan dengan isteri.

**CHM** Tapi masalah spiritual?

**MIRZA** Betul.

**CHM** Masalah spiritual. Pastor Raymond Koh?

**MIRZA** Betul.

**CHM** Pastor Raymond Koh membaca doa?

**MIRZA** Membaca doa.

**CHM** Pertemuan yang bila itu yang dia baca doa itu? Yang 2014 –

**MIRZA** Tak. Dia baca, 2015 itulah.

**CHM** Dia baca doa? Pasal spiritual ini?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Boleh ingat tak?

**MIRZA** Saya tak ingat. Tak.

**CHM** Perkataan yang dia sebut?

**MFR** Tak ingat saya.

**CHM** Tak sebut. Tak ingat. Ok. Ya.

**MFR** En Iqbal, pada 2015 bersama dengan isteri telah berjumpa dengan Pastor Raymond Koh di mana?

**MIRZA** Di Chapter.

**MFR** Chapter. Pada bulan berapa?

**MIRZA** Bulan apa ini 2015, saya ingat bulan Februari begitu.

**MFR** Bulan Februari. Baik. Ok. En Iqbal, saya nak merujuk kembali kepada dokumen ini.

**CHM** Sebentar. Doa itu mengikut agama Kristianlah?

**MIRZA** Agama Kristian. Ya.

**CHM** Ok. Ya.

**MFR** Ok. Sebentar, Tuan. Panel members, saya nak merujuk kepada Exhibit 14A semula. Ok. Di sini, dimaklumkan tarikh sijil ini dikeluarkan adalah pada 05.02.2015. En Iqbal tadi maklumkan ada berjumpa dengan Pastor Raymond pada 2015 pada bulan Februari juga. Adakah ini kali pertama En Iqbal melihat –

**MIRZA** Tak ada. Yang ini, kali pertama yang ini? Yang ini bukan. Saya boleh rujuk? Yang ini, dokumen ini, tak pernah saya tengok.

**MFR** Ini kali pertamalah?

**MIRZA** Ini kali pertama.

**MFR** Ok.

**MIRZA** Saya tak tahu. Cuba Encik pastikan, kalau apa ini, kalau dikeluarkan oleh seorang Reverend kan, saya rasa yang boleh keluarkan dokumen macam ini cuma gereja saja, bukan seorang pastor yang keluar macam itu. Adakah dokumen ini dokumen yang betul ke ataupun yang palsu?

**MFR** So En Iqbal maklumkan ini adalah dokumen yang palsulah?

**MIRZA** Saya tidak pernah tengok.

**MFR** Tidak pernah tengok.

**MIRZA** Tengok.

**MFR** Ini pertama kali?

**MIRZA** Ini kali pertama.

**PM1** Macam mana En Iqbal tahu laporan macam ini boleh dikeluarkan oleh gereja saja?

**MIRZA** Saya. Tak, tak. Saya ingat dia pasal, saya ingat kalau macam apa-apa dokumen yang you mestilah mendapat kalau macam dekat apa ini, dekat contohnya Islam, mesti dapat pengesahan daripada Jabatan Agama Islam. Kalau dokumen daripada macam Kristian, mesti ada dokumen daripada pihak gereja.

**CHM** Ok. Ya.

**PM2** En Iqbal, bila pertama kali kamu dapat lihat gambar ini?

**MIRZA** Saya dapat lihat gambar ini pada apabila saya dipanggil oleh pihak polislah.

**PM2** Bila?

**MIRZA** Saya tak ingat. Tahun lepas. Tahun lepas, saya tak ingat bulan berapa, sebelum apa ini, saya ingat bulan berapa? Saya tak ingatlah bulan Novemberkah, bulan Oktober saya jumpa dengan pihak polis? Dia tunjuk kepada kami.

**CHM** Boleh ingat tak nama pegawai polis itu?

**MIRZA** Saya tak ingat. Saya tak ingat nama dia. Inspektor pun saya tak tahu.

**CHM** Tahun lepas? 2020?

**MIRZA** 20, betul.

**CHM** Inspektor?

**MIRZA** Inspektor.

**CHM** Tak ingat nama?

**MIRZA** Saya tak ingat nama dia. Dia dekat Sunway, bandar apa ini, Sungai Way.

**CHM** Dia Sungai Way.

**MIRZA** Sungai Way.

**CHM** Agak boleh ingat tarikh?

**MIRZA** Saya tak ingatlah, Encik. Saya tak ingat berapa tarikh dia saya jumpa hari itu, saya dipanggil hari itu.

**PM2** Tapi Novemberlah?

**MIRZA** November, bulan Oktober, bulan November, saya tak pasti.

**CHM** Penghujung tahun lepas lah?

**MIRZA** Sebelum penghujunglah, sebelum penghujung.

**CHM** Penghujung.

**MIRZA** Bulan Oktober. Saya rasa bulan Oktober macam itulah. Saya –

**CHM** Bulan Oktober, ya?

**MIRZA** Saya tak berapa ingatlah, saya.

**CHM** Bulan Oktober. Tahun? Seorang inspektor daripada Sungai Way?

**MIRZA** Sungai Way.

**CHM** Ok. Ya. Sure.

**PM1** Saya tertarik dengan certificate baptism ini, kan? Sebab biasanya seperti yang Tuan katakan, certificate selalunya diberikan oleh gereja

ataupun inilah. Tuan ingat tak? Sebab tarikh ini sangat, sangat penting, 05.02.2015, adakah Tuan bersama Reverend Raymond? Sebab dalam upacara baptisma, sebelum certificate itu diberikan, dia, orang itu mesti berada bersama Raymond, bersama orang yang membaptiskan.

**MIRZA** Ya.

**PM1** So pada tarikh 5hb Februari ini, Tuan ingat tak Tuan di mana? Bersama dengan Raymond Koh atau dengan orang lain?

**MIRZA** Saya tak ingat.

**PM1** Saya rasa sangat penting ini untuk membuktikan yang certificate ini, sebab ini tarikh dia.

**MIRZA** Saya berada di rumahlah.

**PM1** Di rumah Tuan?

**MIRZA** Di rumah.

**PM1** Bukan dengan? Memang tak ada?

**MIRZA** Bukan. Tak ada.

**PM1** Sebab ini sangat penting. Sebab –

**MIRZA** Saya memang berada di rumah.

**PM1** Ok. So ini –

**PM2** Di rumah? Di rumah maksud dia?

**PM1** Rumah?

**MIRZA** Di rumah. Di rumah saya.

**PM1** Di rumah dia.

**MIRZA** Rumah saya.

**PM2** Tapi di bulan Februari pun pernah jumpa dengan Pastor Raymond, kan? Bulan Februari 2015?

**MIRZA** Ya.

**PM1** Bukan yang dia baca doa itu? Bukan tarikh yang dia baca doa itu?

**MIRZA** Saya tak ingat.

**PM1** Itu penting itu. Sebab tarikh membaca doa itu mungkin. Bagi Raymond, ini adalah certificate baptisma.

**[11:45AM]**

**MIRZA** Saya tak ingat itu.

**PM1** Sebab dia, baptisma kalau dalam konteks Kristian, maksudnya Tuan menjadi Kristian. Tak, I mean kalau mengikut certificate inilah.

**MIRZA** Tapi yang satu ini saya tengok itu, nama saya nama orang Islam.

**PM1** Jadi?

**MIRZA** Jadi kenapa pula nama orang Islam? Kenapa tak ada nama lainkah, contohnya? Kenapa digunakan nama saya? Nama penuh saya?

**PM1** Yalah, sebab dia certificate –

**MIRZA** Tak. Maksud saya, kenapa pula nama? Nama saya dengan Iqbal Mirza Bin Mohd Jalaludin. Itu menunjukkan saya seorang Islam. So yang membuktikan itu ialah saya, so yalah, kenapa pula dia menggunakan nama –

**PM1** Dan tidak menggunakan nama Kristian?

**MIRZA** Nama Kristian.

**PM1** I see.

**PM2** Kamu ada nama Kristian?

**MIRZA** Saya tak ada nama Kristian.

**PM2** Tak ada. So nama ini nama kamu, kan?

**MIRZA** Nama kamu saya. IC saya.

**PM2** So memang terpaksa guna nama kamulah. Tak ada nama lain.

**PM1** Ya. Then baru you jadi Kristian.

**PM2** Dan En Iqbal tahu yang di Malaysia ini, ada juga orang yang nama dia Bin dengan Binti, tapi bukan orang Islam?

**MIRZA** Saya tak pasti.

**PM2** Tak tahu? Tapi di Malaysia, memang ada.

**PM1** Boleh.

**PM2** Ada juga yang masyarakat yang ada Bin, Binti, tapi bukan orang Islam. So selama berjumpa dengan Pastor Raymond dan Jonathan atau keluarga dia, tak pernah En Iqbal kenal atau tahu orang lain yang telah melalui baptism?

**MIRZA** Tak kenal.

**PM2** Dia tak pernah ceritakan?

**MIRZA** Tak kenal.

**PM2** Sebab saya masih lagi tak dapat tangkap cerita kamu, isu spiritual kamu berjumpa dengan seorang uncle yang cuba menolong kamu. Dan apakah yang disarankan tadi, Pastor Joshua jelaskan dia ini, tolong kamu mandikan. Tapi pastor yang ini, uncle, dia tak bagi apa-apa tindakan untuk dilakukan atau menolong kamu?

**MIRZA** Tak ada. Tak ada apa-apa.

**PM2** Tak ada?

**MIRZA** Tak adalah.

**PM2** Tapi kamu masih, isu spiritual kamu masih lagi –

**MIRZA** Masih lagilah.

**PM2** Masih kuat?

**MIRZA** Tak. Masa itu, saya dah, pasal sebabnya saya dah jumpa dengan apa ini dengan. Masa saya dah jumpa dengan Joshua Himly, lepas itu, saya rasa ada perubahan sikitlah. So lepas itu, saya cuba nak apa, nak memperbaiki lagilah.

**PM2** Ok. Pastor Koh kenal dengan Pastor Joshua?

**MIRZA** Saya tak pasti.

**PM2** Tak pernah dia?

**MIRZA** Tak. Tak pernah.

**PM2** Sebab waktu kamu jumpa Pastor Joshua adalah 2015, kan? Bulan awal juga?

**MIRZA** Awal. 01.01.2015.

**PM2** Lebih kurang samalah, waktu yang lebih kuranglah waktu yang sama.

**MIRZA** Ya.

**PM2** So yang Pastor Joshua, kamu jumpa, ceritakan kepada Pastor Raymond Koh, uncle, cerita kamu semua itu, tapi tak dapat apa-apa pertolongan?

**MIRZA** Tak ada.

**PM2** Lepas itu, kamu pergi dah dapat kontak yang baru? Macam itu cerita dia?

**MIRZA** Lepas itu, saya berubat dengan orang lainlah. Itu saja.

**PM2** Dengan Pastor Joshua lah, ada orang yang menolong?

**MIRZA** Ya.

**PM2** Tapi sebab kamu cari orang lain atau kamu cuba mencari siapa-siapa boleh menolong kamu? Apakah cara En Iqbal untuk mencari penyelesaian isu spiritual ini?

**MIRZA** Macam itulah. Saya memang itulah, saya, betul, tak, saya pergi daripada titik permulaan itu, sejak saya berkahwin itu, saya mencari penyelesaian dalam saya punya diri sayalah, dari segi saya punya kesihatan, saya punya spiritual sayalah. Saya banyak gangguan. Dan pada saya, saya pernah dulu, masa saya mula-mula kahwin pada tahun 2001, saya tinggal dekat area Keramat sana, ada banyak gangguan sangat dekat rumah itu sampai kadang-kadang bila saya buka apa ini ayat al-Quran ini, ada gangguan macam makhluk haluslah yang datang ke rumah itu. Sampai akhirnya, kami terpaksa pindah daripada rumah itu. Rumah itu daripada Keramat itu pergi kepada Melati, Taman Melati di sana. Isu saya ialah isu –

**CHM** Sebentar. Macam mana rupa makhluk halus itu? Macam mana rupa?

**MIRZA** Dia macam kita merasa. Macam ada bila dia ada itu macam naik bulu roma itu. Saya rasa –

**CHM** Itu saja?

**MIRZA** Itu saja. Lepas itu, gangguan dari segi tidur.

**CHM** Tak. Rupa makhluk halus itu.

**MIRZA** Rupa itu, saya tak boleh nak, tak adalah. Rupa tak adalah.

**CHM** Tak ada?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Tadi En Iqbal kata ada nampak macam?

**MIRZA** Yang itu, itu dalam mimpi. Mimpi saya, saya nampak macam ada benda warna hitam yang berjurai, itu warna hitam.

**CHM** Hitam? Nampak dalam –

**MIRZA** Dalam mimpi. Dalam vision sayalah.

**CHM** Hitam macam mana? Lembaga itu macam mana? Macam bentuk manusia ke? Haiwan ke? Macam apa?

**MIRZA** Tak. Sebab saya tahu makhluk haluslah. Sebab ada dekat atau permukaan apa, lantai.

**CHM** Lantai.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Tapi dalam mimpi saja?

**MIRZA** Dalam mimpi.

**CHM** Sekarang ada masih mimpi ini?

**MIRZA** Sekarang ini, saya dah kuranglah mimpi.

**CHM** Dah kurang dah.

**MIRZA** Ya.

**PM2** Dia kurang sejak bila? Lepas jumpa Pastor Joshua ke atau?

**MIRZA** Tak. Selepas saya dah jumpa, saya dah mengamalkan, saya juga buat apa ini, baca al-Quran. Saya baca balik. Saya baca balik itu. Lepas itu, dah mula-mula sikit-sikit dia berkuranganlah.

**PM2** Sejak bila? Tahun bila ini?

**MIRZA** Saya daripada selepas itu, saya tak, berasa macam sama juga. 2015 itu, saya cubalah, saya baca ayat al-Quran semua. Saya baca. Terus baca.

**PM2** So 2015?

**MIRZA** 2015 itu, selepas saja dah jumpa Joshua Hilmy semua itu, lepas itu, 2015, akhir tahun itu, saya terus apa ini, saya apa ini, membaca ayat al-Quran, saya berdoa semualah. Saya usaha.

**PM2** Tak. Kamu berjumpa dengan siapa-siapa atau ada siapa-siapa yang datang jumpa kamu untuk menolong kamu, membaca ayat al-Quran?

**MIRZA** Yang ini, al-Quran apa ini, cuma melalui mak mertua saya. Dia beri ayat, suruh baca. Mak mertua saya.

**PM2** Tak ada pegawai orang Islam yang datang tolong kamu untuk –

**MIRZA** Tak ada. Cuma pergi ke masjidlah. Pergi masjid, dengar apa ini, khutbah supaya –

**PM2** Masjid mana?

**MIRZA** Di Damansara Damai.

**PM2** Masjid Damansara Damai. Cerita kamu isu spiritual ini, ustaz di sana tahu yang –

**MIRZA** Yang itu, ustaz tak tahulah. Cuma saya cuba diri –

**PM2** Simpan diri sendirilah.

**MIRZA** Diri sendirilah.

**PM2** Kamu pergi doa sajalah? So di masjid itu, tak ada siapa yang tahu kamu ada isu ini?

**MIRZA** Tak ada. Cuma yang tahu sebelum-sebelum inilah, sebelum-sebelum ini, saya berjumpa dengan Joshua. Saya dah memang kami dah berceritalah, bukan saya seorang, dah bercerita dengan ustaz-ustaz yang kami jumpa dulu.

**PM2** Yang itu dululah, sebelum jumpa Pastor Joshua lah?

**MIRZA** Sebelum jumpa, ya, betul.

**PM2** Ustaz yang di Kluang itu, ya?

**MIRZA** Ya, betul, di Kluang. Banyak, ada banyak ustaz dah dijumpa.

**PM2** Kamu dah jumpa ramailah?

**MIRZA** Ada banyak ustaz –

**PM2** Lebih kurang berapa ustaz yang kamu?

**MIRZA** Saya banyak. Terlalu banyak, saya rasa.

**PM2** 10? 20? 50?

**MIRZA** 10. 10 macam itu ada.

**PM2** 10. Ok. So lebih kurang 10 ustaz untuk menolong kamulah.

**MIRZA** Ya.

**PM2** Dan pastor, berapa orang? Dalam lingkungan mencari penyelesaian spiritual?

**MIRZA** Yang dua itu sajalah.

**PM2** Dua saja?

**MIRZA** Ya.

**PM2** Tak ada yang lain?

**MIRZA** Tak ada lain.

**PM2** Selain daripada pastor dengan ustaz, ada orang lain yang –

**MIRZA** Tak ada. Tak ada orang lain.

**PM2** Tak ada bomoh-bomoh lain ke? Tak ada?

**MIRZA** Tak ada.

**PM2** Ok. 10 ustaz ini ialah sejak 2001 lah?

**MIRZA** Lebih kurang 2001, lebih kurang.

**PM2** Sampai 2014?

**MIRZA** 2014.

**PM2** Lepas itu, 2014 sampai 2015, jumpa?

**MIRZA** Ya, betul.

**PM2** Lepas itu, apa berlaku?

**MIRZA** Lepas itu, saya apa ini, saya buat sendirilah, saya fokus kepada apa ini, baca Quran. Saya apa ini, solat semua. Lepas itu, saya cuba baiki diri saya. Itu sajalah.

**PM2** Kenapa pula lepas itu baru kamu buat sendiri?

**MIRZA** Yalah. Saya pasal tak ada, ramai sangat saya jumpa, tak ada penyelesaian.

**PM2** Kamu buat ambil keputusan sendiri?

**MIRZA** Ya.

**PM2** Tapi yang pengacauan, kacau itu masih lagi berlakulah?

**MIRZA** Kacau itu dah semakin apa ini, dia, kacau itu dah makin berkuranglah.

**PM2** Lepas tahun 2015 itu, semakin kurang.

**MIRZA** Ya, betul. Kuranglah.

**PM2** So maksud dia, lepas berjumpa dengan Pastor Joshua itu, ada berkurang?

**MIRZA** Ada berkurang. Tapi saya tak pasti adakah punca daripada Joshua ini. Saya rasa bukan. Sebabnya penyakit saya itu tak cure sebenarnya sampai ke tahun 2019, sebenarnya penyakit tak cure.

**PM2** Penyakit mana?

**MIRZA** Ya, tak cure.

**PM2** Penyakit mana itu yang –

**MIRZA** Penyakit yang saya kata sebelah kanan saya punya itu tak cure. Itu yang selepas saya 2019 itu, 2019, saya pergi ke checkup dekat doktor –

**PM2** So penyakit tak cure. Ok. Tapi yang spiritual gangguan spiritual kuranglah?

**MIRZA** Ada juga.

**MFR** Ok. En Iqbal, 2000, ok, saya bawa balik semula. 2014, En Iqbal ada berjumpa dengan Pastor Raymond Koh. Awal Januari, En Iqbal berjumpa dengan Joshua Hilmy. Februari, En Iqbal berjumpa dengan Raymond Koh. 2016, En Iqbal berjumpa dengan Jonathan sampai 2017.

**MIRZA** 2000, yes, sampai 2016 saja.

**MFR** 2016. So 2017, ada komunikasi dengan Jonathan –

**CHM** Just a moment, Faiz. Penyakit spiritual ini. Sekarang kira macam dah sembuhkah?

**MIRZA** Sekarang ini, kadang-kadang pun adalah. Kadang-kadang pun ada.

**CHM** Kadang-kadang itu ada. Apa maksud kadang-kadang?

**MIRZA** Kadang itu ada, kadang-kadang, yalah, kadang-kadang ada saya.

**CHM** Macam? Maaf, saya tanya. Ok. Malam tadi tidur, macam mana?

**MIRZA** Malam tadi, saya tidur, saya rasa saya –

**CHM** Ada dia datang lagi?

**MIRZA** Saya berpendapat sebabnya saya dah makan ubat kolesterol itu. Ubat kolesterol dengan ubat darah tinggi, malam tadi, saya makan.

**CHM** Ya.

**MIRZA** Itu pun doktor bagi saya pada akhir tahun lepas, baru bagi, dia bagi. Tahun lepas, saya makan ubat itu malam tadi. Malam tadi, saya dapat tidurlah.

**CHM** Tak kacau dah?

**MIRZA** Tak kacau.

**CHM** Makhluk tak datang dah?

**MIRZA** Tak ada.

**CHM** Jadi punca dia sebenarnya bukan punca spiritual. Spiritual dia pasal tekanan darah tinggilah?

**MIRZA** Tekanan darah tinggi dengan kolesterol saya itu.

**CHM** Malam tadi tak ada dah?

**MIRZA** Malam tadi, dua tiga hari ini, sejak saya makan ubat itu, dah ok dah. Dah ok sikit. Ada perubahan. Kalau tidak, itu malam-malam saya badan sakit. Terlalu sakit, susah nak tidur.

**CHM** Ubatnya ambil semenjak bila? Ubat itu diambil?

**MIRZA** Ok.

**CHM** Berapa lama dah ambil ubat itu?

**MIRZA** Saya ambil ubat darah tinggi itu pada 2019, akhir tahun 2019. Jadi 2019 mula. Lepas itu, saya makanlah hampir sampai akhir tahun ini saya makan, tapi komplikasi ubat itu, dia ada –

**CHM** Hampir tahun? Ok. Ya?

**MIRZA** Akhir tahun 2020 inilah, saya makan, ada komplikasi dari segi bengkak kaki.

**CHM** Tak apa. Komplikasi bengkak ok, tak apa. Tapi dari segi apa yang kita mengigau itu. Dah hilang ke?

**MIRZA** Ada juga lah.

**CHM** Ada juga?

**MIRZA** Ada juga.

**CHM** Tapi dua, tiga hari?

**MIRZA** Dua, tiga hari itu, bila saya dah makan.

**CHM** Sebelum datang di sini, ok?

**MIRZA** Saya ok. Datang ke sini, bila saya makan ubat kolesterol itu, kolesterol itu saya baru dapat saja, baru akhir Disember 2020 ini, baru saya dapat. Saya hari itu, saya appointment dengan doktor, 29.12.2020, saya, barulah doktor kata dia dah check tarikh ini, saya punya kesihatan saya, dia dah tunjuk saya punya buah pinggang saya dia ada tengok. Lepas itu, saya, masalah saya ialah dari segi kolesterol saya.

**CHM** Ok.

**MFR** Ok. En Iqbal, tadi En Iqbal maklumkan 2016 adalah kali terakhir berhubung dengan Jonathan. Raymond Koh, memang tidak ada.

**MIRZA** Tak ada.

**MFR** Adakah dalam pengetahuan En Iqbal, yang kehilangan Raymond Koh?

**MIRZA** Saya dengar daripada media massa.

**MFR** Pada bila?

**MIRZA** Saya dengar pada awal tahun 2017.

**MFR** 2017. So apa tindakan –

**MIRZA** Saya tak ada buat tindakan apa-apa. Saya cuma dengarlah apa perkembangan. Itu saja.

**CHM** En Faiz, was the two certificate tadi of baptism ever exhibited in the Pastor Raymond Koh enquiry?

**MFR** No.

**CHM** Ya? It never appeared then? Never emerged?

**MFR** No.

**CHM** I see. Ok.

**MFR** En Iqbal, saya merujuk kembali kepada Exhibit 14A tadi. Adakah dalam pengetahuan En Iqbal mengenai nama En Iqbal telah digunakan ataupun En Iqbal telah dibaptiskan, dimaklumkan oleh orang lain?

**MIRZA** Saya digunakan. Nama saya digunakan.

**MFR** Nama En Iqbal. Adakah En Iqbal mengesyaki siapa-siapa?

**MIRZA** Saya tak pasti.

**SK** Dia tahu sebab dia baptis? Dia tahu tak?

**MFR** Adakah En Iqbal tahu?

**MIRZA** Saya tak tahu.

**MFR** Tak tahu. So ini adalah kali pertama?

**MIRZA** Kali pertama. Ini kali kedua lah selepas polis hari itu buat, bertanya saya.

**MFR** Baik.

**SK** Dato', panel members, the next few following questions in relation to the testimony given in camera, witness appeared in camera and there were exhibits also tendered in camera, it has some confidential information and we would like to conduct a session in camera for the next few questions. However, since the observer may have question in relation to this, so maybe I will invite the observers to ask questions during the close session because towards the end, we will be opening again for public to follow. Is that ok? Because if not, we have to change quite, yes. Is it ok?

**[12:00PM]**

**CHM** So are we having on camera now?

**SK** Yes. Then we will revert to public session after this.

**CHM** Yes, sure. But you are mentioning about asking of questions?

**SK** Yes, because the observers may have questions in relation to the same exhibit where we are doing in close session.

**CHM** Yes. So?

**SK** So I would like to invite them to ask question during this close session so we don't have to repeat the close session again during their turn to ask question.

**CHM** Ok. I get it. I see. There is a little bit questioning time from observers, but only in relation to matters pertaining to yang dalam kameralah?

**SK** Yes.

**CHM** I see. Yang pre the, in camera punya session, will be asked later?

**SK** Later when the, yes, later.

**CHM** Ok. That's understood. Thank you. Understood. Yes.

**PK** I think Dato' Seri, that is acceptable to us except think we would have a little proviso. During that this period, we are willing to ask the question, but later as we clarify questions from the general session, if it emerges that it goes towards this sensitive matter and perhaps require a more probing question because they emerge from he say, we may want to reserve to call another camera session to ask those questions.

**CHM** Won't be any problem.

**PK** That's all. I mean I don't think it's necessary, but –

**CHM** There won't be any problem. Yes.

**PK** Sometimes we don't know.

**CHM** Yes.

**PK** When things, yes. And especially maybe when Pn Fadzlina comes also, that also will occur the same issue. Maybe more acutely than that.

**CHM** Sure.

**PK** Alright. Thank you.

**CHM** But can we just take about 10-minute break?

**PK** Sure.

**CHM** 10 minutes. Ok.

**PK** Let's have a break, toilet break.

**JRB** Bangun.

**END**

**TIME** : **12:02PM**

**DATE** : **05.01.2021**
**TIME** : **12:15PM**

**START**

**CHM** We are in in-camera now?

**MFR** Yes, in-camera.

**CHM** Ok session is in-camera now, yes.

**MFR** [redacted]

**CHM** [redacted]

**MFR** [redacted]

**CHM** [redacted]

**MFR** [redacted]

**CHM** [redacted]

**MFR** [redacted]

**MIRZA** [redacted]

**MFR** [redacted]

**AK** Ok. Ok. Itu sahaja. Terima kasih.

**CHM** Thank you. Yes? While in camera, we are on in camera, any re-examination, yes? Tak ada, ya? No. Ok. So now, balik itu, ya. Open inquiry. Now, we are back to open inquiry, ya.

**MFR** Ok, En Iqbal. Saya akan teruskan sesi dengan, berkaitan dengan Joshua Hilmy, ya. So, seperti yang kita maklum, En Iqbal telah berjumpa pertama kali pada 01.01.2015 dan ada tiga siri pertemuan dalam tahun 2015, ya. Baik, En Iqbal, setakat En Iqbal kenal Joshua Hilmy, bagaimana communication antara, dengan Joshua Hilmy? Adakah melalui telefon?

**MIRZA** Tak. Melalui, itulah, komunikasi itu, dia nampak macam relax, tak ada apa-apa, memang tak ada –

**MFR** Maksud saya, contact dia macam mana? Call ke? WhatsApp ke? Facebook ke?

**MIRZA** Tak ada. Yang itu, cuma contact sahaja, contact.

**MFR** Telefon?

**MIRZA** Telefon, WhatsApp, yang itu WhatsApp lah.

**MFR** WhatsApp adalah? Ok. Komunikasi itu lebih kepada Joshua Hilmy ke dengan Ruth?

**MIRZA** Dengan Joshua Hilmy sahaja.

**MFR** Joshua Hilmy. Adakah Encik pernah berhubung dengan Ruth?

**MIRZA** Tidak.

**MFR** Tidak pernah. Setakat En Iqbal ingat, kali terakhir berhubung dengan Joshua Hilmy pada bila?

**MIRZA** Ya, pada yang bulan Januari itu juga lah. Bulan Januari, 2015 itu.

**MFR** Ok. Jadi maksudnya, di dalam bulan Januari itu, tiga kali pertemuanlah?

**MIRZA** Ya. Tiga kali pertemuan.

**MFR** Betul?

**MIRZA** Betul.

**MFR** Sejak En Iqbal mengenali Ruth, Joshua dan Ruth, ada tak maklumat yang kata mereka menerima sebarang ugutan?

**MIRZA** Saya tidak ada apa-apa. Tak ada apa-apa. Saya tak ada. Dia pun tak kongsi. Dia lebih fokus kepada saya. Itu sahajalah. Tak ada apa-apa dia kongsi dengan saya.

**MFR** Lebih fokus kepada?

**MIRZA** Kepada spiritual itulah, spiritual, saya punya masalah kesihatan saya. Itu sahajalah.

**MFR** Itu sahaja?

**MIRZA** Lain, lain tak ada apa-apa.

**MFR** Bagaimana En Iqbal tahu mengenai kehilangan mereka?

**MIRZA** Itu pun saya tahu melalui, 2017, melalui media massa.

**MFR** Melalui media massa?

**MIRZA** Betul.

**MFR** En Iqbal dapat daripada mana?

**MIRZA** Saya tengok dekat, apa ini, dekat, berita dekat internet. Saya tak pasti, internet ataupun berita dia keluar dekat TV. Saya tak pasti.

**MFR** Ok. Selepas mendapat maklumat tersebut, 2017 –

**MIRZA** 2017, ya, saya rasa, 2017.

**MFR** Melalui media massa?

**MIRZA** Media massa, betul.

**MFR** Apa tindakan En Iqbal?

**MIRZA** Saya tak ada buat tindakan. Saya cuma tengoklah pasal pihak berkuasa tengah buat siasatan, saya rasa. Itu sahajalah. Saya cuma dengar sahaja.

**MFR** Adakah Encik pasti Encik dapat maklumat daripada media massa?

**MIRZA** Saya, saya pun tak pasti. Saya tak berapa ingatlah, saya.

**MFR** Adakah En Iqbal pernah cuba untuk menghubungi –

**MIRZA** Tidak.

**MFR** Joshua dan Ruth?

**MIRZA** Saya tidak.

**MFR** Selepas mendapat tahu kehilangan?

**MIRZA** Saya tidak hubungi.

**MFR** Kenapa?

**MIRZA** Saya malas pasal mungkin ada pihak berkuasa mungkin buat siasatan. Nanti mengganggu siasatan.

**MFR** Kenapa En Iqbal bagi kenyataan sebegitu?

**MIRZA** Saya tak mahu, saya, bukan, saya tak nak, saya memang tak nak menghubungi. Itu sahajalah. Dan saya tak contact dia pun selepas itu.

**MFR** Ada En Iqbal cuba untuk mendapat maklumat daripada rakan-rakan?

**MIRZA** Tak ada.

**MFR** Melalui Chan?

**MIRZA** Tak ada. Dia pun, dia pun tak ada bagi tahu apa pun. Bila jumpa dekat pejabat pun cuma tentang kehilangan itu sahajalah. Tentang apa-apa, dia tak cerita dekat saya.

**MFR** So, En Chan tahu mengenai kehilangan Joshua?

**MIRZA** Saya pun tak, saya tak pasti dia tahu ke tak tahu, saya tak pasti.

**MFR** Baik. Melalui kenalan dengan Joshua Hilmy dan Ruth, En Iqbal hanya mengenali mereka sahajalah? Ahli keluarga lain –

**MIRZA** Ya, itu sahaja, betul.

**MFR** Baik. En Iqbal maklum pernah dipanggil polis untuk membantu siasatan ini?

**MIRZA** Betul.

**MFR** Boleh nyatakan maklumat itu bila?

**MIRZA** Saya tak berapa ingat saya punya tarikh itu. Saya tak ingat. Saya ingat tahun lepas, bulan Oktober macam itulah, bulan Oktober macam itu. Saya ingat macam itu. Saya tak pasti, ya, saya tak pasti. Tak ingatlah.

**MFR** Anggaran bulan Oktober?

**MIRZA** Lebih kurang bulan Oktober.

**MFR** Ok. Siapa, kalau?

**MIRZA** Saya tak pasti nama inspektor itu, inspektor itu saya dipanggil dengan isteri saya di Balai Sungai Way.

**MFR** En Iqbal hadir?

**MIRZA** Saya hadir daripada situ, dengan isteri saya, dipanggil oleh inspektor itulah.

**MFR** Adakah keterangan diambil?

**MIRZA** Keterangan diambil.

**MFR** Adakah En Iqbal memberi apa-apa dokumen?

**MIRZA** Saya tidak memberi apa-apa dokumen, tak ada.

**MFR** Dan selain daripada pihak polis, adakah individu lain ataupun –

**MIRZA** Tidak, tak ada.

**MFR** Badan lain –

**MIRZA** Tak ada.

**MFR** Yang menghubungi –

**MIRZA** Tak ada.

**MFR** En Iqbal?

**MIRZA** Tak ada.

**MFR** Berkaitan perkara ini, tidak ada?

**MIRZA** Tak ada.

**MFR** Ok, En Iqbal, soalan terakhir saya. Bagi membantu siasatan SUHAKAM, ada maklumat yang En Iqbal boleh kemukakan kepada –

**MIRZA** Saya rasa –

**MFR** SUHAKAM?

**MIRZA** Saya tak ada.

**MFR** Ok. That's all, Panel Members.

**PK** Ok. En Iqbal, untuk mengingatkan you masih dalam janji, ya, kebenaran. Soalan-soalan ini yang mengenai yang, pada hari ini, yang kenyataan yang saudara sudah beri di Panel. Saudara kata, adakah saudara menggunakan nama Kristian?

**MIRZA** Tidak. Saya tidak menggunakan –

**PK** Tidak pernah?

**MIRZA** Saya tidak pernah.

**PK** Tidak pernah? Nama Western?

**MIRZA** Tidak pernah.

**PK** Tidak pernah?

**MIRZA** Tidak pernah.

**PK** The witness is on record to say that he has not used any Western name or Christian name. I now tender a document of which his curriculum

vitae, which I'll now show to you, ok, can you please distribute? Do you recognise the CV? This CV? Adakah ini?

**MIRZA** Ya, betul, saya.

**PK** Ya. Can you give a copy to…Ok. Sila merujuk ke CV ini. Walaupun CV ini pada waktu, pada tahun you, 44, right, dia kata Iqbal Mirza bin Mohd Jalaludin, ya. Can we mark this as Exhibit 105? Exhibit 105. Emel, boleh baca emel?

**MIRZA** alan.mirza@gmail.com.

**PK** So, alan.mirza. Siapa nama Alan ini?

**MIRZA** Yang itu saya gunakan sebagai emel sayalah.

**PK** Ya. Tetapi saya, waktu saya menyoal adakah you gunakan nama yang Western atau Christian, you kata tak pernah. Tetapi emel you guna alan.mirza@gmail.com. So, you ada gunakan nama Western dan atau Christian, Alan. Ya? Di dalam kalangan undang-undang, kita kata, I put it to you dan you boleh kata you tak setuju, I put it to you that you are known in the circle of Christians as saudara Alan. Benar atau tak benar? Sila kata.

**MIRZA** Just now, betul, betullah.

**PK** Betul, ya? Kuat sedikit.

**MIRZA** Betullah.

**PK** Betullah? So, walau, dalam pada masa saudara di dalam kerja, di Harapan Komuniti atau yang lain tempat, yang ada banyak orang Kristian, you gunakan nama Alan. Betul? Betul, ya? Terima kasih, ya. Itu kenyataan benar. Dia kata dia gunakan nama Alan. Dia bukan menggunakan Iqbal. Dan nama saudari yang pendek ialah Lynn, L-Y-N-N, Lynn. Betul? Jangan mengangguk sahaja.

**MIRZA** Betul.

**PK** Kata betul.

**MIRZA** Betullah.

**CHM** L-y?

**PK** The wife's name among Christian circle is known as Lynn, L-Y-N-N.

**CHM** Yes.

**PK** As Fadzlina, Lynn. The witness has also said that they called, he called her Lynn sometimes at home. Di dalam rumah inilah. So, gmail account ini adakah saudara masih guna? Kadang kala?

**MIRZA** Kadang kala.

**PK** Ya, kadang kala you guna, ya.

**MIRZA** Betul.

**PK** alan.mirza. Sebab inilah Gmail, your account.

**MIRZA** Betul itu.

**PK** Adakah emel akaun yang lain?

**MIRZA** Saya guna yang inilah untuk saya, kerja sayalah.

**PK** Kerjalah, ya?

**MIRZA** Ya, kerja.

**PK** Sebab kalau you tengok CV, memang pengalaman saudara sangat mendalam ialah HR, human resources training. Dan you menyebarkan ini kepada syarikat-syarikat dan lebih senang you kata, kata alan.mirza,

ya. Ya. Di dalam kalangan juga kerja, HR, mungkin you gunakan Alan sahaja.

**MIRZA** Betul.

**PK** Bukan sahaja dalam kalangan Kristian, ya?

**MIRZA** Betul.

**PK** Betul? Kata betul.

**MIRZA** Betul.

**PK** Jangan –

**MIRZA** Ok.

**PK** Mengangguk sahaja sebab…Ok.

**CHM** Sebentar, sebentar, ya.

**PK** Ya.

**CHM** Gambar tadi belum print out lagi ya?

**MFR** Dah, dah print dah.

**CHM** Dah print dah? Mana itu? Boleh. Ya, tanda, ok. Exhibit berapa ini? 1-0?

**SK** 103.

**CHM** 103.

**PM2** Sorry, I thought the exhibit was for the full set of pictures, not just one. Exhibit 103 was the full set. Not just this one picture. I know, but zoom on this. But I think, the full set should be submitted. This is the zoom in. Because the one that he submitted was a full set. Not part of the exhibit.

CHM Ok.

PM2 We can zoom in to here.

CHM Buat satu lagi yang ada gambar banyak-banyak itu. This is ok. Tapi buat satu lagi.

SK Panel, can we then mark this as 1-0, the full photo as 10A, and this one as 10, sorry, 103A and B?

CHM Ok. Yang ini 103A, ya?

SK This is B. The full is A.

CHM Yang?

SK The full version is 103A.

CHM Oh, yang itu, ya. Yang ini, B, ya?

SK This is B.

CHM Ok. So, buat kan yang satu lagi itu ya, dah print out. Alright. Yes?

PK Ok. Terima kasih saudara untuk kenyataan yang...Yang kedua, soalan yang mustahak yang saya nak menyoal mengenai mandi, kemandian, mandi di dalam Pastor Joshua, alright. Pada masa itu –

MIRZA Ya?

PK Adakah Pastor Joshua beritahu ke ajaran-ajaran mengenai keimanan Kristian? Merujuk ke ayat –

MIRZA Saya –

PK Suci dari al kitab?

**MIRZA** Dia, saya tak pasti dan saya rasa, saya tak, saya cuma harapkan dia sahajalah. Saya rasa saya, dia tak ada merujuk kepada ayat-ayat tertentu, tak ada merujuklah.

**PK** Ya.

**MIRZA** Dia cuma menjalankan kerja.

**PK** Dia bagi hujah –

**MIRZA** Betul.

**PK** Mengenai bagaimana Nabi Isa atau Jesus Christus, alright, ada dua nama di dalam kalangan orang Kristian –

**MIRZA** Ya.

**PK** Nabi Isa yang dari Islam pun you ada recognise seorang Nabi, ya. Tetapi di dalam kalangan Kristian, dia gunakan Jesus Christus. Adakah Pastor Joshua gunakan perkataan Nabi Isa atau Jesus Christus? Adakah you ingat? Jesus? Dia kata, Joshua, Jesus? Boleh ingat ke? Nabi Isa atau Jesus Christus? Jesus Christ? Ada ya?

**[03:15PM]**

**MIRZA** Saya tak pasti itu.

**PK** Tapi, Isa lah, dia guna –

**MIRZA** Isa, macam itulah.

**PK** Ya, dengan Isa you pun kenal sebab ajaran Islam pun –

**MIRZA** Betul.

**PK** Menghormati –

**MIRZA** Betul.

**PK** Nabi Isa?

**MIRZA** Ya.

**PK** Dan Maryam ini. Itu masih, ya. Ok. Pada sebelum memandikan, mungkin you telah beritahu you ada desakan, gangguan, dia dengarlah, dia dengar –

**MIRZA** Dia dengar, ya.

**PK** Adakah dia berdoa seperti ini dengan saudara? Ada berdoa panggil saudara?

**MIRZA** Saya tak pasti dia letakkan tangan, saya tak pasti, tapi dia letak air. Itu sahajalah.

**PK** Ok. Tetapi dia doa kepada –

**MIRZA** Ya, betul.

**PK** Dia doa?

**MIRZA** Ya.

**PK** Ok. Dalam ritual, ritual ini ya, kalau kita kata ritual, you faham ritual ya?

**MIRZA** Ya.

**PK** Seperti bersunat pun ritual. Ini mandi pun satu ritual, ya. You tahu itu mandi walaupun sekarang you kata, fahaman you ialah you nak menjauhkan kegangguan, tetapi ritual mandi seperti ini ialah dikatakan baptis, baptism. Adakah Pastor gunakan perkataan ini bagi saudara, you nak baptis sekarang?

**MIRZA** Dia, dia kata dia nak baptislah. Dia kata nak baptis. Tapi, saya tak begitu faham apa maksudnya baptis.

**PK** Saya tahu. Dia ada gunakan –

**MIRZA** Ada, betul.

**PK** Perkataan itu?

**MIRZA** Betul.

**PK** Dia kata, saudara, you nak baptis sekarang?

**MIRZA** Ya.

**PK** Saya boleh mandi saudara dan bolehkah menjauhkan gangguan ini.

**MIRZA** Ya.

**PK** Ok. So, apabila dia memandikan, di dalam ritual Kristian, saya nak bagi you tahu, adalah satu kenyataan. Saya baptis orang ini di dalam nama Bapa Jesus Christus, in the name of the Father, Bapa di syurga, alright, Bapa Jesus Christus, Jesus Christus, nama, dan Roh Suci, the Holy Spirit. Inilah akidah Kristian bagi Trinity. Trinity, you faham sedikit? Mungkin bukan pada saat itu. Tetapi, adakah Pastor Joshua menggunakan formula, I baptise you in the name of the Father, the Son and the Holy Spirit? Mungkin dalam Bahasa Malaysia atau English, adakah?

**MIRZA** Dia kata dalam Bahasa Melayu sahaja.

**PK** Melayu, ya?

**MIRZA** Ya.

**PK** Dia kata, Bapa Jesus Christus?

**MIRZA** Dia kata macam itu.

**PK** Ya, dia kata, saya Pastor Joshua membaptis saudara Iqbal Mirza, Bapa Jesus Christus, Jesus Christus dan Roh. Ada guna?

**MIRZA** Ada.

**PK** Ok. Selepas itu, adakah saudara, pelan-pelan ya menjawab dengan benar, adakah saudara kata, amen? Adakah?

**MIRZA** Saya tak ucap. Saya rasa saya tak ucap. Saya tak ucap amenlah. Saya kata –

**PK** Setuju?

**MIRZA** Saya setuju, setuju macam itu sahajalah.

**PK** Oh, you kata setuju?

**MIRZA** Bukan, saya tak kata setuju ke tidak. Saya senyap sahajalah. Saya mengangguk begitu sahajalah.

**PK** Ok. Saya tahu.

**MIRZA** Ya?

**PK** Bukan mengikut mekanikal punya. You mengantuk?

**MIRZA** Yalah, saya –

**PK** Kamu mengantuk, buat dia –

**MIRZA** Bukan. Saya biar, saya biar sahaja dia bunyi bersih itu sahaja. Saya kata, itu sahajalah.

**PK** Ok, yes, it's ok, it's ok.

**MIRZA** Itu sahaja.

**PK** Pada fahaman you, you nak betulkan itu gangguan di dalam badan mereka, saudara. So, saudara kata, setujulah, I mean, dengan kepala, right?

**MIRZA** Ya.

**PK** Ok. Tetapi sekarang you reflect, oh, ini mungkin mengikut syahadah Islam, ok, syahadah Islam saudara tahulah, alright, tidak ada apa-apa Tuhan sahaja Allah, right. Itulah syahadah yang pertama. Kalau you kata you setuju Bapa Jesus Christus dan Jesus Christus dan Roh, mungkin lah ini melanggar syahadah. Betul atau tak betul?

**MIRZA** Yang itu, saya tak pasti masa itu.

**PK** Tak pastikan?

**MIRZA** Ya.

**PK** Tetapi dengan itu, pada pendapat orang Kristian ya, bukan pendapat saudara, say apun respect sedikitlah, you sudah, sudah menjadi seorang yang mengambil keimanan Kristian sebab inilah boleh menjauhkan gangguan. Adakah benar-benarnya, itulah niat saudara? Bukan, sekarang kalau kata, oh, bukan, saya tak mahu murtad. Saya faham, saya faham. Pada saat itu, pada saat itu mungkin seperti you nak gangguan itu jauh dari badan kita, you kata, ya. Ya? Boleh, saya boleh kata, can I suggest you did accept in the name of the Father, the Son and the Holy Spirit –

**MIRZA** Tak. Saya tak kata macam itu, saya setuju.

**PK** Setuju?

**MIRZA** Bukan saya setuju. Saya kata, yalah saya kata, sembuhkanlah. Itu sahajalah.

**PK** Ok lah. Silalah mandi saya.

**MIRZA** Ya, semua, itu sahaja.

**PK** Dan selepas itu juga saya, kita dengar kenyataan isteri pun mengikut dan kedua-dua kanak pun mengikut.

**MIRZA** Tak. Isteri dengan, apa ini, dengan anak, isteri dengan sayalah.

**PK** Isteri adalah?

**MIRZA** Ya.

**PK** Sebab, foto pun kata –

**MIRZA** Ya.

**PK** Ruth Sitepu pun juga baptis, mandikan isteri, ya. Dan isteri pun, ok lah, kita akan menyoal dia. Apa dia, niat atau apa.

**MIRZA** Ya.

**PK** Sebab niat dan keimanan ialah sangat persendirian, yang jalan kita sendiri. Terima kasih atas –

**MIRZA** Sama-sama.

**PK** Kenyataan. Di dalam kenyataan saudara, you kata, berapa kali saudara memandikan oleh orang paderi? Berapa kali?

**MIRZA** Saya, apa ini, dua kalilah.

**PK** Dua kali?

**MIRZA** Ya.

**PK** Satu kali di Joshua.

**MIRZA** Ya.

**PK** Kedua?

**MIRZA** Kedua di Raymond Koh.

**PK** Raymond Koh.

**MIRZA** Ya.

**PK** Raymond Koh pun you, Raymond Koh kalau mengikut Baptist certificate ialah Februari 2015.

**MIRZA** Ya, betul.

**PK** Joshua, Januari 2015. Mengapa dua kali you mandi?

**MIRZA** Tak, saya, saya –

**PK** Satu kali mandi –

**MIRZA** Itulah, pasal itu, daripada Tuan tengok itu –

**CHM** Sebentar, sebentar.

**MIRZA** Saya, Tuan –

**PK** Ok, sorry.

**CHM** My recollection, tadi kamu kata dengan Pastor Raymond Koh tak pernah baptis.

**MIRZA** Tak, tak, saya, bukan, bukan, bukan. Saya pergi. Saya pergi jumpa dia. Lepas itu saya, dia minta saya apalah, minta saya, saya pun tak pasti apa benda ada baptis saya minta dia apalah. Saya minta dia tolong mandikan saya.

**CHM** Kamu cakap benar di sini ya, jangan –

**MIRZA** Ya, ya, ya, ya. Ya, betul.

**CHM** Main-main ya.

**MIRZA** Tak, tak, betul, benar.

**CHM** Jadi, dengan Pastor Raymond Koh pun kamu, kamu dibaptiskan kan?

**MIRZA** Saya dimandikanlah.

**CHM** Jangan main perkataan dengan saya. Kamu dibaptiskan, sama dengan Joshua kan?

**MIRZA** Betul, betul. Betul, betul.

**CHM** Betul kan?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Jadi tadi yang kamu kata dengan Pastor Raymond Koh kamu tak dimandikan cuma dengan Joshua saja, tadi tak betul ya?

**MIRZA** Ya, ya.

**CHM** Hm? So, jadi dengan kami, kamu kena cakap benar ya, berterus terang ya.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Ya. Ok.

**PK** Mungkin saudara keliru sedikitlah ya?

**MIRZA** Betul, betul.

**PK** Tenang-tenang ya. Chairman pun nak dengan benar-benar. Jangan khuatir. Mungkin banyak soalan you pun keliru, banyak peguam-peguam semua. So, yang jelas ialah Iqbal telah dimandikan oleh paderi dua kali. Satu kali oleh Joshua Hilmy di Januari 2015, kedua Februari 2015, bila you berjumpa Reverend Raymond Koh, dan dia pun memandikan, dan dia juga, bolehkah ingat, menggunakan formula ada nama Jesus, Bapa Jesus Christus, Jesus Christus, dan Roh. Ada?

**MIRZA** Dia ada menceritakan itulah.

**PK** Ya, ya, mencerita dan dia bagi you hujah sedikit, dengan ini gangguan pun boleh dihapuskan. So, you pun menerima.

**MIRZA** Betul.

**PK** Pada niat saudara, bukan menerima keimanan Kristian tetapi kata mungkin mandikan itu –

**MIRZA** Ya.

**PK** Boleh menjauhkan desakan. Ok, itulah kenyataan ya. So, dengan Pastor Raymond Koh, dia ada baptis. Dia ada baptis you. Sebab dulu you kata, Chairman kata you tidak tak pernah. Tetapi pada instruction saya, dari keluarga Raymond Koh, alright, ada saksi kata you dan juga Fadzlina baptis juga oleh Pastor Raymond Koh. Itulah sebab Chairman pun sedikit menyinggung hati lah. Jangan, jangan, itu memang ada. Saya boleh ambil kesaksian datang kata dengan sendiri mata tengok you ada dibaptis oleh Pastor Raymond Koh. Ok. So, pastikan ya. Dengan baptis Pastor Raymond Koh, instruction saya juga, you meminta satu certificate baptism. You meminta. Sebab dengan permintaan itu Reverend Raymond Koh menulis satu baptism certificate yang sudah ditunjuk kepada saudara. Can you lift it up please? Let's look at it again. Summon up the certificate. Pada saat yang kita, you disoal dalam closed session, and this is not a sensitive matter, to be fair, nothing to do with the sensitive photograph, in this certificate of baptism, tengok ya, you baca, 'Certificate of baptism. Iqbal

Mirza Bin Mohd Jalaludin, baptised in the name of the Father, the Son, and the Holy Spirit, on the 05.02.2015. Reverend Raymond Koh'. You tengok now sekarang. Mungkin sekarang you jelas you ada dibaptis. Ada dibaptis, mandikan oleh Raymond Koh. Dulu you kata, 'oh, tidak, tidak'. Dengan itu you tidak, you kata certificate ini you tak pernah lihat. Tetapi consistent, consistent dengan yang kebenaran, ya, ialah you dimandikan, selepas itu you meminta satu certificate baptism. Dan Raymond Koh bagi you satu baptism certificate. Adakah benar atau tak benar?

**MIRZA** Saya tak minta, saya tak minta.

**PK** Tak meminta?

**MIRZA** Saya tak minta.

**PK** You tak pernah lihat certificate baptism ini?

**MIRZA** Saya tak pernah, tak pernah.

**PK** Ada you tahu orang di kalangan orang Kristian, you kata you tahu mungkin –

**MIRZA** Tak tahu.

**PK** No, you kata, you kata ada –

**MIRZA** Ya. (03:26:56PM).

**PK** Gereja bagi certificate baptism, dan you menafikan sebab ini kata, oh ini reverend saja bukan gereja. Ada ingat kenyataan pagi ini? So, you tahu ada certificate baptism mungkin di isu bagi orang yang dibaptis. Untuk rasmi ke, untuk mungkin ada orang nak memurtadkan diri yang register pendaftar di dalam negeri-negeri yang menerima statutori deklarasi, mungkin ada orang, instruction saya, ambil ini dia nak keluar dari negeri dan seek religious persecution asylum, I'm putting on record, some people ask for this certificate to seek religious, asylum from

religious persecution. There will be a closed session that we will talk about this in the near future. So, I won't go into that. It's not your place. So, you still reject. You kata you menafikan you tak minta certificate ini. You tak pernah melihat certificate ini. Tetapi sekarang you memastikan, pastikan, you ada dimandikan oleh Raymond Koh. Ok. Soalan yang akhir yang sangat mustahak ialah, pada saat waktu pagi, saudara kata Fadzlina menelefon Harapan Komuniti, dengan itu you mendapat hubungan dengan Pastor Raymond Koh. Dan dengan itu you ada hubungan dengan Jonathan Koh. Kenal?

**MIRZA** Tak, tak. Pada mulanya, sebenarnya isteri saya

**PK** Kuat sedikit di dalam.

**MIRZA** Pada mulanya isteri saya menghubungi Harapan Komuniti adalah untuk membantu –

**PK** Membantu?

**MIRZA** Membantu orang-orang tua itu. Itulah dia punya niat yang pertama sekali.

**PK** Memang, memang. Niat yang murni, untuk membantu orang yang miskin.

**MIRZA** Sebabnya saya dah cakap tadi, pagi tadi, sebabnya kami dah cuba contact, apa ini, kanser punya society, tak dapat dihubungi. Sebab itulah saya cuba –

**PK** Cuba non-profit organisation.

**MIRZA** Ya.

**PK** Yalah, itu niat yang saya hormati. Semua hormatilah, kerana ada niat yang murni untuk menolong orang yang kurang upaya dan kurang, yang miskin. Dan you suka nak mengajak. Dan you jumpa dengan seorang anak Raymond Koh, namanya Jonathan Koh. Ingat kan? Boleh

beritahu sedikit kepada panel, dalam hubungan ini, you ada buat apa-apa dengan Jonathan Koh?

**MIRZA** Tak cuma saya banyak, perbincangan saya banyak, lebih kepada fokus kepada buat latihan tentang pendidikan itulah.

**PK** Sorry, come again? Latihan?

**MIRZA** Dalam perbualan saya, perbincangan saya dengan dia, lebih banyak kepada membuat modul untuk latihan di sekolahlah.

**[03:30PM]**

**PK** Memang, memang. Itu baik. Dulu juga pada waktu pagi, saudara kata saudara tidak menerima pampasan atau gaji buat seperti ini. Adakah itu yang kenyataan saudara?

**MIRZA** Tak faham, saya tak faham.

**PK** Adakah you menerima gaji atau pampasan untuk bekerja dengan modul-modul –

**MIRZA** Ya, ya, saya memang betul, saya memang dapat apa ini, imbuhan sedikitlah daripada Jonathan lah untuk bantu dia dalam itulah. Itu saja.

**PK** Ha, sekarang you tukar sedikitlah kenyataan. Sebab pada waktu pagi you kata ini non-profit saya –

**MIRZA** Tak, tak, saya tak faham tadi apa maksud non-profit juga ada juga memberi sedikit, sedikit apa, sedikit. Saya tak faham apa you –

**CHM** I think, when I asked the question, I think he said he did get some payment.

**PK** He did? I apologise. Saya maaf, minta maaf.

**MIRZA** Saya tadi, saya, NGO pun tak semestinya tak dapat apa-apa –

**PK** Memang, memang.

**MIRZA** Ada sedikit tolong dia itu.

**PK** Ok. Saya, Chairman corrected me.

**PM2** No, I think, Dato' Seri, he said that he got some allowance from the doctor, apa itu, Chelsea –

**MIRZA** Dr Balan, ya, betul.

**PM2** He answered on that point –

**CHM** Oh, I see.

**PM2** But on this point he did not answer. So, yes. So, answered on Chelsea he said yes.

**CHM** Doktor apa itu?

**PM2** Doctor, I forgot the name. Apa?

**MIRZA** Dr Balan Dass.

**PM2** Yes, Balan Das.

**CHM** I see, I see.

**PM2** So, he said on that. But on your question, it's true, he did not say that he was paid.

**PK** Yes, I clearly heard that.

**PM2** Yes, yes, so –

**PK** So, I understand, he thought that non-profit means he never received. I never said that. But so, it is correct for me to put to you, and you say you ada ambil sedikit-sedikitlah pampasan.

**MIRZA** Ya, ya.

**PK** My instruction has been you were paid in the course of tiga bulan. Tiga bulan. RM5,000 to RM6,000. RM5,000 atau RM6,000.

**MIRZA** Tidak. Saya tidak macam itu. Saya tak dapat macam itu pun.

**PK** Ok.

**MIRZA** Sebab itu lah saya bekerja dengan Dr Balan Dass, pasal –

**PK** Ok.

**MIRZA** Tak ada lah sampai, itu kenyataan yang salah itu, saya dapat sampai RM6,000, salah.

**PK** Ok. You, you kata –

**MIRZA** Itu kenyataan yang tak betul.

**PK** RM200-RM300 satu minggu dua minggu.

**MIRZA** Macam itu betul. Macam itu betul.

**PK** Itu menterjemahkan PowerPoint lah.

**MIRZA** Bukan. Membuat, apa ini, membuat PowerPoint.

**PK** Ya, ya. Ok. Mungkin ada keliruan. Saya menolak balik statement bagai you menerima RM5,000 atau RM6,000.

**MIRZA** Tidak, itu tak betul. Tak benar.

**PK** Tapi tadi... tapi itu tinggi juga. Tak apa, tak apa. Jangan khuatir. Tiga bulan, enam bulan. Ok. Memang, ini yang soalan yang akhir, memang you baptis dua kali sahaja. Ok. Selepas kerja dengan Jonathan, adakah you pergi bekerja kepada non-profit organisation yang lain?

**MIRZA** Ada, betul ada.

**PK** Boleh ingat satu?

**MIRZA** Saya di, masa itu saya kerja di DMK, di Klang.

**PK** DMK?

**MIRZA** DMK.

**PK** Apakah –

**MIRZA** Itu bahagian imigran punya, imigran. Imigran. Ok. Dan saya punya kerja sana pun mengajar pelajar-pelajar juga.

**PK** Refugee centre?

**MIRZA** Refugee centre belajar. Mengajar pelajar-pelajar refugee.

**PK** So, ada you ingat satu nama non-profit movement oleh seorang brother Andrew?

**MIRZA** Ya, Andrew ada.

**PK** Ada Andrew? Brother Andrew menjalankan satu centre yang nama ElShaddai. You faham? You ada dengar nama itu ElShaddai?

**MIRZA** Betul.

**PK** You tahu apa nama ElShaddai nama ini ada makna?

**MIRZA** Saya tak pasti.

**PK** ElShaddai on record, Mr Chairman, just to, ElShaddai is a Hebrew word for God Almighty. The word 'El', it means, 'Elohim', ElShaddai. Alright. There's a root Semitic word which some people argue of course Islamic may not agree (03:33:58PM), the 'El' is Allah too, you know. That whole cognate group of words. So, ElShaddai Centre, Andrew employed you for a while. So, you kerja sekejap di situ dan menggunakan nama Alan, ya. Dan ElShaddai movement ini ialah non-profit oleh orang Kristian. Dengan itu, sebab you telah dimandikan oleh kedua paderi, mungkin ada mengesyorkan oleh dari Raymond Koh, you dapat kerja seperti pengajar refugee, ya. Kerja yang sangat mulia. Saya pun respect. Ok, itulah sahaja, Mr Chairman, my question. Thank you for the opportunity to clarify.

**CHM** Ok.

**ADY** En Iqbal. En Iqbal, tadi masa closed session tadi saya ada tanya, adakah sama ada En Iqbal faham tak terminologi, apa, baptism. So, kamu punya penerangan berkenaan pemahaman baptism ini adalah, saya rasa berkenaan dengan perubatan kan kamu katakan tadi. Tapi setuju dengan saya bahawa saya menyatakan apa yang kamu katakan pada saya tadi berkenaan terminologi baptism adalah satu benda yang tak betul. Sebenarnya kamu tahu apa maksudnya baptism.

**MIRZA** Saya –

**ADY** Setuju?

**MIRZA** Saya tahu maksud dia tapi saya tak –

**ADY** Saya tanya soalan ini senang saja. Jawapan dia sama ada betul ataupun tidak. Tahu ataupun tidak? So, kamu tahu kan?

**MIRZA** Ya, tahu.

**ADY** So, kamu kena faham, ya, kamu masih lagi bawah under oath ya. Bahawa apa yang kamu katakan itu perlu bercakap benar. Kerana

tindakan boleh diambil terhadap kamu sekiranya kamu berkata tidak benar. Ok. En Iqbal, pada 01.01.2015, selepas bertemu dengan Joshua Hilmy, apakah agama kamu ketika itu?

**MIRZA** Ya?

**ADY** Selepas berjumpa dengan Pastor Joshua. Selepas 01.01.2015, apakah agama kamu?

**MIRZA** Apa?

**ADY** Agama kamu.

**MIRZA** Saya masih percaya Islam lagi.

**ADY** Sekarang ini?

**MIRZA** Saya percaya pada Islam.

**ADY** Islam sembahyang berapa kali sehari?

**MIRZA** Lima kali.

**ADY** Pada hari ini, subuh, waktu subuh pukul berapa?

**MIRZA** Dalam pukul 06:00AM.

**ADY** Ok. Kamu setuju tak dengan saya bahawa selama ini apa yang kamu katakan kamu ada mengalami gangguan, kamu setuju tak dengan saya sekiranya saya kata kenyataan itu tidak benar?

**MIRZA** Saya tak setuju. Saya memang ada gangguan.

**ADY** Gangguan ini daripada bila, kalau kamu boleh jelaskan sekali lagi?

**MIRZA** Gangguan itu daripada semenjak saya kahwin, Tuan. Pada tahun 2000, gangguan itu memang dah ada dalam, dan semenjak sebetulnya pada

mula saya kahwin pada tahun 2000 itu saya ada nampak macam ada gangguan dalam rumahtangga saya. Tak tahulah macam, saya berapa pasti. Lepas itu macam-macamlah ya. Itu yang saya membuatkan saya terus balik ke Kluang masa itu untuk berubat. Daripada permulaannya daripada situlah.

**ADY** Kamu setuju tak dengan saya sekiranya saya katakan tujuan kamu pada 01.01.2015 untuk berjumpa dengan Joshua Hilmy dan juga 05.02.2015 untuk berjumpa dengan Pastor Raymond Koh bukan adalah bukan untuk tujuan perubatan, tapi adalah untuk bertujuan untuk baptism? Setuju?

**MIRZA** Untuk perubatan.

**ADY** Kamu tak setujulah?

**MIRZA** Tak setuju.

**ADY** Kenapa kamu tak setuju?

**MIRZA** Saya, pasal saya fikir saya memang bukan baptism. Saya memang nak, nak mengubat diri saya.

**ADY** Kalau, setuju tak dengan saya sekiranya saya katakan, sebagai, tadi kamu kata kamu masih lagi beragama Islam kan, setuju tak dengan saya sekiranya saya katakan bahawa dalam masyarakat Melayu Islam lah, kita masih mempercayai bahawa ada ustaz ataupun orang-orang yang boleh berkemampuan untuk mengubati penyakit-penyakit mistik ini? Kamu setuju?

**MIRZA** Setuju.

**ADY** Dan kamu juga nyatakan tadi kamu telah beberapa kali ya cuba untuk mendapatkan rawatan daripada ustaz-ustaz ini tapi gagal. Boleh tak kamu nyatakan, kenapa dua kali yang kamu pergi berjumpa, apa, dua pastor yang kamu berjumpa ini, kamu cuba untuk buat rawatan sedangkan kamu seorang Islam?

**MIRZA** Sebab saya tak ada opsyen lain.

**ADY** Hm?

**MIRZA** Saya tak ada opsyen lain. Saya cubalah, saya cuba alternatif lain untuk, untuk menyembuhkan diri saya.

**ADY** Ok, boleh kamu jelaskan, Alan, Alan ini siapa?

**MIRZA** Alan itu saya. Alan itu saya lah.

**ADY** Boleh kamu terangkan kenapa kamu gunakan nama Alan?

**MIRZA** Saya guna Alan, saya suka nama itu, itu saja, saya tak ada apa-apa, tak apa-apa kaitan dengan sesiapa, saya cuma gunakan nama itu sajalah.

**ADY** Setuju tak dengan saya sekiranya saya katakan kamu cuba sorokkan identiti kamu sebagai seorang yang beragama Kristian? Menggunakan nama Alan itu di kalangan kawan-kawan kamu ataupun sahabat-sahabat yang beragama Kristian, demi untuk menjaga, ke sekawanan ya, apa itu, dalam you punya komuniti sebagai orang Kristian. Kamu setuju?

**MIRZA** Saya tak setuju.

**ADY** Kenapa tak setuju?

**MIRZA** Saya tak setuju sebabnya nama saya terlalu panjang untuk panggil Iqbal Mirza. Saya rasa lebih mudah panggil nama pendek.

**ADY** Alan ini dah berapa lama kamu pakai? Sejak bila?

**MIRZA** Baru je. Sejak baru saya pakai masa, apa ini, saya pakai masa saya jumpa dengan kawan-kawan.

**ADY** Sejak bila? Saya tanya soalan saya bila?

**MIRZA** 2000, dalam 2014 itulah.

**ADY** That means, ketika itu 2014 itu sebelum kamu jumpa dengan Joshua Hilmy lah?

**MIRZA** Saya mula.

**ADY** Jadi, kamu apa, kamu gunakan nama Alan ini suka-suka ke ataupun apa-apa pandangan kamu?

**MIRZA** Cuma untuk mudahkan, untuk mudahkan untuk, apa ini, apa ini, mereka panggil saya.

**CHM** Saya tak yakin lah. Kalau nak mudah, 'Alan', dua syllable, 'Alan' dua syllable, kalau nak mudah, 'Iqbal pun boleh mudah. Dua syllable. 'Mirza' pun.

**MIRZA** Pada saya dipanggil –

**CHM** Pasal apa –

**MIRZA** Pada saya lebih mudah panggil Alan di kalangan kawan-kawan baru.

**CHM** 'Mirza', tak boleh?

**MIRZA** Saya, itulah, saya suka macam itu.

**CHM** Ok, ok.

**ADY** Ini, apa, boleh kamu nyatakan ejaan nama kamu yang apa 'Alan' ini? Macam kamu eja?

**MIRZA** A-L-A-N.

**ADY** Sebutan dia /elen/ ke /alan/?

**MIRZA** /Elen/, panggil /elen/.

**ADY** So, cadangan saya bahawa nama ini adalah sebenarnya identiti kamu sebagai seorang Kristian. Kamu setuju?

**MIRZA** Saya tak setuju.

**ADY** Tak setuju? Kamu setuju dengan cadangan saya bahawa dua kali kamu mandi ataupun dimandikan oleh Pastor Joshua dan juga Pastor Raymond, kamu tahu itu adalah satu procession untuk pembaptisan?

**MIRZA** Yang itu saya tahulah, saya tahu. Saya tahu. Tapi saya, tujuan saya itulah saya cakap ulang kali ialah untuk membuang penyakit dalam diri saya, itu saja.

**ADY** Tapi orang yang membaptiskan kamu tak tahu yang kamu sebenarnya tidak yakin pada –

**MIRZA** Dia tak, ya betul, dia tak, betul.

**ADY** Ok, no further question, Yang Arif. Thank you.

**CHM** Ok. Thank you.

**AK** Commissioners, I have no questions for the witness. But I have a request if it's possible to find and to call as a witness Mr Chan Wan Tack.

**CHM** You request that Chan Wan Tack –

**AK** Wan Tack.

**CHM** Be called?

**AK** Yes.

**CHM** Is, you wish to elaborate on that, the reason, why Mr Chan should be called? You wish to elaborate? Justification?

**AK** I'd like to be able to verify the testimony of this witness in relation to what was told to him about who Mr, who Joshua Hilmy was. I think that's important for the Commission to understand.

**PM2** Ok. Mr Andrew, I think maybe we can come to that after listening to the next witness. Because a reference to Mr Chan as I heard your question earlier, the wife was the one that sent message, got message. So, maybe if I would propose that we listen to the next witness as planned, I think the wife, and after that if you still think it's relevant to make the request for Chan to come to, yes.

**[03:45PM]**

**AK** I leave it to the wisdom of the panel. Thank you.

**PM2** Thank you.

**CHM** Yes. If you still feel strongly about it, you can still make the request, yes, after the testimony of the next witness. Ok.

**PM2** Mr Iqbal, just a question. Actually, I have two. The first is, En Iqbal, sekarang kita dah pastikan yang ada kamu telah mengikuti dua kali proses pemandian or baptism. So, I need to visit back the question berapa kali kamu telah berjumpa dengan Pastor Raymond Koh from the first-time chitchat, bagi cerita kamu, and the time baptism, pemandian? So, think properly sebelum jawab ya. Sebab dah banyak kali your statement itu bercanggah sendiri, bukan kita yang mencanggah tapi kamu sendiri mencanggahkan statement. So, think properly. It doesn't matter, sebab dah established you dah jumpa dia. Kalau you jumpa dia 10 kali ke satu kali, it's ok. Tapi think properly because we want to know the train of bila jumpa, jumpa sebab apa.

**MIRZA** Saya tak berapa ingat sangatlah. Saya tak berapa ingat sebelum saya itu, saya, dua tiga, dua, macam dua tiga, dalam dua tiga empat lima kali macam itu adalah. Saya tak pasti saya –

**PM2** So, mungkin sampai lima kali pun ada pernah jumpalah.

**MIRZA** Ya, mungkin, mungkin, mungkin, mungkin lah. Saya tak kira masa itu.

**PM2** So, tak apa, tak apa tak kira. Kita pun tak ingat. But it's important to know it's bukan satu kali.

**MIRZA** Bukan satu kali.

**PM2** So, I think earlier statement you, you said sekali ya. So, it's very important kamu establish. Kalau apa-apa kamu rasa tadi dah tersalah cakap ke, you terlupa, I would suggest before you take stand down to update this panel kalau ada you tadi cakap yang tak betul ke. Because now you say you met him three to five times, ok.

**CHM** Siapa dia?

**PM2** Pastor Raymond Koh. So, I wanted to clarify now that it's established, he's gone for baptism under Pastor Raymond Koh. He said he's met Pastor Raymond, not sure, could be two, three, to five times in the course. But earlier he said only once he met Pastor Raymond Koh. And in your pemandian, di manakah pemandian ini dilakukan? Tadi dah clear, Pastor Joshua very clear, tak ada kesangsian.

**MIRZA** Ok. Itu –

**PM2** For this –

**MIRZA** Itu di rumah, di rumah. Ada satu rumah. Saya tak ingat rumah itu. Di, di apa ini, di kolam, ada satu kolamlah situ.

**PM2** Rumah, rumah keluarga ke atau rumah gereja ke?

**MIRZA** Rumah keluarga kawan dia mungkin, yang itu saya tak ingat.

**PM2** Di PJ ke di mana?

**MIRZA** Di PJ. Di PJ lah.

**PM2** Tapi bukan tempat yang biasa you jumpa Jonathan Koh?

**MIRZA** Bukan, bukan, bukan, bukan.

**PM2** It's another place lah? In PJ –

**MIRZA** Ya.

**PM2** House yang ada kolam?

**MIRZA** Betul.

**PM2** Kolam itu kolam yang kita guna mandi biasa atau kolam khusus untuk pembaptisan?

**MIRZA** Tak, tak, kolam untuk mandi biasa.

**PM2** Yang biasa itulah?

**MIRZA** Ya.

**PM2** Ok, ok. Alright. Ok. You tak pernah jumpa Pastor Raymond Koh di tempat lain selain daripada Kuala Lumpur ke PJ?

**MIRZA** Tak ada, tak ada.

**PM2** Cuma di sini lah?

**MIRZA** Ya, ya.

**PM2** Ok. Alright. You want to add something on this point? Ok, go ahead.

**PK** With permission. Pada saat baptism oleh Raymond Koh di dalam rumah ini, ada orang-orang lain yang juga menjalankan mandi ini?

**MIRZA** Tak ada, tak ada.

**PK** Tak ada?

**MIRZA** Memang tak ada. Yang menjalankan mandi maksudnya?

**PK** Baptism.

**MIRZA** Tak ada, tak ada, memang tak ada.

**PK** Only –

**MIRZA** Saya, saya dengan isteri saya saja.

**PK** Sahaja?

**MIRZA** Ya, sahaja.

**PM2** No, maksud dia –

**MIRZA** Memang tak ada.

**PM2** Mr Philip, pertanyaan dia, adakah cuma kamu dua orang bersama Pastor Raymond, adakah ada orang-orang lain juga di –

**PK** Ada orang-orang lain, orang-orang Melayu yang –

**PM2** Yang menyaksikan –

**MIRZA** Tak. Kawan-kawan itulah.

**PM2** Adalah?

**MIRZA** Ada lah.

**PM2** Ha, so itulah persoalan dia.

**PK** Tetapi kemandian ritual ini hanya Fadzlina dan you saja?

**MIRZA** Ya, betul.

**PK** Sebab instruction saya kata ada yang lain baptism ceremony juga.

**MIRZA** Ya, ya. Saya tak faham, adakah baptism lain saya tak pasti (03:49:07PM).

**PK** Tetapi pada saat di dalam rumah ini, di dalam ada swimming pool, instruction saya –

**MIRZA** Betul, betul.

**PK** Itu swimming pool, itu bukan kolam mandi.

**MIRZA** Betul, betul.

**PK** Itu swimming pool.

**PM2** Oh.

**PK** Alright. Untuk berenang punya.

**MIRZA** Betul.

**PK** So, you masuk swimming pool –

**PM2** Mr Iqbal, so, is it a swimming pool or –

**MIRZA** Swimming pool, swimming pool.

**PK** Swimming pool.

**PM2** Ada bezalah?

**PK** Yes, it's not, it's not a bathing –

**PM2** Kolam –

**MIRZA** Saya mahu mandi, mandi juga lah. Mandi juga sana kan.

**PM2** Oh, kolam renang itu.

**MIRZA** Kolam renang.

**PM2** Swimming pool, renang. Mandi itu di –

**MIRZA** Tak, tapi bukan kolam yang besar, yang kecik sajalah macam itulah.

**PM2** Tapi you faham kan bezanya mandi dengan berenang. Faham kan?

**MIRZA** Ya, betul.

**PM2** So, kolam itu ada perbezaan.

**MIRZA** Ya, ya.

**PK** Ok, my last question. My last question is a very gentle one, and I'm not accusing you, I'm not saying that it's wrong. Adakah saudara sebab menggunakan nama Alan ialah, saya bukan kata you menyamarkan seperti seorang yang bukan Melayu ataupun, you ada persona untuk kerja di dalam non-profit, mungkin yang dijalankan pemimpinan dia ialah mengikuti akidah Kristian, dengan ini lebih senanglah untuk saudara untuk melibatkan di dalam aktiviti seperti itu. Adakah –

**MIRZA** Tak ada. Saya tak, saya tak ada intention macam itu.

**PK** Tak ada intention?

**MIRZA** Saya tak ada intention.

**PK** So, bukanlah nak menyamarkan diri seperti orang Kristian dan mungkin mengelirukan orang, kata ok you Kristian saya bagi you kerja lah.

**MIRZA** Tak saya bukan nak menyamarkan diri. Lepas itu lagipun saya, saya punya sting itu terlampau pendek sangat, dan saya pun ada kemahiran saya lain. Saya boleh menggunakan, sekarang ini pun saya tak bergantung kepada dia orang pun. Saya –

**PK** Sekaranglah.

**MIRZA** Sekarang ini dah –

**PK** Tetapi pada instruction saya, itu instruction saya, pada, pada waktu 2015, satu dua tahun, mungkin ada kerja yang susah, ini ada satu source of income. Tapi itu wrong. Itu salah. Memang kita orang banyak identiti, you know. Tetapi mungkin lah ini lebih senanglah dapatkan, you kata, 'oh, saya disyorkan oleh Raymond Koh atau Pastor Joshua'.

**MIRZA** Tak, tapi –

**PK** ElShaddai kata, ok, masuk.

**MIRZA** Tapi tak juga macam itu, tak juga. Saya –

**PK** Tiada, tidak ada niat seperti itulah.

**MIRZA** Tak ada, tak ada niat macam itulah.

**PK** Ok lah. I just want to put on record. And I will make my submission.

**PM2** En Iqbal, yang tadi ada saya ingat persoalan dari counsel yang tempoh waktu kamu kenal Pastor Joshua dan untuk selama berapa, dua bulan ya?

**MIRZA** Lebih kurang macam itulah. Saya –

**PM2** Tapi ini adalah seorang yang menolong kamu cuba menghilangkan, mengurangkan gangguan kamu, isu-isu yang serius. Lepas dia kenal, kamu bawa keluarga bersama dia, anak dia dah kenalkan, kamu jumpa dia empat kali saya ingat sekarang. Three or four times. Tiga kali ke empat kali. Lepas itu kamu stop begitu saja?

**MIRZA** Memang saya stop begitu saja.

**PM2** Kenapa? Apakah alasan?

**MIRZA** Tak, tak, saya, saya tak nak mengganggu lagilah. Saya tak nak, apa saya fikir saya dah cukuplah, itu sajalah. Itu saja. Saya –

**PM2** Cukup maksud dia apa?

**MIRZA** Saya dah sampai di situ sajalah. Maksud saya, saya sampai di situ saja. Saya tak ada buat apa, saya memang tak naklah.

**PM2** Mesti ada sebab. Sebab bila kamu berjumpa seorang itu untuk yang tadi kamu telah terangkan niat untuk mencari apa itu, ubatan ke –

**MIRZA** Ya, ya, ya.

**PM2** Untuk memperbaiki gangguan kamu. So –

**MIRZA** Lepas itu saya tak ada apa-apalah. Saya cuma berhenti itu saja.

**PM2** So, lepas Februari kamu berhenti sebab kamu dah dapat apa yang kamu cari ke –

**MIRZA** Tak, tak, tak. Saya kata saya tak nak, apa ini, saya tak nak apa ini, melibatkan, saya tak apa ini, saya dah ada tempat lain, saya dah ada, apa ini, kerja lain kan, saya dah ada kerja lain, saya lebih baik saya concentrate apa kerja lain saya itu.

**PM2** Tapi dengan Pastor Joshua tak ada kena mengena dengan kerja kan?

**MIRZA** Tak ada, tak ada kena mengena, ya.

**PM2** So, apa kena mengena dengan kerja?

**MIRZA** Saya, saya rasa saya nak, itu saja, saya nak stop saja.

**PM2** Sebab kamu ada jumpa pastor yang lain ke –

**MIRZA** Tak, tak.

**PM2** Atau kamu dah sembuh?

**MIRZA** Tak, tak. Saya nak, saya dah ada, saya dah boleh bergerak sendirilah. Saya dah boleh independent sendiri dan tempat lain saya ada kerja.

**PM2** So, sebelum itu kamu rasa tak independent? Apa maksud? Saya tak –

**MIRZA** Saya, bukan, saya rasa, saya masa itu saya tak berapa sihat sangat. Selepas itu saya dah, dah ok sikit, lepas itu saya cari peluang lainlah untuk buat lain.

**PM2** So, maksud dia adalah sembuh sedikit lepas jumpa dengan Pastor Joshua?

**MIRZA** Ada sedikitlah.

**PM2** So, dah baik sedikit. Lepas itu kamu terus potong hubungan atau kamu telefon dia, 'Pastor Joshua –

**MIRZA** Tak, tak, tak. Saya, saya tak berhubung –

**PM2** Terima kasih. Jumpa lagi. Maaflah saya tak boleh', tak ada?

**MIRZA** Tak, saya tak berhubung.

**PM2** Terus kamu stop?

**MIRZA** Stop.

**PM2** Kenapa, itu cara kamu ke? Bila jumpa seorang itu kamu –

**MIRZA** Tak, tak. Saya, saya rasa dia terlalu sibuk, saya buat saya punya apalah. Kerja saya.

**PM2** Dia yang minta kamu jangan kacau dia ke kamu sendiri –

**MIRZA** Tak ada, tak ada, tak ada.

**PM2** So, tak ada alasan, tak ada sebab langsung?

**MIRZA** Tak ada, tak ada sebab langsung.

**PM2** Kamu terfikir satu hari –

**MIRZA** Tak ada.

**PM2** Tak payah berjumpa dengan dia?

**MIRZA** Saya, saya rasa, saya memang dah ada, saya dah boleh bergerak sendirilah yang itu.

**PM2** Ini bulan dualah?

**MIRZA** Ya, ya.

**PM2** Bulan satu yang jumpa dia kena baptism –

**MIRZA** Betul, betul.

**PM2** Bawa keluarga lepas itu dua tiga kali jumpa dengan dia, lepas itu tak ada apa lagi nak cakap? Dan waktu kamu berjumpa dengan Pastor Raymond Koh bulan dua dan tiga empat lima kali, tak pernah ada

perbincangan yang terkeluar mulut kamu ke Pastor Raymond Koh yang kenal Pastor Joshua ini –

**MIRZA** Tak ada, tak ada, memang tak ada.

**PM2** Langsung tak ada –

**MIRZA** Tak ada. Memang tak ada. Tak ada, tak ada cerita pun daripada mulut Raymond Koh tak ada, pasal Joshua tak ada.

**PM2** Adakah kamu menerangkan kepada Pastor Raymond Koh yang kamu telah dimandikan oleh seorang pastor bulan –

**MIRZA** Tak ada, tak ada, tak ada.

**PM2** Kenapa kamu tak beritahu?

**MIRZA** Saya, saya tak beritahu itu sajalah.

**PM2** Dia tak, dia tak tanya pun lah?

**MIRZA** Dia tak tanya.

**PM2** So, kamu rasa tak, tak ada apalah nak bagi tahu.

**MIRZA** Ya, ya.

**PM2** Ok. Thank you. And the one final question. Ini mungkin, so, tadi kamu jelas dengan penggunaan bahasa dengan persis. Bahasa apa itu beza jampi, apa dia baptis. So, I want to know why you are using the word 'masalah spiritual'. Kenapa dari pagi sampai sekarang kamu gunakan perkataan 'spiritual'? Tetapi bila ditanya oleh SAC kamu menggunakan 'isu gangguan'. Tapi dari pagi tadi kamu sendiri menggunakan konsep Bahasa Inggeris, 'saya ada masalah spiritual'. Adakah dari tahun 2000 kamu menggunakan perkataan 'spiritual' ini atau –

**MIRZA** Saya, saya mengguna 'spiritual' itu saya mempunyai hubungan yang rapatlah antara spiritual dengan gangguan.

**PM2** So, kamu, kamu menggunakan, sebab perkataan 'spiritual' tidak begitu biasa kalau tak salah saya Dato' Seri in the Malay world, spiritual bukan biasa, bahasa yang biasa.

**MIRZA** Tapi selalunya ada spiritual.

**PM2** Spiritual?

**MIRZA** Ada.

**PM2** Ada?

**MIRZA** Ada.

**PM2** Oh.

**MIRZA** Kalau saya jumpa ustaz pun saya bercerita masalah gangguan semua spiritual saya menerangkan kepada mereka.

**PM2** Oh, ustaz pun guna bahasa spiritual?

**MIRZA** Ya, betul. Betul.

**PM2** Ok. Terima kasih. Because I thought I've not heard the Malay world using spiritual. Adalah 'kerohanian', 'keimanan' –

**MIRZA** Betul, 'kerohanian', ya.

**PM2** Tapi dari pagi tadi kamu menggunakan 'spiritual'. So, I want to know sejak bila kamu menggunakan perkataan masalah spiritual. Because tadi you say, your issue is gangguan. Right? So, sejak bila kamu gunakan perkataan 'spiritual'?

**MIRZA** Tak, tak, saya memang gunakan, mengguna istilah itu memang –

**PM2** Sejak 2000?

**MIRZA** Saya, 2000 saya guna spiritual.

**PM2** Oh ok. Alright. Thank you.

**CHM** Please show Exhibit 105 to the witness. 105. This is a CV, CV. Dah ada dah CV? Ada? CV ini kamu ada bertarikh tak?

**MIRZA** Saya ada tarikh situ. Ada di atas sana ada.

**CHM** Tak ada tarikh ya.

**MIRZA** Ada tarikh.

**CHM** Di mana tarikhnya?

**MIRZA** Tarikh dia kat sini ada. Date join semua itu.

**CHM** Mana?

**PM2** No –

**MIRZA** Ada 2013 punya ada. Bukan... dia dekat sini, berapa saya join semua ada.

**CHM** Tak. Maksud saya tarikh kamu sediakan.

**MIRZA** Oh yang itu? Yang ini, yang ini tak ada. Saya tak tahu macam mana orang dapat CV ini saya tak pasti.

**CHM** Tak apa, tak apa. Tu bukan soalan saya. Soalan saya, bila kamu buat ini?

**MIRZA** Ini pun saya tak pasti bila saya buat.

**CHM** Ya?

**MIRZA** Saya tak pasti. Ini kalau merujuk kat sini, kalau merujuk kat sini, saya di Malaysian Institute of Human Resource.

**CHM** Oh, kamu tak pasti bila kamu buat?

**PM2** Age 44 lah ini.

**MIRZA** Ya. Saya buat masa itu. Saya tak tahu macam mana boleh dapat ini, CV saya, itu saya tak pastilah. Ini saya ingat 2015.

**PM2** 2015?

**MIRZA** 15. 2015, saya 2014 saya berada di Kancung (03:58:28PM). Di Kancung. Lepas itu 2015 saya berada di Malaysian Institute of Resource.

**CHM** Oh ok. Oh ok. Tapi mesti dibuat selepas 2015 lah ya.

**MIRZA** Betul, betul. Betul.

**CHM** Ok. Apakah tujuan kamu buat, tujuan kamu buat CV ini? Tujuan?

**MIRZA** Yalah, saya nak memohon jawatan di syarikat-syarikat.

**CHM** Ok. Syarikat yang syarikat, yang mana yang kamu yang kamu hasrat nak join semasa membuat CV ini?

**MIRZA** Tak, tak, yang itu semua saya apply lah dekat JobStreet ke. Dekat JobStreet saya boleh apply lah, macam JobStreet. Kan macam-macam kan.

**CHM** Ah.

**MIRZA** Ni open punya –

**CHM** Kamu tak ingat bila disediakan, tapi mesti selepas 2015 lah.

**MIRZA** 2015, betul.

**CHM** Ok. Alright. Nama di situ (03:59:21PM) Iqbal Mirza Bin Mohd Jalaludin ya.

**MIRZA** Ya, betul.

**CHM** Nama penuhlah ya.

**MIRZA** Betul.

**CHM** Nama bapa siapa?

**MIRZA** Mohd Jalaludin.

**CHM** Bin?

**MIRZA** Tak, nama saya Iqbal Mirza. Nama bapa saya Mohd Jalaludin.

**CHM** Ok. Nama penuh bapa?

**MIRZA** Mustafa (03:59:37PM).

**CHM** Mohd Jalaludin?

**MIRZA** Mohd Jalaludin Bin Mustafa.

**CHM** Mustafa? Ok. Baik. Berbalik kepada Joshua, kamu tahu tak yang dia suatu ketika adalah seorang Islam?

**MIRZA** Saya, dia tak cerita pada sayalah. Dia tak ada cerita, saya tak pasti itu.

**[04:00PM]**

**CHM** Hm?

**MIRZA** Saya tak pasti dia Islam ke saya tak pastilah.

**CHM** Tak, waktu kamu jumpa itu dia Kristian kan?

**MIRZA** Dia Kristian, dia Kristian betullah.

**CHM** Ok. Kristian. Dan dia seorang Melayu ya.

**MIRZA** Ya.

**CHM** Betul ya? Kan? Alright. Kamu tahu tak yang suatu ketika dulu dia seorang Islam?

**MIRZA** Itu saya tak pastilah, saya tak tahu. Dia tak ceritakan pada saya itu.

**CHM** Tak cerita?

**MIRZA** Dia tak cerita, dia tak cerita pada saya.

**CHM** Dan kamu tak tanya?

**MIRZA** Saya tak tanya.

**CHM** Ah. Tak terlintas ke?

**MIRZA** Saya tak tanya. Saya memang tak tanya, takkan tanya.

**CHM** Rasa, kamu tak rasa ganjil –

**MIRZA** Tak, tak, tak.

**CHM** Bagaimana seorang, seorang Melayu tapi beragama Kristian? Tak, kamu tak rasa ganjil –

**MIRZA** Yalah, saya, saya pun sebabnya tak –

**CHM** Pelik? Ya?

**MIRZA** Pasal saya tak, saya cuba berfikir dia boleh bantu saya, itu sajalah.

**CHM** Tak, tak, saya tahu. Tapi ada rasa pelik tak?

**MIRZA** Ada juga pelik juga lah.

**CHM** Ada pelik ya? Pelik ya? Ok. Ada, kalau orang Melayu, orang Islam, dia masuk agama Kristian, pandangan orang Islam dia dah murtad kan. Ya? Betul tak? Kamu tahu apa maksud murtad?

**MIRZA** Tahu.

**CHM** Tahu ya? Ok. Terlintas tak di hati kamu bahawa Joshua ini telah, orang yang telah murtad?

**MIRZA** Saya tak terlintas.

**CHM** Terlintas? Jadi, kamu jumpa dia kamu seorang Islam kan?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Berjumpa Pastor Raymond itu kamu seorang Islam kan. Tapi kamu dibaptiskan dua kali, kan. Tak terlintas waktu itu –

**MIRZA** Saya, saya tak terlintas.

**CHM** Kamu telah murtad? Bila dia, kamu dibaptiskan oleh Joshua kamu dah murtad, bila kamu setuju dibaptiskan oleh Pastor Raymond pun kamu dah murtad. Setuju tak? Kamu dah murtad. Dua kali kamu murtad.

**MIRZA** Saya, saya tak setuju.

**CHM** Ya?

**MIRZA** Saya tak setuju.

**CHM** Tak setuju?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Sebab apa kamu tak setuju? Kamu dia dah sebut itu, in the name of Father, the Son, the Father, and the Holy Ghost. Dua-dua kali kan, ya. Dan kamu, kamu tak setuju yang kamu kata 'amin', kamu kata kamu angguk kepala. Bila kamu dah melalui proses itu, kamu dah jadi murtad kan?

**MIRZA** Saya tak setuju itu sajalah.

**CHM** Ya?

**MIRZA** Saya tak setuju saya murtad.

**CHM** Tak setuju –

**MIRZA** Ya.

**CHM** Kamu dah murtad?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Pasal apa kamu tak setuju? Sebagai seorang Islam mengapa kamu tak setuju? Mengapa kamu tak setuju?

**MIRZA** Yalah, tujuan saya ialah untuk mengubatkan –

**CHM** Memang tujuan kamu, tapi –

**MIRZA** Saya, itu yang saya punya alasan saya punya apa, saya tak murtad, itu sajalah.

**CHM** Kamu tak murtad?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Jadi, bermakna, kalau saya pun buat begitu saya tak murtad?

**MIRZA** Itu saya tak, pihak Tuan saya tak pastilah. Bagi pihak saya, saya tak murtad, itu sajalah.

**CHM** Tak murtad?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Mengapa kamu kata kamu tak murtad?

**MIRZA** Yalah, saya, saya tak murtad sebabnya saya percaya, apa ini, saya masih apa ini, saya, tujuan saya ialah untuk mengubat diri saya.

**CHM** Ok, ok.

**MIRZA** Itulah, itu tujuan saya. Saya punya fokus saja, terlintas dalam diri saya dengan hati yang ikhlas ini ialah untuk mengubat diri saya. Itu ialah saya punya main prioriti saya.

**CHM** Ok. Alright. Ok. You have any questions?

**PM1** Ya. Terima kasih ya. Berat untuk saya. Ada dua soalan ya. Selain daripada, tadi digunakan istilah 'spiritual' tadi betul ya.

**MIRZA** Ya.

**PM1** I also seldom used that, I mean kita di Nusantara lah ya. Selain daripada, apa tadi, yang tuan jumpa ialah bomoh, ada dua bomoh.

**MIRZA** Bomoh, saya jumpa ustaz.

**PM1** You jumpa ustaz.

**MIRZA** Ya.

**PM1** Ada beza dia berdua?

**MIRZA** Macam mana?

**PM1** Ada beza antara bomoh dengan ustaz?

**MIRZA** Bomoh dengan ustaz?

**PM1** Ya. Ada beza?

**MIRZA** Bomoh ada dia mungkin menggunakan apa ini perkara-perkara yang tahayul.

**PM1** Tahayul? Lagi?

**MIRZA** Tahayul. Ok, ustaz dia menggunakan al-Quran.

**PM1** Ok. Kenapa tak pergi jumpa dengan bomoh?

**MIRZA** Saya tak percaya bomoh.

**PM1** Oh, you tak percaya bomoh? Kalau orang Iban punya bomoh lagi tak percaya?

**MIRZA** Saya tak percayalah. Saya –

**PM1** Tak percaya? Yang orang asli?

**MIRZA** Saya tak percaya.

**PM1** Tak percaya? Suka saya dengar jawapan itu. Sebab saya pun tak percaya.

**MIRZA** Saya tak percaya, saya tak percaya.

**PM1** Ustaz, percaya?

**MIRZA** Saya percaya.

**PM1** Tapi kan saya tertarik, antara bomoh dengan Pastor Joshua dan Pastor Raymond Koh, saudara lebih percaya dia berdua dan tidak merasa, you tidak percaya ataupun istilah 'yakin' tadi. Istilah 'yakin' ini sangat berat perkataan dia, ok. Jadi, saudara lebih nak pergi ke dua yang pasti akidah tuan memang saya rasa boleh persoalkan sekarang ya, sebab mensekutukan –

**CHM** Tuhan.

**PM1** Tuhan, Allah. That was, I think, ada disebutkan. Jelas tadi saudara mendengar itu ya. Disebut dengan lafaz yang kuat ya, sebab untuk didengar kan. 'In the name of the Father, the Son', ataupun kadang-kadang disebut 'Jesus Christus', dan 'Holy Spirit'. Saudara dengar kan? Jadi, ketika itu tidak terlintas dalam kepala tuan yang bahawa sebenarnya itu, tingkah laku itu sendiri sudah menyebabkan saudara tergelincir akidah?

**MIRZA** Tak. Tidak.

**PM1** Tidak ya?

**MIRZA** Tidak, tidak.

**PM1** Ok. Itu sajalah saya nak tahu satu, antara bomoh dengan itu, saudara lebih percaya Raymond Koh dengan itu untuk mengubat bandingan bomoh, kesian orang Iban, bomoh Iban, tak ada orang percaya. Saya pun tak percaya. Ok

**MIRZA** Saya, saya dulu, saya masa kecik dulu, ibu saya ada selalu, ada juga lah kalau adik-beradik dia sakit, mereka akan pergi kepada bomoh, apa ini, bomoh orang asli.

**PM1** Ok.

**MIRZA** Tapi, tapi masalahnya, benda ini dah dibuat berapa lama dah berubat, tapi tak –

**PM1** Ok, ok.

**MIRZA** Masalahnya –

**PM1** Tak menjadi.

**MIRZA** Tak jadi apa-apa.

**PM1** Ok, ok.

**MIRZA** Itu sebabnya, itu sebabnya –

**PM1** Dah tak percayalah?

**MIRZA** Tak percaya. Itu sebab dia.

**PM1** Ok, ok.

**MIRZA** Pasal dah ada dia punya –

**PM1** Validity dia itu dah tak –

**MIRZA** Ya, ya. Betul.

**PM1** Ok. Tapi Raymond Koh dengan itu, pertama kali terus percaya bahawa dia boleh mengubatlah? Maknanya, saudara yakin yang dia boleh ubat ketika itu?

**MIRZA** Saya, saya cubalah macam itu –

**PM1** Cuba.

**MIRZA** Saya cuba.

**PM1** Ok. Saya tertarik dengan exhibit tadi gambar baju kuning, saya pun tak ingat. I just want to verify. Yang, yang dua foto satu masa saudara dimandikan. Siapa nama? Si Joshua itu pakai baju kuning. Dan isteri dia pun pakai baju yang sama dengan baju yang bergambar dengan foto dengan famili. So, is it tarikh yang sama?

**MIRZA** Tarikh yang sama, betul.

**PM1** Ok, ok, kita tengok eh. Saya tertarik dengan foto itu. Mana foto? I cannot remember the exhibit. Ok. Baju kuning. Ok, kalau you enlarge this gambar. Is this tarikh yang sama berjumpa dengan you dengan famili you?

**MIRZA** Tak ada. Yang ini cuma saya dengan isteri saya.

**PM1** Oh, you dengan isteri you lah?

**MIRZA** Betul.

**PM1** Ok. Kalau you tengok baju kuning dengan this lady pakai baju, cuba kita tengok foto yang you dengan famili you. Yang mana eh? Yang dia bergambar dengan exhibit mana itu ya? Maknanya, Joshua Hilmy ini suka pakai baju kuning. Cuma saya tertarik saja. Bukan baju yang sama?

**CHM** Baju kuning.

**PM1** Baju kuning, dan baju isteri dia pun baju yang sama.

**MIRZA** Dia, dia pakai baju yang sama, tapi tarikh yang berbeza.

**PM1** Tarikh yang berbeza?

**MIRZA** Ya, betul.

**PM1** Hm. Ini mungkin baju baptisma kot. Dia ada uniform. Ingat ya, betul tarikhnya berbeza ya?

**MIRZA** Ya.

**CHM** Tarikh berbeza ya? Ada tarikh? Tak ada tarikh ya?

**PM1** Tak ada, ini tak ada tarikh. Sebab ini menarik, menarik perhatian saya sebab ingin, nak establish fakta tadi bahawa saudara mengatakan bahawa kebenaran kenyataan bahawa saudara datang untuk pertama hanya saudara seorang, eh, dengan isteri. Yang kedua seorang kan? Dan ini yang kali ketiga. Yang saya pula tertarik sebab saya ingat dia pakai baju yang sama, maka ini adalah perjumpaan yang pertama sekali. Tidak eh? Dengan famili.

**CHM** Mari kita tengok sekali baju Joshua ya. Ini kuning. Ok, kuning, kuning.

**PM1** Dia suka baju kuning.

**CHM** Ok, ok. Isteri, isteri warna, ok, tengok itu. Tengok gambar tadi pula. Tengok gambar tadi. Sama tak?

**MIRZA** Berbeza.

**CHM** Ya?

**MIRZA** Berbeza.

**PM2** Beza. Isteri is different colour.

**MIRZA** Berbeza.

**PM1** Ok, then it's a different one.

**CHM** Beza? Then, ok lah.

**PM1** But to me, almost similar kan.

**CHM** Itulah.

**PM2** En Iqbal, yang dalam 2015-16 selama kamu dah kenal dengan dua pastor ini, tak pernah kawan Melayu kamu ke atau ustaz-ustaz yang menegur kamu atau tanya, eh, kenapa kamu macam ini, pergi jumpa?

**MIRZA** Tak ada, tak ada, tak ada.

**PM2** Mereka tahu ke tidak tahu?

**MIRZA** Tak ada. Dia orang tak tahu.

**PM2** Mereka tak tahu satu?

**MIRZA** Tak tahu.

**PM2** So, tak ada orang yang ada kesangsian yang kamu dah –

**MIRZA** Tak ada, tak ada, memang tak ada.

**PM2** Tak ada ya?

**MIRZA** Tak ada.

**PM2** Tak ada telephone call dari siapa-siapa?

**MIRZA** Tak ada, tak ada siapa.

**PM2** Ya? Pihak polis pun tak pernah tegur kamu –

**MIRZA** Tak ada. Memang tak ada.

**PM2** Jabatan Agama? Yang masjid itu di kawasan kamu yang dulu kamu pergi minta tolong-tolong untuk –

**MIRZA** Tak ada, memang tak ada.

**PM2** Ustaz ke yang –

**MIRZA** Tak ada.

**PM2** Ya? Mereka tak, tak tanya?

**MIRZA** Tak ada.

**PM2** Tidak ada siapa-siapa pun yang ada apa-apa syak wasangka? Tahun 2015-16, lepas itu langsung –

**MIRZA** Tak ada apa-apa.

**PM2** Kamu sekarang masih lagi ada aktiviti dengan –

**MIRZA** Saya tak ada. Saya cuma ini, saya punya fokus 2019 dan 2020 hari itu, saya banyak, dari 2018 dah banyak fokus kepada mengajar saja. Saya mengajar di pusat tuisyen, di centre, di, dan home tuition saya mengajar.

**PM2** Kamu ada pusat tuisyen sendiri?

**MIRZA** Tak, tak, saya tak ada. Saya cuma banyak kenalan pusat tuisyen, banyak kenalan.

**PM2** Ok, thank you.

**CHM** Simon, when was the disappearance of Joshua? End, it's end of December kan?

**SK** End November. November 30th? 30.11.2016.

**CHM** 2016. So, witness met early 15?

**SK** January 2015.

**CHM** 15. Yang disappear itu end of 16?

**SK** 2016.

**CHM** Thank you. Thank you. If there's no further question, then the witness' testimony ends here, right.

**MFR** Dato' Seri, I have two final questions. En Iqbal, sepanjang En Iqbal berjumpa dengan Joshua Hilmy pada tahun 2015, En Iqbal kata tiga kali. Sepanjang itu ada bermalam di rumah Joshua Hilmy?

**MIRZA** Tiada.

**MFR** Tidak pernah. So tiga kali berjumpa di rumah, siapa selain daripada keluarga –

**MIRZA** Saya memang berjumpa dengan dia, saya cuma, saya ingat Joshua Hilmy saja.

**MFR** Joshua Hilmy sahaja?

**MIRZA** Ya, betul.

**MFR** Isterinya?

**MIRZA** Isteri dia ada, isteri dia ada.

**MFR** So total empat orang dalam satu rumah?

**MIRZA** Empat orang, betul.

**MFR** Bagaimana keadaan rumahnya?

**MIRZA** Rumah dia macam biasa saja. Tak ada apa-apa yang pelik, tengok rumah dia. Rumah dia macam tak ada, dalam keadaan yang baik sekali. Tak ada, tak ada apa-apalah.

**MFR** Soalan terakhir. Berkaitan dengan masalah kesihatan yang dihadapi, spiritual dan masalah kesihatan. Adakah perkara ini dalam makluman ahli keluarga En Iqbal?

**MIRZA** Memang makluman.

**MFR** Maksudnya adik-beradik.

**MIRZA** Saya lebih kepada saya punya, isteri saya, isteri sayalah. Dia tahulah apa keadaan saya.

**MFR** Boleh saya tahu ibubapa En Iqbal masih ada?

**MIRZA** Bapa saya dah meninggal.

**MFR** Pada tahun?

**MIRZA** Pada tahun 2014.

**MFR** Ibu?

**MIRZA** Ibu, masih ada lagi.

**MFR** Masih ada lagi. Adik-beradik En Iqbal ada berapa orang?

**MIRZA** Adik-beradik saya lima orang. Saya yang sulung.

**MFR** Masalah yang dihadapi ini memang tiada dalam pengetahuan –

**MIRZA** Dia tiada pengetahuan. Cuma saya dengan isteri saya. Pasal sebabnya kenapa, saya duduk di Kuala Lumpur ini, saya independent. Saya anak-beranak saja tinggal, empat orang saja. Kami tak adalah berhubung sangat dengan orang luarlah. Kami cuba selesaikan masalah kami sendiri. Itu saja.

**MFR** Kenapa En Iqbal kata orang luar?

**MIRZA** Tak, tak, orang luar macam mana?

**MFR** Saya maksudkan ahli keluarga.

**MIRZA** Ahli keluarga sayalah. Maksudnya ahli keluarga empat orang itulah.

**MFR** Adik-beradik tak berhubung?

**MIRZA** Tak, adik-beradik saya berhubung juga. Tapi cuma dalam telefon. Kadang-kadang pergi jumpa masa Hari Raya, balik.

**MFR** Tapi tak mengetahui masalah kesihatan?

**MIRZA** Tak, tak, tak.

**MFR** Kenapa tak dikongsi?

**MIRZA** Saya tak nak kongsi. Itu sajalah.

**MFR** Rawatan yang En Iqbal ambil bersama Pastor Joshua dengan Pastor Raymond, adakah di dalam pengetahuan ahli keluarga?

**MIRZA** Tidak.

**MFR** Itu saja.

**CHM** Thank you. Terima kasih. En Iqbal, dengan ini maka berakhirlah pemeriksaan kami terhadap En Iqbal. Kami ingin mengucapkan terima kasih atas kerjasama En Iqbal kepada inquiry ini. Terima kasih. You wish to make some application? No?

**SK** Sorry?

**[04:15PM]**

**CHM** You wish to make some application, no? Yes?

**SK** Application by... sorry.

**CHM** Yes.

**AK** Honourable Commission, I apologise. I seem to be making a lot –

**CHM** Tolong tutupkan pintu, pintu. Yes, Mr Khoo.

**AK** Seem to be making a lot of applications today. This is concerning –

**CHM** Your letter, is it?

**AK** The letter from the Bar requesting that the Commission call as witnesses two professors from the International Islamic University. One is Prof Shamrahayu. And another, I apologise, I cannot recall his name. But I think it's in the letter.

**CHM** In the letter, No.1 is Shamrahayu. No.2 is Prof Yazid.

**AK** Yes, Prof Yazid.

**CHM** Let me see. Nampak sini dua sahaja.

**AK** Yes, just the two. The reason we have made this request –

**CHM** Dua sahaja? Not tiga?

**AK** Two, only two. So just to further explain, the reason why we have suggested that these witnesses be called is that both of them participated a few months ago in a webinar in which the issue of extremism and especially extremism from an Islamic perspective was discussed. And both professors expressed an opinion during that webinar that changes in the law were required in order to make sure that enforced disappearances didn't happen anymore in Malaysia. And one of the reasons for that was because there was a thinking and this was where the comment was interesting. There was a view that based on current interpretation of the law, enforced disappearance in the

name of national security could be justified. And I wanted the Commission to have an opportunity to hear from both professors directly and to see whether they wanted to develop this idea. Because under the terms of reference of this inquiry, it also includes recommendations and I thought one of the recommendations if valid was to look at law reform, to see whether or not this avenue did need to be looked into. And so rather than take it from me or from the submissions of Bar which would have been more hearsay, I think, we felt that it would be helpful to the inquiry if both professors were invited to appear before the Commission, before this panel of inquiry as witnesses to be able to discuss this issue at further length. Thank you, Honourable Commissioners.

**PM2** Andrew, you are not suggesting that any of the Bar submission is hearsay, right?

**AK** No, I wouldn't want it to be said that we put in a submission saying that so and so said this without appearing before the Commission itself.

**CHM** Why is it that it comes from you, Mr Khoo? If an opinion comes from you that we can't take cognisance. That we have to –

**AK** All I said, as I said, Honourable Commissioners, I just thought that it might be a good idea for the two professors themselves to be able to appear in person, to be able to engage with the panel of inquiry on this issue so that there could be further engagement, discussion, you know, so that this issue could be more fully, more comprehensively ventilated. And then it would form part of the record of this inquiry.

**CHM** Ok. Yes, but we don't have material on the background, the academic background, kan. We don't have any material. Just a letter from you, is it?

**AK** Yes.

**CHM** A letter mentioning their names and their position. Professor, which university?

**AK** I believe both are currently attached to International Islamic University.

**CHM** Shamrahayu, UIA ya?

**AK** Ya.

**CHM** Ok. Any views from other observers on the, well, it got to be relevance lah, relevance, kan. Yes.

**ADY** Yang Arif, on my part, just to be put into record that we don't have objection on this request. It's academic. But we need to be careful in whatever decision that we make that these are only merely opinions which have nothing to do with the facts of this case as well as the disappearance of Pastor Joshua and the wife. So just to put, we need to be careful on the witnesses that going to be called. Thank you, Yang Arif.

**CHM** Yes. The inquiry, I think are more interested in facts.

**ADY** Yes.

**CHM** Getting solid evidence and facts and making inferences, whatever you can make from those facts. Yes, Philip.

**PK** Thank you. I think Andrew Khoo's request is a legitimate one.

**CHM** Yes?

**PK** A legitimate and valid request more so, maybe not immediately, maybe towards the closing, before we close to our submission, these two would be evidence of public intellectual discourse in relationship to an issue which has created concern in the public arena. And here we have Islamic scholars in public intellectual arena giving a view as to the enforced disappearance. It is not binding, of course, at the end. It's similar to expert testimony before Yang Arif when you were discharging your judicial duty. It is for the panel finally to assess the cogency,

validity, and as Mr Andrew Khoo ably pointed out, the recommendation is to whether Malaysia should now be a signatory to the covenant of enforced disappearance and make municipal local law to reflect the same. Perhaps these two academicians could help shed light on the discussion that is held in international circle. And being from an Islamic institution, it's interesting. Perhaps they can even shed light that there could be other countries though there could be Islamic countries having adopted such covenants. That would be of interest, I think for Malaysia. In that sense, not so much on the factual of course. They are not here to assist on the facts. But on the discourse concerning enforced disappearance. That would be relevant. And it should not be to burdensome. I think if they produce their paper, they discuss on the day, confirm it, highlight certain paragraphs, then if police would like to question because they are concerned about it being misinterpreted, that's fine. So I support the inclusion of this testimony in a short session that they could tender their views. Thank you.

**CHM** Mr Khoo, have you ever spoken to them and enquire hypothetically in the event this panel were to summon them, would they be willing to appear? Have you enquired informally?

**AK** The short answer to that, Honourable Commissioner, is no because I did not want to, it's a pre-empt anything on their part. But I did speak to Prof Yazid about following up on some of his ideas but that was maybe through a Bar Council seminar or something like that. I did not at all raise the issue of them appearing before the Commission.

**CHM** Thank you, Mr Khoo. But it's very difficult for us to make a decision unless we have more substance, kan. You have to make a justification, kan. Not just getting know that so and so ini, ini, ini in a particular seminar. Dia bagi pendapat macam ini, macam ini, and, you know. Then we have something to fall back on to make a decision. At the moment susahlah nak buat decision, kan. With just a letter, kan. One liner, two liner macam ini kan.

**AK** If Honourable Commissioners are happy to view the entire contents of the webinar –

**CHM** No, no, no, you are putting a burden on us nak baca. Just you know, I mean, help us, you help us.

**AK** But that is the basis, Honourable Commissioners. It is the comments that were made during the presentation –

**CHM** You can sum up, you can sum up what are the comments, the points, kan. And then, you know, highlight that these are pertinent points, kan. That would help us and the Commission, something like that.

**AK** Certainly. I'll be more than happy to do that.

**CHM** Yes. The keyword is relevance. Relevance.

**AK** Yes. As I've tried to say in my very short summary, those were the things that they did mention. About the possibility that, you know, to certain extent, you know, some people in this country, from an Islamic perspective would see that a threat to Islam was a threat to national security and could indeed justify enforced disappearances. That was the general idea that was floated. So that is the reason why I thought it might be an opportune occasion in which they could be invited to, as I said, ventilate this more extensively.

**CHM** We don't make a decision today lah kan. But can you –

**AK** Yes, certainly.

**CHM** Elaborate a bit more lah kan, yes? Anything else.

**SK** That's all, panel members. That's all for today. We'll resume tomorrow at –

**PK** Mr Chairman, sorry, can I interrupt for a short while? If you said that's all for today, can I just ask for some housekeeping? Is Fadzlina here today? She's not today? She's scheduled for?

**SK** Scheduled today. But she's not –

**PM2** Maybe can speak in the mic.

**SK** She is scheduled today for the afternoon session but since the session with the earlier witness dragged so she's not here.

**PK** I'm a bit concerned because they are husband and wife. And they would be exchanging views. There were questions which I kept, I could have asked him, but I thought it's better to ask her. Now that it is somehow it's done without our, I mean not that we have the consent but at least we understand the process, it's too late now. I mean they are gone, so be it lah. So we leave with that. The other short housekeeping that I just seek some clarification, Mr Chairman. I understand that because of the CCMO, there is a Zoom link for open public to enter. That's correct? Obviously if they were to come to the room, it's limited. But with the Zoom link, I'm not saying there will be hundreds of people but apparently there are some people who are not allowed to enter because they said unauthorised so which is curious because if it is an open hearing, obviously it's subject to physical ability. But in electronic platform, as much as Zoom could take, they could be allowed to access to, if a public hearing. That's the essence of SUHAKAM hearing. Could we seek some clarification on that, so that perhaps if public could access it, those who are unable to come but are vitally interested in the course of this discussion. Thank you.

**SK** Response to that. We've made this Zoom link available because this is a public inquiry. And of course, for this public should have access to the hearing. So, we'll sort this out with the person –

**CHM** Yang unauthorised, macam mana boleh berlaku.

**PK** There are a number of people who tried with the link and then they said that they are unauthorised. So, that should not be disallowed.

**PM2** Maybe share the procedure, anyone who is interested should register, right?

**SK** Yes, just register then we provide the link.

**PM2** There is a procedure. So that should be made –

**PK** No, register means do they just go in, put the password or do they have to write in –

**SK** Maybe because today is the first day we are trying this. Maybe we will -

**PK** I understand. It's just that for tomorrow, if it is open, obviously there's a limit to the Zoom platform. I understand. So first come first serve. Kalau ada hundred, then we cannot carry anymore, I understand. But if there are people who are willing, because there also people who make the journey to come but because it's CMO, they can't. They would like to, perhaps even Rentas, is it, the Indonesian group, the human rights –

**PM2** Kontras.

**PK** Kontras. They could be told, and they would be vitally interested.

**SK** They are following.

**PK** They are following? Thank you so much. I don't mean to interrupt, Simon.

**SK** So we'll sort that out.

**PK** Thank you.

**CHM** Ok. You'll sort it out, Simon. Thank you. Itu sahaja ya?

**[04:30PM]**

**SK** Itu sahaja. So, kita akan sambung semula esok jam –

**CHM** Tomorrow at 10:00AM.

**SK** 10:00AM, ya.

**CHM** Tomorrow at 10:00AM.

**SK** We have scheduled DCP Awaluddin. So my proposal is to –

**ADY** How many witness we have tomorrow?

**SK** The proposal is to proceeding DCP Awaluddin the morning session and Fadzlina afternoon session.

**ADY** Yang Arif, dengan izin, Yang Arif, can we start little bit early in that case? 09:30AM, is it possible, Yang Arif?

**CHM** Tomorrow?

**ADY** Yes.

**CHM** Ok, no problem.

**ADY** Since we have two tomorrow.

**PM2** Thank you, SAC. So, Simon, maybe the second witness should be on standby already late part in the morning. In case we finish with Tn Awaluddin and then we can continue.

**CHM** Ok. Session is adjourned. Thank you, gentlemen.

**JRB** Bangun.

**END**

**TIME** : **04:31PM**